

**ANALISIS PEMIKIRAN MAHATHIR MOHAMAD  
MENGENAI ISLAM DAN PELAKSANAAN DASARNYA  
DALAM NEGARA MALAYSIA**

ZULFA JAMALIE

DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
MEI 2011

**ANALISIS PEMIKIRAN MAHATHIR MOHAMAD  
MENGENAI ISLAM DAN PELAKSANAAN DASARNYA  
DALAM NEGARA MALAYSIA**

ZULFA JAMALIE

TESIS YANG DIKEMUKAKAN KEPADA KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN  
DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2011

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 5 Mei 2011

Tandatangan:

Nama: Zulfa Jamalie  
No. Matrik: 90837/A061

## **KEBENARAN MENGGUNA**

Penyerahan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Pascasiswajah dan Penyelidikan Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah tidak dibenarkan sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan/ komersial, kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Penyelidikan dan Pascasiswajah  
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia 06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman

## PENGHARGAAN

Keberkatan dimulai dengan *Bismillah* dan nikmat bertambah dengan *Alhamdulillah*. Oleh itu, bermula dengan *Bismillah*, tiada apa yang boleh diharap selain daripada kasih dan sayang Allah SWT, satu-satunya zat yang wajib disembah yang paling kasih dan paling penyayang kepada semua makhluk-Nya. *Alhamdulillah*, puji dan syukur saya panjatkan atas segala rahmat dan karunia Allah yang tak pernah putus memberi nikmat dan mencurahkan rahmat-Nya. Kerana, tesis yang bertajuk 'Analisis Pemikiran Mahathir Mohamad Mengenai Islam dan Pelaksanaan Dasarnya dalam Negara Malaysia' yang dikemukakan kepada Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa UUM, sebagai bahagian daripada keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah ini dapat diselesaikan dengan segala dinamika yang mengitarinya.

Apabila tesis ini telah berjaya diselesaikan, saya pun boleh merasakan bagaimana selesanya fikiran dan jiwa. Namun, tentu sahaja seiring dengan perasaan gembira tersebut, saya tak lupa bahawa kejayaan ini bukanlah kejayaan saya sendiri sahaja, tetapi kejayaan semua orang yang telah membantu dan memberi sokongan kepada saya. Rasanya, andil dan bantuan mereka terhadap kejayaan yang diraih ini lebih besar daripada kerja yang telah saya lakukan. Karenanya, melalui ruang yang terbatas ini saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tulus kepada mereka semua yang telah menyokong saya; Prof. Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz (penyelia, pengarah IPDM dan Profesor Sosiologi Pembangunan di Colgis), Geran Penyelidikan IPDM Kelab Warisan Malaysia (KERIS) yang telah memberikan bantuan bernilai RM 7,500.00, Gabenor

Kalimantan Selatan yang menyokong pengajian doktor dengan program ‘Bantuan Gabenor’, Pimpinan IAIN Antasari Banjarmasin, dan rakan-rakan Mahasiswa Indonesia di UUM, utamanya JDalle, Ph.D., yang telah banyak sangat membantu, sehingga saya boleh berjaya.

Saya merasa amat bertuah, kerana di kampus UUM inilah saya berkesempatan untuk bertemu dan mengenal banyak kawan yang berasal dari pelbagai macam suku bangsa (etnik) dan budayanya. Tidak hanya kawan-kawan yang berasal dari Indonesia; Jawa, Aceh, Padang, Palembang, Gorontalo, dan Makasar, tetapi saya boleh pula mengamati kawan-kawan yang berasal dari negara Yaman, Palestin, Jordan, Moroko dan Libya. Atau pula mereka yang berasal dari Algeria, Nigeria, China, Kazakastan, Pakistan, Bangladesh, India, Thailand, Vietnam, dan lain-lain. Kenyataan ini semakin menambah wawasan dan pemahaman saya terhadap kebenaran ayat al-Quran yang bermakna: *“Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mengenal”* (QS. al-Hujuraat: 13).

Akhirnya, dengan mengharap ridha Allah, sekali lagi saya berharap dan berdoa agar tesis ini boleh memberi faedah kepada sesiapa sahaja yang membacanya dan menghargai sebuah karya tulis bagaimanapun sederhananya, khasnya untuk diri saya sendiri dalam mewujudkan Ilmu Budi Bakti.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan meneroka gagasan Mahathir Mohamad mengenai Islam dan Kenegaraan; pandangan Mahathir terhadap Islam dan isu-isu kenegaraan moden; dan pandangan Mahathir terhadap hubungan antara Islam dan kenegaraan.

Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah pendekatan deskriptif analitis dalam bentuk kajian tokoh, iaitu pengkajian secara sistematis terhadap pemikiran atau gagasan seorang pemikir sama ada keseluruhan atau sebahagian. Fokus kajian adalah pemikiran Mahathir tentang Islam dan Kenegaraan. Sumber data utama adalah semua karya tulis Mahathir yang relevan dengan persoalan kajian, ucapan-ucapan yang disampaikan dalam pelbagai forum, dan disokong oleh tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh para sarjana. Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan melalui tiga tahap, iaitu tahap pengenalan, tahap eksplorasi, dan tahap kajian terfokus. Analisis yang digunakan adalah analisis kandungan, iaitu pembahasan mendalam terhadap kandungan suatu maklumat bertulis atau bercetak; komparatif ialah analisis yang dikonsentrasikan pada deskripsi rinci tentang karakteristik data yang dikumpulkan; pensejarahan ialah usaha memetik dan mengkritik sebarang pendapat dan nilai yang terhasil daripada peristiwa sejarah yang dipilih; dan fenomenologi ialah analisis dengan cara merujuk langsung kepada bahan bacaan yang dihasilkan oleh tokoh terselidik. Implementasi dari analisis dimulai dengan melakukan telaah dan pencatatan berbagai hal penting yang dilakukan oleh Mahathir, kemudian dibuatkan catatan tentang kehidupan Mahathir. Selanjutnya, dilakukan identifikasi konsep-konsep dengan membuat soalan-soalan tentang berbagai sisi kehidupan Mahathir. Bermula dari sini kemudian diformulasikan pemikiran atau pandangan Mahathir terhadap Islam dan kenegaraan sehingga dapat ditemukan model dan karakteristik pemikiran Mahathir berkenaan dengan Islam dan kenegaraan.

Dapatan kajian, pertama Islam dalam pandangan Mahathir adalah agama yang sempurna yang bersifat dinamik dan menghendaki kemajuan; agama yang rasional; agama keamanan dan fleksibel; agama yang, sederhana dan bertoleransi. Oleh itu, Islam mesti difahami secara rasional, kritikal dan ditafsirkan semula berpandukan kepada al-Quran dan hadis dengan berteraskan kepada *reason*, *argument* dan *logic* yang dipanggil sebagai 'Islam Mahathir'.

Kedua, dalam pandangan Mahathir, pelbagai fahaman dan konsep berkait dengan masalah kenegaraan yang datang dari Barat, antaranya demokrasi, sekularisme, masyarakat majmuk ataupun terorisme tidak mesti diterima mahupun ditolak secara membuta tuli. Perkara yang mesti dilakukan adalah menelaah dan menyaring kembali fahaman-fahaman tersebut, perkara yang tidak baik dan tidak sesuai mesti diketepikan dan perkara yang baik dan selaras boleh diikuti.

Ketiga, Islam dan negara adalah satu perkara yang berkait erat dan tidak boleh dipisahkan. Kerana, agamalah yang yang membawa manusia ke arah kehidupan yang lebih seimbang. Agama jugalah yang memberikan petunjuk sebenar dan dorongan paling kuat ke arah mencapai kehidupan yang lebih baik dan bermakna. Oleh itu, Islam yang berisikan nilai-nilai moral yang tinggi untuk mengatur kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara boleh diserap dan menjadi dasar dalam pentadbiran negara.

## ABSTRACT

This study aims to determine and explore the ideas on the Islamic Mahathir; Mahathir's views on Islam and issues of modern statehood; and Mahathir's views on the relationship between Islam and nationalism.

The methodology used in this research is descriptive analytical approaches in the form of character study, a systematic study of the thought or idea of a thinker either wholly or in part. The study focused on Mahathir's mind about Islam and statehood. The main data sources are all relevant papers Mahathir with research questions, delivered speeches in various forums, and supported by the writings produced by the scholars. The procedures for data collection in this study was done in three stages, namely the identification, exploration, and the study focused. The analysis used content analysis, comparative, historiography and phenomenology. Content analysis is discussed in depth the content of a written or printed information in books, newspaper, journals or manuscripts; the comparative analysis of the analysis is concentrated on a detailed description of the characteristics of data collected before trying to answer the question theoretic more common; analytical historiography is that of picking and criticizing any opinions and values resulting from the selected historical events; and the phenomenological analysis is the analysis by means of a direct references to the literature produced by the figures being investigated. Implementation of the analysis begins by analyzing and recording the important things done by Mahathir, and then made notes about the life of Mahathir. Furthermore, the concepts identified by a variety of questions about the life of Mahathir. From here then formulated thought or opinion Mahathir against Islam and nationalism in order to find the model and the characteristics of Mahathir's thinking with respect to Islam and nationalism.

Findings of this study, the first Muslim in the eyes of Mahathir is the perfect religion that is dynamic and requires improvement, a rational religion, the religion of peace and flexible religion, simple and tolerance. Therefore, Islam must be understood in a rational, critical and re-interpreted according to the Quran and Hadith with, based upon reason, argument and logic is called an 'Islam Mahathir'.

Second, in view of Mahathir, a variety of beliefs and concepts related to the problems of governance that came from the West, including democracy, secularism, pluralistic society, or of terrorism are not to be accepted or rejected blindly. Things must be done is to assess and filter back faiths, the case is not good and is not suitable to be set aside and the good and the line can be followed.

Third, Islam and the State is a matter closely related and inseparable. Because, religion the leading man towards a more balanced life. Religion was also a real guides and most powerful impetus to achieving a better life and meaning. Thus, Islam is filled with moral values to set high society, nation and state can be absorbed and become the basis of the national administration.



## KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN .....	iii
KEBENARAN PENGGUNA .....	iv
PENGHARGAAN .....	v
ABSTRAK .....	vii
<i>ABSTRACT</i> .....	viii
KANDUNGAN .....	ix
SENARAI JADUAL .....	xiii
SENARAI LAMPIRAN .....	xiv
 <b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian .....	1
1.2 Permasalahan Kajian .....	11
1.3 Objektif Kajian .....	18
1.4 Soalan Kajian .....	19
1.5 Kepentingan Kajian .....	22
1.6 Penyusunan Bab Kajian .....	23
1.7 Penutup .....	24
 <b>BAB 2 ULASAN KARYA</b>	
2.1 Pengenalan .....	27
2.2 Penjelasan Konsep .....	28

2.3	Gerakan Pemikiran Islam .....	35
2.4	Tipologi Gerakan Pemikiran Islam .....	38
	2.4.1 Revivalisme Pra-Modenis .....	39
	2.4.2 Modernisme Klasik .....	40
	2.4.3 Neo Revivalisme .....	41
	2.4.4 Neo Modernisme .....	41
2.5	Pemikiran Tentang Islam dan Kenegaraan .....	46
	2.5.1 Perhubungan Islam dan Negara .....	46
	2.5.1.1 Paradigma Integral .....	48
	2.5.1.2 Paradigma Sekularistik .....	55
	2.5.1.3 Paradigma Simbiotik .....	60
2.6	Rumusan .....	76
 <b>BAB 3 METOD KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan .....	78
3.2	Jenis Kajian .....	79
3.3	Metode Kajian .....	82
3.4	Pengumpulan dan Sumber Data .....	83
3.5	Prosedur Kajian .....	88
3.6	Analisis Data .....	89
3.7	Rumusan .....	93

<b>BAB 4</b>	<b>GAGASAN PEMIKIRAN KEISLAMAN</b>	
4.1	Pengenalan .....	95
4.2	Gagasan dan Pemikiran Mengenai Islam.....	95
	4.2.1 Islam Cara Hidup yang Sempurna .....	96
	4.2.2 Pembaharuan Pemikiran Islam .....	116
	4.2.3 Hukum Islam ( <i>Syariah</i> ) .....	132
	4.2.4 Seruan Kepada Islam ( <i>Dakwah</i> ) .....	138
4.3	Rumusan .....	142
<b>BAB 5</b>	<b>ISLAM DAN ISU-ISU KENEGARAAN SEMASA</b>	
5.1	Pengenalan .....	145
5.2	Islam dan Demokrasi .....	146
5.3	Islam dan Sekularisme .....	151
5.4	Islam dan Masyarakat Majmuk .....	155
5.5	Islam dan Penganas .....	161
5.6	Rumusan .....	166
<b>BAB 6</b>	<b>PERHUBUNGAN ISLAM DAN NEGARA</b>	
6.1	Pengenalan .....	168
6.2	Islam dan Pembangunan Negara .....	168
6.3	Perhubungan Islam dan Negara .....	179
6.4	Rumusan .....	192

<b>BAB 7</b>	<b>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	
7.1	Pengenalan .....	196
7.2	Gagasan Pemikiran Kelslaman.....	200
7.3	Pandangan Terhadap Islam dan Isu-isu Kenegaraan .....	262
7.4	Pandangan Terhadap Perhubungan Islam dan Negara .....	281
7.5	Rumusan .....	309
<b>BAB 8</b>	<b>KESIMPULAN</b> .....	317
<b>BIBLIOGRAFI</b> .....		325
<b>LAMPIRAN</b> .....		336

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
2.1	Tipologi Gerakan Kebangkitan Islam Berbasis Ideologi	40
2.2	Konsep Abu al-A'la al-Maududi tentang Pemerintahan	47
2.3	Konsep Ali Abd al-Raziq tentang Pemerintahan	52
2.4	Hubungan Islam dan Negara	69
7.1	Perbandingan Pemikiran Mahathir Mengenai Kebangkitan Islam	230
7.2	Perbandingan Pemikiran Mahathir Mengenai Gagasan Pembaharuan Islam	235
7.3	Ciri-ciri Pemikiran Islam Liberal Berbanding Modenisme Islam dan Gagasan Pemikiran Mahathir	254
7.4	Kebijakan Islamisasi Pemerintahan Mahathir, 1978-1988	285

## SENARAI LAMPIRAN

<b>No.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
1	Wawasan 2020	336
2	Kempen Bersih, Cekap dan amanah	340
3	Kempen Kepimpinan Melalui Tauladan	343
4	Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran	349
5	Surat Kebenaran Merujuk Maklumat Penyelidikan	355

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Islam dan Melayu bagi rakyat Malaysia adalah dua perkara penting yang harus dijaga oleh siapa sahaja, termasuk mereka yang menjadi pemimpin negeri ini. Tanpa perhatian yang besar terhadap Islam, mustahil mereka akan berjaya dan mendapat sokongan yang luas dari rakyat Malaysia. Oleh kerana, Islam dan identiti kebangsaan serta politik Melayu telah lama saling berintegrasi, seperti terdeskripsi dalam keyakinan umum bahawa orang Melayu mestilah beragama Islam (Esposito & Voll, 1999: 165; Shamsul, 2001: 278). Konsep hubungan yang integral Melayu dan Islam ini nampak pada Perkara 160 Perlembagaan Malaysia. “Melayu ertinya seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu dan menurut adat-istiadat Melayu”. Maknanya, orang Melayu harus memiliki ketiga unsur tersebut, iaitu mengakui Islam sebagai agamanya, terbiasa berbicara dengan bahasa Melayu dan menyesuaikan diri dengan adat-istiadat Melayu (Esposito & Voll, 1999: 167). Apabila ketiga unsur tersebut tidak terpenuhi, maka dia belum lagi disebut sebagai orang Melayu.

Dalam masyarakat Melayu sendiri memang terdapat suatu persepsi yang terintegrasi mengenai agama, nilai-nilai tradisional, serta kehidupan desa dan keluarga. Sukar bagi orang Melayu untuk memisahkan Islam dari semuanya ini (Mehden, 1986). Islam menjadi unsur identiti dan kebudayaan Melayu, memberikan kesedaran tentang agama, nilai-nilai tradisional, kehidupan perdesaan dan kehidupan keluarga secara bersepadu (Esposito & Voll, 1999: 166). Kerana, Islam merupakan teras utama pandangan alam dan kosmologi Melayu (Hairuddin Harun, 2001: 47).

Mengikut Shamsul (2001: 279), Islam menjadi tiang utama identiti Melayu semakin kuat muncul sebagai konsekuensi dari berkembangnya pelbagai gerakan dakwah atau gerakan 'revivalis Islam' di Malaysia pada 1970-an. Melalui elit penguasa dan parti politik (UMNO), kerajaan kemudian menguatkan respons kepada gerakan dakwah tersebut yang berterusan dengan semakin meningkatnya perhatian dan penerimaan negara terhadap Islam dan strategi pengIslamannya. Respons dan pembaharuan yang wujud dalam tahun 1970-an, 1980-an dan 1990-an hinggalah tahun 2000 dalam sistem pentadbiran dan perundangan, pendidikan, ekonomi dan budaya ke arah Islam sebagai *al-Din* di Malaysia adalah implikasi daripada kebangkitan Islam yang berlaku dalam tempoh tersebut (Mohd. Jamil Mukmin, 2009).

Salah seorang ikon Malaysia yang mampu menjadikan Islam sebagai dasar legasi kepimpinan dan teras utama dalam pentadbirannya (Pandian, 2005: 167; Khoo, 1995: 7) dan berjaya mengalirkan negara Malaysia ke arah perubahan yang mendasar dan berkesan, kehidupan masyarakat dalam kemodenan, kemajuan, dan kesejahteraan adalah Tun Dr. Mahathir Mohamad,



Perdana Menteri Malaysia keempat (1981-2003). Bahkan, ketekalan kepemimpinan Mahathir telah membuat Islam menjadi kekuatan yang lebih disegani di dalam politik Malaysia (Hussin Mutalib, 1995: 185).

Di bawah kepemimpinannya, Malaysia telah naik peringkat menjadi negara maju dan di bawah pentadbirannya negara telah melalui suatu proses transformasi yang tidak pernah digambarkan sebelumnya. Justru, wajar apabila Mahathir disanjung sebagai seorang pemimpin yang besar, pemikir dan revolusioner (Mohd. Yosri, 2002).

Pandangan lain menyatakan bahawa Mahathir adalah seorang negarawan, tokoh politik, dan pemimpin antarabangsa yang sangat terkenal dengan idea-ideanya yang bernas, kontroversi dan tegas dalam pemikiran. Keberaniannya membidas kuasa-kuasa besar dan membela nasib dunia ketiga serta menjalin hubungan politik dan ekonomi dengan negara-negara luar tanpa mengira ideologi dan dasar politik menjadi satu daripada ciri kepemimpinannya di peringkat antarabangsa (Ramlah Adam, 2004: 1); Mahathir adalah seorang pemikir yang pemikirannya telah dihalusi untuk dijadikan sebagai agenda pembangunan Islam Malaysia (Ismail Ibrahim, 2002); Mahathir adalah salah seorang dari tiga tokoh intelektual, pemikir dan pengarang yang mempunyai falsafah, pemikiran dan keintelektualisme yang tinggi dan menghasilkan pemikiran yang bernas dan tuntas dalam sejarah kehidupan orang-orang Melayu, selain dari Munshi Abdullah (1796-1854) dan Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba (1895-1973) (Mohd. Yusof Hasan, 2008: 33).

Mengikut Abdul Mua'ti Zamri (2007: 361), dalam kajiannya bertajuk *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*, menyimpulkan bahawa Mahathir adalah seorang yang mempunyai pemikiran yang jelas, tersusun dan terfokus berdasarkan ketekalan dan cara isu-isu yang dirangka dan dibentangkannya dalam ucapan saban tahun di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO. Dalam bidang agama, Mahathir dipandang sebagai seorang pemikir yang tegas dan berani mengulas persoalan-persoalan keislaman dengan menggunakan logik akal, sehingga terkadang mengundang reaksi balas dan kritikan dari sebahagian ulama. Umpamanya, Mahathir sering mendakwa bahawa kemunduran umat Islam sedunia termasuk orang Melayu Islam di Malaysia adalah kerana salah tafsir akan ajaran Islam, sehingga menjadi penghalang kepada kemodenan.

Menurut Zainah Anwar (2002: 96), Mahathir adalah seorang yang selalu bersikap kritis terhadap kelompok Islam tradisional dan memaparkan dirinya sebagai pemimpin moden yang mempunyai komitmen terhadap pengembangan Islam progresif yang mampu menghadapi cabaran dunia yang makin kompetitif, terindustrialisasi dan mengalami globalisasi. Siddiq Fadzil secara peribadi mengakui bahawa Mahathir jauh lebih mempunyai komitmen kepada Islam berbanding pendahulunya (dalam Hussin Mutalib, 1995: 121; Abdul Rahman, 1997: 281).

Mahathir adalah seorang pemikir-intelektual dan ini boleh dilihat daripada penulisan beliau sehingga kini; Mahathir adalah satu-satunya pemikir dan pemimpin yang muncul dengan idea beliau untuk membangunkan bangsa

Melayu dalam bentuk penulisan<sup>1</sup> yang komprehensif (Pandian, 2005: 33). Sedikit dijumpai seorang tokoh pemikir Islam sekaligus menjadi pemimpin pemerintahan atau negarawan, dan Mahathir adalah salah seorang di antaranya (Rahimin Affandi, 2003).

Walaupun Mahathir tidak mendapatkan pendidikan asas dalam pengkhususan agama di Timur Tengah sepertimana tokoh ulama biasa, tetapi banyak dari idea-idea tajdid yang dibawakannya adalah setanding dengan lulusan Timur Tengah sendiri (Rahimin Affandi, 2005); Mahathir telah berjaya atau sekurang-kurangnya hampir berjaya merubah dan membentuk semula pandangan alam Islam sebahagian besar orang Melayu (Hairudin Harun, 2001: 50); kepimpinan Mahathir berjaya memanfaatkan kekuasaan negara untuk melaksanakan ketentuan-ketentuan al-Quran dan Hadis dalam kehidupan kaum Muslim (Esposito & Voll (1996: 165); Proses Islamisasi Mahathir ('Islam Mahathir') telah memainkan peranan dalam merangka dan melaksanakan sesuatu dasar dan seterusnya menjadi tonggak legitimasi politik yang sedia ada (Pandian, 2005: 167); Pemikiran kelslaman Mahathir terkadang mengundang reaksi balas dan kritikan dari sebahagian ulama (Zamri, 2005: 361).

Di sebalik pujian dan pengakuan atas gagasan-gagasan kelslaman Mahathir dalam hal penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan bernegara, banyak pula yang mengkritik dan membidasnya. Antaranya PAS yang

---

<sup>1</sup>Sedikit sekali ditemui seorang pemimpin, negawaran sekaligus seorang pemikir, terlebih aktiviti yang produktif dalam menghasilkan karya-karya tulis, dan Mahathir adalah salah seorang di antara yang sedikit itu. Antaranya karya tulis Mahathir dalam bentuk buku yang popular ialah *The Malay Dilemma* (Dilema Melayu), diterbitkan tahun 1970 dan *The Challenge* (Cabaran), diterbitkan tahun 1976. Mengikut Abdullah Ahmad (2009: 22), semua karya tulis Mahathir merupakan wujud dari kemahiran dan kemampuannya dalam menulis.

beranggapan bahawa pelbagai dasar dan program Islamisasi yang telah dijalankan oleh pemerintahan Mahathir sebagai 'Islamisasi Kosmetik' sahaja, iaitu suatu usaha serampangan untuk membina Islam dari kepingan-kepingan dan potongan-potongan dan dilakukan untuk membendung dan melambatkan pergerakan ke arah sebuah masyarakat yang lebih Islami (dalam Zainah Anwar, 2002: 83). Dalam ertikata lain, usaha penerapan nilai-nilai Islam yang dibuat tersebut hanyalah sebagai program tempelan semata-mata, pragmatik dan liberal (Norhayati, 1996: 138). Mengikut Dinsman (1999), Mahathir adalah seorang yang tidak konsisten dengan kata-kata yang diucapkannya; dia yang bercakap agama jangan dicampurkan dengan politik, tetapi dia pula yang bercakap pasal agama padahal dia orang politik dan mencampur-adukkan politik dengan agama.

Dalam pandangan Nik Abdul Aziz (Mursyidul Am PAS), Mahathir tetaplah seorang pemikir yang sekular dan lebih mementingkan sistem serta pelaksanaan praktik-praktik pemerintahan sekular dalam pentadbirannya (dalam Annual Bakri & Kamarul Zaman, 2001). Mahathir adalah seorang yang terlalu mengutamakan ekonomi atau material (Dinsman, 1999: 42). Dalam pandangan Haron Din (2001), Mahathir adalah seorang yang mengutamakan akal dan lebih banyak berpegang kepada pemikiran seperti halnya golongan Muktazilah. Pada pemikirannya, kononnya ia rasional, jika ia tidak sesuai dengan agama, maka ia kena buang, jadi akal tertegak.

Mengikut Abdul Rahman (1997: 184), Mahathir adalah seorang pemikir dan penganut fahaman sekularisme, kapitalisme, relativisme, liberalisme dan menolak konsep pentarafan ilmu. Selari dengan Rumaizuddin Ghazali (2005, 2007) yang mengelompokkan Mahathir sebagai seorang pemikir liberal, kerana

Mahathir sering meluahkan tema-tema yang menjadi ciri dan bentuk Islam liberal, antaranya tema tentang penilaian semula terhadap demokrasi, penafsiran semula al-Quran dan Islam, gagasan-gagasan tentang kemodenan menurut Islam dan hak-hak tentang wanita.

Ada pula yang meragukan komitmen Mahathir terhadap Islam dan balik mempersoalkan; Benarkah Mahathir sebagai pembela dan memiliki komitmen terhadap Islam? Benarkah Mahathir hendak mewujudkan Islam dalam kenegaraan? Islam yang bagaimana yang hendak diwujudkan oleh Mahathir (Annual Bakri & Kamarul Zaman, 2001). Kelompok yang lebih keras malah mendakwa Mahathir sebagai seorang yang 'jahil agama' dan sebagai seorang 'pemimpin yang tiran'.

Mengikut pandangan Mahathir, Islam bukan hanya ibadah *an sich* sahaja, atau diertikan dengan mampu menjelaskan Hadis, mampu memberikan petunjuk ibadah praktis atau mengulang-ulang membaca ayat-ayat al-Quran. Islam bererti juga adalah kemampuan untuk menjelaskan ajaran dan mengamalkannya, meletakkan dalam konsep-konsep yang jernih dan dinamik di dalam masyarakat kontemporari yang sedang dan terus berkembang. Islam juga telah memberikan nilai dan dasar-dasar penting bagi setiap orang pemimpin untuk menjalankan roda pemerintahan dalam mewujudkan sistem yang baik (*good governance*) untuk terbangunnya negara yang adil dan makmur. Orang-orang Islam harus mengembangkan sebuah masyarakat yang maju dan dinamis, apabila ingin survive (Mahathir, 2003).

Tambah lagi, Islam tidak hanya sebagai sebuah sistem yang mengandungi nilai-nilai luhur untuk dilaksanakan dalam kehidupan bermasyarakat dan menjadi sesuatu yang tak terpisahkan dalam kehidupan orang Melayu. Tetapi, Islam juga mengandungi nilai-nilai universal yang berkaitan dengan kehidupan bernegara. Kenyataan ini membolehkan Mahathir untuk menjadikan Islam sebagai perkara utama di dalam menerajui, mentadbir, dan membangun negara. Dalam konteks ini Mahathir kemudian melahirkan konsep 'Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam', 'Pegawai yang Cekap', 'Amanah dan Tanggungjawab', 'Kepimpinan Melalui Teladan' dan 'Wawasan 2020'. Mahathir menyedari bahawa Islam adalah salah satu unsur kuasa yang bertapak kuat pada orang Melayu (2008a: 125). Oleh itu, sesuatu perubahan, rancangan atau ideologi yang bertentang dengan Islam tidak akan berjaya.

Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara juga menimbulkan satu pemahaman bahawa Mahathir memiliki pandangan yang khas terhadap hubungan antara Islam dan negara dan telah memposisikan Islam sebagai bagian yang penting dalam pengurusan negara. Padahal, secara teori perbezaan sudut pandang terhadap hubungan antara Islam dengan negara, seringkali memunculkan konflik dan pertentangan dalam memberi tafsiran terhadap wacana kedudukan Islam dalam negara. Sebab, berkembangnya pemikiran baru Islam didorong oleh komuniti politik. Paradigma ini dibentuk dan dipengaruhi oleh situasi politik yang tidak menguntungkan Islam yang antaranya berpunca pada hubungan yang kurang harmoni dan integral antara Islam dan negara (Bahtiar Effendy, 2008).

Kemudian, sebagaimana dikutip oleh Shamsul (2001: 275), dalam pengamatan Keyes, Hardacre dan Kendall (1994), proses penciptaan negara-bangsa moden memerlukan dua pendirian yang saling bertentangan terhadap agama. Bila pendirian modenisasi cenderung menurunkan praktik-praktik ritual, maka pembangunan bangsa cenderung memajukan praktik-praktik tertentu, bahkan memasukkan ritual-ritual baru. Apabila modenisasi menekankan tindakan rasional sedangkan pembangunan bangsa menegaskan komitmen kepada keimanan. Berkaitan dengan hal ini, Mahathir termasuk pemimpin yang berjaya mengkolaborasi antara modenisasi, program Islamisasi dan pembangunan bangsa menuju kepada pencitraan Malaysia sebagai negara Islam sekaligus mengukuhkan Islam sebagai identiti utama orang Melayu (Hussin Mutalib, 1995: 121). Di mana, pelbagai polisi dan program kelslaman yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Mahathir menjadi penanda semakin terserlahnya usaha kebangkitan Islam di Malaysia .

Hussin Mutalib (1995: 193-194) menegaskan bahawa di bawah Mahathir, sokongan pemerintah terhadap Islam di Malaysia berlangsung lebih dari sekadar sokongan simbolik; pembangunan masjid-masjid, Pusat Islam, Bank Islam, Universiti Islam, Pegadaian Islam, Insurans Islam, penyelenggaraan peraduan baca dan hafal al-Quran, perayaan upacara-upacara kelslaman dan berbagai peristiwa penting lainnya, akan tetapi usaha-usaha yang dilakukan oleh pemerintahan Mahathir dalam memajukan Islam di Malaysia, menunjukkan bahawa Mahathir adalah seorang penyokong Islam yang berani dan juga seorang ahli politik yang sangat cerdas.

Kecekapan dan kepimpinan Mahathir telah berjaya mengadakan pembaharuan dan menaikkan kedudukan Malaysia sebagai salah satu negara maju di Asia Tenggara. Ini memang suatu bukti nyata kebesaran dan kejayaan dari kepimpinannya atas Malaysia selama lebih kurang 22 tahun.

Oleh itu, sebagai salah seorang ahli politik, pemimpin yang besar, seorang negarawan dan pemikir Islam yang dipersetujui ramai tokoh (Ismail Ibrahim, 2002; Rustam, 2008; Mohd. Yusof Hasan, 2008), mendapat pengiktirafan rasmi daripada kalangan sarjana Islam moden (Hussin Mutalib, 1995; Siddiq Fadzil, 1997; Khoo, 1995; Rahimin Affandi, 2005), dan secara akademik telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor oleh Universiti Malaya dalam bidang Pemikiran Islam (*Doctor of Islamic Thought*) pada 30 Januari 2004, Mahathir memang berjasa besar terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Namun, walaupun ketokohan dan kepimpinannya diakui, ada pula yang bersifat kritikal dan tidak bersetuju terhadap gagasan-gagasan Keislaman Mahathir, kerana didakwa bertentangan dengan arus perdana pemikiran umat Islam.

Dalam konteks di atas, maka pemikiran Mahathir sangat penting untuk dikaji dan diletakkan dalam sebuah objek kajian ilmiah (Martinez, 2003; Rahimin Affandi, 2005). Bagaimana sebenarnya gagasan pemikiran Islam dan Kenegaraan Mahathir, bagaimana Islam menurut pandangan Mahathir, bagaimana seharusnya Islam difahami, kenapa Islam sering disalahtafsirkan, dan bagaimana kritik Mahathir terhadap pemahaman Islam umat Islam; Islam dan isu-isu kenegaraan semasa; dan perhubungan Islam dan Negara. Tujuannya adalah untuk meneroka gagasan pemikiran Mahathir berkenaan dengan Islam dan Kenegaraan.



## 1.2 Permasalahan Kajian

Isu Islam dan kenegaraan telah ramai dibincangkan oleh pemikir Islam sejak tempoh dulu sehingga sekarang. Terlebih pada masa pergerakan pembaharuan dan kebangkitan Islam dan berakhirnya masa penjajahan (kolonialisme) dengan diraihnya kemerdekaan oleh negari-negeri Islam yang berada di Timur Tengah, Afrika, mahupun Asia Tenggara.

Perbincangan isu Islam dan kenegaraan oleh pemikir, intelektual, ahli politik atau negarawan Islam sebagai bahagian penting dari pemikiran Islam merupakan refleksi atas usaha pencarian asas intelektual bagi fungsi dan peran negara atau pemerintahan sebagai faktor instrumental untuk merealisasikan ajaran Islam. Oleh itu, pemikiran kenegaraan Islam, dalam hal ini, merupakan ijtihad politik dalam rangka mencari nilai-nilai Islam dalam konteks sistem dan proses politik yang sedang berlangsung (Din Syamsuddin, 1993). Ia merupakan usaha yang dilakukan untuk mencari model yang tepat atau sintesis yang membolehkan (*viable*) berlakunya hubungan yang harmonis dan bersepadu antara Islam dan negara (Bahtiar Effendy, 2008).

Dalam perjalanan yang panjang, perbincangan Islam dan kenegaraan mendorong munculnya wacana-wacana baru dan polarisasi terhadap pelbagai tafsiran konsep pemikiran dan sistem politik Islam yang berbeza. Polarisasi pemikiran politik Islam tersebut tampaknya lebih disebabkan oleh perbezaan dalam menafsirkan teks-teks normatif agama, di samping perbezaan-perbezaan asas sosial budaya yang melingkupinya. Sememangnya, al-Quran dan Sunnah tidak memberikan ketentuan yang jelas tentang mekanisme suksesi, bentuk pemerintahan dan institusi politik lainnya. Kerana, al-Quran bukanlah sebuah

kitab politik dan sudah merupakan kenyataan sejarah bahwa institusi-institusi sosial-politik dan organisasi yang dibentuk manusia akan selalu mengalami perubahan (Misrah, 2008).

Dalam konteks di atas, Mahathir ialah salah seorang negarawan Islam seorang ahli fikir dan seorang intelek yang rangkuman dan ketajaman pemikirannya patut diberikan faham dan penghargaan yang sewajarnya oleh masyarakat (Harun Derauh & Shafie Nor, 1982). Demi untuk memastikan agar gagasan pemikiran Mahathir tidak hilang begitu sahaja ditelan zaman, ianya perlu terus dikaji dan dijadikan sebagai inspirasi utama untuk mengangkat martabat ummah Islam kepada status yang lebih baik lagi (Rahimin Affandi, 2003). Dusuki Ahmad menggesa dan menyarankan pentingnya dilakukan kajian-kajian berkenaan dengan pemikiran Mahathir. Kerana, Mahathir ialah orang yang telah memberi sumbangan yang banyak kepada negara dan Islam (dalam Martinez, 2003: 236). Tambah lagi dengan telah ditubuhkannya Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM) di Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah, pada 19 Ogos 2003.

Penyelidikan-penyelidikan berkenaan dengan Mahathir dan pemikirannya dari pelbagai sudut pandang telah banyak dihasilkan dan ramai dilakukan oleh para sarjana tempatan mahupun luar (Rahimin Affandi, 2003). Dari pelbagai kajian yang ada, nampak bahawa para penyelidik sepakat menyatakan Mahathir sebagai seorang tokoh penting yang memang tepat untuk dijadikan objek kajian. Mereka memandangkan Mahathir sebagai seorang pemikir, tokoh politik, pemimpin ataupun negarawan yang memiliki komitmen, perhatian, dan kepedulian yang tinggi terhadap Islam dan kemajuan umat Islam, umpamanya Khoo Boo Teik

(1995), Hussin Mutalib (1996), Siddiq Fadzil (1997), Abdul Rahman (1997), Hairudin Harun (2001), Shamsul (2001), Ismail Ibrahim (2002), Mohamed Yosri (2002), Zainah Anwar (2002), Kamila Ghazali (2004), Rahimin Affandi (2005), Sivamurugan Pandian (2005), dan Sivaperegasam Rajanthiran (2009).

Pengiktirafan terhadap ketokohan dan keluasan pemikiran Mahathir membolehkan dan mendorong ramai penyelidik mengkaji pemikiran beliau. Tetapi setakat ini penyelidikan pandangan atau pemikiran Mahathir tentang Islam dan kenegaraan, utamanya berkait dengan gagasan kelslaman dan hubungan antara Islam dan negara nampaknya belum lagi banyak dilakukan. Kajian yang pernah dibuat berkenaan dengan persoalan ini antaranya dilakukan oleh Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir* (2005); Mohd. Rumaizuddin Ghazali, *Beberapa Aspek Pemikiran Mahathir Mengenai Pembangunan Islam di Malaysia: Analisis dari Sudut Pemikiran Islam* (2007); dan Sivaperegasam P. Ranjanthiran, *Perisytiharan Malaysia Sebagai Negara Islam oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 September 2001: Bantahan DAP dan PAS* (2009). Sementara, ramai orang yang mengakui bahawa Mahathir adalah seorang pemikir, pemimpin dan sekaligus negarawan yang semasa memimpin Malaysia sangat lantang menyuarakan kepentingan umat Islam dan negara-negara sedang berkembang. Padahal, gagasan baru dan pelbagai pandangan tentang Islam; Islam dan kenegaraan, yang selalunya memunculkan perdebatan di kalangan pemikir dan sarjana Muslim (Kamaruzzaman, 2001) akan semakin memperkaya wawasan dan wacana yang berkembang. Sekaligus untuk menjawab persoalan dan kritik yang menyatakan bahawa Islam tidak sesuai dengan sistem politik moden dan bahkan Islam politik dianggap sebagai pesaing kekuasaan yang dapat mengusik dasar-dasar nasionalisme (Piscatori, 1983; Esposito, 1984).

Kedekatan Mahathir kepada Islam, membolehkan beliau memiliki pelbagai pandangan dan pemikiran terhadap Islam. Antaranya, Islam menurut Mahathir adalah yang sempurna dan mesti dipahami berasaskan kepada *reason*, *logic* dan *argument*, iaitu dengan kembali dan merujuk kepada al-Quran dan Sunnah sebagai dasar utama ajaran Islam (Ucapan dalam *The Official Opening of the International Institute Islamic Thought and Civilization-ISTAC*, 5 Mac 1986; di Universiti Al-Azhar di Kaherah-Mesir, pada 10 Mei 1998; dalam *The Emirates International Forum-Dubai*, on 26 April 2001; dan di Pembukaan Pameran Tamadun Islam Sedunia 1994, pada 17 Jun 1004).

Dalam pelbagai ucapan yang disampaikan, antaranya dalam Majlis Perasmian Pusat Islam Malaysia, pada 16 September 1985; Ucapan pada Perutusan Hari Raya Aidil Fitri 1406 Hijrah/1986 Masihi; Ucapan di Majlis Pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Sempena Perasmian Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020, pada 3 Mac 1992; dan Ucapan Mahathir di Konferensi Internasional Para Ulama Islam, pada Julai 2003, Mahathir mempelawa umat Islam untuk memperkuat pegangan mereka terhadap Islam, kerana nilai-nilai murni yang diajar oleh Islam mestilah disuburkan di dalam jiwa setiap individu..

Berikutnya, Mahathir menyatakan pula bahwa kejatuhan dan kemunduran umat Islam sebahagiannya disebabkan oleh tafsiran sempit tentang agama selepas perkembangan awal tamadun mereka. Ekoran mengetepikan apa yang dikatakan pengetahuan duniawi, dan bertelagah tentang apa yang merupakan ajaran sebenar Islam. Mereka mengabaikan beberapa perintah Islam yang penting. Malah mereka mengabaikan perintah supaya bersedia untuk

mempertahankan diri mereka dengan menterjemahkan ayat al-Quran satu persatu (Mahathir, 2003: 12). Umat Islam dan Negara Islam ketinggalan di belakang dalam bidang ilmu moden, kemahiran teknologi, dalam banyak hal dan pemerintahan yang tidak berkesan. Negara dilanda keadaan yang hampir kucar-kacir, kemiskinan, kejahilan dan ketidakstabilan. Semua disebabkan oleh pertelingkahan sesama umat Islam, tafsiran mereka yang mengelirukan dan bercanggah tentang Islam, kegagalan mereka untuk mematuhi perintah agama (Mahathir, 2003: 77).

Dalam pandangan Mahathir punca kemunduran umat Islam adalah percanggahan dan tafsiran yang sempit terhadap al-Quran. Oleh itu, Mahathir kemudian mencetuskan idea yang dianggap kontroversial, iaitu supaya al-Quran dikaji atau ditafsir semula (Idris Zakaria, 2005). Pada Majlis Pelancaran al-Quran Mushaf Malaysia, 18 April 2003, Mahathir menyatakan:

Sesungguhnya al-Quran adalah panduan yang terpenting untuk umat Islam, jika hari ini umat Islam berpecah dan bermusuhan sesama sendiri, sebabnya bukanlah Islam dan al-Quran tetapi tafsiran yang berbeza-beza yang dibuat oleh ulama di zaman dahulu dan sekarang. Sebagai manusia biasa mereka tidak mungkin bebas daripada kecacatan dan kesilapan. Apabila kesilapan mereka jelas dan terang tentu akan membawa kepada perpecahan dan kelemahan kepada umat Islam. Jadi tafsiran mereka berkenaan surah dan ayat al-Quran perlu dikaji dan dipinda supaya umat Islam dapat kembali kepada al-Quran dan Islam yang sebenar.

Berkenaan berkenaan dengan *syariah* (pelaksanaan hukum Islam, misalnya *hudud*), Mahathir menyatakan bahawa undang-undang Islam bersifat dinamik dan fleksibel, kerana itu penerapannya pun harus mengikuti kaedah gradasi, yakni secara beransur-ansur (berproses) dengan memperhatikan situasi semasa. Islam hendaknya diamalkan menurut kondisi zaman yang mengitarinya.

Mahathir juga menyatakan bahawa hal terpenting dari penerapan sistem Islam adalah nilai keadilan, iaitu suatu kesalahan dalam pandangan Islam harus dihukum dengan hukuman yang berdasarkan keadilan. Sistem perundangan dan common law di Malaysia sudah melaksanakan konsep keadilan menurut Islam, kerana para pelaku kejahatan dihukum dengan undang-undang Islam, dan mereka juga dihukum dengan sistem lain (Abdul Rahman, 1997: 175). Mahathir juga menyatakan bahawa nilai-nilai Islam merupakan nilai-nilai yang bersifat sejagat, yang sama atau diterima oleh bangsa dan agama lain, iaitu sifat-sifat bersih, jujur, adil, disiplin, amanah, cekap, dan sebagainya (Abdul Rahman, 1997: 175).

Dalam konteks kenegaraan, misalnya berhubung dengan demokrasi Mahathir menyatakan bahawa sistem demokrasi bukannya undang-undang Tuhan. Ia direka oleh manusia yang tidak terlepas daripada membuat kesilapan (2003: 74). Apabila Malaysia memilih demokrasi sebagai sistem terbaik dalam penyelenggaraan negara, maka tujuannya tidak lain adalah bagaimana dengan demokrasi itu kesejahteraan, keamanan dan kemajuan hidup masyarakat boleh dicapai melalui usaha pembangunan negara. Namun masalahnya, demokrasi sehingga kini menurut Mahathir masih mengandungi makna yang rancu, kerana konsep demokrasi sering digunakan oleh negara-negara Barat untuk kepentingan mereka, sehingga arti semula demokrasi pun sering berubah-ubah. Sehingga, manakala sebuah negara berusaha kuat untuk menjayakan demokrasi, tetapi sebaik sahaja negara tersebut berjaya, matlamatnya diubah atau ditukar dan demokrasi ditafsir semula. Pada masa inilah dunia Islam tidak dapat menerima tafsiran yang lebih terbuka tentang demokrasi (Mahathir, 2003: 24). Bahkan, Barat menyarankan bahawa yang penting bukan pemerintahan

yang membawa kebahagiaan kepada rakyat, yang penting ialah rakyat mesti sanggup mendukung demokrasi, walaupun ia menyebabkan rakyat menderita (Mahathir, 2003: 42). Hal ini tentu sahaja tidak sejalan dengan konsep sebenar yang dikehendaki oleh demokrasi. Padahal, manakala demokrasi dicipta sebagai satu sistem pemerintahan oleh rakyat untuk menggantikan sistem feudal, tujuannya adalah supaya pemerintahan yang baik, adil, dan berkesan untuk semua rakyat dapat diwujudkan.

Percanggahan terhadap pemikiran Islam dan kenegaraan Mahathir tampaknya berpunca pada kontroversial pandangan para pakar dalam menilai gagasan Mahathir tersebut. Di mana sebahagian kalangan ada yang beranggapan bahawa idea Islam dan kenegaraan Mahathir telah berhasil melakukan pembaharuan (*tajdid*) pola hidup dan pola pikir serta menghantarkan masyarakat Melayu Islam kepada kehidupan yang lebih baik dan lebih maju dalam konteks kehidupan berbangsa dan bernegara. Sedangkan sebahagian yang lain memandang bahawa Mahathir adalah seorang pemikir yang sekuler dan bahkan liberal. Oleh itu, Mahathir tidak bersetuju untuk menerapkan sistem dan hukum Islam seumpama *hudud* dalam konteks kenegaraan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam. Menurut mereka, dalam mentadbir negara, Mahathir tidak sepenuhnya berasaskan kepada sumber-sumber Islam, tetapi lebih mengikut kepada sistem negara sekuler yang berasaskan kepada fahaman demokrasi. Walaupun Mahathir sendiri telah mengisytiharkan Malaysia sebagai Negara Islam pada 29 September 2001. Pengisytiharan ini mengundang perdebatan hebat di kalangan pelbagai lapisan warga, organisasi dan parti-parti politik Malaysia, khususnya PAS dan DAP. PAS menganggap bahawa Malaysia hanyalah sebagai sebuah negara umat Islam, kerana belum lagi melaksanakan

sistem Islam yang sebenar; sedangkan DAP mendakwa bahawa tindakan Mahathir tersebut adalah suatu tindakan yang tidak berperlembagaan, tidak demokratik dan arbitrari. Namun, sebagaimana dikatakan Sivaperegasam Rajanthiran (2009: 176), rasional-rasional yang disandarkan oleh Mahathir ke arah mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam sememangnya bernas, jitu dan tepat

Oleh itu, berkenaan dengan isu-isu keislaman, program pengislaman, modenisasi, pembangunan bangsa dan negara di bawah kepimpinan Mahathir penting untuk dikaji. Bagaimana sebenarnya pemikiran atau pandangan Mahathir tentang Islam dan kenegaraan; pandangan Mahathir terhadap Islam, pandangan Mahathir terhadap Islam dan wacana kenegaraan semasa, iaitu tentang demokrasi, fahaman pemisahan agama (*sekularisme*), masyarakat majmuk (*pluralisme*) dan keganasan (*terorisme*); serta pandangan Mahathir terhadap hubungan antara Islam dan negara. Adakah dalam pandangan Mahathir Islam dan negara merupakan suatu yang bersepadu (*integrated*), sehingga menjadi suatu keharusan bagi umat Islam untuk menumbuhkan negara Islam. Ataupun Islam sebenarnya tidak memiliki hubungan dengan negara dan keduanya saling berasingan (*secular*), kerana Islam dan negara mengurus dua hal yang berbeza. Ataupun pula, Islam telah memberikan prinsip dan nilai-nilai dasar sebagai panduan bagi kehidupan berbangsa dan bernegara (*symbiotic*).

### **1.3 Objektif Kajian**

Tujuan utama yang hendak dicapai melalui kajian ini adalah untuk mengeksplorasi dan mengenalpasti asas-asas pemikiran Mahathir tentang Islam sebagai satu cara hidup yang *syumul* dan bagaimana cara hidup tersebut



dilaksanakan; apakah pendirian dan sikap Mahathir terhadap Islam; dan bagaimana isu-isu moden dalam politik sesebuah negara seperti sekularisme, pluralism, dan terorisme yang mungkin bertentangan dengan Islam.

Khasnya, kajian ini mempunyai tiga tujuan, iaitu:

- 1.3.1 Meneroka idea-idea atau gagasan pemikiran Mahathir mengenai Islam.
- 1.3.2 Meneroka asas-asas pandangan Mahathir terhadap Islam dan isu-isu kenegaraan semasa, iaitu demokrasi, fahaman pemisahan agama (sekularisme), masyarakat majmuk (pluralisme) dan keganasan (terorisme).
- 1.3.3 Meneroka pandangan Mahathir terhadap hubungan antara Islam dan negara.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Islam dan kenegaraan adalah salah satu tema aktual yang dibincangkan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Sirajuddin (2007: 21), bahawa persoalan antara Islam dan negara merupakan salah satu subjek perbincangan yang penting pada masa moden ini dalam politik Islam. Menurut Kusmana (2004: 50), Syarif & Zada, (2008: 76) di antara tema hangat yang diperbincangkan berkenaan dengan Islam dan kenegaraan dalam percaturan politik sekarang ini adalah hubungan antara Islam dan negara.

Perbincangan tentang hubungan agama dan politik dalam Islam tersebut menurut Nurcholish Madjid (1998) diibaratkan seperti menimba air zamzam di Tanah Suci, kerana pembicaraan tentang masalah ini tidak akan ada habis-habisnya. Pertama, disebabkan kekayaan sumber bahasan, sebagai buah

daripada lima belas abad sejarah akumulasi pengalaman dunia Islam dalam membangun kebudayaan dan tamadunnya. Kedua, kompleksitas permasalahan, sehingga setiap pembahasan dengan sendirinya digiring untuk memasuki satu atau beberapa pintu pendekatan yang terbatas. Pembahasan yang menyeluruh akan menuntut tidak sahaja kemampuan yang juga menyeluruh, tapi juga kesedaran untuk tidak membiarkan diri tergelincir ke dalam reduksionisme dan kecenderungan penyederhanaan persoalan. Ketiga, pembahasan tentang agama dan politik dalam Islam ini agaknya akan terus berkepanjangan, mengingat sifatnya yang mesti melibatkan pandangan ideologi pelbagai kelompok masyarakat, khususnya kalangan kaum Muslim sendiri.

Bahtiar Effendy (2008) juga menegaskan hal yang sama, bahawa persoalan hubungan antara Islam dan negara menjadi sesuatu yang sangat penting untuk dikaji. Kerana, sejak pudarnya kolonialisme Barat pada pertengahan abad kedupuluh, dunia Islam seperti Turki, Mesir, Sudan, Maghribi, Pakistan, Indonesia, Malaysia, Algeria, dan lain-lain mengalami kesulitan dalam upaya menciptakan sintesis yang membolehkan (*viable*) harmoninya antara Islam dan negara. Di wilayah-wilayah itu, hubungan antara Islam dan negara ditandai oleh adanya ketegangan politik dan permusuhan. Padahal, menyedari kedudukan Islam sebagai agama majoriti di negara-negara tersebut, kenyataan demikian merupakan fenomena yang menghairankan. Kerananya, banyak pemerhati politik Islam yang kemudian mempersoalkan apakah Islam itu sesuai dengan sistem politik moden atau tidak, dan bagaimana hubungan sebenar antara Islam dan negara.

Begitu pula hubungan Islam dan isu-isu semasa, contohnya hubungan Islam dan demokrasi. Larry Diamond, Juan Linz, dan Seymour Martin Lipset mendakwa bahawa demokrasi tidak dikenal dalam Islam, kerana itu negara-negara Islam tidak layak dimasukkan ke dalam kajian tentang demokrasi. Sedangkan Ernest Gellner berpendapat sebaliknya dan menyatakan bahawa nilai-nilai Islam mempunyai persamaan unsur-unsur dasar (*family resemblances*) dengan demokrasi Barat. Bahkan, dalam konteks hubungan Islam dan kenegaraan, Robert N. Bellah menyatakan penyelenggaraan pemerintahan yang dibangunkan Nabi Muhammad Saw di Madinah bersifat egalitarian dan partisipatif, kerana doktrin dan politik Islam tentang keadilan (*al-adl*), egalitarianisme (*al-mushawah*), mesyuarat (*syura*) terwujudkan dalam praktik kenegaraan awal Islam, hingga dikatakan sangat moden berbanding zamannya (dalam Bahtiar Effendy, 2001: 127).

Oleh itu, soalan utama yang hendak dikaji dalam penyelidikan ini adalah bagaimana pemikiran Mahathir tentang Islam dan kenegaraan, yang menyangkut tiga perkara utama, iaitu:

- 1.4.1 Bagaimana gagasan pemikiran atau pandangan Dr. Mahathir mengenai Islam?
- 1.4.2 Bagaimana pandangan Dr. Mahathir terhadap Islam dan isu-isu kenegaraan semasa, seperti demokrasi, sekularisme (fahaman pemisahan agama), pluralisme (masyarakat majmuk) dan terorisme (keganasan)?
- 1.4.3 Bagaimana pandangan Dr. Mahathir terhadap hubungan antara Islam dengan negara?

### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh jadi penyumbang keilmuan terhadap deskripsi perkembangan tema Islam dan Kenegaraan atau teori-teori Islam dan politik (*Siyasah Syar'iyah*) yang ramai dibincangkan oleh para sarjana dan intelektual Muslim di masa kepimpinan Mahathir. Kerana, di masa kepimpinan Mahathir inilah tema-tema aktual dan gagasan-gagasan penting seputar Islam dan Kenegaraan berkembang secara dinamik dan melibatkan ramai pemikir. Mulai dari gagasan Islam sebagai agama rasional, keadilan hukum Islam, Islam dan konsep demokrasi, terorisme atau penganas, masyarakat berbilang kaum, hingga perhubungan antara Islam dan negara.

Perbicangan itu pula bermula dari kritikan, kenyataan, atau gagasan Mahathir berkenaan dengan Islam dan kenegaraan yang terkadang berlawanan dengan arus perdana pemikiran umat Islam. Pemikiran dan gagasan dipilih kemudiannya direspons oleh masyarakat akademik dan para intelektual. Mereka yang bersetuju terhadap gagasan Mahathir mengembangkan argumentasi yang boleh menjadi dasar pemahaman mereka, sedangkan mereka yang tidak bersetuju cenderung mengembangkan kajian-kajian yang menentang dan menolak pandangan Mahathir. Kajian dan teori-teori yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak terkait isu Islam dan kenegaraan dimaksud telah melahirkan gagasan-gagasan baru di masa itu dan boleh memperkaya wawasan pemahaman masyarakat terhadap konsep serta teori-teori Islam dan politik.

Dapatan kajian ini diharapkan pula menjadi bahan komparatif dan sumbangan dalam mengkaji pemikiran Mahathir, khasnya berkenaan dengan gagasan pemikiran keislaman Mahathir; dasar-dasar pandangan Mahathir

tentang Islam; Islam dan isu-isu kenegaraan semasa; dan pemikiran Mahathir tentang hubungan antara Islam dan negara, kemudian mengkritisi dan memperkaya perspektif kajian berkenaan dengan diskursus pemikiran Islam di bidang kenegaraan atau politik Islam (*Siyasah Syar'iyah*) mahupun konsep-konsep serta teori Islam dan kenegaraan yang berkembang di masa selepas kepimpinan Mahathir.

Adapun secara praktikal, hasil dari kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber penting dalam kerangka mendorong perkembangan pemikiran Islam dan politik umat Islam serta mendorong dimensi kehidupan berbangsa dan bernegara yang lebih baik, terutama di kawasan negara serumpun.

## 1.6 Penyusunan Bab Kajian

Rangkuman bahagian-bahagian kajian ini diberikan sebagai berikut:

- **Bab 1:** Pengenalan Kajian. Bahagian ini mengandungi pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kerangka teori, penyusunan bab kajian dan penutup.
- **Bab 2:** Ulasan Karya. Bahagian ini membincangkan isu-isu yang menjadi fokus dan permasalahan dalam kajian serta teori-teori yang dirujuk berkenaan dengan pemikiran Islam dan kenegaraan. Antaranya berisikan pembahasan tentang penjelasan konsep pemikiran dan pemikir Islam, gerakan pemikiran Islam, tipologi gerakan pemikiran Islam, dan pemikiran tentang Islam dan negara yang mencakupi hubungan Islam dan negara dan tokoh-tokoh pemikir Islam.

- **Bab 3:** Metod Kajian. Bahagian ini membincangkan hal-hal terkait dengan pelaksanaan penyelidikan. Di antaranya ialah berkaitan dengan jenis kajian, metod kajian, kaedah pengumpulan dan sumber data, prosedur kajian dan analisis data.
- **Bab 4:** Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang pertama, iaitu tentang beberapa hal berkait dengan gagasan pemikiran Mahathir tentang Islam, meliputi; Islam cara hidup yang sempurna, pembaharuan terhadap pola pemikiran Islam, hukum Islam, dan seruan kepada Islam.
- **Bab 5:** Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang kedua, iaitu tentang Islam dan isu-isu kenegaraan, meliputi; Islam dan demokrasi, Islam dan sekularisme, Islam dan masyarakat majmuk dan Islam dan penganas.
- **Bab 6:** Perhubungan Islam dan Kenegaraan. Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang ketiga, iaitu pandangan Mahathir tentang Islam dan pembangunan negara, negara maju yang dicita-citakan serta perhubungan antara Islam dan negara.
- **Bab 7:** Berisikan perbincangan dan analisis terhadap pelbagai dapatan kajian berkenaan dengan pemikiran Islam dan Kenegaraan Mahathir.
- **Bab 8:** Kesimpulan. Bahagian ini berisikan kesimpulan berkenaan dengan dapatan kajian, iaitu gagasan pemikiran kelslaman Mahathir; pandangan Mahathir terhadap Islam dan isu-isu kenegaraan; dan pandangan Mahathir terhadap perhubungan antara Islam dan kenegaraan.

## 1.7 Penutup

Kajian ini bertitik tolak daripada gagasan dan pemikiran Dr. Mahathir berkenaan dengan Islam dan Kenegaraan yang menjadi isu aktual perbincangan semasa.

Kerana, Islam sebagai suatu entiti dalam kehidupan masyarakat Melayu menjadi asas penting yang tak boleh dilupakan oleh siapa sahaja (Baharuddin, 1989; Esposito & Voll, 1999; Shamsul, 2001; Harun, 2001), apatah lagi oleh para pemimpin negara apabila mereka ingin berjaya. Kerana, Dalam masyarakat Melayu terdapat suatu persepsi yang terintegrasi mengenai agama, nilai-nilai tradisional, serta kehidupan desa dan keluarga (Mehden, 1986); Islam merupakan teras utama pandangan dunia dan kosmologi Melayu (Harun, 2001: 47). Ertinya, Islam sebagai *elan vital* orang Melayu merupakan suatu hakikat yang jelas dan inilah faktor atau cara yang paling mudah untuk menguasai dan merubah orang Melayu, iaitu dengan merubah persepsi dan bentuk Islam yang mereka hayati (Harun, 2001: 48). Bangsa Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun hanya berjaya menjajah negeri Melayu secara fizikal dan ekonomi sahaja, sedangkan akidah dan juga syariat Islam berjaya dipertahankan oleh umat Islam, sehingga negeri-negeri Tanah Melayu tidak pernah menukar identitinya sebagai sebuah negeri yang menganut dan mengamalkan Islam (Shamsuddin Moner, 2008).

Pentingnya penumpuan kajian terhadap gagasan dan pemikiran Mahathir tidak hanya sekadar mengikut saranan Harun Derauh & Shafie Nor (1982); Dusuki Ahmad (Martinez, 2003); Rahimin Affandi (2003); atau pula objektif ditubuhkannya IPDM. Tetapi secara keilmuan kajian terhadap gagasan dan pemikiran Mahathir boleh menggambarkan perkembangan dinamisasi pemikiran dan pemahaman semasa terhadap isu-isu Islam dan kenegaraan, perdebatan, serta dinamika yang terjadi di dalamnya. Isu Islam dan kenegaraan pula merupakan suatu tema aktual yang ramai diperbincangkan (Sirajuddin, 2007),

dan salah satu subjek pembahasan penting pada masa moden ini dalam politik Islam (Kusmana, 2004; Syarif & Zada, 2008).

Di samping itu, keberhasilan kepemimpinan Mahathir semasa menerajui Negara (Khoo, 1995; Yosri, 2002; Ibrahim Ismail, 2002; Ramlah Adam, 2004; Pandian, 2005; Idris Aman, 2006), karya-karya yang dihasilkan beliau (Khoo, 1995; Pandian, 2005; Abdullah Ahmad, 2009), ketokohan dan pengaruh pemikirannya yang luas terhadap masyarakat (Siddiq Fadzil, 1995, 1997; Ramlah Adam, 2004), membolehkan beliau dijadikan sebagai tumpuan kajian (Furchan & Maimun, 2005: 12).





Berkeaan dengan Islam dan isu-isu kenegaraan semasa, misalnya demokrasi, mempunyai perdebatan di antara para ilmuwan Barat. Larry Diamond, Juan Linz, dan Seymour Martin Lipset mengatakan bahwa kebanyakan negara-negara Islam tidak layak dimasukkan ke dalam studi tentang demokrasi. Hal ini dikarenakan tidak adanya praktik demokrasi di negara-negara Islam. Sedangkan di sisi lain ilmuwan seperti Ernest Gellner menemukan bahwa dalam Islam mempunyai kesamaan unsur-unsur dasar (*family resemblences*) dengan demokrasi. Robert N. Bellah menyatakan bahwa penyelenggaraan pemerintahan yang dikembangkan Nabi Muhammad Saw di Madinah bersifat egaliter dan partisipatif, hingga dikatakan sangat modern dibandingkan zamannya (dalam Bahtiar Effendy, 2001: 127-129). Gellner dan Robert N. Bellah membuat sebuah kesimpulan bahwa doktrin dan politik Islam tentang keadilan (*al-adl*), egaliterianisme (*al-mushawah*), musyawarah (*syura*) terwujudkan dalam praktik kenegaraan awal Islam. Berdasarkan pendapat di atas, dapat dikatakan bahwa dalam memahami hubungan Islam dan demokrasi haruslah komprehensif. Kajian hubungan antara Islam dan demokrasi tidak dapat dilihat secara monolitik, yakni melihat dari radikalisme di Timur Tengah serta penafsiran yang salah tentang Islam.

Perdebatan *siyasah syar'iyah* (Politik Islam) sehingga sekarang terus berkembang bahkan meliputi permasalahan juga hubungan Islam dengan negara. Ada kelompok yang berpandangan bahawa agama (Islam) dan negara atau politik adalah menyatu, tak terpisahkan (*integralisme*); ada kelompok yang berpandangan bahawa Islam dan Negara melakukan simbiosis atau hubungan

timbang balik yang saling menguntungkan (*simbiosis*); dan ada pula kelompok yang berpandangan bahawa Islam harus dipisahkan dari negara, kerana Nabi Muhammad Saw tidak pernah memerintahkan umat Islam untuk mendirikan negara apalagi mewariskan satu sistem pemerintahan yang baku (*sekularisme*).

## 1.2 Permasalahan Kajian

Mahathir adalah seorang ahli fikir dan seorang intelek yang rangkuman dan ketajaman pemikirannya patut diberikan faham dan penghargaan yang sewajarnya oleh masyarakat (Harun Derauh & Shafie Nor, 1982). Demi untuk memastikan agar gagasan pemikiran Mahathir tidak hilang begitu sahaja ditelan zaman, ianya perlu terus dikaji dan dijadikan sebagai inspirasi utama untuk mengangkat martabat ummah Islam kepada status yang lebih baik lagi (Rahimin Affandi, 2003). Oleh itu, mantan setia usaha Mahathir, Dusuki Ahmad pada bulan Mac 2001 menggesa dan menyarankan pentingnya dilakukan kajian-kajian berkenaan dengan pemikiran Mahathir, sehingga perlu bagi institusi pengajian tinggi untuk menawarkan pengajian tentang pemikiran Mahathir tersebut. Dusuki Ahmad menyatakan: "Telah tiba bagi institusi-institusi untuk menawarkan bidang pengajian mengenai pemikiran Dr. Mahathir, orang yang telah memberi sumbangan yang banyak kepada negara dan Islam" (dalam Martinez, 2003: 236). Tambah lagi dengan telah ditubuhkannya Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM) di Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah, pada 19 Ogos 2003.

Sekarang ini tulisan-tulisan dan penyelidikan-penyelidikan berkenaan dengan Mahathir dan pemikirannya dari berbagai sudut pandang telah banyak

dihasilkan dan ramai dilakukan oleh para sarjana tempatan mahupun luar yang menumpukan kajian ilmiah terhadap pandangan dan pemikiran Mahathir (Rahimin Affandi, 2003). Khoo Boo Teik (1995) misalnya telah mengkaji pemikiran Mahathir dan menulis buku bertajuk *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*.

Ramlah Adam (2004) menyunting hasil kolokium beberapa penyelidikan tentang pemikiran Mahathir, antara lain penyelidikan yang bertajuk *Dilema Melayu: Satu Kupasan Pemikiran Tun Dr. Mahathir Tentang Permasalahan Melayu*, menyimpulkan bahawa Mahathir adalah salah seorang pemimpin Asia yang benar-benar berjaya memikat hati dunia dengan kejayaannya membangunkan Malaysia mengikut acuan sendiri, mentakrifkan semula peranan Barat dan Timur, dan menjelaskan tentang kekeliruan dunia (Timur dan Barat) mengenai Islam, sehingga Mahathir berjaya memperkasakan Melayu-Islam dan Malaysia.

Kamila Ghazali (2004) dalam, *The Rhetoric of Dr. Mahathir Mohamad : A Critical Discourse Perspective*, telah melakukan kajian dengan menganalisis 15 siri ucapan Mahathir yang disampaikan dalam perhimpunan agung UMNO tempoh 1982-1996 serta mengkhususkan kepada tema atau isu-isu berkenaan dengan keislaman, ekonomi dan UMNO, menyatakan bahawa Mahathir adalah seorang pemimpin yang berjaya. Dengan konsep nilai moral dan kepimpinan yang bersifat sejagat dan berkesesuaian dengan nilai Islam yang diwacanakan dalam tulisan atau ucapannya, seperti bersih, cekap, beramanah, tertib rajin, jujur, sopan, berdisiplin, bertanggungjawab, ikhlas, dan setia. Kemudian nilai kepimpinan yang bersifat sederhana, tidak keterlaluan, adil, toleran dan

mengambil kira keadaan semasa, Mahathir berjaya meyakinkan dan membuat simpatik pelbagai kalangan.

Idris Aman (2006) yang memfokuskan kajiannya pada analisis wacana bahasa dan kepimpinan Mahathir, menegaskan bahawa Islam merupakan satu tema penting dari pernyataan idealisme Mahathir yang sering diwacanakan dan menjadi penunjang kepimpinannya selain daripada produktiviti, perswastaan, perpaduan, negara maju, neokolonialisme, Barat, kemerdekaan, perindustrian dan sebagainya, sehingga dengan penghasilan wacana tersebut, kepimpinannya dapat dibentuk, dikukuhkan dan diteruskan.

Abdul Mua'ti Zamri (2007) dalam kajiannya terhadap struktur retorik ucapan Mahathir dalam Perasmian Perhimpunan Agung UMNO menyimpulkan bahawa Mahathir adalah seorang yang mempunyai pemikiran yang jelas, tersusun, dan terfokus berdasarkan ketekalan dan cara isu-isu yang dirangka dan dibentangkan dalam ucapan tahunannya. Dalam bidang agama, Mahathir dipandang sebagai seorang pemikir yang tegas dan berani mengulas persoalan-persoalan keislaman dengan menggunakan logik akal, sehingga terkadang mengundang reaksi balas dan kritikan dari sebahagian ulama. Umpamanya, Mahathir sering mendakwa bahawa kemunduran umat Islam sedunia termasuk orang Melayu Islam di Malaysia adalah kerana salah tafsir akan ajaran Islam, sehingga ianya kemudian menjadi penghalang kepada kemodenan.

Dari berbagai kajian di atas, nampak bahawa para penyelidik sepatat menyatakan Mahathir sebagai seorang tokoh penting yang memang tepat untuk dijadikan objek kajian, selari dengan kebanyakan pandangan berbagai ahli dan

sarjana tentang ketokohan dan sosok Mahathir. Mereka memandang Mahathir sebagai seorang pemikir, tokoh politik, pemimpin ataupun negarawan yang memiliki komitmen, perhatian, dan kepedulian yang tinggi terhadap Islam dan kemajuan umat Islam, umpamanya Khoo Boo Teik (1995), Hussin Mutalib (1996), Siddiq Fadzil (1997), Abdul Rahman (1997), Hairudin Harun (2001), Shamsul (2001), Ismail Ibrahim (2002), Mohamed Yosri (2002), Zainah Anwar (2002), Kamila Ghazali (2004), Rahimin Affandi (2005), Sivamurugan Pandian (2005), dan Sivaperegasm Rajanthiran (2009).

Pengiktirafan terhadap ketokohan dan keluasan pemikiran Mahathir membolehkan dan mendorong ramai penyelidik mengkaji pemikiran beliau. Tetapi setakat ini penyelidikan pandangan atau pemikiran Mahathir tentang Islam dan kenegaraan, utamanya berkait dengan gagasan kelslaman dan hubungan antara Islam dan negara nampaknya belum lagi ramai dilakukan. Padahal, banyak orang yang mengakui bahawa Mahathir adalah seorang pemikir, pemimpin dan sekaligus negarawan yang semasa memimpin Malaysia sangat lantang menyuarakan kepentingan umat Islam dan negara-negara sedang berkembang. Di samping itu, gagasan baru dan pelbagai pandangan tentang Islam; Islam dan kenegaraan atau *Siyasah Syar'iyah* (Politik Islam) selalunya memunculkan perdebatan di kalangan pemikir dan sarjana Muslim (Kamaruzzaman, 2001). Misalnya hubungan Islam dan demokrasi; Larry Diamond, Juan Linz, dan Seymour Martin Lipset mendakwa bahawa demokrasi tidak dikenal dalam Islam, kerana itu negara-negara Islam tidak layak dimasukkan ke dalam studi tentang demokrasi. Hal ini dikarenakan tidak adanya praktik demokrasi di negara-negara Islam. Sedangkan Ernest Gellner menemukan bahawa nilai-nilai Islam mempunyai kesamaan unsur-unsur dasar

(*family resemblances*) dengan demokrasi (dalam Bahtiar Effendy, 2001: 127-128).

Oleh itu, berkenaan dengan isu-isu kelslaman, program pengislaman, modenisasi, pembangunan bangsa dan negara di bawah kepimpinan Mahathir penting untuk dikaji. Bagaimana sebenarnya pemikiran atau pandangan Mahathir tentang Islam dan kenegaraan; pandangan Mahathir terhadap Islam, pandangan Mahathir terhadap Islam dan wacana kenegaraan semasa, iaitu tentang demokrasi, fahaman pemisahan agama (*sekularisme*), masyarakat majmuk (*pluralisme*) dan keganasan (*terorisme*); serta pandangan Mahathir terhadap hubungan antara Islam dan negara. Adakah dalam pandangan Mahathir Islam dan negara merupakan suatu yang bersepadu (*integrated*), sehingga menjadi suatu keharusan bagi umat Islam untuk menumbuhkan negara Islam. Ataupun Islam sebenarnya tidak memiliki hubungan dengan negara dan keduanya saling berasingan (*secular*), kerana Islam dan negara mengurus dua hal yang berbeza. Ataupun pula, Islam telah memberikan prinsip dan nilai-nilai dasar sebagai panduan bagi kehidupan berbangsa dan bernegara (*symbiotic*).

Tujuan pengkajian terhadap permasalahan ini adalah untuk mengenalpasti dan meneroka pandangan dan pemikiran Mahathir tentang Islam dan kenegaraan, utamanya gagasan pemikiran kelslaman Mahathir, pandangan terhadap isu kenegaraan semasa dan pandangannya terhadap hubungan Islam dan negara.

Mengikuti kepada huraian di atas nampak apabila percanggahan tersebut berpunca kepada gagasan dan pemikiran Islam dan kenegaraan Mahathir. Di mana sebahagian kalangan ada yang beranggapan bahawa idea Islam dan kenegaraan Mahathir telah berhasil melakukan pembaharuan (tajdid) pola hidup dan pola pikir serta menghantarkan masyarakat Melayu Islam kepada kehidupan yang lebih baik dan lebih maju dalam konteks kehidupan berbangsa dan bernegara. Sedangkan sebahagian yang lain memandang bahawa Mahathir adalah seorang pemikir yang sekuler dan bahkan liberal. Oleh itu, Mahathir tidak bersetuju untuk menerapkan sistem dan hukum Islam seumpama *hudud* dalam konteks kenegaraan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam. Menurut mereka, dalam mentadbir negara, Mahathir tidak sepenuhnya berasaskan kepada sumber-sumber Islam, tetapi lebih mengikuti kepada sistem negara sekuler yang berasaskan kepada fahaman demokrasi.



# **BAB 2**

## **ULASAN KARYA**

### **2.1 Pengenalan**

Islam adalah suatu agama dunia yang membentang luas dari Timur Tengah, Afrika Utara sampai ke Asia Tenggara. Bilangan umat Islam yang besar, di samping tersebar dengan jumlah majoriti di kira-kira empat puluh tiga negara, umat Islam dengan kedudukan minoriti penting juga terdapat di dua puluh negara lainnya. Sehingga dengan jumlah keseluruhan mencapai perlima daripada penduduk dunia, keluasan geografi dunia Islam dan kemunculannya sebagai suatu kekuatan ekonomi dunia dengan kestabilan politik yang kian penting bagi dunia Barat, membuat dunia Islam dan setiap penafsiran terhadap peristiwa penting yang berlaku di dalamnya sebagai sesuatu yang sangat diperlukan. Antaranya adalah gagasan perkembangan pemikiran Islam dan wacana terhadap hubungan agama dengan negara.

Seperti yang dapat dijangka, baik dalam keyakinan mahupun dalam sejarah, Islam telah menduduki tempat penting dalam ideologi negara dan dalam tingkah laku politik umat Islam sejak kemunculannya di abad ke-7 dan terus

berkembang di masa-masa berikutnya sehingga abad ke-21 sekarang ini. Islam telah menjadi sumber dan inspirasi utama pemikiran dan kebangkitan yang selalu digaungkan oleh ramai pemikir Islam dalam membina kehidupan umat yang lebih baik. Dengan demikian kebangkitan semula Islam dalam pelbagai bidang termasuk di bidang politik atau kenegaraan bukanlah sesuatu yang sama sekali tidak terduga. Kerana, Islam dipandang sebagai agama yang lengkap dan menyeluruh, termasuk dalam urusan kehidupan berbangsa dan bernegara. Oleh itu, dalam bahagian ini akan dibincangkan persoalan-persoalan berkenaan dengan pemikiran Islam, gerakan pemikiran Islam, tipologi gerakan pemikiran Islam, pemikir Muslim dan pemikiran kenegaraannya serta paradigma hubungan Islam dengan negara.

## **2.2 Penjelasan Konsep**

Mohamad Kamil (2007) menyatakan bahawa pemikiran Islam adalah bidang ilmu yang amat penting pada masa kini di mana sahaja, sama ada kepada umat Islam sendiri mahu pun kepada non-muslim, disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, antara masalah utama umat Islam pada masa kini di seluruh dunia adalah masalah kelemahan dalam bidang ilmu dan pemikiran, mengatasi kelemahan dalam persoalan kuasa atau kekayaan atau lain-lain. Kedua, masalah antara umat Islam dengan dunia Barat antara lain disebabkan salah faham yang mengakar dalam tradisi pemikiran masing-masing, sama ada salah faham pemikiran Barat terhadap Islam akibat tradisi orientalisme klasik yang ingin menjajah, atau salah faham umat Islam terhadap tradisi pemikiran dan kebudayaan Barat moden yang dianggap amat neutral dan universal kepada seluruh manusia.

Merujuk kepada Husain Abdullah (2002: 9), pemikiran Islam adalah upaya menilai suatu fakta dari sudut pandang Islam. Di mana, dalam pelbagai konteksnya pemikiran Islam telah melahirkan sejumlah gagasan dari intelektual Muslim. Mereka hadir membawa gagasan dan pemikiran-pemikiran penting yang menjadi tafsir atas ajaran Islam. Gagasan-gagasan pemikiran mereka itu terasa lebih penting lagi manakala umat Islam menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka dan berada pada masa kemunduran.

Muhammad al-Bahi (1981: 6) mendefinisikan pemikiran Islam sebagai usaha akhlah oleh para ulama Muslim untuk menghuraikan Islam berdasarkan sumbernya yang sebenar, iaitu al-Quran dan Hadis. Muhsin 'Abd al-Hamid (1987: 7) pula mendefinisikannya sebagai setiap apa yang dilahirkan oleh pemikiran kaum Muslim sejak perutusan Nabi Muhammad saw sehingga kini berkenaan dengan pandangan hidup umum (*world view*) yang berhubungan dengan Allah swt, alam mahupun dan manusia. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa konsep pemikiran Islam meliputi beberapa aspek, antaranya; pemikiran adalah usaha akal fikiran yang dihasilkan oleh para ulama Islam, dan tentu sahaja ia berbeza dari nas wahyu itu sendiri; pemikiran Islam tersebut mesti bersumberkan kepada nas wahyu iaitu al-Quran dan hadis; dan pemikiran Islam tersebut merupakan ilmu tentang pandangan hidup Islam terhadap Tuhan, manusia dan alam.

Menurut Mohd. Kamal Hasan (2000) yang dimaksudkan dengan pemikiran Islam ialah gagasan-gagasan, idea-idea dan fikiran dari perspektif Islam sebagai tindakbalas yang bersifat intelektual kepada persoalan-persoalan manusia dan masyarakat semasa, baik yang disebabkan oleh pertembungan masyarakat Islam dengan kebudayaan dan tamadun Barat; untuk menegakkan yang hak dan melenyapkan yang batil; mahupun lahirnya rasa rindu umat Islam

sendiri untuk menghayati cara hidup Islam seperti zaman Rasulullah dan para sahabat.

Pemikiran Islam dalam pelbagai konteksnya telah melahirkan sejumlah gagasan dari intelektual Muslim, tidak hanya melahirkan sejumlah kajian penting berkenaan dengan perkembangan ilmu-ilmu keislaman, akan tetapi juga pelbagai pandangan kritis terhadap ajaran Islam, aplikasi, dan tawaran solusi Islam terhadap problem kekinian yang dialami oleh umat. Mereka hadir membawa gagasan dan pemikiran-pemikiran penting yang menjadi tafsir atas ajaran Islam. Gagasan-gagasan pemikiran mereka itu terasa lebih penting lagi manakala umat Islam menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka dan berada pada masa kemunduran. Fakta dan cabaran kehidupan yang makin luas telah membawa umat Islam kepada suatu pemahaman bahawa mereka harus tetap *survive* dengan ajaran Islam.

Sedangkan pemikiran tentang kenegaraan dan politik Islam atau *Siyasah Syar'iyah* melahirkan pelbagai idea, gagasan, dan konsep tentang kenegaraan seiring dengan cabaran dan isu-isu semasa kehidupan berbangsa dan bernegara yang dibicarakan oleh ramai pemikir Islam; konsep tentang demokrasi, sekularisasi, masyarakat majmuk, keganasan, hingga prinsip-prinsip dalam pentadbiran negara dan wacana negara maju.

Berkenaan dengan *siyasah syar'iyah* atau politik Islam, sebagaimana diujelaskan oleh Mohd. Rumaizuddin (2008) ialah istilah yang digunakan untuk menunjukkan tentang pentadbiran dan urusan kenegaraan. Di samping itu terdapat istilah lain yang digunakan oleh pemikir politik Islam bagi menunjukkan

tentang urusan politik dan kenegaraan seperti istilah *Nizam al-Hukm*, *Nizam al-Siyasi* dan *Fiqh al-Daulah*. Walaupun mereka telah membincangkan teori kenegaraan dan politik dengan menggunakan istilah yang berbeza, tetapi ia membawa maksud yang sama iaitu membincangkan tentang pemikiran, pengurusan, struktur politik dan pentadbiran negara Islam.

Al-Bahr al-Ra'iq (dalam Mohd. Rumaizuddin, 2008) menyebutkan bahawa *siyasah syar'iyah* itu ialah sebarang langkah yang dilakukan oleh pemerintah untuk kepentingan rakyat yang dirasakannya baik walaupun tidak berdasarkan kepada sesuatu nas secara tertentu. Abdul Wahab Khallaf (2003: 10) mengemukakan definisi *siyasah syar'iyah* sebagai mengatur pentadbiran awam dalam pemerintahan bagi memenuhi kemaslahatan (kebaikan) dan menolak kemudaratan selagi mana tidak melampaui batasan syariat dan prinsip umum. Walaupun tidak selaras dengan pandangan para imam mujtahidin. Berikutnya, Khallaf menjelaskan bahawa yang dimaksud dengan pentadbiran awam ialah segala hal ehwal atau selok-belok negara yang memerlukan pengaturan dalam kehidupan mereka, misalnya di bidang perundang-undangan, kehakiman, kekuasaan, kewangan dan moneter, pelaksanaan dan hubungan antabangsa, persoalan dalam negeri dan luar negeri dan lain-lain (2003: 10).

Menurut Abdul Aziz Dahlan (1996: 1267), kajian yang berkenaan dengan persoalan *siyasah shar'iyah* pada prinsipnya meliputi tiga aspek utama, iaitu tentang *dusturiyah*, *kharijiyyah* dan *maaliyah*.

Aspek *dusturiyyah* adalah aspek-aspek yang berhubungan dengan persoalan ketatanegaraan yang meliputi aturan pemerintahan, prinsip dasar yang

berkaitan dengan pendirian suatu pemerintahan, serta aturan-aturan yang berkait dengan hak-hak pribadi, masyarakat dan negara. Aspek *kharijiyyah* adalah aspek-aspek yang berhubungan dengan kebijakan luar negeri, seperti hubungan antar negara, iaitu antara negara yang satu dengan negara yang lain, kaidah-kaidah yang melandasi hubungan tersebut dan tata aturan tentang keadaan perang dan damai. Sedangkan aspek *maaliyah* adalah aspek-aspek yang berhubungan dengan harta kekayaan negara, iaitu sumber-sumber kewangan dan belanja negara.

Dengan demikian, penyelidikan atas persoalan hubungan antara Islam dan negara dimaksud dalam kajian ini merupakan bagian dari pemikiran politik Islam atau *siyasah syar'iyah* dan masuk dalam bidang *dusturiyah*, iaitu berkait dengan masalah-masalah ketatanegaraan (Kamaruzzaman, 2001: 8).

Selanjutnya, dinamika pemikiran politik Islam yang terus mengalami perkembangan tidak hanya didominasi oleh para pemikir yang disebut sebagai intelektual, ilmuwan atau cendekiawan Muslim sahaja, akan tetapi juga oleh para negarawan. Kerana, secara praktik, para negarawan yang berkecimpung dalam urusan kenegaraan tentu lebih akrab dengan aktiviti politik kenegaraan.

Menurut Pratiknya (1986: 3), pemikir, intelektual, ilmuwan atau cendekiawan adalah orang yang kerana pendidikannya, baik melalui pendidikan di institusi pendidikan mahupun tidak formal mempunyai perilaku yang cendekia, yang tergambar dari kemampuannya dalam menatap, menafsirkan, dan merespons lingkungan sekitar dengan sifat kritis, kreatif, objektif, analitis, dan bertanggungjawab. Sehingga, dengan sifat-sifat tersebut akan menjadikan

seorang cendekiawan memiliki wawasan dan pandangan yang luas, yang tidak dibatasi oleh ruang mahupun waktu.

Martin van Bruinessen (2003: 159) mendefinisikan kelompok intelektual Muslim ini, dengan cara memperbandingkannya terhadap kelompok ulama di satu pihak dan kaum intelektual sekular di pihak lain. Menurut Bruinessen berbeza dengan kaum intelektual sekular, cendekiawan Muslim memiliki perhatian dan komitmen yang kuat terhadap Islam dan umat Islam. Namun sebagaimana kaum intelektual sekular, kaum intelektual Muslim menaruh perhatian pada persoalan-persoalan penting bagi masyarakatnya dan menyokong pembentukan opini publik dengan turut serta dalam perdebatan-perdebatan di bidang awam. Hal ini membezakannya dengan para ulama, yang umumnya cenderung hanya memperhatikan persoalan-persoalan yang langsung berkaitan dengan permasalahan keagamaan. Kerana, sebagai penterjemah ajaran Islam, cendekiawan Muslim melibatkan diri dengan realiti sosial dan politik dari masyarakat kontemporari, serta implikasi-implikasi falsafah dan moral dari modenitas. Selain itu, pendekatan terhadap ayat-ayat al-Quran dan kaedah-kaedah penafsiran yang digunakan kaum intelektual Muslim lebih berwawasan aliran moden dalam falsafah dan hermeneutik. Hal tersebut disebabkan kerana mereka pada umumnya mendapat pendidikan di luar institusi pendidikan keagamaan tradisional, walaupun banyak pula yang cukup menguasai kajian Islam klasik.

Dawam Rahardjo (1999: 41) membahagikan pemikir atau cendekiawan Muslim ke dalam tiga karakteristik, iaitu: Pertama, ulama-cendekiawan, ialah cendekiawan yang berasas pada pendidikan agama, dan pengetahuan umum

mereka perolehi melalui proses outodidak (belajar secara persendirian) atau memang menjalani pendidikan umum lanjutan. Kedua, cendekiawan-ulama, ialah kaum cendekiawan yang berasas pada pendidikan umum dan pengetahuan agama yang biasanya mereka dapatkan dalam pendidikan keluarga, pendidikan agama tingkat menengah atau outodidak. Ketiga, tipa cendekiawan yang berbasis pada pendidikan umum dan pengetahuan agama mereka relatif minim dibandingkan kedua-dua tipa cendekiawan di atas. Walaupun dasar pengetahuan agama mereka minim, tetapi mereka memiliki kemampuan untuk dapat mengaktualisasikan diri sebagai seorang cendekiawan dan komitmen perjuangan yang tinggi untuk membangunkan Islam bagi diri sendiri mahupun orang lain, baik di bidang yang berkaitan dengan perkembangan agama mahupun perubahan sosial pada umumnya.

Azyumardi Azra (1998) merincikan beberapa ciri dari seorang pemikir atau intelektual Muslim, iaitu: (1) prihatin dengan realiti semasa membabitkan kemunduran anggota masyarakat; (2) terlibat secara langsung di dalam proses mencari punca kelemahan umat Islam dan memikirkan jalan penyelesaian yang terbaik; (3) kesanggupan berkorban demi meningkatkan kalimah Allah; (4) menjalinkan hubungan luar dengan umat Islam sedunia; (5) usaha memperlengkapkan diri dengan segala bentuk ilmu dunia dan akhirat; (6) terbuka dengan pendapat dan ilmu asing secara bertapis; dan (7) membabitkan diri dengan merangka program untuk menghadapi permasalahan yang bakal timbul di dalam masyarakat.



### 2.3 Gerakan Pemikiran Islam

Pelbagai permasalahan penting menyangkut kehidupan umat Islam, seperti kemunduran dalam kehidupan politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan budaya, keterbelakangan, kelemahan dalam berpikir dan pengembangan ilmu pengetahuan, rusaknya tamadun, penjajahan (*imperialisme* atau *kolonialisme*), terjadinya stagnasi dalam pemikiran dan sebagainya telah mendorong para pemikir Islam untuk menganalisis sebab-sebab terjadinya kemunduran tersebut terhadap dunia Islam dan menyerukan perlunya usaha-usaha serius untuk kebangkitan Islam (Riduan Mohd. Nor, 2009). Dari sinilah kemudian muncul pelbagai gerakan dengan karakteristiknya masing-masing; pengembangan, pemikiran Islam, kemajuan, pembaharuan, atau pun pemurnian ajaran Islam yang bisa dilihat dari tiga dimensi; pemurnian akidah, kebangkitan pemikir Islam, dan gerakan keIslaman.

Perkembangan pemikiran di dunia Muslim itu sendiri pada dasarnya adalah suatu kesatuan untuk membangkitkan kembali kejayaan Islam yang pernah hilang. Peristiwa-peristiwa yang berlaku menunjukkan bahawa fenomena kebangkitan atau kebangunan Islam, paling tidak secara lahiriah adalah suatu gejala yang sesungguhnya kait berkait. Kerananya pelbagai gerakan dan seruan kebangkitan di beberapa negeri Islam; Arab Saudi, Mesir, Turki, India dan Asia Tenggara dianggap sebagai manifestasi pemunculan kembali nilai-nilai Islam secara signifikan (Setiawan, 2007). Gerakan yang tersebar di seluruh dunia Islam ini menjadi begitu penting berikutan kejayaan revolusi Islam di Iran yang akhirnya menjadikan Iran sebagai sebuah kerajaan Islam pada tahun 1979 (Muhammad Abd. Rauf, 1991: 1).

Gerakan kebangkitan dan pembaharuan Islam ini semula dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghani (1838-1897), seorang pembaharu Muslim akhir abad ke-19 dan pantas disebut sebagai 'Bapak Nasionalisme Muslim Modern'. Sambil melakukan perjalanan dari India ke Mesir, Jamaluddin al-Afghani giat menyerukan pelbagai gagasannya untuk kebangkitan Islam.

Menurut Jamaluddin al-Afghani antara sebab kemunduran yang dialami oleh umat Islam di merata negara bukanlah kerana agama Islam tidak sesuai dengan perubahan dan kondisi zaman. Tetapi, kemunduran umat Islam dikeranakan oleh umat Islam itu sendiri yang telah meninggalkan ajaran Islam yang sebenar dan mengikuti ajaran-ajaran yang datang dari luar lagi asing bagi Islam. Tambah lagi dengan penjajahan, perpecahan di kalangan umat Islam, lemahnya persatuan dan rasa persaudaraan, pemerintahan yang absolut, para pemimpin yang khianat, para pentadbir negara yang tidak pakar, dan mengabaikan masalah pertahanan militer. Cara untuk memperbaiki kemunduran dan keterbelakangan umat Islam tersebut menurut Al-Afghani adalah dengan melenyapkan kesalahfahaman terhadap Islam dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, corak pemerintahan yang harus demokrasi dan menjamin kebebasan berpendapat, kepala negara harus tunduk kepada hukum dan mengadakan mesyuarat (*syura*) dengan pemimpin-pemimpin masyarakat yang memiliki banyak pengalaman.

Di samping itu, perkara utama yang harus dilakukan adalah meningkatkan dan mewujudkan rasa persaudaraan serta persatuan umat (Pan Islami). Kerana, dengan bersatu dan mengadakan kerjasama yang harmonis, umat Islam akan dapat kembali memperoleh kejayaan dan kemajuan (Harun Nasution, 1990: 56).

Al-Afghani juga menyerukan agar kaum Muslimin menentang imprealisme, meraih kemerdekaan politik dan mengupayakan kembali kebangunan intelektual umat yang berakar pada ajaran Islam sebenar (Harun Nasution, 1990: 55).

Al-Afghani berkeyakinan bahawa kebangunan dan kejayaan kembali Islam hanya mungkin wujud apabila umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang murni; perlawanan terhadap kolonialisme dan dominasi Barat; stabilitas politik, kemapanan ekonomi maupun kebudayaan; serta keunggulan yang setanding dengan Barat dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi. Oleh itu, boleh sahaja bagi umat Islam untuk mengadopsi dan menggali ilmu dan teknologi Barat untuk kejayaan kembali dunia Islam, namun harus tetap tapis dan kritis (Munawir Sjadzali, 1993: 124).

Gagasan dan gerakan pembaharuan Al-Afghani seterusnya diteruskan kembali murid-muridnya. Di mana tesis bahawa kemerdekaan dan pembaharuan Islam merupakan syarat untuk memulihkan kekuatan dan kejayaan Islam yang telah hilang menjadi paradigma utama perjuangan mereka. Murid-murid Al-Afghani kemudian, seperti Syekh Muhammad Abduh (1849-1905) dan Syekh Muhammad Rasyid Ridha (1865-1935) dari Mesir dengan majalah pembaharunya, *Al-Manar*, serta gerakan-gerakan *Salafiyah* yang mencuba untuk meneruskan doktrin-doktrin klasik Islam sebagai dasar pembaharuan politik, hukum, dan intelektual Islam. Pengaruhnya sangat terasa di seluruh dunia Muslim ketika itu dengan diberitakannya gerakan-gerakan kemerdekaan dan nasionalisme Muslim, dari negara-negara yang berada di Afrika Utara hingga negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Bermula dari sinilah kemudian berkembang pelbagai gerakan pemikiran Islam diberbagai negara Islam yang menawarkan perubahan dan pembaruan dalam seluruh aspek kehidupan masyarakat Islam.

#### **2.4 Tipologi Gerakan Pemikiran Islam**

Menurut Munawir Sjadzali (1993: 115), ada tiga hal yang melatarbelakangi berkembangnya pemikiran Islam pada tempoh moden yang bermula sejak abad ke-19 sehingga sekarang. Pertama, kemunduran dan kerapuhan dunia Islam yang disebabkan oleh faktor-faktor dalaman yang mengakibatkan munculnya gerakan-gerakan pembaharuan dan pemurnian. Kedua, rongrongan negara-negara Barat terhadap keutuhan kuasa politik dan wilayah dunia Islam yang berakhir dengan dominasi dan penjajahan oleh negara-negara Barat atas sebahagian besar wilayah dunia Islam serta berkembangnya semangat permusuhan dan sikap anti Barat di kalangan umat Islam. Ketiga, keunggulan negara-negara Barat dalam bidang ilmu, teknologi, dan organisasi. Oleh itu, perdebatan panjang telah mewarnai sejumlah aktiviti intelektual di kalangan umat Islam sebagai respons atas ideologi moden. Gerakan pembaharuan (modernisasi) Islam yang bermatlamat kepada kebangkitan Islam dan dilandasi oleh reformasi keagamaan telah menjelma dalam pelbagai bentuk gerakan dan gagasan pemikiran.

Gerakan dan gagasan tersebut menurut Musthafa Umar (2003: 406) terbahagi kepada empat kelompok. Kelompok pertama diwakili oleh kalangan ulama konservatif yang cenderung menolak apa pun yang datang dari Barat. Kelompok ini berupaya untuk mengembalikan Islam kepada kejayaan semula. Kelompok kedua adalah dari kalangan modenis yang amnya bersetuju dan

terpesona oleh kemajuan yang diraih oleh Barat dan menganggap Barat sebagai kaedah tunggal untuk mengejar ketertinggalan umat Islam. Kelompok ketiga adalah kelompok yang berusaha untuk mengubahsuai dan mengkombinasikan antara sistem Barat dengan sistem Islam. Kelompok keempat adalah kelompok fundamentalis yang eksklusif dan reaktif. Kelompok ini meyakini bahawa kebangkitan Islam harus dilakukan dengan kekuatan, bahkan mengarah kepada gerakan revolusioner. Kerana, mereka percaya bahawa hanya Islam sebagai satu-satunya alternatif bagi kehidupan berbangsa dan bernegara.

Menurut Fazlur Rahman (Azhar, 2006; Syifa Amin, 2006; dan Setiawan, 2007), pelbagai gerakan pemikiran Islam yang telah berkembang dan menawarkan perubahan dan pembaharuan (*tajdid*) dimaksud terbahagi ke dalam empat tipologi atau kategori, iaitu *revivalisme pra-modenis*, *modenisme klasik*, *neo-revivalisme*, dan *neo-modenisme*.

#### **2.4.1 Revivalisme Pra-Modenis**

Gerakan pemikiran Islam revivalisme pra-modenis ini muncul pada abad ke-18 dan 19 di Arabia, India, dan Afrika, yang dipelopori oleh gerakan seperti *Wahabiyah* di Saudi Arabia, *Sanusiyah* di Afrika Utara, dan *Fulaniyah* di Afrika Barat.

Gerakan pemikiran yang digaungkan oleh pemikir Islam tersebut memperlihatkan sejumlah karakteristik umum seiring dengan kondisi kehidupan umat Islam yang mengitarinya, seperti keprihatinan yang mendalam terhadap degradasi sosial-moral umat Islam dan usaha untuk mengubahnya; himbauan untuk kembali kepada Islam murni dan menghilangkan mitos atau tahayul yang

bertentangan dengan ajaran Islam, meninggalkan gagasan tentang keamanan dan tamat mazhab-mazhab hukum serta berusaha untuk melaksanakan *ijtihad*; himbauan untuk mengembangkan pola berfikir sebab akibat berdasarkan pendekatan ilmu; dan himbauan untuk melaksanakan pembaharuan ini lewat kekuatan militer atau bersenjata (*jihad*) apabila diperlukan.

#### **2.4.2 Modernisme Klasik**

Gerakan pemikiran Islam modernisme klasik merupakan lanjutan dari revivalisme pra-modernis. Gerakan ini muncul pada pertengahan abad ke-19 dan awal ke-20 di bawah pengaruh idea-idea Barat, dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghani di seluruh Timur Tengah, Syed Ahmad Khan di India, dan Muhammad Abduh di Mesir.

Dalam gerakan pemikiran Islam modernisme klasik muncul pemikiran perluasan terhadap materi-materi *ijtihad*<sup>1</sup> yang sebelumnya dianggap masih terlalu sempit dan hanya berkisar pada persoalan hukum fiqah. Menurut gerakan ini, materi *ijtihad* mestinya juga berkaitan dengan persoalan-persoalan lain yang dihadapi oleh umat Islam dalam kehidupan mereka, seperti hubungan antara akal dan wahyu, pembaharuan sosial, khususnya dalam bidang pendidikan dan status wanita serta pembaharuan politik dan bentuk-bentuk pemerintahan yang representatif serta konstitusional, lantaran kontaknya dengan pemikiran dan masyarakat Eropah-Barat.

---

<sup>1</sup>Menurut peristilahan fiqah, *ijtihad* bermakna pencurahan fikiran sedalam-dalamnya oleh seorang ahli hukum Islam (ahli fiqah atau *faqih*) untuk memperoleh suatu perkiraan atau menetapkan hukum suatu perkara berdasarkan kepada al-Quran, Hadis, *ijma'* (kesepakatan), dan *qiyas* atau perbandingan (Ahmad Amin, 1987: 249).

Menurut Fazlur Rahman usaha modenisme klasik dalam melahirkan hubungan yang baik antara pranata-pranata Barat dengan tradisi Islam melalui sumber al-Quran dan Nabi, merupakan suatu prestasi besar yang tidak bersifat arifisial atau terpaksa. Tetapi, hakikat penafsiran Islam gerakan ini mereka sandarkan daripada al-Quran dan 'Sunnah Historis' (yakni biografi Nabi).

### **2.4.3 Neo-Revivalisme**

Gerakan pemikiran Islam neo-revivalisme atau revivalisme pasca-modenis yang mendapat pengaruh kuat dari modenisme klasik, seperti dalam mendukung gagasan demokrasi dan mempraktikkan bentuk pendidikan Islam yang relatif telah dimodenkan dan asas pemikiran bahawa Islam itu merangkumi segala aspek kehidupan manusia, baik individual maupun kolektif. Namun kerana usahanya untuk membezakan identiti diri dari Barat, maka neo-revivalisme merupakan reaksi terhadap modenisme klasik. Mereka tidak menerima kaedah atau semangat modenisme klasik; dan tidak mampu mengembangkan metodologi apapun untuk mengesahkan kedudukannya, selain berusaha membezakan Islam dari Barat. Abu al-A`la al-Maududi (1903-1979) dengan *Jemaat Islami*-nya menjadi model bagi gerakan ini.

### **2.4.4 Neo-Modenisme**

Gerakan pemikiran Islam yang keempat adalah neo-modenisme, yang dipelopori oleh Fazlur Rahman (1919-1998). Oleh itu, kebangkitan semula dan pembaharuan adalah tema asas dalam pemikiran Fazlur Rahman. Kategori *tajdid* dan *ijtihad* menjadi elemen utama dalam tajuk pemikiran semula Islam beliau (Fazlur Rahman, 2000: 7)

Gerakan pemikiran ini muncul tidak hanya di bawah pengaruh neo-revivalisme, tetapi juga merupakan cabaran terhadapnya. Dengan tegas Fazlur Rahman (Azhar, 2006: 1) mengatakan dua agenda utama gerakan ini. Pertama, neo-modernisme Islam berusaha mengembangkan sikap kritis terhadap Barat mahupun warisan-warisan kesejarahannya sendiri. Kaum Muslimin harus mengkaji dunia Barat dan gagasan mahupun ajaran-ajaran dalam sejarah keagamanya sendiri. Bila hal ini tidak dikaji secara objektif, maka kejayaannya dalam menghadapi dunia moden merupakan suatu hal yang mustahil, bahkan kelangsungan hidupnya sebagai Muslim akan sangat meragukan. Kedua, merombak kembali asal-usul dan pembangunan keseluruhan tradisi Islam, dengan cara al-Quran dan Sunnah Rasul didekati, ditangani dan ditafsirkan. Artinya, umat Islam harus dapat membezakan secara jeli antara Islam normatif dan Islam historis, dan dalam memahami al-Quran perlu dibezakan aspek ideal moral (sebagai tujuan) dengan syarat-syarat legal-spesifik, di mana aspek ideal moral yang lebih pantas diterapkan.

Neo-modernisme Islam ini, sebagaimana dinyatakan Fazlur Rahman sendiri, ingin merajut kembali kekayaan tradisi Muslim lalu dikemas secara metodologi untuk disesuaikan dengan perkembangan zaman. Dalam kaitan ini Fazlur Rahman (dalam Azhar, 2006) menyatakan:

Sekarang kaum Muslimin di seluruh dunia sedang mengalihkan perhatian mereka kepada penafsiran semula Islam sesuai dengan konteks zaman moden. Maka satu-satunya jalan, yang dapat mereka tempuh adalah merumuskan kembali garis-garis kebijaksanaan yang positif, sesuai dengan keperluan-keperluan kontemporari dan berdasarkan petunjuk-petunjuk sosial dan moral yang diberikan oleh Islam. Kerana kita menyedari bahawa dalam beberapa abad ini ilmu pengetahuan Islam dapat dikatakan lebih bersifat mekanikal dan semantik daripada tafsiran saintifik, maka betapapun kecil dan bersahajanya perjuangan kita adalah



untuk mencairkan kebekuan di dalam dunia pemikiran Islam baik di dalam agama mahupun moral.

Ciri lain dari neo-modernisme Islam ini adalah metodologi penafsiran al-Quran harus dilakukan dengan gerakan ganda (*double movement*) dari situasi sekarang ke masa al-Quran diturunkan dan kembali ke masa kini.

Fazlur Rahman (dalam Setiawan, 2006) mengkritik dua kelemahan yang menjadi pangkal kesesakan pemikiran dari kaum modenis. Pertama, kaum modenis dalam pendekatan mereka terhadap al-Quran bersifat pilih-pilih. Mereka tidak dengan jelas mengusahakan adanya kaedah untuk tafsiran yang sistematik dan komprehensif terhadap al-Quran dan Sunnah guna melandasi konsep Islam tentang moral dan undang-undang, dan untuk mengoreksi pelbagai kekurangan dari sistem klasik Islam. Kedua, banyak kaum modenis yang menunjukkan kecenderungan membahayakan kerana sikap apologetik mereka berkenaan dengan beberapa hal tertentu yang penting, terutamanya bila memberi tafsiran pada sejarah Islam.

Adapun wacana pemikiran Islam kontemporari berikutnya dipelopori oleh ramai tokoh intelektual Islam, misalnya Mohammed Arkoun (Aljazair); Muhammad Naquib al-Attas (Malaysia) dan Ismail Raji al-Faruqi (Palestin-Amerika Syarikat) yang keduanya dikenal sebagai pelopor *Islamization of Knowledge*; Seyyed Hossein Nasr (Iran) dengan paradigma *spiritualitas dan tradisionalitas Islam*; Hassan Hanafi (Mesir) dengan *Islamic Left* (Islam kiri); Asghar Ali Engineer (India) dengan konsep *teologi pembebasan*; Mahmoud Thaha, Abdullah Ahmed an-Na'im dengan *Dekonstruksi Syariah*; Nashr Hamid Abu Zayd (Mesir) dengan *hermeneutik* (kritik teks) pemahaman keagamaan, iaitu

al-Quran; Mohamed Abed Al-Jabiri (Maroko) dengan teori *Bayani, Burhani* dan *'Irfani*; Muhammad Syahrur (Suriah) yang dikenal dengan teori *Nazhariyyat al-Hudud*; Abdul Karim Soroush (Iran) dengan teori 'penyusutan dan pengembangan Islam'; dan Nurcholish Madjid (Indonesia) dengan 'sekularisasi Islam'-nya, dan lain-lain (Azhar, 2006).

R. Hrair Dekmejian (dalam Supriyadi, 2007: 83) membagi gerakan pembaharuan Islam kepada empat tipa, iaitu *Gradualis-Adaptasionis, Syi'ah Revolusioner, Sunni Revolusioner* dan *Mesianis-Primitif*.

Gradualis-Adaptasionis adalah tipa gerakan yang memiliki ciri bertahap dalam menjalan gerakannya dengan mengikuti kebijakan negara, fleksibiliti dan adaptif terhadap ideologi-ideologi dan program dengan kondisi moden.

Tipa Syi'ah Revolusioner sebagai varian dari Republik Islam Iran merupakan aliran yang keras dan bersumber kepada ideologi Syi'ah, Ayatollah Khomeini (Pemimpin Revolusi Islam Iran, 1979) yang terdiri dari *Hizb al-Dakwah, Jihad al-Islam*, dan *Amal Islam*.

Tipa Sunni Revolusioner, secara geneologis berakar dari pemikiran-pemikiran Ibnu Hanbal, Ibnu Hazm, Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim, Ibnu Katsir, dan Ibnu Abd al-Wahhab. Ciri-ciri dari tipa gerakan ini adalah militansi dan semangat jihad dalam mempertahankan Islam, perpaduan antara ideologi pembaharu dan aktiviti sosial dan politik, menerima adanya kuasa keagamaan dan siap menderita demi mempertahankan keyakinan keagamaan, seperti yang nampak pada organisasi Ikhwan al-Muslimin.

Tipa Mesianis Primitif adalah suatu tipa gerakan yang sangat puritan dan menokohkan seorang figur sebagai 'juru selamat'. Gerakan ini berusaha untuk mencontohi kehidupan Nabi saw, bahkan menentang inovasi modenitas.

Supriyadi (2007: 84), dengan memodifikasi tipologi gerakan pembaharuan dan kebangkitan Islam di atas menghuraikannya ke dalam jadual 2.1 berikut:

Jadual 2.1  
*Tipologi Gerakan Kebangkitan Islam Berbasis Ideologi*

Tipologi	Gerakan Kelompok Islam
Gradualis-Adaptasionis	Ikhwan al-Muslimin (Mesir, Irak, negara-negara teluk, Sudan, Yordania, Afrika Utara)
Syi'ah Revolusioner	Partai Republik Islam (Iran) Hizb al-Dakwah Hizbullah Jihad al-Islami (Lebanon) Al-Jihad (Mesir) Organisasi Pembebasan Islam (Mesir)
Syi'ah Sunni	Ikhwan al-Muslimin (Suriah) Jama'ah Abu Dzarr (Suriah) Hizb al-Tahrir (Yordania, Suriah) Jama'at Islam (Pakistan)
Mesianis-Primitif	Al-Ikhwan (Saudi Arabia) Tafkir wal Hijrah (Mesir) Mahdiyah (Sudan) Jama'at al-Muslimin li Tafkir (Mesir)

Pemikiran pembaharuan Islam yang muncul sebagai respons terhadap dunia moden sejak Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, Rasyid Ridha, Rifa'ah al-Tahtawi, Ali Abd al-Raziq, Hasan al-Banna, Syed Quthub, sampai Thaha Husein dan pemikir-pemikir semasa seterusnya, sebagaimana disimpulkan Azyumardi Azra (1996: 3-5) memang cukup beragam, sehingga sulit dikategorikan secara sederhana. Tetapi suatu hal yang jelas, bahawa telah berlaku evolusi pemikiran pembaharuan sejak *salafisme* (fundamentalisme atau

neo-salafisme), *modenism*, *westernisme*, dan akhirnya *sekularisme*. Kemudian, menyangkut konsep politik, terjadi pula evolusi pemikiran pembaharuan sejak dari Pan Islamisme, Pan Arabisme sampai kepada nasionalisme tempatan.

## **2.5 Pemikiran tentang Islam dan Negara**

Antara isu aktual yang ramai dibicarakan oleh para sarjana berkenaan dengan Islam dan negara adalah berkait hubungan antara keduanya. Hubungan antara agama dan negara dalam Islam telah sejak lama dibicarakan oleh sejumlah tokoh ilmuwan dan pemikir politik Islam, mulai dari zaman klasik hingga pada masa sekarang ini. Berikut diuraikan pelbagai idea dan gagasan pemikiran politik Islam, utamanya para pemikir politik Islam semasa.

### **2.5.1 Perhubungan Islam dan Negara**

Menurut Bahtiar Effendy (2008) berkembangnya pemikiran baru Islam sejak dua dekad ini didorong oleh krisis yang dihadapi oleh komuniti politik Islam. Kerananya, perkembangan luar biasa dari gerakan pemikiran Islam yang terjadi tidak hanya menyangkut atau berkaitan dengan pemahaman akan ajaran Islam dalam konteks peribadatan, kedudukan wahyu dan akal, hukum dan syariat Islam, akan tetapi juga menyangkut dan berkaitan dengan pemikiran Islam dalam konteks kenegaraan, yakni politik Islam. Bahkan, perbincangan tentang Islam dan politik atau Islam dan negara ini telah melahirkan ramai tokoh-tokoh Islam yang telah menyumbangkan teori dan pemikiran mereka, bermula dari tempoh klasik, pertengahan, hingga moden (kontemporari).

Tempoh klasik yang berlangsung sejak abad ke-7 hingga abad ke-1 M dikatakan sebagai masa pengembangan, integrasi dan keemasan Islam ditandai dengan munculnya pelbagai tokoh dan pemikir politik Islam, seperti Ibnu Abi Rabi (833-842 M) yang menulis *Suluk al-Malik fi Tadbir al-Mamalik*, Al-Farabi (870-950 M) yang menulis *Ara Ahl al-Madinah Fadhillah* dan *Al-Siyasah al-Madaniyah*, Al-Mawardi (975-1059 M) yang menulis *Al-Ahkam al-Sulthaniyah fi al-Wilayah al-Diniyah*, Al-Ghazali (1058-1111 M) yang menulis *Ihya Ulum al-Din*, dan lain-lain (Syarif & Zada, 2008: 30).

Menurut Ibnu Syarif & Khamami Zada (2008: 30), sekurang-kurangnya ada dua ciri yang menonjol dari pemikiran politik Islam di zaman klasik ini. Pertama, adanya pengaruh alam fikiran Yunani, terutama pandangan Plato tentang asal-usul negara, meskipun kadar pengaruhnya tidak sama. Kerana, para pemikir politik Islam tidak mengambil begitu saja atau secara sekular (*profan*) teori yang ada, tetapi mendapat dasar justifikasi atau mengelaborasinya sesuai dengan konsep Islam. Sebagaimana yang dilakukan oleh Al-Farabi dan Al-Mawardi. Al-Farabi menegaskan bahawa tujuan bernegara tidaklah semata-mata keperluan lahiriah, tetapi juga keperluan rohaniah dan akhirat. Sedangkan Al-Mawardi menjelaskan bahawa negara dibentuk untuk meneruskan misi kenabian guna melindungi agama dan mengatur dunia. Kedua, pemikiran politik yang berkembang lebih banyak berpijak pada atau respon terhadap kondisi sosial-politik yang terjadi.

Tempoh pertengahan yang berlangsung sejak abad ke-14 hingga abad ke-19 M ditandai dengan hancurnya Dinasti Abbasiyah kerana serangan tentara Mongol pada tahun 1258 M, yang mengakibatkan tidak hanya hancurnya kota

Baghdad sebagai pusat tamadun Islam, akan tetapi juga mengakibatkan pada kemunduran kekuatan dan perubahan orientasi pemikiran politik Islam serta terpuruknya dunia Islam. Kemunduran diberbagai bidang kehidupan, terjadinya perpecahan, dan keadaan sosial-politik yang carut-marut mendorong lahirnya pemikir politik Islam yang cenderung untuk membangkitkan kekuatan Islam dengan mengkaji sebab-musabab dan mencari solusinya. Para pemikir Islam dimaksud di antaranya adalah Ibnu Taimiyah (1263-1328 M) menulis *Al-Siyasah al-Syar'iyah fi Ishlah al-Ra'i wa al-Ra'iyah*, Ibnu Khaldun (1332-1406 M) menulis *Al-Muqaddimah*, dan Syah Waliyullah al-Dahlawi (1702-1762 M) (Syarif & Zada, 2008: 35).

Tempoh moden yang berlangsung sejak abad ke-19 M ditandai dengan imprealisme dan kolonialisme (penjajahan) yang melanda negeri-negeri Muslim. Hampir seluruh dunia Islam berada di bawah penguasaan dan penjajahan negara-negara Barat. Sehingga seruan dan usaha untuk kebangkitan kembali Islam pun diseru oleh ramai pemikir Muslim.

Dari pelbagai pemikiran yang telah dihasilkan oleh para pemikir politik Islam semasa tersebut setidaknya ada tiga paradigma yang berbeza dalam melihat hubungan antara Islam dan negara (Sjadzali, 1993: 1, 205, 235; Din Syamsuddin, 1999; Abdillah, Kamaruddin, 2006; 2007: 134; Syarif & Zada, 2008: 39).

#### **2.5.1.1 Paradigma Integral**

Berkenaan dengan hubungan antara Islam dan negara, kelompok pertama ini menyatakan bahawa Islam bukanlah semata-mata agama, sebagaimana yang

umumnya difahami oleh Barat, yakni hanya menyangkut hubungan antara manusia dengan Tuhan. Namun, Islam adalah satu agama yang sempurna dan lengkap dengan segala peraturannya yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia, termasuk aspek kehidupan berbangsa dan bernegara.

Dengan kata lain, aliran pertama ini pada prinsipnya menyatakan bahawa: Pertama, Islam adalah suatu agama yang serba lengkap, di dalamnya meliputi pula peraturan atau sistem tentang ketatanegaraan atau politik. Oleh kerananya dalam kehidupan bernegara, umat Islam hendaknya mengambil dan kembali kepada sistem ketatanegaraan Islam, dan tidak perlu untuk meniru, apalagi memakai sistem kenegaraan Barat. Kedua, sistem ketatanegaraan atau politik Islam yang harus diteladani adalah sistem yang telah dilaksanakan atau dipraktikkan oleh Nabi Muhammad saw dan oleh *al-Khulafa al-Rasyidin* (khalifah yang empat; Abu Bakar, Umar bin Khattab, Utsman bin Affan, dan Ali bin Abi Thalib) semasa di Madinah, bukan sistem yang lain.

Islam dalam konteks ini menurut mereka bukan hanya sistem teologi, tetapi juga sebuah jalan hidup yang mengandungi standard etika dan moral, dan juga undang-undang yang diterima pakai dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Itulah sebabnya, mereka mendakwa bahawa Nabi Muhammad tidak hanya seorang utusan (Rasul), tetapi juga seorang ketua negara, seorang hakim, bahkan panglima perang. Prinsip-prinsip umum seperti kepercayaan (*amanah*), keadilan (*'adalah*), ketaatan pada undang-undang, mesyuarat (*syura*), persamaan (*musawah*), persaudaraan (*ukhuwah*), keamanan (*silm*), pluralisme (*ta'addudiyah*), dan kontrak sosial (*amar maaruf nahi mungkar*), terlihat dengan jelas dalam praktik kepimpinannya.

Dengan demikian, kelompok pertama ini menegaskan bahawa, agama dan politik adalah satu kesatuan yang tak terpisahkan (*integrated paradigm*). Kerananya, dalam pandangan kelompok ini negara tidak bisa dipisahkan dari agama. Sebab tugas negara adalah menegakkan agama, sehingga negara Islam atau Khilafah Islamiah menjadi cita-cita bersama dan syariat Islam harus menjadi undang-undang negara yang dipraktikkan untuk seluruh umat Islam (Syarif & Zada, 2008: 39). Tegaknya negara adalah satu-satunya cara yang disyariatkan untuk melaksanakan undang-undang Islam dalam kehidupan manusia dan Islam tidak dapat terwujud dalam kehidupan, kecuali ia mempunyai institusi negara yang menerapkan hukum-hukumnya di segala aspek (Syarif & Zada, 2008: 82).

Inti pandangan mereka terhadap Islam dan negara tersimpul dalam slogan *din wa daulah*, yang bermakna bahawa: (1) sistem pemerintahan dalam negara-negara Islam merupakan inti dari ajaran Islam, (2) politik merupakan bahagian dari Islam, kerananya praktik berpolitik bererti praktik beragama. Dengan kata lain tidak ada perbezaan antara agama dan politik, (3) kewajipan mendirikan negara Islam berdasarkan, baik perundang-undangan mahupun pelaksanaan syariat Islam, (4) dasar dari negara Islam adalah *manhaj Islami* dan sistem moral Islam (Syarif & Zada, 2008: 81).

Adapun tokoh-tokoh pemikir Muslim yang bersetuju dan masuk dalam kelompok aliran pertama ini, antaranya ialah Abu al-A'la al-Maududi (1903-1979; pengasas Jama'at Islami di Pakistan), Hasan al-Banna (pengasas Ikhwanul Muslimin di Mesir), Syed Quthb (1906-1966; ideologi gerakan Ikhwanul Muslimin



dan penulis Tafsir *Fii Zhilal al-Qur'an*)<sup>2</sup>, Muhammad Rasyid Ridha (penulis Tafsir *Al-Manar*), dan Ayatollah Khomeini (Pemimpin Revolusi Islam Iran, 1979). Mereka dinamakan sebagai kelompok pemikir *konservatif-tradisionalis* atau kelompok *integralisme* (Syarif & Zada, 2008: 39).

Menurut Maududi ada tiga perkara dasar yang melandasi pemikiran Islam dan kenegaraan. Pertama, Islam adalah suatu agama yang paripurna, lengkap dengan petunjuk untuk mengatur semua segi kehidupan manusia, termasuk kehidupan politik. Oleh kerananya dalam kehidupan bernegara, umat Islam tidak perlu atau bahkan dilarang untuk meniru sistem yang lain (sistem Barat misalnya). Cukuplah sistem Islam dengan menunjuk kepada politik semasa Nabi saw dan *al-Khulafa al-Rasyidin* di Madinah sebagai model atau contoh sistem kenegaraan yang patut diterapkan umat Islam. Kedua, kuasa tertinggi, yang dalam istilah politik disebut kedaulatan adalah milik dan pada Allah, manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi hanyalah pelaksana dari kedaulatan tersebut dan harus tunduk kepada ketentuan atau hukum yang telah diberikan oleh Allah sebagai pemilik kedaulatan mutlak. Kerana itu, gagasan kedaulatan rakyat tidak dibenarkan dan bertentangan dengan konsep ini. Kuasa rakyat terhad dan tidak mutlak dan harus tunduk pada supremasi syariah. Ketiga, sistem politik Islam adalah suatu sistem yang bersifat universal dan tidak mengenal batas-batas atau ikatan-ikatan geografi, bahasa, dan kebangsaan

---

<sup>2</sup>Sedikit tokoh pemikir dan intelektual Islam yang tetap berkarya, apalagi menghasilkan karya tulis dalam bentuk tafsir al-Quran, ketika mendekam dalam penjara. Tafsir al-Quran *Fii Zhilal al-Qur'an* karya tulis Sayyid Quthub ini adalah satu di antaranya. Selain Quthub, tokoh ilmuwan lainnya seperti Ibnu Taimiyah, Abu al-A'la al-Maududi, dan Prof Dr. Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Buya Hamka) juga menyelesaikan tafsir mereka ketika mendekam dalam penjara.

(nasionalisme), ianya hanya diikat oleh persamaan akan akidah (Sjadzali, 1993: 66).

Dalam bukunya yang berjudul *Khilafah wa al-Mulk* misalnya, Maududi menyatakan dengan tegas bahawa sebuah negara Islam yang dibangun haruslah didasarkan pada syariat.

Untuk lebih memahami pemikiran Maududi berkenaan dengan Islam dan Kenegaraan, sebagaimana ilustrasi Supriyadi (2007: 97) dapat dilihat dari jadual 2.2 berikut:

Jadual 2.2  
*Konsep Abu al-A'la al-Maududi tentang Pemerintahan*

No.	Konsep	Pemikiran
1.	Kepemimpinan	Wakil atau delegasi Allah semata, khalifah (Kepala Negara) adalah manusia-manusia Muslim yang bersifat kekhalifahan umum.
2.	Kedaulatan	Kedaulatan mutlak adalah milik Allah, kedaulatan rakyat terbatas.
3.	Bentuk Negara	<i>Kingdom of God</i> atau Teokrasi (tetapi bukan seperti teokrasi yang ada di negara-negara Eropah) atau pula teodemokrasi.
4.	Proses Konstitusi	Dengan ahlu al-halli wa al-aqdi, majelis syura sejalan dengan pendapat rakyat.
5.	Asas Negara	Berlandaskan kepada ideologi (agama), oleh itu tidak didasarkan pada ras, suku, bahasa, atau batas geografi.
6.	Proses Penyelenggaraan Negara	Dengan badan eksekutif, legislatif, dan judikatif.
7.	Prinsip Bernegara	Syura (mesyuarat), keadilan, ketaatan kepada ulil amri, persamaan kebebasan beragama, dan kemaslahatan.

Untuk mewujudkan gagasannya tentang Islam dan kenegaraan, Maududi telah menubuhkan *Jamaat-i Islami* pada tahun 1941. *Jamaat-i Islami* dalam

gerak perjuangannya sangat menekankan aplikasi ajaran Islam secara keseluruhan (*kaffah*), dalam seluruh lapangan kehidupan, termasuk dalam hal berbangsa dan bernegara. Dalam pandangan Esposito (1987: 119) mahupun Sjadzali (1991: 163) jelas apabila tujuan ditubuhkannya *Jamaat-i Islami* adalah untuk memberi realisasi yang konkrit terhadap konsep 'kesalehan jamaah', yang oleh Maududi dianggap sebagai jawapan atas dilema politik Muslim India masa itu.

Tak jauh berbeza dengan pandangan Maududi, menurut Syed Quthub Islam adalah akidah yang fitrah, tempat bersumbernya tingkahlaku dalam masyarakat dan menjadi sistem kehidupan manusia yang praktikal dan sempurna. Merangkumi segala aspek dan kegiatan manusia dalam kehidupannya, baik kehidupan keluarga, kemasyarakatan mahupun bernegara. Ia menentukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan bidang kehidupan tersebut.

Di dalam bukunya *Al-Adalah al-Ijtima'iyah fi al-Islam* (Keadilan Sosial dalam Islam) Quthub mengemukakan tiga perkara pokok berkenaan dengan Islam dan negara, iaitu:

Pertama, semua segi agama Islam merupakan satu kesatuan; ibadat dan muamalat, politik pemerintahan dan politik pemilikan, dan unsur-unsur yang lainnya, semuanya merupakan bahagian-bahagian yang sejajar, saling lengkap-melengkapi, menjadi satu, dan tak terpisah (Quthub, 1984: 121). Politik Islam adalah politik yang bersifat universal tanpa di batasi oleh fanatisme ras dan kedaerahan (nasionalisme), bahkan fanatisme keagamaan. Setiap wilayah Islam

merupakan bahagian dari keseluruhan dunia Islam dan semua warganya memiliki hak-hak yang sama (1984: 124).

Kedua, sistem politik dibangun di atas dua konsepsi dasar, yakni jaminan persamaan dan tujuan untuk merealisasikan kesatuan manusia dalam bidang ibadat dan sistem kemasyarakatan (Quthub, 1984: 129). Negara Islam menjamin hak-hak semua warganya, sekalipun mereka bukan orang Islam.

Ketiga, menurut Quthub (1984: 129) politik pemerintahan dalam Islam dibangun atas tiga prinsip dasar yang berfungsi sebagai garis-garis besar pentadbiran negara, iaitu:

1. Keadilan penguasa: "Sesungguhnya Allah memerintah kamu untuk berlaku adil" (QS. an-Nahl: 90).<sup>3</sup>
2. Ketaatan rakyat: "Hai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan orang-orang yang memegang kuasa di antara kamu" (QS. an-Nisa: 59).
3. Mesyuarat antara penguasa dengan rakyat: "dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan ini" (QS. Ali Imran: 159).

Oleh itu, sumber kuasa yang tertinggi adalah Allah sebagai pengatur alam semesta. Kerananya, manusia harus berpegang kepada sistem, kekuasaan, dan kebijaksanaan yang telah ditetapkan oleh Allah. Tunduk kepada segala peraturan dan undang-undang yang telah dibuat Allah dalam penciptaan dan pertumbuhan

---

<sup>3</sup>Hal yang sama berkenaan dengan keadilan menurut Quthub juga disinggung oleh al-Quran dalam ayat yang lain, antaranya pada QS. an-Nisa: 58, QS. al-Maa'idah: 8, dan QS. al-An'am: 152.

mereka. Sebaliknya, manusia tidak boleh menyeleweng, apalagi mengadakan sistem sendiri, kuasa sendiri, dan kebijaksanaan sendiri di luar tatacara Allah (Quthub, 1980: 49). Kerajaan Tuhan di atas bumi baru dapat berdiri kalau yang mempunyai hak perintah itu adalah syariat Allah dan semua persoalan dikembalikan kepada Allah sesuai dengan syariat yang diterangkan dengan jelas yang telah ditetapkan Allah (Quthub, 1980: 68).

#### **2.5.1.2 Paradigma Sekularistik**

Kelompok kedua berpendirian bahawa Islam adalah agama dalam pengertian dan umumnya difahami Barat, iaitu semata-mata agama dan hanya mengurus masalah hubungan antara manusia dengan Tuhan, kerana itu tidak ada hubungannya dengan urusan atau masalah kenegaraan. Dengan kata lain, agama harus dipisahkan dengan negara. Menurut kelompok ini, Nabi Muhammad saw hanyalah seorang Rasul biasa, seperti halnya dengan Rasul-Rasul yang telah diutus sebelumnya. Tugasnya hanyalah mengajak manusia untuk kembali kepada kehidupan yang mulia dengan menjunjung tinggi budi pekerti luhur, dan Nabi saw tidak pernah bermaksud untuk mendirikan ataupun memimpin satu negara. Kerana itu, Islam secara tegas tidak pernah memerintah dan mewajibkan umat Islam untuk mendirikan negara Islam ataupun menjalankan model pemerintahan Islam berbentuk khilafah sebagaimana yang dipraktikkan Nabi saw selama di Madinah. Dengan demikian kelompok kedua ini menolak pendapat yang menyatakan bahawa antara agama dan negara memiliki hubungan yang penting maupun hubungan yang simbiotik. Mereka berpandangan bahawa antara agama dan negara terpisah (*secularistik paradigma*), sehingga menolak pendasaran negara pada Islam atau pula determinasi Islam dalam negara (Syarif & Zada, 2008: 89).

Kelompok kedua ini dinamakan dengan kelompok pemikir *liberal-sekuleristik* atau kelompok pemikir *sekularisme* (Syarif & Zada, 2008: 39). Tokoh-tokoh terkemuka dari kelompok ini antaranya adalah Ali Abd al-Raziq (1888-1965; penulis buku: *Al-Islam wa Ushul al-Hukm: Ba'ts fi al-Khilafah wa al-Hukumah fi al-Islam*), Thaha Husein (1889-1973; penulis buku *Mustaqbal al-Tsaqafah fi Mishr*), dan Mustafa Kemal Attaturk (pendiri Republik Turki Moden).

Menurut Raziq, tugas utama kerasulan yang telah disandangkan oleh Allah di bahu para Nabi-Nya adalah menyampaikan risalah kenabian yang memuatkan pokok-pokok ajaran moral. Kerana itu menurut pemahaman dan keyakinan Abd al-Raziq Islam adalah agama moral dan Nabi Muhammad diutus kepada bangsa Arab untuk memperbaiki moralitas mereka. Kerananya Nabi saw sendiri menyatakan bahawa beliau diutus untuk memperbaiki budi pekerti, akhlak manusia: "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia" (Hadis). Sehingga ketika Nabi Muhammad membangun masyarakat Islam di Madinah, beliau tidak pernah menyatakan satu bentuk pemerintahan yang harus dilaksanakan dan tidak pula memberikan perintah kepada para penerus atau penggantinya (Khulafa al-Rasyidin) untuk membuat satu sistem politik tertentu (Raziq, 1985: 108).

Raziq menyatakan bahawa apa yang difahami oleh sebahagian besar umat Islam bahawa Islam menganjurkan kepada umatnya untuk mendirikan negara dengan sistem politik, aturan perundang-undangan, serta pemerintahan yang Islami adalah hipotesis yang keliru. Kerana fakta sejarah menunjukkan bahawa apa yang dianggap sistem Islami tak lain merupakan ijtihad politik dan

pemikiran-pemikiran yang telah dihasilkan oleh para tokoh-tokoh Islam sesudah meninggalnya Nabi saw.

Sebagai bukti bahawa Nabi tidak punya misi untuk mendirikan Negara Islam adalah kenyataan bahawa Nabi tidak menentukan pemerintahan kekal selepas meninggal. Dalam hal ini Raziq mencontohkan dan bersandar pada perbezaan tatacara pemilihan Abu Bakar dan sistem pemerintahan yang dijalankannya dengan yang dilaksanakan oleh Umar bin Khattab. Begitu pula dengan prosedur pemilihan dan jalannya pemerintahan masa Khalifah Utsman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib. Atau pun sistem khilafah model Bani Umayyah dan Abbasiyah yang tak lebih dari hasil ijtihad politik sebahagian orang-orang dari golongan mereka. Kerana itu Raziq menganggap bahawa khilafah bukanlah suatu keharusan yang bersifat mutlak. Adapun alur fikiran Raziq tentang Islam dan kenegaraan (pemerintahan) sebagaimana digambarkan Supriyadi (2007: 88) dapatkan dilihat dari jadual 2.3 berikut:

Jadual 2.3

*Konsep Ali Abd al-Raziq tentang Pemerintahan*

No.	Konsep	Pemikiran
1.	Kepemimpinan	Kepemimpinan dunia semata bukan agama; agama dan politik dipisahkan secara tajam.
2.	Rasulullah	Pemimpin agama bukanlah pemimpin politik, sedang pemimpin politik adalah tuntutan keperluan bukan tuntutan agama.
3.	Pemerintahan dan Kepemimpinan	Keduanya sama-sama berfungsi sebagai misi Nabi dalam memimpin dunia, sementara tokoh pemikir yang lain membedakannya.
4.	Hukum Kepemimpinan	Wajib aqli berdasar pada ijma' dan yang lainnya berdasarkan syarii.
5.	Ikatan Keagamaan	Sesuatu yang logis, tetapi tidak harus diikuti oleh dan dengan ikatan politik.
6.	Kesatuan Politik	Tidak sejalan dengan faham pluralisme yang sudah menjadi sunnatullah yang akan melahirkan dinamika.

Muhammad Rasyid Ridha menolak pandangan Raziq berkenaan dengan Islam dan kenegaraan yang sekular dan menyeleweng dari data dan fakta yang sebenarnya (dalam Kafie, 1983: 7). Bahkan, Muhammad Dhiyauddin ar-Rais dalam bukunya *Al Islam wa al Khalifah fi al Ashr al Hadits: Naqd Kitab al Islam wa Ushul al Hukm* menduga kuat bahawa buku Raziq tersebut sebenarnya bukan karangan beliau, namun karangan seorang Yahudi bernama Margoliouth yang menjabat Profesor Bahasa Arab di Inggeris (1985: 143).

Buku lain yang secara spesifik juga membantah tulisan dan pendapat pemikiran Raziq tersebut, antaranya adalah *Naqd Kitab al-Islam wa Ushul al-*



*Hukm*, oleh Syekh Muhammad al-Khidr Husain (Mufti Besar Perguruan Tinggi Al-Azhar Mesir), *Naqd Ilmi li Kitabal Islam wa Ushul al-Hukm*, oleh Syekh Muhammad al-Thaher bin Ashur (Mufti dari mazhab Maliki di Tunisia), dan *Mabadi Nizam al Hukm fi al-Islam*, oleh Prof. Abdul al-Hamid Mutwalli (Thayib, 1983: 40).

Walaupun kelompok yang kontra begitu keras mengkritik pemikiran Raziq, namun ada juga kelompok intelektual Islam yang bersimpati dan mengikuti pandangan sekularisme Raziq, di antaranya adalah Thaha Husein (1889-1973).

Menurut Thaha Husein, tidak ada yang salah jika umat Islam meniru Eropah (Barat), kerana dengan meniru Eropah bererti mengambil kembali hak warisan mereka, sebab Eropah dulunya memperoleh semangat ilmu pengetahuan dari bangsa Arab (Maryam Jameelah, 1982: 199). Itulah sebabnya tegas Thaha Husein, untuk mengukur kemajuan yang telah dicapai, haruslah berdasarkan pada ukuran sejauh mana mengambil budaya Barat. Kemudian, pemerintahan yang tepat haruslah pemerintahan yang dibangun berdasarkan semangat nasionalisme dan bersifat sekular dengan undang-undang yang disesuaikan kepada sistem Barat daripada dengan ajaran Islam (Maryam Jameelah, 1982: 197).

Di antara gagasan penting Thaha Husein yang menarik dicermati ada dua. Pertama, kejayaan dan kemakmuran dunia Islam dapat terwujud kembali bukan dengan jalan kembali kepada ajaran Islam yang lama dan juga bukan dengan mengadakan reformasi atau pembaharuan ajaran Islam, tetapi dengan perubahan-perubahan total yang bernafas liberal dan sekular dengan berkiblat ke

Barat. Kedua, dari awal sejarahnya Islam dan negara selalu terpisah. Umat Islam mesti sadar terhadap suatu prinsip yang sekarang ini telah diakui secara universal bahawa sistem politik dan agama itu dua hal yang terpisah, dan bahawa konstitusi dan pengaturan negara itu didasarkan pada landasan-landasan yang praktis (Munawir Sjadzali, 1993: 139).

Sampai sekarang pemikiran sekularisme versi Raziq maupun Thaha Husein masih banyak pengikutnya, terutama kelompok-kelompok pemikir yang berfahaman liberal, contohnya aliran 'Islam Liberal'.

### **2.5.1.3 Paradigma Simbiotik**

Kelompok ketiga menolak pendapat yang menyatakan bahawa Islam adalah suatu agama yang serba lengkap dan dalam Islam terdapat sistem ketatanegaraan. Kelompok ini juga menolak anggapan bahawa Islam adalah agama dalam pengertian Barat yang hanya mengatur hubungan antara manusia dengan Tuhan. Kelompok ini menyatakan bahawa dalam Islam tidak terdapat sistem ketatanegaraan, yang ada hanyalah seperangkat tata nilai etika bagi kehidupan bernegara. Kerana itu, maka tidak menjadi masalah sistem dan bentuk pemerintahan apapun yang dipakai oleh umat Islam, apakah kerajaan, republik, parlementer, dan lain-lain. Hal yang utama menurut kelompok ini adalah, bagaimana tata nilai etika yang telah digariskan oleh Islam dalam rangka kehidupan berbangsa dan bernegara tersebut dalam wujud secara nyata dalam praktik dan jalannya pemerintahan.

Dengan kata lain, kelompok ini berpandangan bahawa agama dengan negara atau politik sebenarnya telah melakukan simbiotik atau hubungan timbal

balik yang saling bergantung dan memerlukan (*symbiotic paradigm*). Sehingga, agama membutuhkan negara untuk dapat berkembang dan menegakkan aturan-aturan syariat, sementara negara membutuhkan agama untuk mendapatkan legitimitasi, bimbingan moral, dan etika. Kerananya, baik agama maupun negara sebenarnya sama-sama memiliki kedudukan yang penting (Syarif & Zada, 2008: 41, 86).

Kelompok yang ketiga ini dinamakan dengan kelompok pemikir *moderat* atau kelompok pemikir *interseksion* (Syarif & Zada, 2008: 39). Di antara tokoh-tokoh terkemuka dari kelompok ketiga ini adalah Muhammad Abduh (tokoh pembaharu asal Mesir), Muhammad Iqbal (1873-1938; pemikir Muslim asal Pakistan dan penulis buku *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*), Muhammad Husein Haekal (1888-1956; pemikir Muslim asal Mesir, penulis buku *Hayatu Muhammad, Fi Manzil al-Wahyi*, dan *Al-Hukumat al-Islamiah*), dan Fazlur Rahman (pemikir dan pembaharu asal Pakistan yang menulis buku tentang *Islam, Islam and Modernity*, dan *Major Themes of the Qur'an*).

Berkenaan dengan pemikiran Islam dan Kenegaraan, Iqbal bersetuju dengan konsep tentang negara Islam. Dalam sebuah buku yang ditulisnya, Iqbal menyatakan bahawa tujuan negara Islam adalah menerima prinsip-prinsip Islam dan kemudian berupaya mewujudkannya dalam sejarah kehidupan manusia melalui suatu organisasi manusia tertentu. Kerana, dalam pandangan Iqbal, Nabi Muhammad tidak hanya utusan Tuhan, melainkan juga teladan terbaik yang harus diikuti oleh masyarakat Islam. Bahkan, lebih dari itu, Nabi Muhammad pun juga menjadi Nabi-Negarawan masyarakat Islam pertama yang ada di Madinah dan mempelopori terbentuknya suatu masyarakat yang hidup bersama

berdasarkan kebebasan, persamaan, dan persaudaraan, yakni masyarakat egalitarian (1986: 154). Sehingga, tentu saja dalam perjalanan kehidupannya, ia mencerminkan relasi yang kuat dan integral antara agama dan negara.

Bagi Iqbal, tauhid adalah prinsip yang mempersatukan masyarakat, sumber mutlak dan paling ideal dari persamaan, solidaritas, dan kemerdekaan; tauhid adalah jiwa dan tubuh masyarakat Islam (1986: 21-23). Oleh itu, konstitusi atau *weltanschauung* negara Islam yang merupakan perwujudan dari doktrin tauhid tersebut, tentu saja harus didasarkan pada dua hal utama, iaitu supremasi hukum (syariat Islam) yang *blue print* fundamen untuk mengatur, membimbing, mengawasi, dan menjaga keseimbangan serta persamaan hidup dalam masyarakat Islam (1986: 37) dan persamaan (*egalitarian*) semua orang yang berada di bawahnya (rakyat) yang berakar pada doktrin tauhid (keesaan Tuhan) dan misi kenabian (QS. al-Hujurat: 13), yang menyatakan bahawa: “Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa di antara kamu”.

Pemikiran dan penekanan Iqbal atas prinsip persamaan dan persaudaraan telah membawanya pada satu verifikasi penting, bahawa demokrasi menurutnya adalah cita-cita politik paling penting dalam Islam. Demokrasi yang dimaksudkan Iqbal di sini tentu sahaja bukanlah demokrasi Barat, sebab demokrasi Barat menurut Iqbal hanya suatu sistem yang didasarkan pada hitungan, bukan pada pertimbangan. Demokrasi bagi Iqbal adalah sebuah sistem pemerintahan yang didasarkan pada prinsip-prinsip pokok keadilan dan keseimbangan, di mana kepentingan setiap orang Muslim harus melebur ke dalam kepentingan Islam (Esposito, 1985: 221). Kerananya, menurut

Iqbal, menjadi satu kewajiban bagi masyarakat Islam untuk menumbuhkan dan memupuk kembali faham demokrasi yang demikian, iaitu demokrasi yang dilaksanakan oleh individu-individu yang selalu tunduk kepada hukum Tuhan (Bilgrami, 1979: 82).

Pemikiran Iqbal tentang negara Islam sebagai sebuah wadah bagi komunitas Muslim, yang rakyatnya memiliki pemahaman dan keyakinan agama yang sama, tidak lain merupakan wadah bagi umat Islam untuk melaksanakan kebebasan, persamaan, dan persaudaraan. Prinsip ini menjadi justifikasi bagi Iqbal untuk menolak nasionalisme wilayah, yang menurutnya bertolak belakang dengan konsep persaudaraan universal yang telah digagas dan ditegakkan oleh Nabi Muhammad saw. Sebab, cita-cita politik Islam yang utama adalah terbentuknya suatu bangsa yang lahir dari peleburan semua ras dan kebangsaan. Itulah sebabnya, Iqbal menolak setiap pemahaman apapun tentang negara dan bangsa yang hanya didasarkan pada batas-batas geografi atau nasionalisme kewilayahan, ras atau ikatan kebahasaan (Bilgrami, 1979: 81).

Berdasarkan huraian di atas, setidaknya ada empat hal mendasar konsepsi Iqbal mengenai politik atau Negara Islam, iaitu:

1. Landasan asasi Negara Islam adalah Tauhid-Keesaan Allah.
2. Negara Islam ditandai dengan prinsip kepatuhan kepada hukum yang telah ditetapkan oleh Tuhan (Syariat).
3. Dalam negara Islam semua orang dijamin dan mendapat perlakuan yang sama; keamanan hidup dan kekayaan, kehormatan, kemerdekaan agama dan kepercayaan, kemerdekaan mengeluarkan pendapat dan kemerdekaan

bergerak, kemerdekaan bersyariat dan bekerja, dan persamaan kesempatan yang sama.

4. Negara Islam bersifat universal dan tidak dibatasi oleh suatu ikatan geografi, ras ataupun bahasa tertentu.

Akhirnya, untuk bisa mewujudkan sebuah negara Islam yang universal, tentu saja harus melalui proses yang panjang kata Iqbal dan mestinya ada dua hal utama yang harus dipenuhi terlebih dahulu oleh umat Islam. Pertama, setiap bangsa Muslim telah terlebih dahulu memperoleh kemerdekaan dan kedaulatan mereka atas negeri mereka sendiri, sehingga mereka memiliki kekuatan dan kemandirian untuk mengatur segala hal yang berhubungan dengan kehidupan berbangsa dan bernegara rakyatnya. Sekaligus sebagai prasyarat mewujudkan syariat Islam; sebab Islam tidak mungkin diterapkan dengan baik apabila tidak ada negara-negara Islam yang merdeka (Esposito, 1985: 219). Kedua, mereka bersatu dan kemudian bersama-sama membentuk suatu kesatuan (organisasi) yang kuat (Pan Islami) yang terdiri atas negara-negara yang sama-sama memiliki ikatan faham, yakni spiritual Islam.

Pemikir berikutnya yang juga memandang bahawa hubungan antara Islam dan Negara bersifat simbiotik adalah Muhammad Husein Haekal. Menurut Haekal, prinsip-prinsip dasar kehidupan kemasyarakatan yang diberikan oleh al-Quran dan Sunnah tidak ada yang langsung berkaitan dengan ketatanegaraan. Secara khusus, Islam tidak memberikan petunjuk yang langsung dan rinci tentang bagaimana umat Islam harus mengatur urusan kenegaraan. Islam hanya meletakkan prinsip-prinsip dasar bagi tamadun manusia atau ketentuan-ketentuan dasar yang mengatur perilaku manusia dalam kehidupan dan pergaulan

sesamanya, yang pada gilirannya akan mewarnai pola kehidupan politik mereka, iaitu keimanan (percaya) akan keesaan Tuhan (Tauhid), percaya tentang adanya hukum alam atau sunnah Allah yang pasti dan tidak pernah berubah, dan yang terakhir adalah prinsip persamaan.

Prinsip-prinsip dasar pemerintahan pada tempoh awal Islam berkembang dan dijiwai oleh semangat akan keimanan, yakni pengakuan bahawa Allah adalah Tuhan yang esa dan satu-satunya Tuhan yang wajib disembah. Berdasarkan prinsip-prinsip inilah kemudian, menurut Haekal berkembang prinsip-prinsip dasar seperti persamaan, persaudaraan, dan kebebasan (Sjadzali, 1993: 185).

Kerana itu, Islam tidak memberikan petunjuk yang langsung dan rinci tentang bagaimana umat Islam harus mengatur urusan kenegaraan, maka menurut Haekal tidak terdapat satu sistem pemerintahan yang baku. Kerana itu, umat Islam bebas memilih dan menganut sistem pemerintahan yang bagaimanapun, asalkan sistem tersebut dapat menjamin persamaan antara para warga negaranya, baik hak maupun kewajiban, dan juga di hadapan hukum, maka ia boleh diterapkan (Sjadzali, 1993: 188). Walau demikian, dalam hal pengelolaan urusan negara menurut Haekal harus diselenggarakan atas dasar *syura* atau mesyuarat, dengan berpegang kepada tata nilai moral dan etika yang diajarkan Islam bagi tamadun manusia. Dengan kata lain, menurut Haekal, sistem pemerintahan yang sesuai dengan ketentuan-ketentuan Islam adalah sistem yang mampu menjamin kebebasan dan berasaskan pada prinsip bahawa pengangkatan kepala negara/pemerintahan dan kebijaksanaannya harus atas persetujuan rakyat, kerana itu, rakyat berhak mengawasi pelaksanaan

pemerintahan dan meminta pertanggungjawaban dari para pelaksana pemerintahan (Sjadzali, 1993: 189).

Boleh disimpulkan bahawa antara agama dan negara dalam pandangan Haekal sesungguhnya berhubungan secara simbiotik, iaitu berhubungan secara timbal-balik dan saling memerlukan, kerana dengan kekuatan negara agama dapat berkembang secara baik dan meluas. Sebaliknya negara memerlukan agama, kerana dengan agama negara dapat membangun dalam bimbingan etika dan moral.

Tiga paradigma hubungan antara agama dan negara dalam pemikiran politik Islam sebagaimana telah dihuraikan di atas juga dikemukakan oleh Din Syamsuddin (2000: 42-43, 58-65), Kamaruddin (2006) yang boleh diringkaskan sebagai berikut.

**Pertama**, bersatunya agama dan negara. Ini mengandungi pengertian bahawa agama dan negara saling berintegrasi dan tidak dapat dipisahkan. Wilayah agama meliputi politik atau negara dan negara merupakan lembaga politik dan keagamaan serentak. Pemerintahan negara diuruskan atas dasar kedaulatan Tuhan (*divine sovereignty*), kerana memang kedaulatan itu difahami berasal dan mutlak berada di tangan Tuhan.

Paradigma ini mengharuskan adanya negara bagi umat Islam dalam corak negara teokrasi, biasanya dengan menegaskan Islam (syariah) sebagai konstitusi negara. Di mana dalam praktiknya model negara macam ini cenderung menamakan diri sebagai Negara Islam. Sebagai contoh, paradigma ini dianut



oleh kelompok Syi'ah yang memandang bahawa negara (*imamah*) adalah lembaga keagamaan dan mempunyai fungsi keagamaan pula.

Paradigma penyatuan agama dan negara ini juga menjadi dasar pemahaman kelompok 'fundamentalis Islam' yang menekankan totalitas Islam, iaitu bahawa Islam meliputi seluruh aspek kehidupan. Seperti yang nampak dari pandangan Maududi manakala beliau menyatakan bahawa Islam tidak mengenal pemisahan antara agama dan politik atau antara agama dan negara. Islam adalah sistem kehidupan yang sempurna dan meliputi seluruh tatanan kemasyarakatan; tidak ada yang lebih dan tidak ada yang kurang.

Ada dua kecenderungan yang berbeza dari kelompok ini dari sudut kaedah mencapai cita-cita dan tujuannya. Sebahagiannya ada yang menyakini bahawa penyatuan agama dan negara secara lebih rigid dan tidak mahu bertolak ansur, bahkan sanggup menempuhi apa kaedah, termasuk mengangkat senjata demi terlaksananya matlamat mereka. Sebahagian yang lainnya menganggap bahawa untuk mencapai tujuan mestilah dengan menggunakan cara yang bijaksana dan demokratik, sama sekali tidak boleh dengan jalan kekerasan yang merosak dan memusnahkan.

**Keduanya**, paradigma yang memandang bahawa agama dan negara berhubungan secara simbiotik iaitu berhubungan timbal-balik dan saling memerlukan. Dalam konteks ini agama memerlukan negara, kerana dengan negara, agama dapat berkembang; sebaliknya, negara juga memerlukan agama, sebab dengan agama maka negara dapat berkembang dan dibina mengikut kepada bimbingan etika dan moral.

Paradigma ini juga mengharuskan adanya lembaga negara bagi umat Islam tetapi dengan model yang demokrasi, yaitu melalui pendirian lembaga-lembaga demokrasi parlemen dan dengan pengangkatan kepemimpinan melalui pilihanraya yang demokratis.

Kelompok yang kedua ini memiliki pandangan pula bahawa negara merupakan instrument atau alat bagi pengembangan agama dan realisasi nilai-nilai agama, iaitu paradigma instrumental. Paradigma ini bertolak dari suatu anggapan bahawa Islam hanya membawa prinsip-prinsip dasar tentang kehidupan bernegara dan tidak menentukan bentuk tunggal. Mengikut kepada paradigma ini agama tidak berhubungan secara formal dan institusional dalam negara dan menolak pendasaran negara kepada Islam; atau paling tidak menolak determinasi Islam akan bentuk tertentu daripada negara. Sebagai gantinya dalam paradigma ini, agama dapat berperan untuk memberikan kontribusi nilai etik dan moral bagi perkembangan kehidupan politik dan kehidupan kenegaraan. Di samping itu, mereka juga menekankan substantifikasi Islam, iaitu melakukan pemaknaan nilai-nilai Islam secara hakiki ke dalam proses politik dan kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Berdasarkan perspektif paradigma ini, aktivitas politik umat Islam berada pada tataran kultural, iaitu mengembangkan landasan budaya bagi terwujudnya masyarakat utama sesuai dengan nilai-nilai atau prinsip Islam.

Kumpulan dari mereka yang berparadigma instrumental ini boleh pula dinamai kelompok substansialis kerana menggagasi bahawa dalam agama terdapat nilai-nilai *substance* dan universal yang berupa aspek etika dan moral

bernegara serta kehidupan bermasyarakat namun ianya tidaklah berbentuk formalistik dan legalistik.

Mengikut Bahtiar Effendy (2008) kelompok substansialis ialah kelompok pemikir Islam yang berusaha untuk mengembangkan format politik Islam yang lebih memperhatikan isi (*substance*) daripada simbol atau bentuk (*form*). Wacana politik Islam substansialistik diyakini boleh menjadi modal dasar untuk membangun sebuah sintesa hubungan antara Islam dan negara yang lebih harmoni berbanding pemikiran dan praktik politik Islam yang legalistik dan formalistik yang dianggap telah menyebabkan ketegangan hubungan antara Islam dan negara.

**Ketiganya**, paradigma bersifat sekularistik yang menolak adanya hubungan agama (Islam) dan negara; baik hubungan integralistik maupun hubungan simbiotik antara agama dan negara. Bagi mereka, agama hanya membicarakan hubungan spiritual antara manusia dengan Tuhan dan tiada kaitan langsung dengan urusan kehidupan manusia di dunia. Di sebut Ali Abd al-Raziq sebagai pelopor kecenderungan ini dan disokong oleh Thaha Husein dan segelintir orientalis. Sebagai gantinya mereka mengajukan pemisahan antara agama dan negara.

Mengikut Bahtiar Effendy (2008) kelompok substansialis ialah kelompok pemikir Islam yang berusaha untuk mengembangkan format politik Islam yang lebih memperhatikan isi (*substance*) daripada simbol atau bentuk (*form*). Wacana politik Islam substansialistik diyakini boleh menjadi modal dasar untuk membangun sebuah sintesa hubungan antara Islam dan negara yang lebih

harmoni berbanding pemikiran dan praktik politik Islam yang legalistik dan formalistik yang dianggap telah menyebabkan ketegangan hubungan antara Islam dan negara.

Tidak jauh berbeza dengan huraian di atas, Masykuri Abdillah (2007: 134) juga menyatakan perkara yang sama, bahawa dalam dunia Islam kontemporari terdapat tiga pendapat di antara intelektual Muslim mengenai doktrin Islam dan urusan kenegaraan, iaitu kelompok pemikir konservatif, kelompok pemikir sekularis, dan kelompok pemikir moden atau neo-modenis.

Kelompok pemikir konservatif mendukung konsep penyatuan antara negara dan agama, kerana menurut mereka, doktrin-doktrin Islam berisi sistem sosial yang komplit. Kelompok ini terdiri dari aliran *tradisionalis* yang menganut pemikiran tradisi dan praktik Islam klasik dengan tokohnya seperti Muhammad Rasyid Ridha dan Muhammad Taqiyuddin Nabhani (pengasas Hizb al-Tahrir), dan aliran *fundamentalis* yang menghendaki reformasi sistem politik secara menyeluruh berdasar pada ajaran Islam dan menolak sistem buatan manusia, dengan tokohnya seperti Syed Quthub, Abu al-A'la al-Maududi, dan Hasan Turabi (pemikir Muslim asal Sudan).

Kelompok pemikir sekular menyatakan bahawa antara Islam dan negara terpisah. Sebab, Islam tidak berbeza dengan agama-agama lain yang hanya berisi sistem teologis. Tokoh utama dari kelompok pemikir sekular ini adalah Ali Abd al-Raziq dan Thaha Husein.

Kelompok pemikir modenis atau neo-modenis menyatakan bahawa Islam hanya berisi prinsip-prinsip kehidupan sosial sehingga kaum Muslimin dapat mengembangkan sistem sosial mereka dengan inovasi atau imitasi terhadap sistem yang lain, khususnya sistem Barat. Tokoh pemikirnya adalah Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Husein Haekal.

Menurut Bahtiar Effendy (2007: 153), kelompok pemikir modenis seperti Husein Haekal, Fazlur Rahman atau Qamaruddin Khan mengakui bahawa al-Quran memang mengandung keputusan dan nilai etika tentang aktiviti sosial politik manusia, termasuk di dalamnya prinsip-prinsip keadilan, persamaan persaudaraan, dan kebebasan. Oleh kerana itu, selama negara menganut prinsip-prinsip semacam itu, maka negara tersebut sesuai dengan ajaran Islam. Kerana itu, dalam pandangan mereka, penegakkan sebuah negara Islam dalam istilah formal ideologis tidaklah signifikan, hal yang terpenting adalah bahawa negara menjamin eksistensi nilai-nilai dasar atau prinsip Islam. Sehingga, selama prinsip-prinsip ini dijaga, maka tidak ada alasan teologis ataupun religius untuk menolak idea kekuasaan rakyat, negara-bangsa sebagai kesatuan politik moden yang *legitimate*, dan prinsip-prinsip teori politik moden umum lainnya.

Berbeza dengan huraian sebelumnya, menurut Bahtiar Effendy (2007: 152) hanya ada dua aliran intelektual dalam pemikiran politik Islam. Meskipun keduanya mengakui arti penting prinsip Islam dalam semua bidang kehidupan, mereka berbeza dalam pemahaman dan tingkat kecocokannya dengan situasi moden dan nilai aplikatifnya dalam dunia nyata.

Aliran politik Islam yang pertama beranggapan bahawa Islam seharusnya menjadi landasan negara; syariah seharusnya diadopsi sebagai institusi negara, kekuasaan politik berada di tangan Tuhan, dan bahawa idea negara-bangsa moden itu bertentangan dengan konsep *ummah* yang tidak mengakui adanya batas politik. Kemudian, aliran politik Islam yang kedua berpandangan bahawa Islam tidak meletakkan pola bahagian yang jelas dan mutlak tentang teori negara atau teori politik untuk diikuti oleh umat. Namun demikian, kelompok pemikir politik Islam model kedua ini mengakui bahawa al-Quran benar-benar mengandung keputusan dan nilai etika tentang aktiviti sosial politik manusia. Termasuk di dalamnya prinsip-prinsip keadilan, persamaan persaudaraan, dan kebebasan, sehingga selama negara menganut prinsip-prinsip semacam itu, maka negara tersebut sesuai dengan ajaran Islam. Oleh sebab itu, dalam pandangan kelompok aliran ini, penegakkan sebuah negara Islam dalam istilah formal ideologis tidaklah signifikan, hal yang terpenting adalah bahawa negara menjamin eksistensi nilai-nilai dasar atau prinsip Islam. Sehingga, selama prinsip-prinsip ini dijaga, maka tidak ada alasan teologis untuk menolak idea kekuasaan rakyat, negara-bangsa sebagai kesatuan politik moden yang *legitimate*, dan prinsip-prinsip teori politik moden umum lainnya (Bahtiar Effendy, 2007: 153).

Boleh disimpulkan bahawa model teori yang pertama menggambarkan kecenderungan untuk menekankan aspek formal dan legal dari idealisme politik Islam. Secara khusus, model ini ditandai dengan semangat penerapan syariah secara langsung sebagai asas undang-undang negara. Sebaliknya, model teori politik Islam yang kedua lebih menekankan pada substansi daripada bangunan formal dan legal dari sebuah negara. Mengacu kepada karakter substansialis

(yang menekankan pada nilai keadilan, persamaan, mesyuarat, dan partisipasi yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam). Karakteristik ini memiliki potensi untuk memberikan pendekatan yang hidup dalam rangka menghubungkan Islam dengan politik moden yang di dalamnya negara-bangsa merupakan unsur yang utama (Bahtiar Effendy, 2007: 154).

Selari dengan huraian daripada Bahtiar Effendy, hal yang sama juga diutarakan oleh Kusmana (2004: 50) apabila menyatakan bahawa secara umum di kalangan kaum Muslimin terbagi dua kelompok dalam mendiskusikan hubungan antara Islam dan negara. Kelompok pertama menghendaki agar Islam dijadikan sebagai dasar negara. Mereka menyakini bahawa negara Islam sebagai model pemerintahan akan menjamin diamalkannya ajaran Islam di tengah-tengah masyarakat. Kelompok kedua menolak formalisasi agama dalam urusan kenegaraan, sebaliknya mereka memfokuskan pada pentingnya menumbuhkan dan membina masyarakat *religious* dan integrasi bangsa.

Terjadinya perbezaan paradigma hubungan agama dan negara, menurut Syarif & Zada (2008: 90) akan berimplikasi pada polarisasi pendekatan dalam memandang negara dan hubungannya dengan agama, yakni *skripturalistik*, *formalistik-substantifistik*, dan *sekularistik*. Kerana memang di dalam sejarahnya, pemikiran politik Islam akan selalu memperhadapkan dua pendekatan yang berbeza secara diametral. Kecenderungan inilah yang kemudian mendorong untuk melakukan pencarian paradigma relasi agama dan negara. Dalam konteks inilah, sejumlah pemikir politik Islam di zaman klasik, pertengahan, dan moden telah melakukan perdebatan tentang paradigma relasi Islam dan negara.

Perdebatan yang paling keras terjadi antara kelompok pemikir konservatif dengan sekularistik yang saling bertolak belakang paradigma pemikiran politik mereka. Mengikut Masykuri Abdillah (2007: 136-137), ada tiga orientasi pemikir Islam yang menolak gagasan sekularisme mengenai kedudukan Islam dalam kehidupan bernegara, iaitu: (1) Islam sebagai ideologi, dinyatakan oleh mereka yang berkomitmen melaksanakan syariah sebagai hukum positif atau bahkan sebagai dasar negara; (2) Islam sebagai sumber etika dan moralitas, ditunjukkan oleh mereka yang mendukung penerapan nilai-nilai dan etika Islam hanya dalam kehidupan masyarakat dan agama; dan (3) Islam sebagai sub ideologi, ditunjukkan oleh mereka yang mendukung nilai-nilai dan etika Islam juga syariah Islam sejauh memungkinkan untuk diterapkan dan dimasukkan dalam hukum nasional.

Berdasarkan huraian di atas, berkenaan dengan kerangka konseptual teori tentang hubungan antara Islam dan negara boleh dilihat dari jadual 2.4 seperti berikut:



Jadual 2.4 Hubungan Islam dan Negara

No.	Kelompok Pemikir	Gagasan Pemikiran	Tokoh Pemikir
1.	Integralistik Tradisionalis Fundamentalis Konservatif Formalistik (Integreted Paradgim)	<p>Islam adalah suatu agama yang serba lengkap mengatur kehidupan termasuk di bidang kenegaraan.</p> <p>Politik/kenegaraan merupakan bahagian dari Islam. Kerananya menjadi satu kewajipan mendirikan negara Islam berdasarkan syariat Islam.</p> <p>Sistem ketatanegaraan harus mengikut kepada sistem pemerintahan Nabi Muhammad saw dan <i>al-Khulafa al-Rasyidin</i>.</p> <p>Islam bersatu dengan negara.</p>	Al-Maududi Hasan Al-Banna Syed Quthub Rasyid Ridha
2.	Sekular (Secularistic Paradigm)	<p>Islam terpisah dengan negara.</p> <p>Islam hanya mengurus hubungan antara manusia dengan Tuhan, kerana itu tidak ada hubungannya dengan urusan/masalah kenegaraan.</p> <p>Islam tidak pernah memerintahkan dan mewajibkan umat Islam untuk mendirikan negara Islam ataupun menjalankan model pemerintahan Islam.</p>	Ali Abd al-Raziq Thaha Husein Kemal Attaturk
3.	Moderat Modenis Neo-Modenis Interseksion Substansialis (Symbiotic Paradigm)	<p>Islam dan negara berhubungan secara timbal balik (simbiotik) dan saling memerlukan.</p> <p>Islam mengandungi seperangkat tata nilai etika bagi kehidupan bernegara.</p> <p>Islam dan negara sama-sama memiliki kedudukan yang penting.</p>	Al-Afghani Muhammad Abduh Husein Haekal Muhammad Iqbal Fazlur Rahman

Pada akhirnya, perbezaan pandang mengenai hubungan antara Islam dan negara ini membawa impak pada persoalan; apakah keduanya tidak

seharusnya ditempatkan pada dua kutub yang berlawanan, dalam artian bahawa pelaksanaannya harus secara integral dan seimbang; atautah keduanya terjadi perbezaan seperti halnya teori kenegaraan Barat dan Kristen; atautah mengambil sintesis dari keduanya, di mana Islam memandang bahawa urusan negara merupakan tugas keduniaan tapi berdimensi keagamaan, kerana itu melaksanakan politik kenegaraan dapat disesuaikan dengan perkembangan tuntutan zaman dengan tanpa mengabaikan prinsip-prinsip dasar dari al-Quran dan Sunnah Nabi (Sirajuddin, 2007: 21).

Sememangnya sebagai salah satu subjek pembahasan dan isu penting, perdebatan tentang hubungan antara Islam dan ketatanegaraan terus berlanjut hingga sekarang, baik oleh kalangan intelektual dan pemikir Muslim mahupun oleh negarawan Muslim semasa.

## **2.6 Rumusan**

Bahagian ini telah membincangkan isu-isu penting berkenaan dengan Islam dan kenegaraan, gerakan dan tipologi pemikiran Islam, pelbagai idea dan gagasan pemikiran politik Islam semasa, dan tentang hubungan antara Islam dan Negara.

Secara teori, perkembangan dan dinamisasi pemikiran dalam Islam dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luar Islam, utamanya adalah faktor penggalakan pencarian dan penyelidikan ilmu serta ijtihad terhadap pelbagai persoalan yang berkembang.

Sedangkan Islam dan kenegaraan sebagai suatu tema aktual yang ramai diperbincangkan oleh para ahli akademik, intelektual dan pemikir Islam

(Sirajuddin, 2007) dan salah satu subjek pembahasan penting pada masa moden ini khasnya dalam politik Islam (Kusmana, 2004; Syarif & Zada, 2008) terus berkembang dari masa ke masa secara dinamik dan melahirkan banyak gagasan-gagasan yang menarik. Perbincangan terhadap tema yang dikenali pula dengan istilah *siyasah syar'iyah* ini melibatkan ramai ahli pemikir (cendekiawan, intelektual) dan ahli politik (pemimpin, negarawan) dari pelbagai kawasan dunia Islam. Berbeza dengan pemikiran tentang hubungan antara agama (Kristian) dan negara yang terhenti perkembangannya di dunia Barat sesudah pemisahan antara peran dan kuasa gereja dengan negara yang dikenali dengan teori sekular.

Ada tiga teori *siyasah syar'iyah* yang berhubungan dengan masalah kenegaraan atau *dusturiyah*. Teori pertama yang dipelopori oleh pemikir antaranya Hasan al-Banna, Rasyid Ridha, Sayyid Quthub, Abu al-A'la al-Maududi, Taqiyuddin al-Nabhani, Khomeini, menyokong bahawa Islam dan negara adalah kesatuan, sehingga mendirikan negara Islam dengan mengikut kepada sistem Islam menjadi suatu keharusan (paradigma integralistik). Teori kedua antaranya disokong oleh Ali Abd al-Raziq, Thaha Husien, dan Kemal Attaturk menegaskan berlawanan dengan teori pertama, kerana Islam tidak pernah memerintahkan dan mewajibkan umat Islam untuk mendirikan negara Islam ataupun menjalankan model pemerintahan Islam (paradigm sekularistik). Sedangkan teori ketiganya yang disokong oleh tokoh pemikir seperti Jamaluddin Afghani, Mohamad Abduh, Fazlur Rahman dan beberapa tokoh moden lainnya sepakat bahawa Islam dan negara berhubungan secara timbal balik dan saling memerlukan. Kerananya, Islam dan negara sama-sama memiliki kedudukan yang penting (paradigma simbiotik).

# **BAB 3**

## **METOD KAJIAN**

### **3.1 Pengenalan**

Bahagian ini membincangkan hal-hal berkaitan dengan pelaksanaan kajian, iaitu tentang jenis kajian, metod kajian, sumber data, prosedur data dan analisis data.

Kaedah kajian merupakan merupakan salah satu bahagian yang penting dalam melaksanakan suatu penyelidikan (Norhayati, 2007). Bennet et al. (2006) menegaskan bahawa metod kajian adalah suatu kumpulan prinsip yang memandu penyelidik untuk memilih kaedah yang paling sesuai untuk digunakan dalam sebuah penyelidikan yang dijalankan.

Sesuatu penyelidikan adalah bergantung kepada bukan sahaja tujuan penyelidikan dilakukan, tetapi juga bertumpu kepada cara penyelidik mendapatkan data dan seterusnya memproses data tersebut menjadi maklumat bagi mencapai matlamat penyelidikan. Oleh itu, kaedah kajian yang berkesan dan strategik bukan sahaja dapat menghasilkan data yang tepat tetapi juga dapat

membantu penyelidik mengurangkan risiko yang mungkin akan menjejaskan usaha penyelidikannya (Maziah, 2007).

### **3.2 Jenis Kajian**

Penyelidikan ini adalah kajian tokoh dengan memfokuskan kajian pada pokok-pokok pemikiran Mahathir Mohamad berkenaan dengan Islam dan kenegaraan. Kajian tokoh sebagaimana dikatakan Syahrin Harahap (2006: 7) termasuk dalam bidang pemikiran Islam, iaitu pengkajian secara sistematis terhadap pemikiran atau gagasan seorang pemikir Muslim, keseluruhannya atau sebahagiannya. Di samping itu, kajian tokoh memungkinkan kepada penyelidik untuk memandangkan seorang tokoh dalam konteks seluruh kehidupannya. Di mana, subjek kajian dipandang sebagai orang yang telah mengalami keberhasilan dan kegagalan, dan yang memandangkan ke masa hadapan dengan harapan dan kekhawatiran (Furchan & Maimun, 2005: 11).

Dalam konteks dunia akademik moden, terdapat kecenderungan di kalangan sarjana dari pelbagai disiplin pengajian, yang menumpukan kajian terhadap terhadap seseorang tokoh penting yang dilihat pernah memainkan peranan yang bermakna di dalam kehidupan bermasyarakat. Tren yang menggunakan kajian yang berbentuk memuir ini dilihat bukan terhad dibuat untuk kepentingan politik murahan semata-mata, bahkan turut membabitkan kajian ilmiah yang bersifat saintifik memperincikan biodata dan kaedah perjuangan yang diusahakan oleh seseorang tokoh pilihan mengikut konteks zamannya, demi untuk iktibar masyarakat di masa hadapan (Mohd. Kamil & Rahimin Affandi, 2007).

Menurut Furchan & Maimun (2005: 9), secara khusus, tujuan kajian tokoh adalah untuk (1) memperoleh gambaran tentang persepsi, motivasi, aspirasi dan ambisi sang tokoh terhadap bidang yang digelutinya, (2) memperoleh gambaran tentang teknik dan strategi yang digunakannya dalam melaksanakan bidang yang diceburinya, (3) memperoleh gambaran tentang bentuk-bentuk kejayaan sang tokoh berkaitan dengan bidang yang digelutinya, dan (4) dapat mengambil pelajaran dan teladan dari keberhasilan sang tokoh.

Dalam kajian ini, Mahathir yang dikenali dan didudukkan sebagai seorang tokoh; pemimpin, negarawan, mahupun pemikir, dijadikan sebagai fokus atau objek penyelidikan. Penetapan Mahathir sebagai objek penyelidikan mengikut kepada empat penunjuk utama yang disarankan oleh Furchan & Maimun (2005: 9), iaitu: berhasil di bidangnya, mempunyai karya-karya yang monumental, mempunyai pengaruh pada masyarakat luas, dan ketokohnya diakui.

Dalam Buku Majlis Konvokesyen Khas Sempena Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Pembangunan Kepada Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, ditegaskan bahawa sepanjang 22 tahun memegang jawatan pentadbiran tertinggi negara, banyak kemajuan dan pembangunan yang telah Mahathir rancang dan laksanakan. Mahathir telah membawa Malaysia ke persada kecemerlangan. Malaysia telah melalui pelbagai pembaharuan fizikal, mental dan sosial. Malaysia telah menjadi negara yang disegani dan dihormati di pentas dunia. Malaysia mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dikalangan negara-negara maju dunia. Kejayaan Malaysia sebagai negara membangun dan sebuah negara Islam yang unggul di rantau ini telah diiktiraf dunia.

Mahathir menurut Abdullah Ahmad (2009: 26) paling berjaya dari segi dasar dalam negara. Beliau arkitek yang membentuk dan mengisi zaman tenang dan damai yang telah membolehkan negara melalui perkembangan pesat, pemodenan, infrastruktur yang hebat serta peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia. Di bawah kepimpinan Mahathir, Malaysia bukan saja maju dalam segenap bidang malah kemajuan yang dicapai adalah menyeluruh dan tidak hanya terhad kepada kawasan bandar dan negeri-negeri yang telah pun maju sebelum ini seperti Selangor, Perak dan Pulau Pinang sahaja (Hashim Ahmad, 2003: 30). Itulah sebabnya, jasa dan perjuangan Mahathir tidak boleh terlupakan oleh generasi sekarang dan generasi akan datang dan wajar apabila Mahathir digelar sebagai 'Bapa Malaysia Moden'.

Mahathir juga berjaya melahirkan karya-karya yang monumental dalam bidang tulisan. Antara karya tulis Mahathir dalam bentuk buku yang sangat terkenal adalah *The Malay Dilemma* (Dilema Melayu), diterbitkan pada tahun 1970 dan *The Challenge* (Menghadapi Cabaran), diterbitkan pada tahun 1976. Hal ini disokong oleh keupayaan dan kemampuan Mahathir dalam menulis, sebagaimana pengakuan banyak tokoh.

Abdullah Ahmad (2009: 22) yang menulis Pendahuluan dan Komentari Terpilih dalam buku "Dr. Mahathir Mohamad: Warkah Terpilih Kepada Pemimpin Dunia", menegaskan pandangannya terhadap Mahathir sebagai seorang yang cukup petah bertutur dan amat mahir dalam menulis. Mengikut Pandian (2005: 33), kerana aktiviti menulisnya sehingga kini, semakin memperkokohkan dirinya sebagai seorang pemikir-intelektual. Menurut Idris Aman (2006: 97), Mahathir sebelum dan di peringkat awal penglibatannya dalam dunia kepimpinan negara

memang telah biasa menulis buah fikirannya. Malah semasa sibuk sebagai Perdana Menteri pun beliau sentiasa mempunyai masa untuk menulis. Sehingga, dalam konteks penulisan ini, sedikit sekali ditemui seorang negawaran sekaligus seorang pemikir, terlebih aktiviti yang produktif dalam menghasilkan karya-karya tulis, dan Mahathir adalah salah seorang di antara yang sedikit itu.

Begitu pun dengan pengaruh dan ketokohan Mahathir terhadap masyarakat luas tidak diragukan lagi. Kerana, idea, gagasan dan komitmen Mahathir untuk kemajuan umat Islam telah membolehkan kesan yang positif terhadap pelbagai keupayaan yang dilakukan untuk mengangkat martabat dan maruah orang Melayu. Mahathir telah berjaya atau sekurang-kurangnya hampir berjaya merubah dan membentuk semula pandangan alam Islam sebahagian besar orang Melayu (Hairudin Harun, 2001: 50); Proses Islamisasi Mahathir ('Islam Mahathir') telah memainkan peranan dalam merangka dan melaksanakan sesuatu dasar dan seterusnya menjadi tonggak legitimasi politik yang sedia ada (Pandian, 2005: 167).

### **3.3 Metod Kajian**

Metod yang digunakan dalam kajian ini adalah metod deskriptif analitis, iaitu suatu metod yang dipergunakan untuk mengkaji gagasan atau produk pemikiran manusia yang telah tertuang dalam bentuk media cetak, baik yang berbentuk naskah atau sumber primer mahupun naskah sekunder dengan melakukan studi kritikal terhadapnya (Suriasumantri, 2001: 68). Metod deskriptif analitis merupakan pengembangan dari metod deskriptif, iaitu metod yang berupaya untuk mendeskripsikan gagasan manusia tanpa suatu analisis yang bersifat kritikal.



Fokus kajian deskriptif analitis adalah berusaha untuk mendeskripsikan, membahas, dan mengkritik gagasan primer yang selanjutnya dikonfrontasikan dengan gagasan primer yang lain dalam usaha melakukan studi yang berupa komparatif, hubungan, atau pengembangan model (Suriasumantri, 2001: 69).

Untuk menghuraikan dan membincangkan data-data yang didapat, sesuai dengan permasalahan pokok yang telah ditetapkan dalam kajian ini, dilakukan melalui salah satu dari empat pendekatan sebagaimana yang disarankan oleh Vredenbeegt (dalam Bungin, 2003: 115), iaitu pendekatan tematik.

Dalam penyelidikan ini, pendekatan tematik dilakukan dengan dengan cara mendeskripsikan pemikiran atau pandangan dan gagasan Mahathir berdasarkan sejumlah tema (topik) sesuai dengan konsep-konsep yang umum dipakai berkenaan dengan Islam dan kenegaraan. Dalam aplikasinya, pendekatan ini bersifat analitis, sehingga dapat membezakan antara pemikiran Mahathir dengan pemikiran tokoh yang lain.

### **3.4 Pengumpulan dan Sumber Data**

Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data sekaligus menjadi sumber didapatnya data dalam penyelidikan ini adalah kajian bibliografi, perbincangan dan dokumentasi.

Kajian bibliografi adalah suatu penyelidikan yang dilakukan hanya berdasarkan atas karya tertulis, termasuk hasil penelitian baik yang telah mahupun yang belum dipublikasikan (Ellyawan, 2007). Mengikut Purwono (2006), kajian bibliografi atau studi kepustakaan adalah segala usaha yang

dilakukan oleh peneliti untuk menghimpun maklumat yang relevan dengan topik atau masalah yang akan atau sedang diselidik. Maklumat tersebut boleh diperolehi dari buku-buku ilmiah, laporan penyelidikan, karangan ilmiah, tesis dan disertasi, peraturan-peraturan, ketetapan-ketetapan, buku tahunan, ensiklopedia, dan sumber-sumber bertulis baik bercetak maupun elektronik lain.

Bahan kepustakaan dapat berupa sumber primer (*primary source*) mahupun sekunder (*secondary source*). Bahan kepustakaan yang merupakan sumber primer adalah karangan original yang ditulis oleh seorang tokoh yang menjadi objek penyelidikan. Bahan kepustakaan semacam ini dapat berupa buku, rencana atau artikel, *autobiography*, warkah, sarahan ilmiah, ucapan bertulis di suatu forum rasmi dan sebagainya yang telah dipublikasikan secara bercetak mahupun elektronik (internet). Sedangkan yang dimaksud dengan sumber sekunder (*secondary source*) adalah tulisan yang dibuat atau berdasarkan hasil penyelidikan orang lain sama ada dalam bentuk buku, jurnal, laporan penyelidikan, tesis, disertasi, tulisan dalam bentuk tinjauan, ringkasan, kritikan, dan lain-lain berkait dengan isu dan fokus persoalan yang sedang diselidik (Purwono, 2006).

Mestika (2006), menyatakan bahawa ada empat ciri utama kajian kepustakaan. Pertama, penyelidik berhadapan langsung dengan teks atau data angka dan bukannya dengan pengetahuan langsung dari lapangan atau saksi mata berupa kejadian, orang atau benda-benda lain. Kedua, data pustaka bersifat siap pakai. Ketiga, data pustaka terdiri dari sumber primer berupa karya tulis langsung tokoh terselidik. Keempat, kondisi data pustaka tidak dibatasi oleh ruang dan waktu.

Mengikuti kepada huraian di atas, rujukan utama yang menjadi sumber data dalam penyelidikan ini adalah sebilangan karya tulis yang telah dihasilkan oleh Mahathir dan secara khasnya berhubungan langsung dengan permasalahan yang dikaji, iaitu tentang Islam dan Kenegaraan, antaranya: *Dilema Melayu (The Malay Dilemma)*, *Cabaran (The Challenge)*, *Jalan Ke Puncak (The Way Forward)*, *Islam dan Umat Islam (Islam dan Moslem Ummah)*, *Democracy, Human Rights, EAEC and Asian Values*, *Terorisme and The Real Issues*, *The Earle Years 1947-1972*, *Bahasa Sastra dan Tamadun Melayu*, *Kebangkitan Semula Asia*, *Dr. Mahathir: Warkah Terpilih kepada Pemimpin Dunia*, *Kumpulan Ucapan Mahathir dalam Perasmian Perhimpunan Agung UMNO*, *Kumpulan Ucapan Tertulis Mahathir dalam forum Seminar, Muktamar, Konferensi dan Pameran keislaman*, *Syarahannya Ilmiah*, *Perayaan Hari Kebesaran Islam*, dan lain-lain.

Di samping buku-buku karya tulis dan kumpulan ucapan tertulis Mahathir di atas, untuk menambah dan melengkap data kajian, maka akan diselidik pula buku-buku lainnya yang relevan dengan permasalahan kajian, antaranya huraian tentang sejarah hidup, aktivitas, kerjaya, mahupun yang menghuraikan berbagai idea dan gagasan pemikiran Mahathir tentang Islam dan kenegaraan dengan berbagai aspek yang berkaitan dengannya, antaranya ialah: *Pemikiran Dr. Mahathir tentang Islam*, *Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad*, *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*, *Mendekati Pemikiran Islam Dr. Mahathir*, *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan Krisis dalam Pemerintahan*, *Legasi Mahathir*, *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*, *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*, *Mahathir Pencetus Tamadun Insaniah*, *Dr. Mahathir: Amanah & Visi*, *Pemikiran*

Mahathir Mohamad: Kesenambungan Gelombang Keintelektualisme Melayu Global dari Munshi Abdullah dan Za'ba, dan lain-lain.

Dalam rangka pengumpulan data, penyelidik juga mengadakan perbincangan termasuk temu bual secara bertalian melalui emel dengan tokoh akademik dan ahli politik untuk mendapatkan pandangan berhubung subjek kajian. Perbincangan dimaksud, mengikut kepada Rezabek (2000) boleh dilakukan secara langsung dengan atau melalui bertemu muka, telefon mahupun secara atas talian seperti emel. Maklumat daripada berbagai-bagai latar belakang tokoh sudah pasti dapat mengukuhkan dapatan yang diperolehi dalam kajian ini. Antaranya adalah:

1. Dr. Sivamurugan Pandian, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (maklum balas emel diterima pada 12 Juli 2009 jam 01.58 tengah hari).
2. Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi bin Abdul Rahim, Profesor Madya Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia (maklum balas emel diterima pada 8 Juli 2009 jam 20.02 malam hari).
3. Baharudin Ali Masrom, Penulis, Penerbit dan Trainer antaranya buku bertajuk *Politik Melayu Abad 21* tahun 1989 dan *Wawasan Perjuangan Melayu Baru* tahun 1993 (maklum balas emel diterima pada 12 Juli 2009 jam 01.58 tengah hari).
4. Dinsman, Penyair-Sastrawan, (maklum balas emel diterima pada 12 Juli 2009 jam 01.58 tengah hari).
5. Datuk Badariah Arshad, Setia Usaha Tun Dr. Mahathir (maklum balas emel diterima pada 8 Juli 2009 jam 20.02 malam hari).

6. Tan Sri Dato' Paduka Haji Khalid Haji Abdullah, Pengerusi Dewan Perhimpunan Melayu Kedah (salah seorang kawan dekat Tun Dr. Mahathir), temu bual berlangsung pada tanggal 7 Jun 2009 di DPMK Lebuh Raya Sultanah Bahiyah Alor Star Kedah.
7. Prof. Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Pusat Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beberapa tokoh akademik dan ahli politik yang lain telah pula penyelidik cuba untuk berhubung secara bertalian melalui emel, tetapi tiada maklum balas, antaranya:

1. Dr. Asyraf Wajdi (Ahli UMNO anak Dato' Dusuki Ahmad bekas setia usaha politik Dr. Mahathir)
2. Prof. Madya Dr. Abdul Kamil Mohd. Majid, (Profesor Madya Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia).
3. Annual Bakri Hj. Haron (Penulis buku *Mendekati Pemikiran Islam Dr. Mahathir* dan Bekas Setia Usaha Politik Tuan Guru Nik Abdul Aziz) .
4. Ustadz Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Ahli PAS, anak Tuan Guru Nik Abdul Aziz).

Penyelidikan tokoh menurut Furchan & Maimun (2005: 54) biasanya juga menggunakan kaedah dokumentasi sebagai metod pengumpul data. Data dokumentasi ini digunakan untuk melengkapi data yang diperoleh dari perbincangan. Dengan dokumentasi, peneliti dapat mencatat karya-karya yang dihasilkan tokoh atau tulisan-tulisan orang lain yang berkaitan dengan tokoh yang menjadi subjek penyelidikan.

### 3.5 Prosedur Kajian

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan melalui tiga tahap, iaitu tahap orientasi, tahap eksplorasi, dan tahap kajian terfokus (Furchan & Maimun, 2005: 47).

Pada tahap orientasi, penyelidik mengumpulkan data secara umum tentang Mahathir untuk mencari hal-hal menarik dan penting untuk diselidik.

Pada tahap eksplorasi, penyelidik menelaah sejumlah bahan pustaka, buku-buku, dan tulisan-tulisan penting, terutama hasil karya tulis Mahathir Mohamad atau karya tulis para sarjana, intelektual, penyelidik yang relevan dengan pokok permasalahan, kemudian mencatat semua ide utama yang berkaitan langsung dengan fokus kajian yang termuat dalam bahan pustaka tersebut.

Data yang diperoleh melalui penelaahan atau kajian bibliografi tersebut kemudian disusun dalam bentuk huraian sesuai dengan sistematika (*outline*) penulisan yang telah ditetapkan berserta dengan analisis dan kritik sesuai keperluan penyelidikan, iaitu bersifat deskriptif-analitis.

Pada tahap kajian terfokus, dilakukan kajian secara mendalam terhadap gagasan, idea atau pemikiran dan karya Mahathir yang dianggap penting dan mempunyai pengaruh signifikan terhadap masyarakat.

Dengan demikian, langkah-langkah yang dilakukan dalam penyelidikan ini adalah:

1. Pengumpulan data, melalui penelaahan referensi yang menjadi sumber data dalam penyelidikan ini, yaitu dengan mempelajari secara mendalam buku-buku atau bahan pustaka yang secara khas membahas serta menyajikan berbagai penjelasan mengenai pemikiran, aktiviti, dan sejarah kehidupan Mahathir Mohamad.
2. Mendeskripsikan, mengklasifikasikan dan mengolah data yang telah didapat dari hasil penelaahan terhadap isi buku-buku tersebut, terutama hal-hal penting berkait dengan fokus permasalahan.
3. Menganalisis, dengan cara membandingkan data-data yang didapat dan dikumpulkan dengan pemikiran Islam dan kenegaraan dari para intelektual, ahli politik ataupun negarawan Muslim serta berbagai hal lainnya berkaitan dengan fokus kajian. Sehingga dapat dipilah data-data yang akurat dan memiliki hujah untuk selanjutnya disajikan dalam laporan hasil penyelidikan.

Langkah-langkah di atas dilakukan untuk menghasilkan pemahaman yang luas terhadap objek kajian.

### **3.6 Analisis Data**

Analisis data menurut Bogdan & Biklen (1982) merupakan proses penelaahan dan penyusunan secara sistematis semua data yang didapat selama proses pengumpulan data. Dalam kajian ini, analisis yang digunakan ialah analisis kandungan (*content analysis*), analisis komparasi konstan atau perbandingan (Furchan & Maimun, 2005: 64), dan pensejarahan dan fenomenologi (Rahimin Affandi, 2005).

Mengikuti kepada Bell (2001: 13) *content analysis* atau analisis kandungan ialah metod untuk mengumpulkan data dan menganalisis kandungan dari sebuah teks secara mendalam. Teks dapat berupa bahan bertulis, kata-kata, makna gambar, simbol, gagasan, tema dan bermacam bentuk mesej yang dapat dikomunikasikan. Analisis kandungan berusaha untuk memahami data bukan sebagai kumpulan peristiwa fizikal tetapi sebagai gejala simbolik untuk mengungkap makna yang terkandung dalam sebuah teks dan memperolehi pemahaman mendalam terhadap mesej yang disampaikan.

Menurut Wimmer & Dominick (dalam Burhan Bungin, 2003) analisis kandungan merupakan teknik kajian untuk mendeskripsikan secara kualitatif, objektif dan sistematik isi dari komunikasi bertulis. Analisis kandungan adalah teknik penyelidikan untuk membuat kesimpulan-kesimpulan yang boleh diguna dan sah data dengan memperhatikan konteksnya (Krippendorff, 1993). Mengikuti Burhan Bungin (2003) analisis kandungan merupakan suatu metod yang amat efisien untuk menginvestigasi isi media baik yang bercetak maupun media dalam bentuk broadcast.

Dengan demikian dapat dikatakan bahwa analisis kandungan adalah kajian yang bersifat pembahasan mendalam terhadap kandungan atau makna dari suatu maklumat bertulis atau bercetak dalam bentuk buku, akhbar, journal, naskah, manuscript, dan lain-lain.

Analisis komparasi konstan adalah analisis yang ditumpukan pada keterangan rinci tentang karakteristik data yang dikumpul, sebelum berusaha menjawab soalan-soalan teoretik yang lebih umum. Analisis ini dilaksanakan



bilamana cadangan keterangan yang tepat tentang pelbagai gagasan, idea, pendapat, harapan-harapan tokoh terselidik telah diperoleh, sesudah itu barulah dibuat andaian tentang jalinan hubungan di antara pemikiran tersebut, dan kemudian dilakukan pemeriksaan dengan data yang lain.

Tahapan yang dilakukan dalam analisis komparasi konstan ini sebagaimana disarankan oleh Glaser & Strauss (dalam Furchan & Maimun: 105) terdiri dari empat langkah, yaitu:

1. Membandingkan kejadian pada setiap kategori, mulai dari fokus kajian sampai pada deskripsi yang lengkap dan terurai;
2. Menyatukan kategori dan mengidentifikasi konsep-konsep dengan menyusun pernyataan-pernyataan berdasarkan akumulasi pokok-pokok soalan kajian;
3. Membatasi teori dengan memformulasikan pernyataan-pernyataan secara tegas dalam suatu proposisi-proposisi;
4. Mengembangkan teori dengan mereduksi berbagai proposisi menjadi suatu teori yang relevan.

Implementasi dari analisis komparasi konstan dalam kajian ini adalah dimulai dengan melakukan telaah dan pencatatan berbagai hal penting yang dilakukan oleh Mahathir, kemudian dibuatkan nota tentang kehidupan Mahathir. Selanjutnya, dilakukan pengenalan konsep-konsep dengan membuat soalan-soalan tentang berbagai sisi kehidupan Mahathir. Bermula dari sini kemudian diformulasikan pemikiran atau pandangan Mahathir terhadap Islam dan kenegaraan sehingga dapat dijumpai model dan karakteristik pemikiran Mahathir berkenaan dengan Islam dan kenegaraan.

Rahimin Affandi (2005) menyarankan bahawa untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang pemikiran Islam dan kenegaraan Mahathir, penyelidikan berkenaan juga perlu dirancang dengan menggunakan analisis perbandingan, pensejarahan dan fenomenologi. Kaedah perbandingan yang membabitkan proses membuat kesimpulan melalui perbandingan yang bakal memperolehi faktor persamaan dan perbezaan di dalam tema aliran pemikiran seseorang tokoh.

Kaedah pensejarahan akan menggunakan dua perspektif utama, iaitu sosio-historis (menggunakan kronologi dan latarbelakang sejarah untuk mengetahui asal usul sesuatu perkembangan) dan *critical metod* (usaha memetik dan mengkritik sebarang pendapat dan nilai yang terhasil daripada peristiwa sejarah yang dipilih). Maksudnya, dalam permasalahan ini penekanan bukan hanya terhenti kepada pembentangan sesuatu konsep terpenting Islam, bahkan perlu dilihat dari segi penggunaan analisis kognitif termasuklah perkembangan semasa yang mempengaruhi tafsiran seseorang tokoh yang terbabit.

Kaedah fenomenologi yang mengkaji sesuatu objek kajian dari kaca mata penganut objek yang dikaji. Dalam pendekatan ini, pemahaman terhadap sesuatu pegangan keagamaan hanya boleh dibuat dengan cara memasuki alam fikiran orang yang dikaji untuk mengetahui sebab utama sesuatu perlakuan yang berkait dengan nilai-nilai keagamaan dibuat oleh penganutnya. Maksudnya, kajian ini akan merujuk secara langsung kepada bahan bacaan yang dihasilkan oleh tokoh pilihan itu sendiri.

### 3.7 Rumusan

Kajian ini bertitik tolak daripada gagasan dan pemikiran Dr. Mahathir berkenaan dengan Islam dan Kenegaraan yang menjadi isu aktual perbincangan semasa. Kerana, Islam sebagai suatu entiti dalam kehidupan masyarakat Melayu menjadi asas penting yang tak boleh dilupakan oleh siapa sahaja (Baharuddin, 1989; Esposito & Voll, 1999; Shamsul, 2001; Harun, 2001), apatah lagi oleh para pemimpin negara apabila mereka ingin berjaya.

Penyelidikan ini sifatnya adalah kajian tokoh dengan memfokuskan kajian pada pokok-pokok pemikiran Mahathir Mohamad sebagai seseorang tokoh penting yang dilihat pernah memainkan peranan yang bermakna di dalam kehidupan bermasyarakat.

Tentu sahaja, pentingnya penumpuan kajian terhadap gagasan dan pemikiran Mahathir tidak hanya sekadar mengikut saranan Harun Derauh & Shafie Nor (1982); Dusuki Ahmad (Martinez, 2003); Rahimin Affandi (2003); atau pula objektif ditubuhkannya IPDM. Tetapi secara keilmuan kajian terhadap gagasan dan pemikiran Mahathir boleh menggambarkan perkembangan dinamisasi pemikiran dan pemahaman semasa terhadap isu-isu Islam dan kenegaraan. Isu Islam dan kenegaraan pula merupakan suatu tema aktual yang ramai diperbincangkan (Sirajuddin, 2007) dan salah satu subjek pembahasan penting pada masa moden ini dalam politik Islam (Kusmana, 2004; Syarif & Zada, 2008).

Di samping itu, keberhasilan kepemimpinan Mahathir (Teik, 1995; Yosri, 2002; Ibrahim Ismail, 2002; Ramlah Adam, 2004; Pandian, 2005; Idris Aman,

2006; Rustam A. Sani, 2008; Abdullah Ahmad, 2009)), karya-karya yang dihasilkan (Teik, 1995; Pandian, 2005; Abdullah Ahmad, 2009), ketokohan dan pengaruh pemikirannya yang luas terhadap masyarakat (Siddiq Fadzil, 1995, 1997; Ramlah Adam, 2004, Rahimin Affandi, 2005), membolehkan beliau dijadikan sebagai tumpuan kajian (Furchan & Maimun, 2005: 12).

Tambahan pada bagian metod untuk temu bual secara talian berdasarkan tesis Khairul Azman 'Pemikiran Pembangunan Berteraskan Sistem Nilai-Budaya: Kajian Terhadap Pendekatan Dr. Mahathir Mohamad 1981-1986', iaitu:

Pengkaji juga cadangkan untuk mengadakan perbincangan termasuk temu bual secara talian dengan tokoh akademik, pentadbir dan ahli politik untuk mendapatkan pandangan berhubungan subjek kajian, kerana maklumat daripada berbagai-bagai latar belakang tokoh sudah pasti dapat mengukuhkan dapatan yang diperolehi dalam kajian ini. Antaranya adalah:

1. Dr. Sivamurugan Pandian, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (maklum balas temu bual secara talian yang diterima pada 12 Juli 2009 jam 01.58 tengah hari).
2. Prof. Dr. Rahimin Affandi bin Abdul Rahimi, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (maklum balas temu bual secara talian yang diterima pada 8 Juli 2009 jam 20.02 malam hari).
3. Basron Ali Masron, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (maklum balas temu bual secara talian yang diterima pada 12 Juli 2009 jam 01.58 tengah hari).
4. Dinsman, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (maklum balas temu bual secara talian yang diterima pada 12 Juli 2009 jam 01.58 tengah hari).

5. Prof. Madya Dr. Salleh Lamry, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (maklum balas temu bual secara talian yang diterima pada 12 Juli 2009 jam 01.58 tengah hari).
6. Badriyah, Setia Usaha Tun Dr. Mahathir (maklum balas temu bual secara talian yang diterima pada 8 Juli 2009 jam 20.02 malam hari).
7. Datuk Khaled, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (maklum balas temu bual secara talian yang diterima pada 12 Juli 2009 jam 01.58 tengah hari).

RE: Mohon tanggapan, komentar dan pandangan

...

Datuk Badariah Arshad

Dari: <badariah@perdana.org.my>

...

Lihat Kontak

Kepada: zulfa jamalie <zuljamalie@yahoo.co.id>

---

Dear Zulfa,

Jawapan saya kepada soalan-soalan saudara ialah seperti berikut:

1. Dr. Mahathir mempunyai peribadi yang terpuji dan mulia dan berhemah tinggi, tenang, berani megeluarkan pandangan, tidak mempunyai perasaan dendam dan hasat dengki and sentiasa ingin memberi banutaun kepada yang memerlukan.
2. Kagum dengan semua keperbadiannya.
3. Beliau tergulung dikalangan perdana menteri yang berhasil, bukan sahaja berjaya membangun Negara Malaysia kehatap yang lebih maju dan moden, malah nama dan imej Negara Malaysia turut terkenal dan harum merata dunia.

4. Kajayaan beliau terlalu banyak untuk dinyatakan termasuk – lah berjaya membangun Negara daripada berasaskan pertanian kepada perindustrian, menjana industry automotive dan heavy industry, PROTON, Pembinaan-pembinaan Petronas Twin tower, Putrajaya, lapangan terbang KLIA dll.  
 Saya rasa mungkin beliau kurang berjaya dalam memangkin semangat juang dan mind set untuk berdikari dan berjaya dikalangan sebahagian orang melayu.

Terima Kasih.

Yang benar,

Datuk Badariah Arshad  
 Perdana Leadership Foundation  
 Putrajaya, Malaysia

Tel : +60388858913

Fax : +60388891114

Analisis yang digunakan adalah analisis kandungan, komparatif, pensejarahan dan fenomenologi. Analisis kandungan ialah pembahasan mendalam terhadap kandungan suatu maklumat bertulis atau bercetak dalam buku, akhbar, journal, naskah, manuscript, dan lain-lain; analisis komparatif ialah analisis yang dikonsentrasikan pada deskripsi rinci tentang karakteristik data yang dikumpulkan, sebelum berusaha menjawab soalan-soalan teoretis yang lebih umum; analisis pensejarahan ialah usaha memetik dan mengkritik sebarang pendapat dan nilai yang terhasil daripada peristiwa sejarah yang dipilih; dan analisis fenomenologi ialah analisis dengan cara merujuk langsung kepada bahan bacaan yang dihasilkan oleh tokoh yang diselidik.

The analysis used content analysis, comparative, historiography and phenomenology. Content analysis is discussed in depth the content of a written or printed information in books, newspaper, journals or manuscripts; the the comparative analysis of the analysis is concentrated on a detailed description of the characteristics of data collected before trying to answer the question theoretic more common; analytical historiography is that of picking and criticizing any opinions and values resulting from the selected historical events; and the phenomenological analysis is the analysis by means of a direct references to the literature produced by the figures being investigated.



# **BAB 4**

## **GAGASAN PEMIKIRAN KEISLAMAN**

### **4.1 Pengenalan**

Bahagian ini membincangkan tema-tema berkait dengan dapatan kajian, iaitu berkenaan dengan gagasan pemikiran dan pandangan Mahathir mengenai Islam, merangkumi; Islam cara hidup yang sempurna, pembaharuan pemikiran Islam, hukum Islam dan seruan kepada Islam. Perbincangan berkait dengan gagasan pemikiran keislaman dimaksud muncul dan disinggung oleh Mahathir dalam berbagai tulisan dan beberapa siri ucapan yang disampaikan dalam berbagai forum; Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, seminar keislaman, konferensi, pameran, peringatan hari besar Islam, dan lain-lain.

### **4.2 Gagasan dan Pemikiran Mengenai Islam**

Berdasarkan buku-buku yang ditulis dan ucapan-ucapan yang telah disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO dan berbagai forum rasmi lainnya, beberapa pandangan Mahathir terhadap Islam antaranya menyatakan bahawa Islam adalah agama yang sering disalahtafsirkan dan disalahfahami, kerana penafsiran

yang sempit dan salahfaham terhadap Islam mengakibatkan umat Islam mundur; usaha yang harus dilakukan untuk mengatasi kemunduran; Islam agama yang menghendaki kemajuan dan bersifat dinamik; Islam agama yang rasional; Islam agama keamanan dan fleksibel; dan Islam adalah agama yang sempurna, seimbang, sederhana dan bertoleransi. Di samping itu, ada beberapa isu-isu penting Islam semasa yang disorot dan diberi perhatian lebih oleh Mahathir. Antaranya tentang hukum Islam, gerakan dakwah, dan beberapa perkara mengenai kelemahan dan upaya yang mesti dilakukan dalam rangka kebangkitan Islam.

#### **4.2.1 Islam: Cara Hidup yang Sempurna**

Islam adalah *ad-din*, yang bermakna sebagai cara hidup yang sempurna, sistem pemikiran dan tindakan yang lengkap pula (Mahathir, 2003: 60). Oleh itu, Islam adalah cara hidup yang akan memandu umat Islam. Sebagai cara hidup, tentu sahaja Islam tidak bermakna hanya ibadah tertentu yang wajib untuk diamalkan oleh umat Islam, tetapi juga segala kegiatan dan tindakan yang diambil untuk mewujudkan kesejahteraan dalam pelbagai bidang kehidupan (Mahathir, 2003: 36). Sebagai cara hidup, Islam bukan berkisar kepada amalan dan penampilan semata-mata. Islam ialah cara hidup yang sempurna dan cara hidup ini digambarkan bukan sahaja pada kewarakan malah juga pada ciri toleransi dan kesederhanaan dalam segala yang dilakukan (Mahathir, 2003: 53).

Penegasan yang sama kembali disampaikan oleh Mahathir ketika berucap dalam Seminar Antarabangsa tentang Peranan Tamadun Islam dalam Memupuk Pemahaman Antar Agama, pada 25 Mei 1999:

Islam adalah cara hidup bagi umat Islam, oleh itu Islam tidak hanya sekadar ibadah ritual semata, akan tetapi juga menyangkut masalah pembangunan dan kemakmuran negara Islam, kerajaan yang cekap, sistem perundangan, peraturan dan undang-undang yang adil dan saksama, dan sesungguhnya yang ada kena-mengena dengan dunia ini adalah sebahagian dari cara hidup. Satu-satunya perkara yang dikehendaki ialah mereka tidak melanggar perintah Islam, tidak menjadi angkuh sehingga meniadakan kewujudan Tuhan. Komunis misalnya, begitu asyik dengan kemahiran dan kuasa manusia sehingga menolak Tuhan dan agama.

Namun pada kenyataan, hingga hari ini Islam adalah agama yang paling banyak disalahertikan, baik oleh orang-orang bukan Muslim maupun di kalangan orang Islam sendiri. Salah erti dan prasangka terhadap Islam begitu banyak sehinggakan orang Islam dan bukan Islam seringkali menganggapnya sebagai penghalang, sebagai halangan kepada kebaikan dan hubungan antara orang Islam dengan orang bukan Islam, malahan di kalangan orang Islam. Dalam ertikata lain, kesalahfahaman dan kekurangfahaman orang Islam terhadap agamanya menyebabkan terhalangnya orang yang bukan Islam untuk mendekati Islam (Mahathir, 2003: 125). Padahal semula, kebanyakan orang Islam mempunyai keturunan yang bukan beragama Islam tetapi memeluk Islam setelah bertemu dengan orang Islam (Mahathir, 2003: 1). Tambah lagi ketika berucap di Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir, pada 10 Mei 1998.

Saya menerima jemputan ini kerana saya berpegang teguh pada agama dan kecewa dengan tanggapan umat Islam dan bukan Islam tentang Islam yang menyebabkan agama Islam dan umat Islam dicemuh, dikaitkan dengan kegiatan yang tidak sihat, malah dipermainkan. Semua tanggapan dan cemuhan ini bukanlah kerana Islam itu sendiri tetapi tafsiran yang dibuat oleh umat dan orang bukan Islam yang mempunyai kepentingan sendiri, mahu mewajarkan kesalahan yang dilakukan atau ingin dilakukan.

Salah satu wujud dari kurangnya pemahaman tentang agama Islam di kalangan umat Islam adalah sikap saling permusuhan di antara mereka hanya

kerana perbezaan mazhab. Pengikut pelbagai mazhab Islam selalunya menganggap pengikut mazhab lain sebagai tidak mengikuti Islam atau tidak cukup Islam, atau bahkan keluar dari Islam, sehingga di anggap bukan sebagai saudara. Apatah lagi pada masa sekarang ini, perbezaan politik dengan berbagai macam parti politik telah pula semakin meningkatkan pertentangan sesama umat Islam. Bahkan negara Islam sering berperang sesama sendiri (Mahathir, 2003: 1).

Di samping permusuhan dan lebarnya jurang perbezaan terhadap pemahaman ajaran Islam, orang Islam menurut Mahathir juga sering mengabaikan perintah agama untuk mencari kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Padahal, Islam adalah agama yang seimbang (*tawazun*) dan amat menekankan keseimbangan. Islam menghendaki dan mengajarkan kepada umatnya keseimbangan dalam memandang keperluan hidup di dunia dan untuk keperluan akhirat.

Penegasan ini disampaikan oleh Mahathir ketika berucap di Sidang Kemuncak ke-2 Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D8)<sup>1</sup> di Dhaka-Bangladesh, pada 1 Mac 1999. Menurut Mahathir Islam ialah agama yang amat menekankan keseimbangan antara kebendaan dengan kerohanian, antara kehidupan di dunia ini dengan di akhirat. Sebab, sebagaimana yang dapat disaksikan sekarang ini, hilangnya nilai rohani di Barat mengakibatkan sikap terhadap kebendaan menjadi tidak terkawal dan membuat orang menghalalkan segala cara untuk mendapatkannya. Wang menjadi paling penting dalam hidup. Majalah, akhbar, dan televisyen tidak henti-henti menunjukkan cara-cara

---

<sup>1</sup>Negara-negara yang termasuk dalam kelompok D8 terdiri daripada Bangladesh, Indonesia, Iran, Malaysia, Mesir, Nigeria, Pakistan dan Turki.

mendapatkan wang dan cara mendapatkannya dengan lebih banyak lagi. Nilai rohani dan agama dianggap sebagai perkara yang ketinggalan zaman. Akibatnya, wang dipuja dan dianggap sebagai segala-galanya, bukan digunakan untuk mencapai sesuatu tujuan. Seperti tiada apa yang dapat menghalang usaha seseorang untuk mendapatkan lebih banyak wang. Bahkan, dalam mengejar cita-cita ini, ekonomi terpaksa dimusnahkan, orang ramai dijadikan korban, kanak-kanak dibiarkan kebuluran dan semua ini halal asalkan matlamatnya adalah untuk mendapatkan lebih banyak wang.

Bahkan, ada sebilangan orang Islam percaya bahawa mereka hanya perlu untuk mencari pahala dan kebahagiaan untuk akhirat saja, akibatnya mereka kekal dalam kemiskinan dan ditindas oleh orang lain (Mahathir, 2003: 2).

Dengan bangganya kita mendakwa kepada dunia bahawa Islam bukan sebarang agama, tetapi adalah *ad-din* - cara hidup - *a way of life*. Tetapi ajaran yang kerap disampaikan kepada umat Islam tertumpu semata-mata kepada kebahagiaan di akhirat. Jika ada sesiapa yang bercakap atau berusaha untuk kebahagiaan di dunia, maka ada sahaja orang yang mendakwa diri mereka sebagai ulama akan menuduh orang itu bersalah dan tidak Islam. Bagi mereka *ad-din* bermakna cara bersedia untuk menghadapi kematian semata-mata (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-42, pada 8 November 1991).

Islam menjamin supaya umat Islam benar-benar hidup bahagia dan beroleh kejayaan, apabila menganjurkan kepada umat Islam supaya jangan memisahkan di antara dunia dan akhirat. Ini kerana dunia adalah jambatan menuju ke akhirat. Di dalam hukum-hukum agama Islam tidak ada sebarang pemisah di antara kedua-duanya, maka tidak timbul sama sekali soal agama boleh jadi penghalang kepada kemajuan dunia dan adalah semata-mata untuk akhirat (Mahathir, ucapan pada Majelis Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa, 18 Julai 1981).

Kerana itu, Islam memerintahkan kepada umatnya untuk mengejar kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Sementara, ada sebahagian orang Islam yang nampak pasrah, apabila mereka menyedari bahawa zaman kegemilangan mereka telah berakhir dan mereka menjadi umat yang amat mundur dan lemah. Kemudian, untuk menyembunyikan kelemahan dan kepasrahannya, mereka telah menipu diri mereka sendiri dengan mempercayai bahawa kehidupan dunia ini bukanlah untuk mereka dan syurga menanti mereka di akhirat kelak. Mereka berharap mendapat pahala di akhirat kelak hanya dengan mengerjakan ibadah. Mereka seakan tidak peduli dan tidak mahu tahu urusan-urusan yang lainnya. Mereka telah mengabaikan perintah al-Quran untuk mencari kebahagiaan di dunia.<sup>2</sup> Mereka juga mengabaikan perintah supaya menjaga kesejahteraan dan kepentingan masyarakat di dunia ini, dan mereka enggan mencari ilmu melainkan yang berkaitan dengan apa yang mereka tafsirkan sebagai ajaran Islam (Mahathir, 2003: 12).

Islam tidak cacat. Islam tidak menghalang mengejar kejayaan di dunia. Yang cacat ialah mereka membuat tafsiran yang menyebabkan umat Islam mengamalkan cara hidup yang menyekat kejayaan mereka. Amatlah penting bagi umat Islam dan orang Melayu berhati-hati dengan ajaran yang boleh menghalang kejayaan di dunia dan yang menekankan semata-mata syurga di akhirat. Imbangan di antara dunia dengan akhirat hendaklah dijadikan pegangan. Hanya dengan berpandukan kepada tafsiran ajar Islam yang benar, yang tidak menolak kejayaan di dunia baharulah segala rancangan untuk menjayakan orang Melayu akan dapat

---

<sup>2</sup>Ayat al-Quran yang dimaksud Mahathir dalam hal ini terdapat pada surat al-Qashash ayat 77 yang bermakna: *"Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan".* Di samping itu, di beberapa ayat lain yang semakna dikatakan pula, bahawa: *"Apabila telah ditunaikan shalat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah karunia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung"* (al-Jumu'ah: 10); *"Dan di antara mereka ada orang yang berdoa: "Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari siksa neraka"* (al-Baqarah: 201); *"Dan tetapkanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan di akhirat; sesungguhnya kami kembali (bertobat) kepada Engkau..."* (al-A'raf: 156).

dilaksanakan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-42, pada 8 November 1991).

Kesalahfahaman umat Islam dalam melihat kemunduran yang mereka alami, dari umat yang paling berilmu dan paling maju menjadi umat yang paling mundur dalam semua bidang, juga terlihat manakala mereka gagal dan tidak mau mengkaji sebab-sebab kemunduran mereka dan hanya menyalahkan musuh mereka sepenuhnya atas nasib malang mereka. Padahal sebenarnya kejatuhan mereka sebahagiannya disebabkan oleh tafsiran sempit tentang agama selepas perkembangan awal tamadun mereka. Ekoran mengetepikan apa yang dikatakan pengetahuan duniawi, dan bertelagah (berbantahan) tentang apa yang merupakan ajaran sebenar Islam. Mereka mengabaikan beberapa perintah Islam yang penting. Malah mereka mengabaikan perintah supaya bersedia untuk mempertahankan diri mereka dengan menterjemahkan ayat al-Quran satu persatu (Mahathir, 2003: 12).

Umat Islam pada masa kini makin lemah, berpuak-puak dan bermusuhan sesama sendiri, tidak memiliki sains dan teknologi yang canggih dan mundur dalam segala-galanya. Ini kerana umat Islam makin lama semakin banyak tafsiran yang berbeza-beza yang dibuat oleh orang tertentu sehingga mereka keliru dan berpecah belah (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, pada 1981).

Mahathir mengingatkan betapa pentingnya kejayaan di dunia guna memastikan pencapaian kebahagiaan di akhirat. Sebab, kegagalan di dunia berupa kemiskinan dan kelemahan boleh jadi akan membuat ketidaksempurnaan umat Islam menjalankan ibadah, bahkan yang lebih berbahaya lagi adalah kalau-kalau tercebur kepada tindakan-tindakan jenayah dan kekufuran.

Sebenarnya jika orang Islam tidak dapat mengejar kemajuan di dunia dan berjaya seperti orang bukan Islam, ada kemungkinan mereka akan kecewa sehingga hilang kepercayaan kepada agama Islam. Kemiskinan dan kedaifan akan membawa kepada kekufuran. Dengan itu tidak aka nada

akhirat bagi mereka. Dengan perkataan lain mereka yang mencanang wawasan akhirat inilah yang mungkin kehilangan tempat di akhirat. Sebaliknya mereka yang mengimbangkan dunia dengan akhirat, seperti yang dikehendaki oleh agama Islam akan bahagia di dunia dan di akhirat (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-42, pada 8 November 1991).

Berikutnya, dalam pandangan Mahathir pada prinsipnya Islam adalah agama kemajuan yang bersifat dinamik dan memerintahkan umat Islam untuk meraih kemajuan, meninggalkan mundur atau keterkebelakang dan mengejar ketinggalan supaya setanding bahkan melampaui pencapaian kaum yang lain. Inilah yang mula diperlihatkan oleh bangsa Arab ketika pertama kali menerima Islam sebagai agama dan sistem hidup mereka. Bermula dari bangsa yang amat mundur, akhirnya mereka menjadi masyarakat yang maju dan bertamadun, kerana Islam.

Setelah menerima agama Islam yang bukan sahaja membawa kepercayaan kepada Tuhan yang satu iaitu Allah SWT dan Rasul-Nya Muhammad, tetapi juga nilai-nilai hidup yang mulia. Mereka disatukan dalam Islam sehingga mereka bersaudara, mereka menghormati al-Quran dan kitab-kitab lain, mereka menganggap ilmu sebagai penting dan mereka mempelajari ilmu yang telah diterokai oleh orang Yunani dan bangsa-bangsa lain. Budaya Arab berubah secara radikal selepas mereka memeluk agama Islam. Dari bangsa yang amat mundur, yang tidak maju, yang tidak dihormati oleh sesiapa, yang tidak berpengetahuan, tidak berilmu, tidak boleh menulis dan membaca, menjadi bangsa yang dapat mendirikan sebuah empayar yang meliputi hampir seluruh dunia masa itu, iaitu sebelum Amerika ditemui. Mereka bukan sahaja dapat menguasai ilmu sains, ilmu hisab, ilmu alam dan ilmu-ilmu lama yang lain yang dimiliki oleh orang Yunani dan Romawi, tetapi mereka menerokai ilmu-ilmu baru seperti pelayaran, astronomi, algebra dan logarithm. Mereka maju dalam segala-gala (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-48, pada 5 September 1997).

Ini bermakna bahawa budaya dan tamadun negara Islam menurut Mahathir hendaklah mengimbangi pembangunan rohani dengan pembangunan material. Kerana, imbangan di antara dunia dan akhirat mesti mempengaruhi setiap yang dilakukan oleh umat Islam. Ertinya, dunia tidak boleh ditolak kerana



lebih mementingkan akhirat dan akhirat juga tidak boleh ditolak hanya kerana keperluan dunia. Kedua-duanya mesti diberi perhatian dan penghargaan yang sama (Mahathir, ucapan di Pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21, pada 3 Julai 1992).

Menurut Mahathir ada beberapa agenda pokok yang harus dilakukan oleh umat Islam untuk membangun kehidupan mereka menuju masyarakat yang bertamadun, antaranya adalah berhijrah, rekonstruksi ajaran Islam, bertoleransi, pemahaman kembali sejarah, penguasaan ilmu pengetahuan, dan lain-lain.

Berhijrah bermakna berpindah. Kenapakah Rasulullah SAW berpindah dari Makkah ke Madinah? Sebabnya adalah kerana tekanan dan halangan yang dihadapi oleh Baginda di Makkah. Puak Jahiliah di Makkah menentang ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Mereka membuat percubaan untuk membunuh Nabi. Nabi boleh menyerah kepada takdir. Bukankah Nabi dilindungi Tuhan? Apa perlunya Nabi bertindak untuk menyelamatkan dirinya? Akan tetapi kita tahu bahawa al-Quran menyuruh kita berusaha sendiri untuk menolong diri kita sebelum Allah SWT menolong kita.<sup>3</sup> Sebab itu, Nabi berpindah, iaitu berusaha untuk menyelamatkan dirinya dan tidak hanya menyerah kepada takdir Tuhan sahaja. Hal ini tidak bermakna melawan takdir, kerana apa yang berlaku setelah usaha dibuat juga ditentukan oleh takdir (Mahathir, 2003: 36).

Hijrah merupakan satu titik sejarah yang amat besar ertinya ke atas perkembangan Islam dan juga kekuatan umatnya; hijrah adalah satu Sunnah Nabi SAW yang memberi pedoman terhadap sikap dan gerak-geri umat Islam; hijrah telah mengubah keadaan kesempitan hidup yang dialami oleh umat Islam dalam bidang ekonomi; dan hijrah adalah untuk memastikan perkembangan

---

<sup>3</sup>Ayat al-Quran yang dimaksud Mahathir dalam hal ini terdapat pada surat al-Ra'du ayat 11 yang bermakna: *"....Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia".*

agama Islam (Mahathir, Ucapan Sempena Menyambut Maal Hijrah 1408 Hijrah, pada 26 Ogos 1987).

Jelas bahawa tujuan berhijrah Nabi SAW dan para sahabat ke Madinah tidak lain adalah untuk menjayakan perkembangan agama Islam di Madinah yang terdapat bukan sahaja orang yang bersimpati dengan Nabi dan berminat untuk memeluk Islam tetapi juga orang yang masih ragu-ragu dengan ajaran Islam serta orang Yahudi (Mahathir, 2003: 36-37). Semangat berhijrah untuk kejayaan Islam dan berusaha semaksimal mungkin menuju kehidupan yang lebih baik inilah yang menurut Mahathir harus diwarisi dan diaplikasikan pada masa kini. Kerana itu, tentu saja berhijrah tersebut tidaklah semata-mata melibatkan bergerak dari satu tempat ke satu tempat secara fizikal akan tetapi juga berpindah secara mental.

Model hijrah dan perjuangan Nabi SAW kemudian dipakai oleh Mahathir sebagai contoh untuk mengubah nasib orang Melayu Islam dan bumiputera di Malaysia. Dari semula bangsa yang hanya tahu bercucuk tanam dan kerja tangan yang mudah berpindah kepada dunia ilmu dan industri. Dari semula bangsa yang kurang disiplin dan tidak yakin akan kebolehan diri sendiri ditukar sedikit demi sedikit menjadi bangsa yang lebih disiplin dan lebih percaya kepada kebolehan diri sendiri. Oleh itu, mereka lebih berjaya, lebih mampu bersaing, serta lebih sanggup menghadapi cabaran hidup dan mati (Mahathir, 2003: 37).

Agenda yang lainnya dalam rangka revivalis Islam yang harus dilakukan oleh umat Islam adalah rekonstruksi ajaran Islam. Mahathir mencegah agar umat Islam tidak sempit dalam memahami Islam dengan berpandukan kepada al-

Quran. Oleh sebab, seperti yang dikiaskan dalam al-Quran, maksud sebenarnya mestilah ditafsir dalam konteks keadaan yang dihadapi oleh ummah sepanjang zaman. Dalam semua perkara, al-Quran adalah fleksibel. Keadaan perlu diambil kira (Mahathir, 2003: 108). Namun, kebanyakan mufasir berkeras mahukan maksud harfiah bagi perkataan di dalam al-Quran dikekalkan (Mahathir, 2003: 85-86). Misalnya ketika dalam al-Quran dibicarakan dan memerintahkan kepada umat Islam mempersiapkan kuda perang dan pedang<sup>4</sup> untuk menimbulkan rasa takut di kalangan musuh mereka, maka dalam konteks kekinian yang mesti dipersiapkan oleh umat Islam bukan lagi kuda perang dan pedang. Tetapi yang dimaksudkan adalah persenjataan moden, seperti kereta kebal (*tank*), roket, rudal, pesawat udara, bom, dan senapang. Seandainya substansi dari ayat al-Quran ini difahami secara benar, yakni untuk menghalangi musuh dengan pasukan pertahanan yang handal, maka umat Islam tidak akan meninggalkan pengajian mereka kepada ilmu sains dan ilmu lain yang dikatakan keduniaan yang perlu untuk mencipta dan mengeluarkan senjata pertahanan yang sentiasa berubah (Mahathir, 2003: 12-13).

Mahathir mengkritik beberapa sikap negatif dari umat Islam yang setakat ini terasa sulit untuk dihilangkan, utamanya adalah sikap suka bermusuhan, suka menyalahkan orang lain, tidak toleransi, dan suka bertelagah. Tentu saja sikap-sikap negatif tersebut pada akhirnya merosak semangat persatuan dan persaudaraan di antara mereka. Akibatnya, umat Islam menjadi lemah dan mudah dikalahkan.

---

<sup>4</sup>Ayat al-Quran yang dimaksud Mahathir ini terdapat pada surat al-Anfal ayat 60 yang bermakna: "*Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedangkan Allah mengetahuinya*".

Setelah jatuh dan takluk dengan bangsa lain, umat Islam terus pula berdebat tentang Islam, perundangan Islam dan ibadah Islam. Perdebatan ini membawa kepada perpecahan mereka kerana mazhab, kultus dan ajaran baru seringkali memperlihatkan kumpulan yang bertentangan. Malah, pencapaian kemerdekaan negara tidak berhasil menimbulkan kesedaran tentang perlunya memperoleh kemahiran dan pengetahuan untuk mempertahankan negara dan agama serta mengejar kemajuan negara maju (Mahathir, 2003: 13).

Merasa benar sendiri, merasa yang paling faham tentang Islam, dan meremehkan orang lain menjadi penghalang wujudnya persatuan umat Islam.

Memandangkan kebanyakan umat Islam cenderung kepada agama, setiap pihak cuba mengatasi satu sama lain dengan mengaku bahawa mereka mengikuti ajaran Islam sebenar. Setiap daripada mereka cuba menjadi lebih Islam daripada pihak satu lagi. Seheinggakan apa yang dilakukan oleh mereka bertentangan dengan ajaran Islam sebenar, namun ini tidak menghalang mereka yang mengetahui bahawa mengaku beriman merupakan satu cara untuk mendapat sokongan ramai dan kuasa (Mahathir, 2003: 13).

Dalam rangka revivalis Islam, pemahaman kembali terhadap sejarah Islam juga perlu dilakukan. Bagi Mahathir, kegemilangan sejarah seharusnya diposisikan sebagai sumber sekaligus pelajaran untuk merangka kehidupan yang lebih baik, bukan untuk berbangga-bangga dan bernostalgia dengannya, sehingga melupakan cabaran dan masa kini yang sedang dihadapi.

Dalam pandangan Mahathir, masyarakat yang bermegah-megah dengan kegemilangan sejarahnya adalah masyarakat yang sudah menjadi mundur dan tidak lagi dapat berbangga dengan keadaannya sekarang, sebagaimana yang dialami umat Islam. Zaman keagungan Islam sudah lepas, dan sekarang ini orang Islam, secara langsung atau tidak langsung dijajah oleh orang lain. Dan mereka tidak berupaya melepaskan diri mereka daripada penjajahan ini. Untuk itu diperlukan upaya untuk menyedarkan orang Islam tentang warisan mereka, tentang kelemahan mereka sekarang berbanding dengan dahulu, dan

membangkitkan semangat untuk sekali lagi berusaha supaya zaman kegemilangan Islam kembali semula. Jika dahulu orang Islam dapat menegakkan tamadun yang meliputi seluruh dunia, maka sekarang tidak ada sebab tamadun Islam tidak boleh sekali lagi mempengaruhi dunia (Mahathir, 2005: 30). Oleh itu, tegas Mahathir, kejayaan dahulu hanya berguna untuk meyakinkan diri akan kebolehan diri sendiri dan bukan untuk menyedapkan hati (Mahathir, 2005: 91).

Mahathir mempersoalkan, sebab-sebab tamadun Islam mengalami kemerosotan, padahal dahulu orang Islam dapat menegakkan tamadun yang meliputi seluruh dunia. Sebenarnya, kemerosotan tamadun Islam berpunca (bersumber) daripada dua perkara. Yang pertama ialah pemimpin-pemimpin negara Islam yang memerintah mengikuti sistem feudal telah khayal dengan kemewahan hidup mereka sehingga lupa kepada ajaran-ajaran Islam. Yang kedua ialah wujudnya kumpulan-kumpulan ulama yang membawa tafsiran Islam yang sempit. Mereka ini menolak semua ilmu lain sebagai sekular melainkan yang khusus berkenaan dengan agama. Dunia ini kata mereka adalah untuk orang kafir sahaja. Tafsiran agama semakin lama semakin sempit sehingga Islam terhad (terbatas) kepada ibadat dan soal-soal sembahyang sahaja. Soal ilmu pengetahuan, pertahanan, kemasyarakatan kebajikan dan lain-lain yang menjadi asas peradaban sesuatu masyarakat tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Akibat dari pandangan yang demikian, perkembangan ilmu pengetahuan yang telah menolong menegakkan tamadun Islam dan menyebarkan Islam ke seluruh penjuru dunia tersekat. Kerana, semakin lama, semakin kurang bilangan orang Islam yang terpelajar dalam bidang sains, teknologi, hisab, dan lain-lain (Mahathir, 2005: 31).

Jika umat Islam benar-benar menghargai tamadun mereka, tegas Mahathir, maka umat Islam harus berusaha sekuat tenaga untuk memperbaiki kedudukan orang Islam dan meraih kejayaan. Pembaziran wang, peperangan sesama sendiri dan kekolotan pandangan terhadap perkembangan ilmu mestilah dihapuskan. Sebaliknya, segala kekayaan orang-orang Islam hendaklah digunakan untuk menegakkan semula ilmu pengetahuan, kecekapan, dan pembangunan umat Islam.

Insya-Allah, jika tidak kita sendiri, generasi akan datang mungkin akan dapat menikmati tamadun Islam yang gemilang semula. Kalaupun kita tidak mungkin dapat menyaksikannya tidak mengapa. Tugas kita ialah membina asas yang kukuh untuk generasi yang akan datang dan tugas ini patut menjadi satu tanggungjawab yang mulia yang harus kita pikul dengan bangganya (Mahathir, 2005: 32-33).

Mahathir meyakini bahawa umat Islam hanya akan bisa berjaya manakala mereka memegang teguh ajaran agamanya dan menguasai ilmu pengetahuan. Orang Islam mestinya adalah orang yang terpelajar, mahir, hebat dalam bidang teknologi dan pengamal sebenar ajaran Islam bukan sahaja dalam hal ibadah malah menunjukkan bahawa Islam sememangnya cara hidup yang sempurna (Mahathir, 2003: 92). Sebab keengganan umat Islam mematuhi ajaran Islam yang sebenar akan menyebabkan kemerosotan dan nasib malang yang mereka alami, sebagaimana nampak dan terjadi diseluruh dunia pada hari ini (Mahathir, 2003: 46).

Kemerosotan tersebut akan bertambah pula apabila umat Islam mempertahankan sikap menolak semua ilmu yang tidak secara khusus mengkaji tentang agama, kerana menganggapnya sebagai ilmu sekular. Padahal, orang Islam tidak disuruh mempelajari hanya agama sahaja, tetapi mereka disuruh pula untuk menuntut ilmu-ilmu yang lain, sebagaimana yang diperintahkan oleh Nabi

SAW: "Tuntutlah ilmu walau pun sampai ke negeri Cina". Dimaksudkan ilmu dalam hadis ini bukanlah ilmu agama, tetapi pelbagai ilmu yang memang telah berkembang di negeri Cina pada masa itu, seperti ilmu yang berkenaan dengan pemerintahan negara, strategi perang, ilmu pertanian, pembuatan tembikar (barangan kaca), pembuatan kertas dan bahan letupan. Jadi, dalam bidang penguasaan semua ilmu termasuk sains, ilmu alam, matematik, kejuruteraan, agama Islam bukan sahaja tidak menegah tetapi menuntut supaya dikejar oleh orang Islam (Mahathir, Ucapan di Persidangan Serantau Menghadapi Abad 21: Reformasi dan Umat Islam Serantau, pada 22 Ogos 1997; Ucapan dalam Kongres Pendidikan Melayu Pertama, pada 1 September 2001). Manakala sikap dan penolakan terhadap ilmu dan teknologi moden tidak hanya akan menjadikan mereka lemah dan tidak dapat menandingi kecanggihan sains, persenjataan dan kekuatan tentara Eropah, tetapi mudah untuk ditindas oleh bangsa lain. Hal ini bisa dilihat dari sejarah Islam di Spanyol. Tamadun Islam di Spanyol mencapai puncak kegemilangannya apabila umat Islam menerima orang lain dan bersedia untuk belajar daripada mereka. Akan tetapi manakala mereka enggan mempelajari sains dan matematik dan menganggapnya sebagai ilmu keduniaan sahaja yang tidak diperlukan dalam Islam, akhirnya mereka pun menjadi kalah (Mahathir, 2003: 11).

Pada kesempatan lain, Mahathir juga menyatakan bahawa Islam adalah agama yang rasional (Ucapan dalam *The Official Opening of the International Institute Islamic Thought and Civilization*, 4 Oktober 1991) dan diasaskan kepada hujah (Ucapan yang disampaikan di Universiti Al-Azhar di Kaherah-Mesir, pada 10 Mei 1998); logik (Ucapan dalam *The Emirates International Forum*-Dubai, on 26 April 2001); dan akal (Ucapan yang disampaikan di Pembukaan

Pameran Tamadun Islam Sedunia 1994, pada 17 Jun 1004). Sebab ketaatan dan pemahaman terhadap agama yang tidak diasaskan kepada hujah, logik dan akal, tetapi hanya didasarkan pada taasub atau taklid buta (membuta tuli) pada akhirnya akan melahirkan seorang yang fanatik, ekstrim dan tidak memiliki toleransi terhadap orang lain. Inilah yang banyak menimpa umat Islam dimerata kawasan, sehingga mereka lebih suka bertelagah dan sukar untuk bersatu.

Sokongan yang tidak berbelah bahagi dan taasub terhadap puak dan perjuangan puak dari generasi ke generasi hanya berkesudahan dengan persengketaan yang membazir, perpecahan dan kelemahan. Islam mengancam ketaasuban yang selalunya dikaitkan dengan sikap ekstremis, tiadanya kesederhanaan dan toleransi. Taat kepada Islam bukan bermakna taasub. Taat ini berdasarkan sebab, mengetahui bahawa perpaduan membawa kekuatan dan membolehkan kejayaan dicapai. Ketaatanlah yang membolehkan yang perbezaan wujud diterima meskipun ketika mengamalkan ajaran Islam (Mahathir, 2003: 49).

Oleh itu, fanatik menurut Mahathir bukanlah sebahagian daripada ajaran Islam. Bahkan, fanatik yang boleh meletakkan orang Islam dan agama Islam dalam keadaan bahaya dan mungkin musnah adalah bertentangan dengan ajaran Islam (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-43, pada 6 November 1992).

Islam telah memberi penekanan tentang akal fikiran manusia yang dianugerah oleh Allah s.w.t. Wahyu al-Quran berulang kali menyebut tentang akal fikiran seperti, "Tidakkah kamu berfikir?" dan "Mengapa kamu tidak menggunakan akal?". Ayat-ayat al-Quran yang mendorong manusia untuk menggunakan akal fikirannya dengan baik ini, membuktikan tentang nilai dan harga serta pentingnya akal fikiran. Oleh kerana kemampuan akal fikiran dan budi bicara manusia telah meletakkan satu-satu bangsa itu di atas mercu kejayaan dan kegemilangannya. Malah kejayaan Nabi Muhammad s.a.w.



memimpin umat Islam adalah juga berpandukan kepada akal fikiran, budi bicara dan pelaksanaan secara hikmah dan siasah yang selaras dengan fitrah atau tabiat semulajadi manusia, tegas Mahathir ketika berucap di Perasmian Muktamar mengenai Konsep Negara Islam di Petaling Jaya, pada 26 September 1985.<sup>5</sup>

Dalam forum yang sama, iaitu di Perasmian Muktamar mengenai Konsep Negara Islam di Petaling Jaya, pada 26 September 1985, Mahathir mengutarakan pula bagaimana akal fikiran itu hendaknya digunakan.

Walaupun agama Islam sudah lengkap dan panduan hidup terdapat dalam al-Quran dan Hadis Nabi yang sahih, ini tidak bermakna bahawa akal fikiran kita tidak perlu digunakan lagi. Sebab itulah tafsiran oleh alim ulama masih diperlukan berkenaan dengan hukum-hukum Islam. Sebab itulah tafsiran juga diperlukan berkenaan dengan bermacam-macam masalah harian dan kerja-kerja yang patut dikaji, dan oleh itu ilmu masih diperlukan. Itulah sebabnya Allah s.w.t. mengurniakan kepada umat manusia akal fikiran dan menyuruh kita berfikir. Apabila kita berada di dalam suatu keadaan.

Selain daripada itu, Islam juga merupakan satu agama yang fleksibel dan pragmatik. Dengan berqias kepada fleksibiliti al-Quran, ketika berucap di Seminar Antarabangsa tentang Pentadbiran Undang-Undang Islam di Institut Kefahaman Islam Malaysia, pada 23 Julai 1996, Mahathir menyatakan bahawa:

---

<sup>5</sup>Ayat al-Quran yang dimaksud Mahathir dalam hal ini terdapat pada surat Yaasin ayat 10 yang bermakna: *"Dan barangsiapa yang Kami panjangkan umurnya niscaya Kami kembalikan dia kepada kejadian(nya) Maka apakah mereka tidak memikirkan?"* Dalam surat asy-Syu'araa ayat 28 yang bermakna: *"Musa berkata: "Tuhan yang menguasai timur dan barat dan apa yang ada di antara keduanya: (Itulah Tuhanmu) jika kamu mempergunakan akal".* Dan juga dalam surat az-Zumar ayat 9: *"Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran".* Di samping itu, di beberapa ayat lain dalam al-Quran dijelaskan pula berkenaan dengan akal ini, seperti pada QS. Al-maa'idah: 58, al-Jin: 4, ath-Thalaq 10, Qaaf: 37, az-Zumar: 18 dan 21, al-Baqarah: 269, Yunus: 100, Ruum: 24, dan lain-lain.

Apabila orang Islam tinggal di negara asing sebagai penduduk minoriti maka dia tidak boleh menguatkuasakan hukum al-Quran atau hukum yang dirumus oleh mujtahid di tempat lain atau pada masa lalu. Dalam semua perkara, al-Quran adalah fleksibel. Keadaan perlu diambil kira. Oleh itu, jika seseorang tidak boleh mengerjakan solat mengikut cara biasa yang diwajibkan, dia boleh menukar cara ibadat yang ditetapkan. Jika seseorang tidak dapat berpuasa kerana beberapa sebab yang munasabah, maka orang itu tidak perlu berpuasa. Seseorang itu digesa menggunakan kuasa menunjuk atau berdakwah jika tidak dapat menggunakan paksaan.

Menurut Mahathir di dalam al-Quran dan kebanyakan Hadis sahih, fleksibiliti adalah jelas (2003: 108). Terdapat banyak fleksibiliti dalam Islam yang mengambil kira persekitaran masa kini. Fleksibiliti dibenarkan dalam semua amalan Islam. Justeru, cara hidup Islam tidak membebankan dan menyukarkan pengikutnya yang boleh memisahkan mereka daripada peredaran semasa (Mahathir, 2003: 160). Agama Islam tidak menyusahkan pengikutnya. Agama Islam bukan satu bebanan kepada mereka, untuk memaksakan mereka melakukan apa yang tidak dapat dilakukan oleh mereka. Islam tidak hendak membawa kesengsaraan kepada umatnya, yang dikehendaki oleh Islam adalah kebahagiaan hidup mereka di dunia dan di akhirat (Mahathir, 2003: 53).

Terdapat banyak fleksibiliti dalam Islam yang mengambil kira persekitaran masa kini. Fleksibiliti dibenarkan dalam semua amalan Islam. Justeru, cara hidup Islam tidak membebankan dan menyukarkan pengikutnya yang boleh memisahkan mereka daripada peredaran semasa.

Pada kesempatan dan forum yang lain, Mahathir juga menyerukan gagasan dan pandangannya berkenaan dengan 'Islam fundamental', iaitu seruan untuk berpegang teguh kepada asas-asas atau fundamental ajaran Islam, asas yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis yang sahih. Kerana dengan ajaran

Islam yang fundamental dan sebenar itulah umat Islam tidak akan berpecah-belah dan terkeliru dan tetap akan menjadikan umat Islam sebagai manusia yang baik dan berjaya. Untuk itu, Mahathir sendiri menyatakan bahawa beliau adalah seorang 'Muslim fundamentalis'.

Hari ini banyak negara bukan Islam mendakwa bahawa orang Melayu dan negara Malaysia adalah 'moderate' atau sederhana daripada segi keIslamannya. Ini tidak benar sama sekali. 'Kita bukan 'moderate Muslims'. Kita adalah 'Muslim fundamentalists' iaitu kita berpegang kepada asas-asas atau 'fundamental' ajaran Islam, asas yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis yang sahih. Ajaran Islam yang 'fundamental' dan sebenar tetap akan menjadi kita orang Melayu sebagai manusia yang baik dan berjaya. Betapa tidak? Bukankah Islam menyuruh semua orang Islam bersatu dan bersaudara; bukankah Islam menyuruh orang Islam membaca; iaitu mempelajari ilmu, bukankah Islam menyuruh kita menuntut kebahagiaan di akhirat dan jangan lupa akan kebahagiaan kita di dunia, bukankah agama Islam menyuruh kita bermusuh hanya dengan orang yang bermusuh dengan kita, bukankah agama Islam melarang perbuatan yang mungkar dan menyeru kepada yang ma'aruf, berlaku adil dan bermacam-macam lagi yang baik dan membina (Mahathir, Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung UMNO, pada 20 Jun 2002).

Pernyataan yang sama kembali diulang oleh Mahathir dan menegaskan pemahamannya tentang Islam fundamentalis. ketika berucap pada Perasmian Seminar Tajdid dan Pemikiran Islam ke-2 bertemakan 'Ke Arah Kemantapan Sistem Pendidikan dan Kemajuan Sains dan Teknologi di Alam Melayu', pada 13 April 2006.

Saya adalah seorang Muslim fundamentalis. Ini bukan pertama kali saya menyatakan bahawa saya adalah seorang yang fundamental. Bagi Barat, fundamentalis adalah orang yang ekstrem, tidak rasional yang mungkin terlibat dengan kegiatan-kegiatan terorisme dan sebagainya. Tetapi, bagi saya seorang Muslim fundamentalis saya berpegang hanya kepada asas yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis yang sahih.

Islam fundamental bagi Mahathir merupakan kaedah utama dalam rangka pembaharuan, kebangkitan atau revivalis umat Islam sekarang (Mahathir, Ucapan di Seminar Tajdid dan Pemikiran Islam ke-2, pada 13 April 2006). Tanpa

ada upaya dan gerakan untuk kembali kepada asas ajaran Islam yang sebenar dan berpegang teguh dengannya, mustahil umat Islam boleh mengatasi segala masalah dan kemunduran mereka; meraih kejayaan, kesejahteraan dan kehidupan yang lebih baik, kehidupan yang bermaruah; dan memiliki kesanggupan untuk mempertahankan diri dan agama dan negara. Kerana, Islam menyuruh semua orang Islam untuk bersatu dan bersaudara; Islam menyuruh dan menggalakkan orang Islam untuk, iaitu mempelajari ilmu melalui perintah 'iqra', Islam menyuruh orang Islam untuk berusaha menuntut kebahagiaan di akhirat dan kebahagiaan di dunia secara seimbang dan bersepadu; Islam melarang perbuatan yang mungkar dan mengikut kepada hawa nafsu; Islam mengesa dan menyeru kepada perbuatan yang maaruf dan saling menasihati dalam kebaikan; berlaku adil; dan berbagai perbuatan baik yang seumpamanya. Sebaliknya, kemunduran yang wujud diberbagai bidang kehidupan, kelemahan dan mudah ditaklukkan hanya akan berlaku apabila umat Islam bertolak belakang dengan apa-apa yang diajarkan dan diperintahkan oleh Islam.

Dunia Islam hari ini kucar-kacir. Permusuhan dan pemberontakan dan kekacauan berlaku di Negara Islam kerana kedegilan kumpulan yang bermusuhan dan kerana tamakkan kuasa. Mereka enggan mengikut ajaran Islam yang sebenar dan cuba mentafsir agama mengikut kepentingan diri mereka sendiri. Inilah politik assabiyah, setia kepada satu-satu puak sehingga menjejaskan kesetiaan kepada orang Islam lain dan ummah secara keseluruhannya. Oleh sebab aktiviti kumpulan tersebut, banyak negara Islam tidak dapat menubuhkan kerajaan yang kuat, lalu menjadi huru-hara, lemah dan dipandang rendah. Itulah mengapa Islam selalu dicemuh oleh bangsa lain. Ini semua bukan takdir. Ini adalah kerana ketamakan orang Islam yang mengikut ajaran Islam yang sebenar, khususnya ajaran *Ikhwan Muslimin* atau persaudaraan Islam. (Mahathir, Ucaptama di Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom, pada 10 April 1996).

Walaupun pada kenyataan istilah fundamentalisme ialah perkataan yang paling kerap disalaherti dan disalahgunakan. Kenyataan ini juga merupakan salah satu wujud dari kesalahfahaman orang bukan Islam terhadap ajaran Islam.

Kerana, fundamentalisme disamakan dengan ekstremisme, penganas atau terorisme dan tindak kekerasan, terutama oleh orang-orang Barat. Bahkan, mereka biasanya juga mengandaikan bahawa keganasan ialah pegangan orang Islam dan hanya dilakukan oleh orang Islam (Mahathir, 2003: 122).

Dalam pandangan sebahagian besar orang Barat, fundamentalisme adalah aliran atau gerakan umat Islam yang identik dengan kekerasan dan mensahkan segala cara untuk mencapai matlamat mereka, bahkan sampai-sampai 'bom bunuh diri' pun siap untuk mereka lakukan. Padahal, fundamentalis yang sebenar dan terbaik menurut Mahathir adalah umat Islam yang berpegang teguh kepada asas ajaran Islam, iaitu al-Quran dan Hadis sahih. Oleh kerana, lunas asas dalam Islam berdasarkan keamanan dan sesungguhnya, Islam bermaksud aman (Mahathir, 2003: 122). Sedangkan orang yang biasanya dikaitkan dengan sebagai fundamentalis dalam pandangan Barat tidak langsung mengikut lunas asas agama Islam. Sebaliknya, mereka ialah orang yang menolak ajaran Islam atau yang terpesong daripadanya. Kebanyakan mereka nampaknya kembali kepada zaman Jahiliah pra-Islam yang terlalu setia kepada kumpulan mereka, kembali taasub (Mahathir, 2003: 122). Oleh itu, apabila Barat menyamakan fundamentalis dengan kekerasan, bererti Barat telah menunjukkan ketidakfahaman tentang Islam yang sebenar.

Barat mestinya berimbang dalam menilai tindakan keganasan yang berlaku dengan melihat bukti yang ada. Sebab, apabila keganasan dilakukan oleh orang bukan Islam, misalnya pembunuhan beramai-ramai dan keganasan oleh orang Kristian Serbia, ianya tidak pernah dianggap dan disahkan sebagai keganasan orang Kristian; pembunuhan dan perampasan paksa wilayah Palestin

dengan senjata-senjata moden oleh Yahudi-Israel juga tidak disahkan sebagai keganasan orang Yahudi; dan begitu pun apabila terbongkar pengeboman bangunan kerajaan di bandar-negara tertentu tidak dilakukan oleh orang Islam, sebaliknya perbuatan orang lain, hakikat ini diabaikan dan tidak dianggap sebagai keganasan mengikut agama pelakunya. Tambah pula, bilangan mangsa fanatik Islam dan mereka yang kononnya fundamentalis ini tidak ramai berbanding dengan bilangan orang Islam dan bukan Islam yang telah dibunuh beramai-ramai oleh penganas beragama Kristian atau Yahudi, seperti yang dialami oleh umat Islam di Bosnia-Herzegovina, umat Islam di Afghanistan, di Irak, terlebih-lebih lagi di Palestin. Sementara, apabila ada beberapa sarjana dan penulis Barat yang cuba memberikan fakta dan bersikap adil dalam memandangi masalah ini, mereka malah diabaikan dan dikecam. Begitu pun cubaan orang Islam untuk menunjukkan bahawa bilangan orang Islam yang menjadi penganas adalah sedikit dan Islam mengutamakan keamanan, tidak diendahkan (Mahathir, 2003: 122-123).

#### **4.2.2 Pembaharuan Pemikiran Islam**

Berdasarkan huraian di atas, nampak dalam pandangan Mahathir berbagai persoalan yang sedang dihadapi oleh umat Islam semasa. Persoalan-persoalan tersebut tentu saja berakibat kepada kelemahan dan kemunduran umat Islam dalam tataran dunia global. Apabila semula Islam memegang peranan penting terhadap perkembangan dan kemajuan dunia, pelopor di bidang ilmu dan teknologi, maka sekarang kondisi umat Islam masih jauh dari posisi sebagai sebuah kekuatan dunia. Bahkan umat Islam mudah ditindas dan ditaklukkan dalam perang, terpaksa menerima kekuasaan dan hegemoni asing, dan tergantung pada negara-negara Barat (Mahathir, Ucapan di Konferensi

Internasional Para Ulama Islam, Juli 2003). Tidak ada kaedah lain untuk membangkitkan kembali kejayaan umat Islam kecuali dengan pembaharuan dan mengkostruksi kembali pemahaman mereka terhadap ajaran Islam sebenar. Kerana Islam adalah agama yang seimbang, agama yang rasional, agama yang fleksibel, agama yang bertoleransi, dan agama kemajuan yang menyuruhkan umatnya untuk mencapai kejayaan dunia dan akhirat, dan mereka memang mau berusaha dan bersungguh-sungguh untuk mencapainya.

Mahathir berhujah dengan mempertanyakan pelbagai persoalan yang dihadapi umat Islam. Adakah Islam menyokong peperangan dan keganasan di kalangan umat Islam sama ada sebagai kumpulan atau mazhab atau negara? Adakah Islam menyokong penindasan rakyat oleh kerajaan atau cuba melemahkan atau menggulingkan kerajaan melalui tindakan tidak bertanggungjawab? Adakah Islam menyokong agar menolak kehidupan yang bahagia di dunia ini atau kehidupan yang bahagia di akhirat kelak, atau adakah Islam mengajar *hassanah* di dunia ini dan di akhirat? Bolehkah kita mengatakan dengan sebenarnya bahawa tanggungjawab kita dari segi agama adalah untuk menjadi miskin, tidak berilmu dan berkemahiran, tidak dapat mempertahankan diri daripada musuh atau adakah menjadi tanggungjawab dari segi agama untuk memiliki kekayaan dan ilmu serta kemahiran supaya dapat mempertahankan ummah daripada mereka yang menghina dan menindas kita? Jawaban dari semua soalan ini tergantung kepada umat Islam sendiri untuk merubah nasib dan kehidupan mereka berdasarkan tuntunan agama (Mahathir, 2003: 59). Kerana kata Mahathir, "Allah SWT tidak akan mengubah nasib kita jika kita tidak berusaha mengubahnya sendiri. Ini bermakna bahawa apabila doa semata-mata

tidak akan menjadikan kita berjaya dan bahagia” (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-48, pada 5 September 1997).

Dalam ucapan yang disampaikan di Sidang Kemuncak ke-2 Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D8) di Dhaka, Bangladesh, pada 1 Mac 1999, Mahathir mengemukakan keprihatinannya terhadap kondisi yang dihadapi oleh masyarakat Islam dan negara Islam sekarang ini yang berpecah-belah dan kucar-kacir; mereka tidak dapat menghadapi perubahan yang merevolusikan kehidupan di dunia ini, dan semakin ketinggalan jauh di belakang. Kekayaan yang melimpah dan banyaknya potensi di negara Islam, tidak digunakan demi kesejahteraan dan perkembangan Islam pada umumnya. Tiada negara Islam yang boleh mendakwa menjadi kuasa penting di persada antarabangsa sekarang ini. Banyak masyarakat Islam tidak dapat menstabilkan negara mereka dan tidak berupaya mengejar kemajuan untuk menyaingi negara maju yang tiada satu pun daripadanya merupakan negara Islam. Hal ini disebabkan kerana, negara Islam tertinggal di bidang teknologi (Mahathir, 2003: 21-22). Oleh itu, pemerintahan Islam yang cekap, kemas dan adil adalah sesuatu yang amat penting dalam membawa kejayaan dan kemajuan. Pemerintahan Islam Islam hendaklah berusaha supaya negara mencapai kemajuan yang pesat yang boleh menandingi negara maju yang lain tanpa mengabaikan soal ketertipan, akhlak dan nilai hidup yang mulia yang sesuai dengan ajaran Islam (Mahathir, Ucapan di Pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21, pada 3 Julai 1992).

Selain daripada itu, dalam ucapan pada perutusan Hari Raya Aidil Fitri 1406 Hijrah/1986 Masehi Mahathir menggambarkan bagaimana kondisi umat



Islam pada zaman ini yang banyak menghadapi cabaran dan dieksploitasi oleh kekuatan asing kerana kelemahan mereka.

Kelemahan yang terdapat pada umat Islam hari ini dieksploitasikan dengan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang memang merancang untuk memecah-belahkan masyarakat Islam dan menggugat lagi ketahanan umat Islam. Rancangan mereka menjadi bertambah mudah kerana negara-negara Islam seluruhnya banyak bergantung kepada negara-negara yang mempunyai musuh Islam. Negara-negara Islam yang sedang membangun juga tidak terlepas daripada menjadi sasaran. Dengan cara halus dan tidak langsung, mereka menghasut rakyat di negara-negara ini supaya mengancam kestabilan, yang mana kestabilanlah yang menjamin kemajuan serta ketahanan sesebuah negara. Dengan tidak disedari orang-orang Islam telah diperalatkan, maka berjayalah musuh Islam mencapai hasrat mereka. Oleh itu, sedarilah dan jauhilah sengketa sesama sendiri jika orang-orang Islam ingin mencapai kejayaan (Mahathir, Ucapan pada Perutusan Hari Raya Aidil Fitri 1406 Hijrah/1986 Masihi).

Tambah lagi ketika berucap di sesi ke-10 Jawatan Penyelaras Tindakan Islam Bersama dalam Bidang Dakwah di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 12 Januari 1996. “Kini, dunia Islam dalam keadaan huru-hara. Kita bermusuh sesama sendiri dan tidak sependapat walaupun untu bekerjasama bagi membantu diri sendiri. Kita lemah, tidak dapat mempertahankan diri sendiri, dan sering terpaksa menyebelahi mereka yang niat baiknya diragukan tetapi kita memerlukan bantuan mereka kerana kita lemah”. Atau pula ketika berucap di Konferensi Internasional Para Ulama Islam, pada Juli 2003: “Keterbelakangan dan penderitaan yang dialami umat Islam di seluruh dunia adalah akibat kesalahan mereka sendiri. Sekarang, kondisi umat Islam masih jauh dari posisi sebagai sebuah kekuatan dunia. Bahkan umat Islam mudah ditindas dan ditaklukkan dalam perang dan terpaksa menerima kekuasaan dan hegemoni asing”.

Umat Islam menurut Mahathir juga suka bersengketa dan pertelingkahan dengan sesama umat Islam; berpandangan dan tafsiran sempit dan mengelirukan tentang agama; mengabaikan pengetahuan duniawi sehingga terbelakang dalam bidang ilmu moden, kemahiran teknologi; pemerintahan yang tidak berkesan; bercanggah dan bertelagah tentang apa yang merupakan ajaran sebenar Islam; mengabaikan beberapa perintah Islam yang penting seperti perintah supaya bersedia untuk mempertahankan diri dari segala percubaan musuh yang hendak menyerang; dan tidakmampuan menterjemahkan al-Quran sesuai dengan perkembangan zaman.

Akibat dari semua itu, maka setakat ini menurut Mahathir tak ada satu pun negara Islam yang boleh dikatakan maju.

Umat Islam berpecah-belah disebabkan oleh perbezaan dalam pentafsiran tentang Islam. Hari ini, tidak terdapat satu pun negara Islam yang boleh dikatakan maju, meskipun sebilangan daripada mereka sangat kaya, dilimpahi sumber semula jadi. Akan tetapi, hampir semuanya masih ketinggalan di belakang dalam bidang ilmu moden, kemahiran teknologi, dalam banyak hal dan pemerintahan yang tidak berkesan. Malah kebanyakan negara ini dilanda keadaan yang hampir kucar-kacir. Kemiskinan, kejahilan dan ketidakstabilan menjadi ciri yang begitu lazim di negara Islam sehinggakan dianggap bahawa ini adalah akibat daripada mengikut ajaran Islam. Padahal itu semua disebabkan oleh pertelingkahan sesama umat Islam, tafsiran mereka yang mengelirukan dan bercanggah tentang Islam, kegagalan mereka untuk mematuhi perintah agama (Mahathir, 2003: 77).

Tambah lagi ketika berucap di Pelancaran IKIM dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21, pada 3 Mac 1992.

Kita kecewa dengan pandangan serong terhadap Islam dan orang Islam. Tetapi hakikatnya ialah orang Islam dan Negara-negara Islam memang ketinggalan, lemah dan bergantung kepada Negara asing dan orang asing untuk berbagai-bagai keperluan hidup di dunia moden ini. Di masa yang sama orang-orang Islam sukar bekerjasama dan bersepakat. Mereka mudah membiarkan diri mereka diperalatkan untuk kepentingan asing. Mereka juga tidak mampu dan kadang-kadang tidak mahu

menolong sesama sendiri. Perpecahan dan permusuhan antara mereka jelas terlihat dan mereka sering bersengketa sesama sendiri.

Untuk itulah, Mahathir menyeru agar ulama dan cendekiawan Islam menafsirkan semula ajaran Islam dan menubuhkan dua buah institusi Islam, iaitu Institut Pemikiran dan Tamadun Islam atau *International Institut of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) untuk maksud tersebut. “Institut Kefahaman Islam Malaysia telah disyorkan kerana terdapat banyak kekeliruan di kalangan orang Islam dan bukan Islam mengenai agama Islam sehingga berlaku salahfaham dan sengketa bukan sahaja di antara orang Islam dengan bukan Islam tetapi juga di antara orang Islam dengan orang Islam” (Mahathir, Ucapan di Pelancaran IKIM dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21, pada 3 Julai 1992). Dengan ditubuhkannya ISTAC dan IKIM, Mahathir berharap kefahaman orang bukan Islam (dan orang Islam) terhadap Islam akan semakin meningkat. Sekaligus pula untuk meyakinkan pandangan dunia bahawa sebenarnya Islam adalah satu agama yang progresif dan tidak memusuhi sesiapa. Bahkan, sehubungan dengan itu, Mahathir juga telah menjana penubuhan sebuah universiti Islam antarabangsa (UIAM) untuk menunjukkan bahawa sistem pendidikan tinggi Islam boleh berjalan seiring dengan sistem pendidikan ilmu-ilmu yang moden dan canggih (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-44, pada 4 November 1993).

Ketika melancarkan ISTAC pada 4 Oktober 1991 Mahathir menegaskan bahawa:

Institusi ini mesti memeriksa agama Islam sebagaimana yang ada pada hari ini untuk mencari rasional bagi sejumlah besar upacara dan amalan, tafsiran-tafsiran al-Quran dan Sunnah yang kesemuanya menjadikan Islam bukan satu kepercayaan, tetapi juga sebagai suatu cara hidup, iaitu *ad-din*. Institut ini mesti bersedia untuk menganalisis dan menghujah dan

mencari sebab-sebab bukan untuk dua kalimah syahadah, tetapi untuk amalan, upacara dan nilai-nilai menjadikan Islam suatu cara hidup.

Kemudian, ketika melancarkan IKIM dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21, pada 3 Julai 1992, Mahathir mengemukakan akan harapannya atas ditubuhkannya IKIM.

Saya berharap Institut Kefahaman Islam ini akan memainkan peranan utama dalam usaha memulihkan semula keagungan Islam, umat Islam dan negara Islam. Untuk tujuan ini tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza dan mengeliru dan melemahkan orang Islam perlu dikaji semula dengan teliti supaya dapat diperbetulkan. Sejarah Islam juga perlu didalami supaya kita akan mendapat iktibar daripadanya. Para ilmuwan yang akan menyelidik bidang-bidang tertentu di institut ini perlu mempunyai fikiran terbuka dan berani menyoal pandangan-pandangan yang ortodhox. Yang mesti diutamakan ialah kebenaran dan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Ajaran yang ditafsir dan direka oleh mereka yang datang kemudian tidak boleh dianggap sebagai setaraf dengan ajaran Nabi Muhammad SAW dan dengan itu boleh diulas dan diselidik serta digugurkan jika didapati bercanggah dengan ajaran al-Quran dan ajaran Nabi besar kita. Untuk mencapai matlamat ini kajian-kajian mesti dibuat mengenai agama Islam, sejarah dan tamadun Islam dan asas-asas pencapaian umat Islam di zaman dahulu. Kajian yang hendak dibuat mestilah ikhlas dan tidak dipengaruhi oleh sentiment dan bias yang terdapat di kalangan umat Islam sekarang. Kenyataan mesti diterima dan khayalan disingkirkan.

Berikutnya, di pandang dari segi persiapan material umat Islam juga lemah, mudah untuk diumbang-ambingkan dan dieksploitasi oleh negara-negara lain yang lebih kuat, kerana tidak memiliki ketahanan yang kuat dari dalam diri.

Di dalam dunia moden hari ini, kita dapat lihat banyak bangsa yang kuat dari segi persiapan material tetapi lemah dari segi ketahanan di dalam diri. Maka bangsa yang kuat itu menjadi lemah dan tidak dapat menjaga kestabilan dan keutuhannya. Umat Islam pada hari ini menghadapi kelemahan kedua-dua aspek tersebut. Kita tidak rela hal ini berlanjutan bahkan kita mestilah mengorak langkah bagi memperkuat kedudukan kita. Satu langkah yang penting yang mesti diambil ialah memperkuat ketahanan diri. Dalam hal ini tidak ada jalan lain bagi kita selain daripada memperkuat pegangan terhadap Islam. Nilai-nilai murni yang diajar oleh Islam mestilah disuburkan di dalam jiwa setiap individu (Mahathir, 1986: 12).

Tema yang sama, iaitu berkenaan dengan berbagai persoalan yang dihadapi oleh umat Islam semasa di atas, kembali disampaikan oleh Mahathir ketika berucap dalam Majelis Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pemikiran Islam di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada 30 Januari 2004, seperti berikut:

Hari ini dunia berpendapat dan orang Islam diakui bahawa Islam, umat Islam dan negara-negara Islam berada dalam keadaan tenat dan cemas. Negara-negara Islam semuanya lemah; tidak ada satu pun daripada Negara Islam yang dianggap sebagai negara maju, jauh sekali menjadi kuasa dunia. Masyarakat Islam pula mundur dan menghadapi pelbagai jenis masalah sosial. Rakyat yang beragama Islam bersengketa, berpecah dan tidak bekerjasama memajukan kaum dan agama. Ramai yang miskin, daif dan tidak berpelajaran. Jenayah, penyalahgunaan dadah, keganasan, melanda masyarakat Islam. Pemerintahan Negara Islam biasanya tidak berkeupayaan mentadbir dengan baik. Kerap terdapat pemerintahan kuku besi, sama da feudal atau bukan feudal. Rakyat ditindas, kekayaan negara dirampas atau dibolot oleh mereka yang berkuasa, pembangunan tidak setimpal dengan kekayaan. Perpisahan antara yang miskin dengan yang kaya amat jauh; yang miskin terlalu miskin dan kaya terlalu kaya. Umat Islam terbahagi kepada bermacam-macam kumpulan dengan fahaman agama yang amat berbeza. Demikianlah perbezaan kepercayaan akan apa dianya agama Islam dan ajaran Islam sehingga masing-masing mendakwa hanya kepercayaan mereka sahaja yang Islam dan kepercayaan puak-puak Islam lain adalah tidak Islam, atau kurang Islam. Kerana ini mereka bermusuhan sesama mereka sehingga bunuh-membunuh dan berperang. Perbezaan pendirian politik di kalangan orang Islam juga membawa kepada perpecahan permusuhan dan tuduh-menuduh sehingga ke peringkat mendakwa musuh politik duniawi sebagai tidak Islam, murtad dan sebagainya. Sesungguhnya keadaan agama Islam, umat Islam dan negara Islam amatlah buruk dan cemas.

Kelemahan dan kemunduran yang dialami oleh umat Islam di zaman ini sebagaimana huraian di atas tegas Mahathir, puncanya tidak lain dan tidak bukan kerana umat Islam tidak mengikut ajaran Islam dan tidak menjadikan Islam sebagai *ad-din*. Hujah Mahathir terhadap perkara ini tergambar dalam ucapannya di upacara pembukaan rasmi Expo Pembangunan Islam sempena menyambut abad ke-15 Hijrah, pada 30 November 1980, seperti berikut:

Sementara Islam menyuruh kita berpegang kepada tali Allah dan jangan bercerai-berai; sementara kita disuruh bersaudara, kita dapati orang Islam bukan sahaja tidak sahaja bersaudara malah terus berperang sama sendiri; dan ada pula orang Islam dengan beraninya menyuruh supaya kita berpecah-belah. Sementara Islam menyuruh kita patuh kepada Tuhan, Rasul-Nya dan pemimpin-pemimpin, ada yang berkata bahawa taat kepada pimpinan bergantung kepada beberapa syarat dan terus menggubal syarat-syarat yang bertentangan dengan firman Tuhan. Sementara Islam menyuruh kita menuntut ilmu, ada yang membahagikan ilmu kepada yang sekular dan ada yang tidak, dengan itu menjadikan sebahagian besar dari pengetahuan manusia tidak dapat dikuasai oleh umat Islam. Dengan itu maka umat Islam pun tertinggal dalam kegelapan dan terpaksa mengemis untuk membuat sesuatu, termasuk untuk beribadat. Islam menyuruh kita bekerja mencari rezeki tanpa lupa menyembah Tuhan. Tetapi ada yang berkata bahawa kita dikehendaki berehat dan jangan bekerja. Sifat suka berehat dan tidak mahu bekerja ini diteruskan sehingga tanpa pertolongan orang lain tidak ada satu pun yang dapat kita buat hari ini. Kita disuruh bersedia untuk mempertahankan umat Islam, tetapi kita tidak bersedia dan terpaksa meminta pertolongan setiap kali diserang. Keberanian kita mati syahid tidak menjamin kejayaan kita selagi kita tidak memiliki senjata dan kelengkapan perang sendiri. Selagi kita tidak dapat membuat senjata sendiri yang setanding dengan senjata musuh, selama itulah kita terpaksa mengemis apabila kita diancam dan mereka yang menolong akan tetap menguasai gerak-gerik kita. Kita dilarang dari membuat fitnah, kerana fitnah itu lebih berbahaya daripada membunuh. Tetapi memfitnah sudah menjadi amalan bagi sebahagian kita sehingga ada yang berusaha memperburukkan imej negara dan kerajaan dengan memberi maklumat palsu kepada orang Islam lain dan menyuruh mereka mengancam Kerajaan Malaysia.

Perkara-kara di atas, menurut Mahathir adalah separuh sahaja dari bukti-bukti bahawa umat Islam tidak mengikut ajaran Islam. Jelas apabila kelemahan orang Islam dan negara Islam hari ini adalah disebabkan oleh perbuatan umat Islam sendiri. Walau demikian, berhubungan dengan berbagai persoalan tersebut, menurut Mahathir, tidak perlu untuk menyalahkan orang lain atau pula menyalahkan takdir yang lebih penting adalah mengkaji kembali sebab-sebab kemunduran dan menyedari bahawa kemajuan dan kejayaan umat Islam hanya boleh dicapai dengan kekuatan dan usaha sendiri, kerja keras dan usaha yang sungguh-sungguh. Ini disinggung Mahathir dalam ucapan yang disampaikan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-42, pada 8 November 1991.

Kejayaan atau kegagalan seseorang banyak bergantung kepada dirinya sendiri. Sebab itu walaupun peluang dan kemudahan yang sama disediakan, kejayaan yang diperolehi tidak pernah sama di antara satu sama lain. Demikian juga dengan bangsa yang dikelilingi oleh keadaan yang menekan boleh Berjaya sedangkan sedangkan bangsa yang mempunyai negara yang serba mewah mungkin lebih miskin dan lemah. Sebabnya ialah kualiti dan sifat yang ada pada bangsa-bangsa berkenaan.

Ada orang yang menyalahkan takdir. Kononnya Tuhan telah mentakdirkan seseorang itu miskin. Justeru itu ia tidak perlu mencuba memperbaiki nasibnya. Masyarakat juga tidak perlu mencuba memperbaiki nasibnya. Orang Islam yang hanya menyalahkan takdir sedangkan ia boleh memperbaiki nasibnya adalah orang yang kurang percaya kepada keadilan Allah SWT. Allah SWT tidak memberi akal, fikiran, tenaga dan pancaindera kepada manusia jika mereka hanya dikehendaki menunggu dan menerima nasibnya sahaja. Segala anggota, tenaga dan akal fikiran diberi kepada makhluk Allah SWT untuk digunakan bagi menyelamatkan dan menjayakan diri mereka.

Oleh itu, Mahathir menyerukan kepada umat Islam untuk menyedari eksistensi mereka dan menawarkan beberapa kaedah yang boleh diguna untuk mengembalikan maruah mereka di tengah-tengah perkembangan peradaban global sekarang ini.

Pertama, umat Islam harus kembali dan memperkuatkan pegangan mereka terhadap Islam yang sebenar, iaitu berpegang teguh kepada asas Islam, al-Quran dan Hadis sahih. Dengan itu, nilai-nilai murni yang diajar oleh Islam mestilah disuburkan di dalam jiwa setiap individu (Mahathir, 1986: 12).

Kedua, meningkatkan persatuan dan persaudaraan di antara sesama umat Islam. Kerana, Islam bukan sahaja mendorong kabilah Arab kuno yang bermusuhan supaya bersatu dan membina empayar Islam teragung dalam sejarah tetapi Islam juga memberi kekayaan dari segi kebendaan, kerohanian dan pengetahuan insan kepada semua mereka yang menganut agama ini. Jika

umat Islam hari ini mundur, ia bukanlah disebabkan oleh Islam. Kemungkinan besar ia disebabkan oleh tafsiran yang keliru atau tidak tepat tentang ajaran Islam (Mahathir, 2003: 76).

Ketiga, membudayakan sifat saling menolong, bekerjasama dan bersepakat.

Orang Islam dan negara-negara Islam memang ketinggalan, lemah, dan bergantung kepada negara asing dan orang asing untuk berbagai-bagai keperluan hidup di dunia moden ini. Di masa yang sama orang-orang Islam sukar bekerjasama dan bersepakat. Mereka mudah membiarkan diri mereka diperalatkan untuk kepentingan asing. Mereka juga tidak mampu dan kadang-kadang tidak mahu menolong sesama sendiri. Perpecahan dan permusuhan antara mereka jelas terlihat dan mereka sering bersengketa sesama sendiri. Padahal Islam dan umat Islam telah melalui zaman-zaman kegemilangan yang panjang dan terkenal dengan tamadun yang tinggi dan canggih (Mahathir, Ucapan di Majlis Pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020, pada 3 Maret 1992).

Kita terpaksa mengakui bahasa umat Islam dan negara Islam masih terancam dan sangat lemah. Kita banyak merosakkan diri kita sendiri kerana tidak adanya kerjasama dan kerap berlakunya perebutan kuasa yang ganas dan melemahkan di negara kita sendiri. Akibatnya, setiap kali saudara se-Islam kita memerlukan bantuan, kita bukan sahaja tidak dapat memberikan bantuan yang bermakna, malah kita tidak dapat mempengaruhi agensi yang keputusan dan tindakannya akan mempengaruhi nasib saudara se-Islam kita (Mahathir, Ucapan disampaikan di Sidang Kemuncak Islam ke-7 di Casablanca, Morocco, pada 13 Disember 1994).

Keempat, menyedari dan menjauhkan diri bersengketa dan berbantahan sesama sendiri, kerana persengketaan yang berpanjangan hanyalah merupakan kerja sia-sia dan merupakan dosa (Mahathir, 2003: 48). "Kita sepatutnya mengetepikan pertelingkahan sesama kita demi memperlihatkan umat yang bersatu padu untuk menghadapi ancaman bersama terhadap kita. Kita tidak sepatutnya menjadi musuh kepada diri kita sendiri" (Mahathir, 2003: 57).



Kelima, tidak sempit pandangan terlebih dalam menafsirkan ajaran agama. “Kebanyakan negara Islam dilanda keadaan yang hampir kucar-kacir, kemiskinan, kejahilan dan ketidakstabilan. Semua itu disebabkan oleh pertelingkahan sesama umat Islam, tafsiran mereka yang mengelirukan, bercanggah tentang Islam dan kegagalan mereka untuk mematuhi perintah agama” (Mahathir, 2003: 77).

Keenam, mengembangkan sikap toleransi dan saling menghormati. Kerana Islam sebagai agama dakwah merupakan agama yang bertoleransi dan sederhana. Sehingga dalam segala hal Rasulullah SAW telah menunjukkan pemahaman, kesederhanaan dan toleransi (Mahathir, 2003: 47).

Ketujuh, menyeimbangkan antara penguasaan pengetahuan keduniawian dan akhirat. Kerana, Islam menghendaki dan menyuruh umatnya untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat dengan ilmu dan kemahiran yang seimbang di antara keduanya (Mahathir, 2003: 59). Sains mempunyai kaitan yang rapat dengan survival dan kemajuan orang-orang Islam. Agama Islam wujud kerana terdapat orang-orang yang menghayatinya. Jika kerana kelemahan, orang-orang Islam ditewaskan dalam semua bidang, mereka bukan sahaja bersalah kerana tidak menunaikan suruhan al-Quran, tetapi mereka mungkin dipisahkan dari agama mereka. Oleh itu kesedaran terhadap pentingnya sains dan pelajaran agama mesti diwujudkan secara berimbang tanpa mengenal kira (Mahathir, ucapan Sempena Perasmian Seminar al-Quran Antarabangsa, pada 19 Mac 1990).

Kelapan, mengoptimumkan peran fungsi kemahiran dan cendekiawan yang untuk perkembangan Islam. Kerana, dalam dunia Islam terdapat kemahiran dan cendekiawan yang mencukupi, namun umat Islam menyalurkan anugerah yang mereka miliki ke tempat lain kerana negara Islam tidak dapat menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh mereka. Untuk itu mereka mesti didapatkan mereka kembali dengan membentuk persekitaran yang sesuai untuk kerja mereka. Mereka boleh membantu kerajaan membina semula negara dan menyaingi negara lain di dunia (Mahathir, 2003: 25).

Kesembilan, dalam konteks yang lain Mahathir menegaskan pula bahawa pada prinsipnya untuk memulihkan kekuatan umat Islam dan negara Islam diperlukan politik yang stabil, pentadbiran yang cekap, penguasaan ilmu, pengumpulan kekayaan, pemilikan perusahaan yang canggih dan pembangunan pertahanan yang berkemampuan menyelamatkan negara dan umat Islam (Mahathir, 2003: 69). Sebab tegas Mahathir, "pertahanan ummah adalah perkara yang diwajibkan bagi umat Islam. Mereka yang terlibat dengan pertahanan negara sebenarnya menolong masyarakat menunai fardhu kifayah, iaitu mereka berbuat ibadat. Kerana mereka masyarakat Islam akan terselamat. Dan kerana mereka masyarakat Islam terlepas daripada membuat dosa. Mereka yang sengaja tidak berusaha supaya fardhu kifayah yang amat berat ini dapat ditunaikan tentu berdosa" (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-48, pada 5 September 1997).

Pendek kata untuk menghadapi berbagai cabaran dan permasalahan umat Islam diperlukan reformasi. Reformasi terhadap nilai hidup yang dipegang oleh umat Islam supaya ia lebih berasas kepada ajaran Islam yang tidak

dicampur aduk dengan ajaran dan tafsiran agama yang mengelirukan dan tidak berasaskan al-Quran atau Hadis yang sahih. Iaitu reformasi yang boleh mengembalikan umat Islam kepada ajaran-ajaran yang tidak dicampur aduk dengan pelbagai tafsiran, ajaran dan fatwa songsang yang dibuat pada masa dahulu (Mahathir, 2003: 70). Ini bermakna bahawa reformasi yang utama adalah reformasi pemikiran di kalangan mereka yang terkongkong dengan ajaran yang tidak berasaskan Islam dan mengelirukan umat Islam (Mahathir, 2003: 71). Sudah sepatutnya apabila pembaharuan pemikiran terhadap Islam dimulai dan digalakkan kembali, guna menyelesaikan berbagai permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam yang timbul kerana peredaran masa, antaranya adalah dengan *ijtihad*.

Ijtihad adalah satu cara mencari penyelesaian berkenaan dengan tafsiran agama dan dalam menghadapi soalan-soalan baharu yang timbul kerana peredaran masa. Apa yang dahulu diterima tanpa soalan, semakin lama semakin dikerap soal. Dan soalan-soalan ini, apabila dijawab pentafsir yang berlainan, kerap berbeza. Melalui ijtihad kata sepakat mungkin dicapai. Kerana itu, menurut Mahathir, pendapat yang menyatakan bahawa pintu ijtihad telah ditutup tidak menyelesaikan masalah orang Islam. Soal-soal baru terus muncul dan jawapan atas fatwa lama dipersoalkan kerana dianggap tidak relevan lagi. Perkembangan dalam dunia moden dengan pendekatan sains dan kemudahan-kemudahan yang dicipta melaluinya, menghadapkan umat Islam kepada beribu-ribu soalan yang tidak boleh dijawab oleh mereka yang hanya arif dalam hukum-hukum agama tetapi tidak berpengetahuan dalam bidang-bidang lain (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-41, pada 20 November 1990).

Berdasarkan pemahaman terhadap al-Quran surah Ali Imran ayat 7<sup>6</sup> yang menerangkan tentang 'ayat-ayat Muhkamat' (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya dan merupakan pokok isi al-Quran); dan 'ayat-ayat Mutasyabihat' (yang samar-samar, tidak terang maksudnya), Mahathir meyakini bahawa umat Islam diharapkan dapat menggunakan ayat tidak jelas itu dalam kehidupan yang berbeza dengan menggunakan daya pemikiran yang Allah SWT anugerahkan kepada manusia sahaja. Misalnya berkenaan dengan keadilan dan apa yang membentuk keadilan itu harus difikirkan dan difikirkan dengan teliti oleh umat Islam (Mahathir, Ucaptama disampaikan di Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom, pada 16 April 1996 dan Ucaptama yang disampaikan di Seminar Antarabangsa tentang Pentadbiran Undang-Undang Islam di IKIM, pada 23 Julai 1996).

Ayat umum semestinya demikian, kerana ayat ini adalah untuk memberi panduan dalam keadaan berbeza dan untuk masalah yang tidak diceritakan serta dihadapi oleh orang Islam semasa zaman Rasulullah Saw dan juga untuk sepanjang zaman. Mereka yang berilmu dalam Islam, iaitu ulama boleh merujuk ayat ini sebagai panduan terhadap sebarang isu atau masalah (Mahathir, Ucaptama disampaikan di Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom, pada 16 April 1996).

---

<sup>6</sup>QS. Ali Imran ayat 7 ini bermakna: "*Dia-lah yang menurunkan al-Quran kepada kamu (wahai Muhammad). Sebahagian besar daripada al-Quran itu ialah ayat-ayat yang Muhkamaat itulah pokok-pokok isi Al Qur'an dan yang lain ayat-ayat Mutasyabihaat. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebagian ayat-ayat yang mutasyabihat untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari takwilnya, padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: "Kami beriman kepada ayat-ayat yang mutasyabihat, semuanya itu dari sisi Tuhan kami." Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal*".

Dalam rangka mencari ketetapan hukum dan penyelesaian terhadap pelbagai masalah yang dihadapi oleh umat, para mujahid yang awal telah menetapkan tatacara untuk merujuk al-Quran dan mentafsir ayat ditentukan untuk menghalang tafsiran yang tidak teliti. Namun, disebabkan tatacara ini disediakan oleh orang biasa, walau bagaimana berilmu pun mereka itu, salah tafsir dan salah guna boleh dan mungkin berlaku, menyebabkan ajaran yang salah. Atau Paling tidak apa yang mereka tafsirkan sudah tidak relevan lagi dengan kondisi perkembangan zaman sekarang. Oleh sebab, walaupun ulama berpengetahuan luas dan berilmu dalam Islam, mereka bukannya Nabi Muhammad SAW tetapi hanya manusia biasa, dengan semua kekuatan dan kelemahan manusia. Sehingga, mereka juga mungkin salah (Mahathir, Ucaptama disampaikan di Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom, pada 16 April 1996).

Mahathir menegaskan bahawa ulama yang paling berilmu tidak mungkin tahu segala-galanya. Mereka mesti bergantung kepada kepakaran ulama yang lain (Mahathir, 2003: 117). Oleh itu, dalam konteks ini, diperlukan kerjasama yang padu antara ulama yang menguasai ilmu-ilmu keislaman dan ilmuwan yang pakar pada bidang ilmu tertentu. Sudah tentu fatwa yang dibuat tanpa kajian dan persetujuan alim ulama secara tersusun dan teratur dengan berpandu kepada al-Quran dan Hadis dan mengambilkira penjelasan oleh pakar-pakar dalam bidang berkenaan dan mengelirukan dan merugikan umat Islam. Kesimpulannya, dengan keupayaan berfikir, menggunakan al-Quran sebagai panduan bagi hakikat kejadian perlu untuk terus dihidupkan dan digalakkan kembali, sehingga ulama dan ilmuwan secara bersama-sama boleh memberi pendapat atau ijtihad mereka terhadap suatu permasalahan.

### **4.2.3 Hukum Islam (*Syariah*)**

Ada dua hal yang paling mendasar berkenaan dengan hukum Islam menurut Mahathir, iaitu prinsip keadilan dan kelenturan (fleksibiliti).

Keadilan dalam Islam tidak berbeza daripada konsep keadilan yang universal. Jika penindasan atau ketidaksamaan hukum dianggap tidak adil dalam pandangan universal, demikian jugalah dalam Islam. Tetapi tekanan kepada keadilan lebih jelas dalam agama Islam. Dalam al-Quran dan juga Hadis yang sahih, beratus-ratus kali disebut tentang betapa Allah menyuruh umat Islam berlaku adil dan melarang perbuatan yang zalim. Jika ada perbuatan yang tidak adil dan zalim yang dilakukan oleh orang Islam atau Kerajaan Islam ianya bukanlah kerana Islam atau disuruh oleh agama Islam tetapi ianya adalah oleh kerana orang Islam dan Kerajaan-kerajaan Islam tidak menghiraukan ajaran Islam dan suka mengikut nafsu (Mahathir, Ucapan di Persidangan Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk, 17 Ogos 1995).

Menurut Mahathir suatu perkara yang tidak boleh bertolak ansur dalam sistem kehakiman Islam keadilan, dan keadilanlah yang menjadi pokok pangkal kepada mana-mana sistem undang-undang. Sebenarnya dalam al-Quran tuntutan kepada keadilan dan pencegahan kezaliman diulang dan diulangi berpuluh-puluh kali (Mahathir, Ucapan Semasa Merasmikan Seminar Undang-Undang Keterangan dan Prosedur Mahkamah di Institut Kefahaman Islam Malaysia, pada 14 Oktober 1994).

Keadilan dalam Islam ialah perkara paling penting bagi umat Islam dan kestabilan serta pembangunan negara Islam. Tidak ada masyarakat yang boleh

maju atau wujud tanpa sedikit kesanggupan untuk melaksanakan keadilan. Semakin canggih pelaksanaan keadilan, semakin tinggi tahap pembangunan itu. Oleh itu, negara Islam perlu memandang serius perkara ini. Apabila Islam membawa idea tentang keadilan dan penggunaannya kepada masyarakat jahiliah, mereka bersatu dan menjadi maju. Apabila undang-undang dan keadilan dalam Islam kemudiannya terpesong, tamadun Islam mulai merosot (Mahathir, 2003: 98). Untuk lebih meyakinkan pembahasannya tentang keadilan dalam Islam dan dengan maksud agar perbincangan mengenai keadilan dimaksud berpandukan kepada al-Quran, maka Mahathir telah mengutip beberapa ayat al-Quran, seperti surah al-Baqarah ayat 272,<sup>7</sup> an-Nisaa': 58,<sup>8</sup> al-Maa'idah: 42, 45,<sup>9</sup> al-Israa': 33,<sup>10</sup> dan al-Mulk: 12.<sup>11</sup>

---

<sup>7</sup>QS. al-Baqarah ayat 272 bermakna: *"Bukanlah kewajipanmu menjadikan mereka mendapat petunjuk, akan tetapi Allah-lah yang memberi petunjuk (memberi taufik) siapa yang dikehendaki-Nya. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka pahalanya itu untuk kamu sendiri. Dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan karena mencari keridaan Allah. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan, niscaya kamu akan diberi pahalanya dengan cukup sedang kamu sedikit pun tidak akan dianiaya (dirugikan)".*

<sup>8</sup>QS. an-Nisa ayat 58 bermakna: *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".*

<sup>9</sup>QS. al-Maa'idah ayat 42 bermakna: *"Mereka itu adalah orang-orang yang suka mendengar berita bohong, banyak memakan yang haram. Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta putusan), maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka, atau berpalinglah dari mereka; jika kamu berpaling dari mereka maka mereka tidak akan memberi mudarat kepadamu sedikit pun. Dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil".*

QS. al-Maa'idah ayat 45 bermakna: *Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (Taurat) bahwasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada kisasnya. Barang siapa yang melepaskan (hak kisas) nya, maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barang siapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang dzalim".*

<sup>10</sup>QS. al-Israa' ayat 33 bermakna: *"Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan suatu (alasan) yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara dzalim, maka sesungguhnya Kami telah memberi*

Keadilan dalam Islam berdasarkan keseimbangan antara jenayah dengan hukuman; secara umumnya ditunjukkan melalui pepatah “hutang darah dibayar darah”. Namun apa yang kurang diketahui tetapi merupakan prinsip yang teguh ialah penekanan ke atas kesederhanaan dan tahap pengampunan dalam memberi keadilan. Kerana, al-Quran berkali-kali menyuruh umat Islam bertimbang rasa dan mempunyai belas kasihan ucap Mahathir. Mereka yang teraniaya diberi hak untuk menuntut keadilan, untuk menuntut hutang darah dibayar darah, nyawa dibayar nyawa, malah ganti rugi juga ditentukan sebagai ganti, untuk kemaafan dan keampunan. Hutang darah dibayar darah bukanlah wajib; ia sekadar menilai jenayah dan hukuman yang sesuai (Mahathir, 2003: 51). Memang, mengikut kepada prinsip keadilan dalam Islam hukuman mestilah sama dan setimpal dengan jenayah. Tetapi Allah SWT menyukai orang yang bertimbang rasa dan sanggup memaafkan (Mahathir, Ucapan di Persidangan Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk, pada 17 Ogos 1995).

Undang-undang Islam sebenarnya dinamik. Sifat dinamisma itu wujud kerana wujud padanya ciri fleksibiliti yang merupakan ciri pokok dalam hukum Islam, kerana hukum fiqah tidak terpisah dari realiti sosial dan keadaan persekitaran. Ini bermakna bahwa semua ibadat dalam Islam, ianya boleh diamal mengikut keadaan pengamal dan alam sekeliling. Ia tidak bertujuan untuk menyusah, jauh sekali menyeksa umat Islam (Mahathir, Ucapan Semasa Merasmikan Seminar Undang-Undang Keterangan dan Prosedur Mahkamah di Institut Kefahaman Islam Malaysia, pada 14 Oktober 1994).

---

*kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ahli waris itu melampaui batas dalam membunuh. Sesungguhnya ia adalah orang yang mendapat pertolongan”.*

<sup>11</sup>QS. al-Mulk ayat 12 bermakna: “Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhannya Yang tidak nampak oleh mereka, mereka akan memperoleh ampunan dan pahala yang besar”.



Islam sebagai agama yang pragmatik juga tidak bermaksud untuk memaksa pengikutnya, ucap Mahathir (2003: 53). Kerana, Islam tidak hendak membawa kesengsaraan kepada mereka, sebagaimana boleh dilihat dalam hujung surah al-Baqarah ayat 256: “tidak ada paksaan untuk (memasuki) memeluk agama (Islam)” dan dalam surah al-Maa'idah ayat 6:

*“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah mukamu dan tanganmu sampai dengan siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai dengan kedua mata kaki, dan jika kamu junub maka mandilah, dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air (kakus) atau menyentuh perempuan, lalu kamu tidak memperoleh air, maka bertayamumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur”.*

Di samping itu, Islam dalam pandangan Mahathir ketika berucap di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-8 di Teheran-Iran, pada 9 Disember 1997 adalah agama keamanan, persaudaraan dan fleksibiliti. Oleh itu didapati amalan agama Islam tidak pernah tegar. Kebebasan sentiasa diberikan agar Islam tidak menjadi bebanan kepada orang yang beriman. Semasa persembahyangan, berpuasa, membayar zakat dan menunaikan haji, Islam membenarkan keadaan ikut berpengaruh terhadap pelaksanaan ibadah. Oleh kerana yang demikian, umat Islam diperbolehkan untuk mengerjakan solat dengan pelbagai cara, bergantung pada situasi dan keupayaan yang dimilikinya. Utamanya adalah dengan cara berdiri, akan tetapi manakala dia sedang sakit maka dia boleh mengerjakan dengan cara berduduk atau berbaring. Bahkan dia pun boleh mengerjakan solat hanya dengan memberi isyarat, apabila berdiri, berduduk dan berbaring pun tak boleh dia lakukan. Begitu pula dengan puasa; umat Islam berpuasa mengikut keupayaan fizikal mereka dan di mana mereka berada; membayar zakat dan menunaikan haji pun apabila memang memiliki

kemampuan. Yang pasti dan tidak diperbolehkan adalah berbelah bahagi terhadap keyakinan kepada Allah SWT dan pengakuan akan kenabian Muhammad SAW (Mahathir, 2003: 59).

Demikian juga dengan undang-undang Islam. Tujuannya bukan untuk mendera tetapi untuk menjadi pengajar dan kebaikan masyarakat (Mahathir, Ucapan Semasa Merasmikan Seminar Undang-Undang Keterangan dan Prosedur Mahkamah di IKIM, pada 14 Oktober 1994). Berdasarkan kenyataan ini, maka hukum hudud yang sebenar kata Mahathir bukanlah ditolak, namun pelaksanaannya yang harus mengambil kira keadaan dan akibatnya.

Kita tidak tolak hukum hudud yang sebenar. Kita terimanya seperti juga kita terima semua ajaran Islam. Tetapi kita tahu ajaran Islam tidak sebegitu ketat atau keras sehingga kita mesti melaksanakannya tanpa mengambilkira keadaan dan akibatnya. Kita tahu dalam keadaan tertentu kita diberi kelonggaran supaya agama kita tidak menjadi beban yang menyusah dan membawa mudarat kepada kita. Jika kita sakit, jika kita tidak dapat berdiri, jika kita berada di tempat yang jauh, tempat yang tidak selesa, kita boleh sembahyang umpamanya dengan cara lain daripada yang biasa, kita boleh campur dan pendekkan sembahyang waktu kita, kita tidak perlu buat gerakan tubuh badan seperti biasa. Demikian juga dengan puasa, mengeluarkan zakat dan membuat kerja haji semuanya mengikut keadaan. Agama Islam tidak diturunkan oleh Allah SWT untuk menjadi beban kepada penganutnya atau untuk menyiksa mereka. Demikianlah dengan hukum hudud. Tujuan hukum dalam Islam ialah untuk mewujudkan masyarakat Islam yang bahagia, masyarakat yang bebas daripada ketidakadilan.

Selanjutnya, dengan mengutip al-Quran surah al-Mumtahanah: 8,<sup>12</sup> Ali Imran: 159,<sup>13</sup> dan Al-Kafiruun: 6,<sup>14</sup> Mahathir menyatakan:

---

<sup>12</sup>QS. al-Mumtahanah ayat 8 bermakna: *"Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil"*.

<sup>13</sup>QS. Ali Imran ayat 159 bermakna: *"Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Karena itu maafkanlah"*

Agama Islam seperti yang didakwah dan disebarkan oleh Nabi Muhammad SAW merupakan agama yang bertoleransi dan sederhana. Hal ini jelas daripada banyak sunnah Rasulullah SAW, sikap Baginda terhadap ahli keluarganya yang tidak memeluk Islam, sikap dan layanan Baginda terhadap penduduk Makkah, terhadap bekas musuhnya semasa penduduk Makkah menyerah diri kepadanya, melalui larangan Baginda agar jangan menzalimi tahanan, terhadap orang Islam yang melakukan dosa, malah mereka yang murtad. Rasulullah SAW tidak bertindak keterlaluan atau keras dalam mana-mana satu pun daripada keadaan ini. Dalam segala hal Rasulullah SAW menunjukkan pemahaman, kesederhanaan dan toleransi (Mahathir, 2003: 47).

Mendasarkan pemahamannya kepada konsep ini, maka Mahathir menolak anggapan bahawa penerapan undang-undang atau syariah Islam adalah jalan efektif untuk membentuk perubahan dan menciptakan masyarakat yang beriman dan bertakwa. Bagi Mahathir keimanan dan sifat ketakwaan tidak akan efektif dibentuk melalui cara yang demikian, sebab masyarakat akan terjebak pada ritual simbolik, kerana kepatuhan kepada undang-undang yang dipaksakan, bukan berangkat pada suatu pemahaman yang sebenar bahawa hal yang demikian sememang harus dilakukannya sebagai wujud kesadaran dan kepatuhannya kepada ajaran agama.

Ada orang yang berpendapat bahawa adakan sahaja undang-undang Islam dan semua orang Islam akan menjadi orang Islam yang beriman dan bertakwa. Cara ini sebenarnya akan menghasilkan orang-orang Islam cuma pada zahirnya. Mereka akan lari ke sana-sini dalam usaha mereka untuk mengelak daripada undang-undang Islam. Orang Islam akan berasa *committed* kepada agama Islam jika sekiranya mereka diberi penjelasan tentang kehendak agama Islam yang sebenar. Perbuatan menyembunyi atau memuat belit ayat-ayat al-Quran dan Hadis Nabi kerana didapati tidak secocok dengan pendirian orang-orang tertentu tidak akan menolong menyakinkan orang Islam sehingga mereka berpegang kuat kepada Islam di mana juga mereka berada. Sesungguhnya Islam ialah agama kesederhanaan dan bebas daripada sebarang paksaan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983).

---

*mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepada-Nya”.*

<sup>14</sup>QS. al-Kaafiruun ayat 6 bermakna: “*Untukmulah agamamu dan utukkulah agamaku”.*

Kesedaran terhadap Islam cuma bermakna jika ajaran Islam yang sebenar difaham dan diamalkan. Kesedaran tidak akan mempunyai makna jika diasaskan kepada pemahaman terhadap ajaran sempit dan salah (Mahathir, Ucapan di Perasmian Muzakarah Kesedaran Islam Pegawai-Pegawai Kerajaan, pada 4 Februari 1982).

#### **4.2.4 Seruan Kepada Islam (*Dakwah*)**

Dalam dunia moden ini, umat Islam mempunyai misi yang nyata; mereka mesti mengembalikan nilai kerohanian kepada dunia yang semakin tidak bertuhan dan mementingkan kebendaan; yang begitu angkuh sehingga menganggap dia tahu semua jawapan bagi segala-galanya; dunia yang akan berkembang menuju kemusnahan dan meletakkannya dalam tangan individu yang tidak bertanggungjawab dan tidak waras; dunia yang berada diambang kehancuran (Mahathir, 2003: 89-90).

Dalam konteks ini, semua umat Islam mempunyai tugas yang sama. Setiap orang Islam, wajib memberi bimbingan manusia kepada perbuatan yang baik dan menasihati mereka supaya berhenti daripada perbuatan buruk. Lagi pula, dalam Islam tidak ada 'kependetaan' atau *sainthood*, ianya bererti penyebaran agama Islam merupakan tanggungjawab setiap orang Islam. Orang yang memeluk agama Islam selalunya memeluk Islam kerana mengerti kelebihan dan keagungannya, dan oleh yang demikian mereka sendiri menjadi penyebar Islam. Islam mudah diamalkan kerana apa yang diwajibkan oleh Islam boleh diamal dengan mudahnya (Mahathir, Ucapan di Majlis Kesyukuran di Ibu Pejabat Perkim, Kuala Lumpur, pada 22 Oktober 1983). Itulah sebabnya setiap orang Islam dikehendaki mengamal serta menyampaikan kebenaran, kebaikan dan

menjelaskan agama Islam kepada umat Islam dan bukan umat Islam melalui kaedah dakwah. Walau demikian, penjelasan yang diberikan hendaklah dengan cara yang boleh mengurangkan tanggapan salah faham tentang Islam. Penjelasan yang terbaik, hujah yang paling meyakinkan adalah dengan menunjukkan secara jelas ajaran Islam sebenar berhubung dengan toleransi dan kesederhanaan, dan menolak ketaasuban dan ekstremis (Mahathir, 2003: 51). Dengan hujah dan penjelasan yang meyakinkan maka tanggapan salah dari orang bukan Islam yang mempercayai bahwa agama Islam mengajar umatnya supaya tidak bertoleransi, kejam atau pun pengganas menurut Mahathir akan dapat dibetulkan.

Ketika berucap di Majlis Kesyukuran di Ibu Pejabat Perkim, pada 22 Oktober 1983, Mahathir menegaskan pula bagaimana kaedah pelaksanaan dakwah yang harus dilaksanakan secara bijak (*hikmah*),<sup>15</sup> iaitu dengan mengedepankan faktor akal dan rohani (*intellectual and spiritual qualities*). Oleh itu, secara tegas Islam melarang pemeluknya untuk memaksakan Islam kepada orang lain, sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Quran.<sup>16</sup> Sesungguhnya, Rasulullah SAW pun dinasihati supaya tidak berputus asa jika orang bukan Islam tidak memeluk Islam, kerana dengan izin Allah SWT tentu mereka akan memeluk

---

<sup>15</sup>Ayat al-Quran yang memerintahkan kepada umat Islam agar melaksanakan dakwah dengan secara hikmah terdapat pada surat al-Nahl ayat 125 yang bermakna: *“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”*.

<sup>16</sup>Penegasan al-Quran terhadap larangan untuk memaksakan Islam kepada orang lain terdapat pada surat al-Baqarah ayat 256 yang bermakna: *“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barang siapa yang ingkar kepada thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”*.

Islam. Jika mereka tidak memeluk Islam, ini kerana Allah SWT belum lagi menghendakinya (Mahathir, 2003: 10).

Bentuk dakwah terbaik adalah dengan menunjukkannya melalui amalan tentang kebaikan Islam, tolak ansur dan simpati kepada mereka yang kurang bernasib baik sesama Islam dan juga kepada orang bukan Islam, keamanan, kestabilan dan seterusnya kemakmuran negara Islam yang ditadbir dengan baik. “Islam sebagai *ad-din* akan diterima oleh semua jika umat Islam dapat membuktikan kepada masyarakat luas bahawa kehidupan cara Islam adalah lebih bahagia, lebih mudah dan lebih melegakan hati nurani” (Mahathir, Ucapan di Pembukaan Rasmi Seminar Pengajian Islam Peringkat Kebangsaan Sempena Perayaan Jubli Perak, di Universiti Malaya pada 21 September 1985). Inilah perkara sebenar yang dimaksudkan dengan *dakwah bil hal*. Oleh itu, dakwah bil hal tidak bertujuan untuk mengIslamkan orang ramai, tetapi ia hendaklah sekurang-kurangnya membantu menjanakan pemahaman dan kesedaran yang lebih baik terhadap Islam dan apa ertinya menjadi seorang Muslim (Mahathir, 2003: 96). Dakwah bil hal juga bukan setakat berbuat baik kepada orang lain seperti menolong orang yang miskin, membina sekolah dan hospital tetapi ia juga mestilah menunjukkan Islam sebenar bukan penghalang kemajuan dunia, memperlihatkan pembangunan dan pentadbiran yang cekap, kemewahan hasil daripada kemahiran dalam industri dan perdagangan serta kekuatan untuk mempertahankan mereka yang memerlukan bantuan tanpa mengira orang Islam atau bukan Islam (Mahathir, 2003: 97).

Sejarah telah memperlihatkan, betapa sebuah empayar yang terbesar dalam sejarah dunia telah didirikan oleh orang Islam melalui tindakan dakwah,

ketenteraan dan pemerintahan yang cekap. Negara-negara Islam muncul dan terkenal dengan tamadun yang tinggi dan canggih. Di wilayah-wilayah Islam pada masa itu terdapat ramai cerdik-pandai yang cekap dalam bidang pelbagai bidang dan ilmu pengetahuan; pentadbiran, pembangunan pertanian, industri, kejuruteraan, pertahanan, ilmu sains dan hisab, ilmu falak dan pelayaran, perubatan dan bermacam-macam ilmu selain dari agama Islam, hukum-hakam dan tafsirannya (Mahathir, Ucapan di Pelancaran IKIM dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21, pada 3 Mac 1992). Ini menunjukkan betapa pentingnya fungsi dan posisi dakwah untuk menjayakan Islam dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Menyangkut dakwah dalam konteks kenegaraan, Mahathir (2003: 97) menyatakan bahawa negara Islam mestilah bebas, kuat dan maju untuk mengambil bahagian sebagai anggota masyarakat dunia. Mereka mestilah kekal sebagai orang Islam dan mesti mendukung Islam. Walau bagaimanapun, mereka mesti menjadi golongan fundamentalis Islam yang sejati, iaitu mesti melakukan yang benar dan menolak yang salah sebagaimana yang dikehendaki dalam al-Quran surah Ali Imran ayat 104.<sup>17</sup> Islam sentiasa mendukung apa yang benar dan adil serta tidak pernah menganjurkan supaya orang Islam bersekongkol atau menyokong antara satu sama lain untuk melakukan perkara yang salah. Jika orang Islam membuat perkara yang salah, orang Islam lain mesti menentang dan membetulkannya (Mahathir, 2003: 89).

---

<sup>17</sup>QS. Ali Imran ayat 104 bermakna: *"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung"*.

Inilah yang dinamakan dengan *amar maaruf nahi mungkar*; menyuruh orang lain supaya berbuat kebaikan dan mencegah mereka dari berbuat kerosakan. Tentu sahaja, semua itu haruslah terlebih dahulu diamalkan oleh masing-masing individu. Kerana, kejayaan umat Islam dan negara akan lebih meyakinkan tentang kebaikan asas Islam berbanding dengan semua dakwah tentang ajaran dan kepercayaan Islam khususnya apabila orang Islam terlebih dahulu mengamalkan apa yang didakwahnya (Mahathir, 2003: 93).

Mesti disedari bahawa kestabilan politik, kerajaan yang cekap, pengetahuan dalam semua bidang sains dan teknologi, kekayaan kebendaan dan kecanggihan masa kini semuanya adalah sebahagian daripada proses memperkukuh umat Islam dan untuk terus mempertahankan keimanan dan keperluan kepada *amar maaruf nahi mungkar* (Mahathir, 2003: 93). Dengan demikian, dakwah menurut Mahathir memiliki bidang kerja yang luas, mulai dari meningkatkan pengetahuan dan pemahaman orang Islam mengenai ajaran Islam sehingga pembangunan orang Islam dan negara Islam juga merupakan sebahagian daripada tugas berdakwah (Mahathir, Ucapan di Perasmian Kursus Pendakwah Negara di Institut Tadbiran Awam Negara, pada 10 Disember 1992).

#### **4.3 Rumusan**

Lahirnya berbagai gagasan dan pemikiran Islam Mahathir yang konstruktif tidak terlepas dari masa dan persekitaran yang ada. Maknanya, gagasan tersebut tidak hanya lahir kerana pembacaan dan pengamatan Mahathir terhadap kondisi yang terjadi dan keprihatinannya terhadap nasib umat Islam Melayu, tetapi juga sebagai komitmen dan resistansi terhadap pelbagai kritik dan pandangan-pandangan yang membidasnya. Sebab, gagasan kelslaman Mahathir terkadang



mengundang reaksi balas dan kritikan dari sebahagian ulama (Zamri, 2005: 361). Namun, reaksi balas inilah yang menyebabkan pemikiran Islam bergerak dinamik, terlepas dari tipa pemikiran yang dibawakannya.

Islam dalam pandangan Mahathir mesti difahami dengan berteraskan kepada reason, logik dan argumen serta mengembalikannya kepada dasar semula, iaitu al-Quran dan Sunnah. Dengan pemahaman seperti ini Islam pada prinsipnya menurut Mahathir sangat menghendaki agar umatnya berjaya, tidak hanya di dunia akan tetapi di akhirat pula. Itulah sebabnya, umat Islam selalu didorong untuk meraih karunia Tuhan dengan bekerja keras, tekun dan disiplin. Ertinya, tanpa pemahaman yang sebenar terhadap ajaran Islam, mustahil umat Islam boleh mencapai kemajuan sebagaimana yang dicapai oleh kaum yang lain.

Mahathir melihat bahawa dalam realitasnya Islam telah banyak disalahertikan oleh umat Islam sendiri, sehingga ajaran Islam tampak seperti tradisional dan anti kemajuan. Umat Islam pun akhirnya lebih mementingkan urusan-urusan yang berhubungan dengan akhirat saja dan tidak memiliki semangat yang keras untuk mencapai kehidupan dunia yang lebih baik. Mereka terkadang bersifat pasrah dengan nasib dan merasa cukup dengan apa yang terjadi (*fatalistik*). Padahal, Islam menghendaki agar umatnya berjaya, tidak hanya di dunia akan tetapi di akhirat pula. Itulah sebabnya, umat Islam selalu didorong untuk meraih karunia Tuhan dengan bekerja keras, tekun dan disiplin.

Oleh itu, kerana Islam adalah agama yang mendorong kepada kemajuan maka Mahathir telah memperkenalkan pola yang lebih kritikal untuk memahami Islam, iaitu 'pola Mahathirsme', iaitu suatu pola disandarkan kepada sifat-sifat

universal, kedinamikan, kerationalan dan kemodenan Islam, sehingga dengan pola tersebut Islam boleh difahami dan tidak ditafsirkan secara sempit. Modal dasar dari pola pemikiran ini antaranya adalah: (1) membudayakan minat membaca dan mengembangkan ilmu pengetahuan, baik ilmu agama mahupun ilmu sains; (2) mengembangkan sikap kritikal, iaitu sikap untuk selalu meneliti dan tidak menerima begitu sahaja sebuah pemahaman atau pemikiran baru sebelum mempelajari; (3) mengembangkan sikap keterbukaan, iaitu keterbukaan terhadap segala gagasan kemajuan dengan tetap menapisnya dengan mengambil kira mana yang baik, sesuai dengan Islam dan budaya Melayu dan meninggalkan yang tidak baik.

Untuk kebangkitan Islam dan menghadapi berbagai cabaran masa hadapan tiada cara yang boleh dilakukan oleh umat Islam selain melakukan reformasi terhadap nilai hidup yang mereka pegang dengan dan reformasi pemikiran di kalangan mereka yang terkongkong dengan ajaran yang tidak berasaskan Islam dan mengelirukan umat Islam (Mahathir, 2003: 70-71).

# **BAB 5**

## **ISLAM DAN ISU-ISU KENEGARAAN SEMASA**

### **5.1 Pengenalan**

Pada bahagian ini dibincangkan pandangan Mahathir terhadap beberapa perkara terkait persoalan tentang Islam dan kenegaraan, iaitu berkenaan dengan isu-isu kenegaraan semasa. Mengikuti kepada Abdillah (2007: 133) antara isu-isu politik moden tersebut adalah tentang demokrasi, fahaman pemisahan agama (sekularisme), masyarakat majmuk atau masyarakat berbilang kaum (pluralisme) dan penganas atau keganasan (terorisme).

Sengaja dipilih keempat isu ini, kerana ianya yang paling ramai dibicarakan dan pula kesannya dalam pemerintahan dan tatanan kehidupan bernegara. Demokrasi misalnya, ia dianggap sebagai lambang dari jalannya pemerintahan. Sekularisme di samping menjadi kaedah pemerintahan umumnya negara-negara di Eropah dan Barat, ia juga dianggap sebagai faham berbahaya kerana mencuba memisahkan agama dengan kehidupan negara. Agama

dimaknai semata-mata adalah urusan antara manusia dengan Tuhan dan tidak berhak untuk ikut campur dalam urusan negara, Sehingga orang takut dengan sekularisme dan salah faham terhadap sekularisme. Masyarakat Majmuk atau masyarakat berbilang kaum (pluralisme) adalah suatu keniscayaan yang harus disedari oleh siapa sahaja sebagai bahagian penting dari wujud sebuah negara, karena itu ianya tidak boleh menjadi alasan untuk saling bermusuhan atau pertikaian, sehingga merosak ketentraman dan keamanan masyarakat. Kerana, keselamatan dan perpaduan mempunyai adalah persoalan yang amat penting. Ianya merupakan asas untuk membangun bangsa atau negara. Pengganas (terorisme) adalah cabaran yang harus diwaspadai oleh negara untuk menjamin terciptanya keamanan kehidupan bernegara.

## **5.2 Islam dan Demokrasi**

Dalam ucapan yang disampaikan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, pada 30 November 1990, Mahathir menegaskan penerimaan sekaligus kritiknya terhadap demokrasi. Barat telah mengongkong fikiran manusia terlalu lama. Konsep keadilan mereka, konsep kebebasan mereka, konsep moral mereka, konsep kerajaan mereka, institusi-institusi mereka dan cara-cara dan pendekatan mereka diterima oleh dunia sebagai *the only way and the right way*, seolah-olah tidak ada nilai dan cara yang lain. Dan kita menerima sistem demokrasi kerana demokrasi adalah satu sistem yang baik walaupun dicipta Barat. Tetapi, hal ini bukan bermakna bahawa semua interpretasi dan amalan demokrasi di Barat itu baik.

Sistem demokrasi bukannya undang-undang Tuhan. Ia direka oleh manusia yang tidak terlepas daripada membuat kesilapan (Mahathir, 2003: 74).

Apabila Malaysia memilih demokrasi sebagai sistem terbaik dalam penyelenggaraan negara, maka tujuannya tidak lain adalah bagaimana dengan demokrasi itu kesejahteraan, keamanan dan kemajuan hidup masyarakat boleh dicapai melalui usaha pembangunan negara. Namun masalahnya, demokrasi sehingga kini menurut Mahathir masih mengandungi makna yang rancu, kerana konsep demokrasi sering digunakan oleh negara-negara Barat untuk kepentingan mereka, sehingga arti semula demokrasi pun sering berubah-ubah. Sehingga, manakala sebuah negara berusaha kuat untuk menjayakan demokrasi, tetapi sebaik sahaja negara tersebut berjaya, matlamatnya diubah atau ditukar dan demokrasi ditafsir semula. Pada masa inilah dunia Islam tidak dapat menerima tafsiran yang lebih terbuka tentang demokrasi (Mahathir, 2003: 24). Bahkan, Barat menyarankan bahawa yang penting bukan pemerintahan yang membawa kebahagiaan kepada rakyat, yang penting ialah rakyat mesti sanggup mendukung demokrasi, walaupun ia menyebabkan rakyat menderita (Mahathir, 2003: 42). Hal ini tentu saja tidak sejalan dengan konsep sebenar yang dikehendaki oleh demokrasi. Padahal, manakala demokrasi dicipta sebagai satu sistem pemerintahan oleh rakyat untuk menggantikan sistem feudal, tujuannya adalah supaya pemerintahan yang baik, adil, dan berkesan untuk semua rakyat dapat diwujudkan.

Demokrasi menurut Mahathir (2003: 44) bukanlah agama yang diwahyukan Tuhan, sehingga bebas dari kritik dan boleh diterima secara penuh. Sedangkan agama sahaja boleh disalah tafsir dan diputarbelitkan oleh orang yang berkepentingan, apatah lagi demokrasi. Oleh itu, tidak semua daripada apa yang didakwa oleh Barat sebagai demokratik diamalkan, namun yang terpenting adalah memilih yang jernih dan membuang yang keruh, yang tidak baik, dan

tidak sesuai untuk diamalkan (Mahathir, 2003: 44). Harus diingat kata Mahathir bahawa demokrasi bukan agama Tuhan. Demokrasi adalah ciptaan manusia dan sudah tentu ia jauh daripada sempurna. Bangsa-bangsa Barat cuba mendakwa bahawa demokrasi tidak cacat dan menganggapnya sebagai satu sistem yang tidak siapa boleh mempertikaikan atau mengubahnya. Mereka menciptakan slogan *vox populi vox dei*, iaitu 'suara ramai adalah suara Tuhan'. Padahal demokrasi bukan suara Tuhan dan jauh daripada sempurna, bahkan ia penuh dengan kecacatan yang boleh membinasakan pengamalannya dan menjadikan mereka mangsa kezaliman demokrasi yang tidak kurang buruknya daripada kezaliman sistem feodal atau diktator (Mahathir, Ucapan di Konvensyen UMNO Sempena Ulangtahun yang ke 50, pada 11 Mei 1996).

Kritik yang sama terhadap demokrasi Barat ditegaskan kembali oleh Mahathir ketika berucap di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-8 di Teheran, Iran, pada 9 Disember 1997.

Meskipun semua dakwaan Barat tentang keberkesanan dan keadilan sistem demokrasi mereka, sistem itu masih belum sempurna, malah bukan merupakan sistem yang baik untuk mereka atau untuk sesiapa sahaja. Kerap kali orang yang tidak sesuai dipilih untuk membentuk kerajaan mereka. Kepentingan diri sering memesongkan mereka daripada tugas yang perlu dilaksanakan. Rasuah menjadi-jadi dan kelakuan tidak berakhlak merupakan perkara biasa. Sistem ala Barat dan konsep demokrasi masa kini bukannya lebih baik daripada negara teokratik yang feodalistik sebelum ini. Cara mereka mungkin berbeza, namun objektif dan hasilnya adalah sama.

Mahathir juga mengkritik sikap negara-negara tertentu yang menerima demokrasi sebagai sistem politik, tetapi kerana tidak faham apa dianya demokrasi, mereka telah menjadi mangsa demokrasi tanpa sedikit pun memperolehi manfaat. Padahal, negara membangun terutamanya memerlukan kestabilan politik lebih daripada dahulu (Mahathir, 2003: 74). Oleh itu, bagi

sesebuah negara yang membangun, demokrasi yang diamalkan tidak perlu terlalu liberal sehingga kerajaan menjadi kaku dan hanya ingin menjadi popular. Sebab salah satu daripada kelemahan demokrasi ialah tuntutan terhadap kerajaan adalah berlebih-lebihan. Jika kerajaan lemah dan mencuba melayan semua tuntutan kerana ingin kekal sebagai kerajaan, negara akan menjadi bangkrap (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, pada 30 November 1990).

Demokrasi juga tidaklah sama dengan dan tidak harus ada pembaharuan kerajaan sebagaimana dakwaan sesetengah orang. Sebab, hak untuk mengekalkan kerajaan tidak bertentangan dengan demokrasi, selama pengekalan tersebut adalah kehendak rakyat dan dilakukan melalui cara dan proses yang demokratik (Mahathir, 2003: 42). Demokrasi mendatangkan hasil yang baik kerana ia diamalkan dengan tetap bekerjasama dengan kaum yang lain, mengutamakan keadilan untuk semua, dan tidak mengetepikan hak minoriti. Oleh itu, politik menjadi stabil dan demokrasi, termasuk pilihan raya dapat diamalkan secara berterusan (Mahathir, 2003: 43). Malaysia berjaya menggunakan sistem demokrasi, memilih kerajaan dan mempunyai pentadbiran yang berkesan. Tetapi hanya dengan ini sahaja tidak menjamin negara akan maju. Untuk mencapai kemajuan diperlukan ide-ide yang baik, wawasan, perancangan yang rapi, pendekatan yang boleh menjayakan ide-ide berkenaan dan pengurus-pengurus yang terbaik dan berkebolehan dalam melaksanakan pembangunan negara. Majunya negara Malaysia dan terlaksananya rancangan-rancangan pembangunan bermakna bahawa faktor-faktor ini ada pada negara (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, pada 5 September 1997). Demokrasi ialah hak bagi rakyat menentukan siapa yang dipilih untuk

memerintah atau menjadi kerajaan yang memerintah atau menjadi kerajaan yang akan mengurus dan mentadbir supaya majoriti rakyat hidup bebas daripada sebarang tekanan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, pada 30 November 1990).

Jelas bahawa apabila Malaysia berjaya mengamalkan demokrasi, membentuk kerajaan dan memilihnya melalui proses pilihan raya umum, pembangunan negara dapat dilaksanakan, dan rakyat hidup dalam keadaan aman dan makmur. Hal ini lebih dikeranakan rakyat Malaysia, ahli politik Malaysia, dan parti politik Malaysia tahu cara menggunakan sistem demokrasi. Ini bermakna bahawa bukanlah sistem demokrasi yang menentukan, tetapi para ahli yang melaksanakan pemerintahan itulah yang menentukan, baik dan berkesannya pemerintahan dijalankan (Mahathir, 2003: 42).

Sistem (demokrasi) walau betapa baik sekalipun dengan sendirinya tidak menjamin kejayaan. Kerana, yang menentukan kejayaan menurut Mahathir ialah pengamal sistem itu yang sedar bahawa peruntukkan dalam sistem itu perlu diguna dengan membelakangkan nafsu dan mengutamakan semangat penubuhan badan yang berkenaan. Demokrasi akan kekal dan kuat jika pengamalnya memahami peranan mereka dan mengawal kepentingan diri untuk menjayakan kepentingan ramai dan memelihara demokrasi. Bagi yang faham, kepentingan ramai ialah kepentingan bersama yang akhirnya memenuhi kepentingan diri juga (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983). Sebab, demokrasi sebagai sistem pemerintahan tidaklah bersifat sempurna. Jadi, demokrasi harus difahami dan difungsikan sebagai alat untuk manusia mencapai kesejahteraan kehidupan



berbangsa dan bernegara, bukan manusia yang menjadi alat demokrasi (Mahathir, 2003: 42). Inilah yang kemudian membolehkan demokrasi memiliki kedudukan yang penting guna menjamin terlaksananya pemerintahan yang baik dan agar program pembangunan yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

### **5.3 Islam dan Sekularisme**

Mahathir menilai bahawa apa yang dilakukan oleh pengasas Turki moden, Mustafa Kemal Attaturk, telah tersilap kerana menyalahkan Islam, bukannya melihat pada tafsiran sempit tentang Islam sebagai punca kejatuhan empayar Turki. Mustafa Kemal telah salah memahami dan menganggap bahawa Islam terpisah dari negara dan Islam samasekali tidak mempengaruhi hal-ehwal negara, kerana itu Islam mesti dijauhkan dari negara, sebagaimana halnya dengan pemisahan antara agama (gereja) dan negara di Eropah. Sehingga, Mustafa Kemal percaya bahawa penyelesaian masalah Turki harus dilakukan dengan menolak Islam sepenuhnya dalam urusan kenegaraan dan menjadikan sekularisme sebagai doktrin negara Turki moden (Mahathir, 2003: 13).

Menurut Mahathir, pemisahan antara gereja dengan negara, dan pemisahan antara sekular dengan agama mungkin boleh dilakukan dalam agama Kristian, tetapi mustahil dalam Islam. Islam kata Mahathir adalah cara hidup, dan cara hidup tidak boleh terbatas kepada sembahyang dan amal ibadat sahaja. Ia bukan semata-mata berkenaan dengan akhirat. Cara hidup mestilah melibatkan apa jua yang dilakukan oleh umat Islam sehari-hari. Kerana itu, di samping sembahyang dan amal ibadat, juga sangat penting untuk dilakukan berbagai hal terkait dengan kehidupan duniawi, misalnya:

1. Kajian tentang sains dan teknologi berkaitan dengan persediaan hidup yang lebih baik untuk umat Islam adalah penting dan pastinya berkenaan keselamatan dan pertahanan umat Islam.
2. Menjalankan perniagaan dan memperoleh kekayaan juga adalah untuk kesejahteraan ummah di muka bumi ini, kerana dengan cara itu sedekah dan zakat dapat dikeluarkan untuk membantu mereka yang memerlukan.
3. Peningkatan cara perjalanan berkaitan dengan menunaikan fardu haji juga perlu dilakukan.
4. Pembangunan dan kemakmuran negara Islam, kerajaan yang cekap, sistem perundangan, peraturan, dan undang-undang yang adil dan saksama, sesungguhnya segala yang ada kena-mengena dengan dunia ini adalah sebahagian daripada cara hidup (Mahathir, 2003: 14).

Sebahagian kalangan dari masyarakat Islam ada pula yang takut dan salah faham dengan hal-hal yang dianggap sekular. Padahal, mereka tidak memahami sekularisme yang sebenar dalam konteks Islam. Mereka takut berulangnya pensekularan Turki yang menyebabkan umat Islam menjadi jahil dan ketinggalan serta tidak mampu mempertahankan diri mereka. Pensekularan juga menyebabkan umat cuba mengasingkan diri mereka daripada pengaruh luar dan secara fizikal daripada orang bukan Islam. Mereka melakukannya dengan menyebarkan kebimbangan bahawa bersekutu dengan orang bukan Islam akan mencemarkan agama mereka dan apa yang dianggap oleh mereka sebagai cara hidup Islam (Mahathir, 2003: 15).

Hal yang lebih kritis lagi adalah apabila ada orang yang beranggapan bahawa mereka tidak perlu menuntut pelajaran ke atas ilmu-ilmu yang dianggap

sekular, seperti matematik kejuruteraan, fizik dan yang seumpamanya kerana ilmu-ilmu tersebut berasal dan diasaskan oleh orang-orang Barat. Mereka merasa cukup dengan menuntut pelajaran ilmu-ilmu keislaman sahaja. Padahal, agama Islam tidak salah. Dalam bidang penguasaan ilmu termasuk sains, ilmu alam, matematik kejuruteraan, agama Islam bukan sahaja tidak menegah tetapi menuntut supaya dikejar oleh orang Islam. Manakala orang Islam lemah dalam bidang ini sekarang, apabila mereka malas dan tidak bersemangat untuk mempelajari ilmu-ilmu ini, sebabnya ialah orang-orang yang berkepentingan yang ingin mengekal dan memperkuatkan pengaruh mereka sengaja menghalang pelajaran ilmu-ilmu yang tidak khusus berkenaan agama dengan mendakwa ilmu ini sekular dan mempelajarinya tidak memberi pahala (Mahathir, Ucapan di Kongres Pendidikan Melayu Pertama di Kuala Lumpur, pada 1 September 2001).

Oleh itu, menurut Mahathir, tidak ada apa-apa yang sekular dalam mempelajari sains, kemahiran dan teknologi yang sememangnya dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan keselamatan Islam, tersebut, seluruh masyarakat Islam akan berdosa jika tiada seorang pun daripada mereka melaksanakan fardu kifayah, yakni hal-hal yang harus dilakukan untuk memenuhi keperluan demi kesejahteraan umat Islam di dunia ini (Mahathir, 2003: 14). Satu-satunya perkara yang dikehendaki ialah masyarakat Islam tidak boleh melanggar larangan Islam dan tidak menjadi angkuh sehingga meniadakan wujud Tuhan (Mahathir, 2005: 14). Lagi pula, sains mempunyai kaitan yang rapat dengan survival dan kemajuan orang-orang Islam. Agama Islam wujud kerana terdapat orang-orang yang menghayatinya. Jika kerana kelemahan, orang-orang Islam ditewaskan dalam semua bidang, mereka bukan sahaja bersalah kerana tidak menunaikan suruhan al-Quran, tetapi mereka mungkin dipisahkan daripada

agama mereka (Mahathir, Ucapan di Perasmian Seminar al-Quran Antara Bangsa di Pusat Islam, Kuala Lumpur pada 19 Mac 1990).

Bahkan Hadis Nabi SAW telah memberi tuntunan supaya umat Islam menuntut berbagai-bagai ilmu yang boleh menunjang dan memudahkan hidup mereka. "Tuntutlah ilmu walau pun sampai ke negeri Cina". Sebab ilmu yang dimaksudkan oleh Nabi dalam Hadis ini pada masa itu yang berkembang di Cina bukanlah ilmu-ilmu agama, tetapi ilmu yang berkenaan dengan pemerintahan negara, strategi perang, ilmu pertanian, perubatan, teknik pembuatan porselin (tembikar), pembuatan kertas dan bahan letupan (Mahathir, Ucapan di Persidangan Serantau Menghadapi Abad 21: Reformasi dan Umat Islam Serantau, pada 22 Ogos 1997).

Orang Islam tidak disuruh mempelajari agama sahaja. Jika semua daripada kita hanya berpengetahuan dalam bidang agama sahaja, hanya mempelajari agama sahaja yang akan memberi pahala kepada kita dan dengan itu apakah yang terjadi kepada masyarakat kita? Kita tidak mungkin menyara kehidupan kita sama sekali. Pendapat bahawa hanya yang mempelajari agama sahaja yang akan mendapat pahala dan tempat di akhirat adalah salah. Mereka tidak pun dapat hidup jika tidak ada orang lain yang membuat kerja-kerja lain bagi menyara kehidupan mereka dan menyelamatkan mereka. Orang lain ini juga membuat ibadat kerana mereka yang membolehkan orang berpelajaran agama hidup sempurna (Mahathir, Ucapan di Kongres Pendidikan Melayu Pertama di Kuala Lumpur, pada 1 September 2001).

Oleh itu, semua ilmu untuk kesejahteraan hidup dituntut kerana tidak ada larangan bahawa hanya ilmu khusus berkenaan agama sahaja yang boleh dipelajari oleh umat Islam. Sebab, al-Quran pun telah menyuruh umat Islam untuk melihat segala kejadian (penciptaan) Tuhan; gunung-gunung, langit dan bumi, hujan, tumbuh-tumbuhan, binatang yang menjadi makanan, kenderaan dan pakaian bagi manusia, bulan dan bintang, siang dan malam, iklim dan musim serta segala yang dijadikan oleh Tuhan untuk manusia. Makna melihat tidaklah

terhad kepada melihat sahaja tetapi meliputi menyelidik dan mempelajari segala yang dijadikan oleh Tuhan supaya faedahnya boleh dinikmati oleh semua umat manusia (Mahathir, Ucapan di Persidangan Serantau Menghadapi Abad 21: Reformasi dan Umat Islam Serantau, pada 22 Ogos 1997).

Di samping kesalahfahaman terhadap pelajaran sains umum yang dianggap sekular, terdapat pula kecenderungan yang membimbangkan di kalangan guru agama yang mempengaruhi kanak-kanak supaya menjauhkan diri daripada orang bukan Islam, dengan alasan ketakutan mereka kalau-kalau mereka memakan makanan yang tidak halal. Cubaan untuk memisahkan orang Islam dengan orang bukan Islam ini juga terjadi di peringkat sekolah dan universiti (Mahathir, 2003: 15). Penyisihan dan pengasingan sendiri tidak akan membantu memupuk pemahaman antara agama. Sememangnya di negara Malaysia yang berbilang bangsa dan agama ini, umat Islam tidak akan dapat menyesuaikan diri dan hidup rukun damai serta dapat manfaat daripada pelbagai peluang yang ditawarkan dalam persekitaran masyarakat berbilang bangsa dan agama, apabila mereka memencilkan diri dan tidak dapat menunjukkan ajaran Islam sebenar (Mahathir, 2003: 16).

#### **5.4 Islam dan Masyarakat Majmuk**

Hari ini, di merata negara di dunia terdapat masyarakat majmuk yang menganut agama-agama yang berlainan. Di satu negara satu bangsa yang menganuti agama tertentu memerintah masyarakat yang mempunyai minoriti yang terdiri dari bangsa lain yang menganuti agama lain. Sebaliknya di negara lain pula bangsa yang memerintah di negara pertama tadi menjadi puak minoriti di bawah

pemerintahan bangsa yang menjadi minoriti di negara mereka (Mahathir, Ucapan di Persidangan Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk, 17 Ogos 1995).

Menyadari hakikat dari masyarakat majmuk, walaupun Malaysia ditadbir oleh kerajaan yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu Islam, tidak ada cubaan untuk menindas orang bukan Islam. Kerajaan Malaysia sangat bertoleransi dan menghormati amalan beragama masyarakat lain. Tiada siapa pun boleh mengatakan bahawa dengan berbuat demikian, maka tidak bersifat kelslaman. Walaupun kebelakangan ini nampak beberapa penyelewengan, namun ini merupakan pengecualiaan dalam pemerintahan tersebut. Negara yang sebahagian besar pemimpinnya beragama Islam boleh menjamin keadilan dan kesaksamaan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa atau agama (Mahathir, 2003: 5).

Agama masih relevan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Mengabaikan atau menyisihkannya merupakan tindakan yang amat tidak bijak. Masyarakat yang benar-benar sekular tidak boleh diwujudkan di Malaysia. Walaupun Islam diterima sebagai agama rasmi di Malaysia, agama lain boleh diamalkan. Sebab, bukan sahaja kebebasan untuk mengamalkan agama lain dianggap penting dan bermakna, akan tetapi ia juga menunjukkan toleransi dan penyesuaian bagi sebahagian besar penduduk Islam (Mahathir, 2003: 5).

Malaysia adalah negara berbilang kaum dan berbilang agama. Manakala agama Islam diterima sebagai agama rasmi negara, agama-agama lain adalah bebas diamalkan pengamal-pengamalnya. Di samping itu orang-orang Islam dipelihara daripada pengembangan agama lain sebaliknya, dalam mengembangkan (mendakwah) dan meningkatkan bilangan penganut agama Islam, paksaan tidak boleh digunakan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, pada 27 September 1985).

Sehingga, walaupun perbezaaan amalan agama di negara lain mengakibatkan terjadinya perpecahan dan bahkan pertempuran ganas, di Malaysia, amalan ini berjaya mendekatkan pengikut agama yang berlainan. Di Malaysia, perpaduannya yang luar biasa, walaupun berbeza agama merupakan hasil keterbukaan dalam amalan beragama yang berbeza, dan khususnya Islam, agama sebahagian besar penduduk Malaysia dan agama rasmi negara (Mahathir, 2003: 5-6).

Islam mengakui keragaman manusia, sehingga dengan berbilang bangsa itu Islam menyuruhkan kepada manusia supaya mereka boleh mengenal satu sama lain. Karenanya, orang Arab bukanlah lebih mulia daripada bangsa lain, kecuali apabila mereka menyembah Allah SWT dan mengamalkan ajaran Islam dengan yakin dan ikhlas (Mahathir, 2003: 10).

Pemahaman dan prinsip dasar yang seperti inilah yang dipegang oleh umat Islam dulu, sebagaimana yang dipraktikkan oleh masyarakat Islam di Madinah, di Spanyol, di Eropah Timur, dan diberbagai daerah lainnya. Sehingga, walaupun masyarakat bukan Islam minoriti, akan tetapi keamanan dan keselamatan jiwa, harta benda, dan pengamalan agama mereka tetap terjamin. Tak heran, jika di Eropah Timur, penganut agama Kristian lebih suka menerima pemerintahan Islam Turki yang bisa menjamin kehidupan mereka, dibanding dengan pemerintahan Kristian sebelumnya yang telah mengambil cukai sangat tinggi atas mereka (Mahathir, 2003: 16). Ini merupakan bukti nyata dari toleransi dan sikap menghormati faham atau agama orang lain.

Budaya toleransi terhadap agama dan kepercayaan lain yang dibentuk oleh tamadun Islam adalah sepenuhnya seiring dengan ajaran Islam (Mahathir, 2003: 18). Negara Islam atau yang dikuasai oleh orang Islam, tetapi mempunyai rakyat dan penduduk daripada berbagai-bagai bangsa dan menganuti agama yang bukan Islam, jika mereka mengikuti ajaran Islam maka mereka tidak akan menindas penduduk yang bukan Islam. Tidak ada di mana-mana dalam ajaran Islam yang sebenar, sama ada daripada al-Quran atau Hadis yang sahih yang menyuruh pemerintahan Islam melakukan ketidakadilan ke atas rakyat bukan Islam. Elemen yang ditekan berulang kali oleh Islam ialah supaya berlaku adil dan membuat yang baik, menolak sebarang bentuk kezaliman dan keburukan (Mahathir, Ucapan di Persidangan Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk, pada 17 Ogos 1995).

Sikap toleransi dan memahami agama lain ini adalah sebahagian daripada ajaran Islam. Sejak dulu lagi ajaran ini diterima dan diamalkan. Sememangnya, seperti ajaran lain, dari segi amalannya, kerap berlaku penyelewengan dan pemesongan. Mereka yang mempunyai agenda tersendiri mungkin memutarbalikkan tafsiran ini untuk tujuan mereka sendiri (Mahathir, 2003: 19).

Menurut Mahathir, Islam tidak melarang sikap tolak ansur dan mengadakan hubungan sedemikian. Malah Islam menyuruh umatnya menerima hakikat bahawa terdapat antara masyarakat berlainan agama yang bersembahyang dengan cara lain. Mereka tidak disuruh memaksa orang ini menerima Islam. Apa yang penting, mereka mestilah bertolak ansur dan memahami, dan tidak menganggap mereka sebagai musuh. Sejak zaman



dahulu, umat Islam merupakan umat yang suka bergaul, bertolak ansur dan mempunyai hubungan yang rapat dengan penganut agama lain (Mahathir, 2003: 10).

Salah satu keperluan asas bagi suatu bangsa atau negara ialah keselamatan dan keamanan. Dalam suasana keselamatan yang terjaminlah sesuatu bangsa dapat menjalankan usaha untuk membawa kemakmuran dan kesejahteraan. Soal keselamatan dan keamanan menjadi lebih utama lagi dalam keadaan seperti kita di Malaysia ini kerana rakyat yang berbilang kaum di dalamnya mempunyai sentimen-sentimen tertentu. Dalam hal inilah soal keselamatan dan perpaduan mempunyai peranan yang amat penting. Suasana aman dan tenteram dapat menjadi keruh dan kucar-kacir hanya kerana sentimen yang diapi-apikan oleh setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Hal ini juga menunjukkan bagaimana suatu peristiwa (kerusuhan) itu boleh menghancurkan dan memusnahkan segala usaha dan titik peluh bagi membina perpaduan (Mahathir, 2005: 15-16). Oleh itu, kerajaan yang lemah tidak baik untuk sebuah negara yang berbilang kaum, seperti halnya Malaysia (Mahathir, 2008c: 19). Sebab, negara berbilang kaum pada kebiasaannya tidak stabil dan ketegangan kaum kerap berlaku.

Menurut Mahathir, ada sesetengah orang yang salah dalam memahami masalah perkauman dalam konteks masyarakat berbilang kaum. Misalnya, ada yang berpandangan bahawa seseorang yang berbicara mengenai kepentingannya (bangsa Melayu) dan keperluan mereka untuk berusaha mengejar pencapaian bangsa lain agar mereka memiliki martabat dan kemajuan yang tinggi bagi negaranya sendiri adalah sesuatu yang bersifat rasis. Padahal,

pembicaraan seperti itu tegas Mahathir tidak bererti suatu yang bersifat rasis atau perkauman (*racist*). Kerana, apa yang diinginkan dan diupayakannya adalah untuk kemajuan dan untuk negaranya (Mahathir, 2008c: 83). Oleh itu, nasihat agar orang Melayu supaya menimba ilmu dan kemahiran, supaya boleh digunakan untuk mencari kekayaan bagi diri mereka di negara mereka sendiri bukan suatu hasutan yang berbau rasis (Mahathir, 2008c: 85). Tetapi, hasutan yang berbau rasis atau perkauman adalah apabila seseorang berbicara atau mempublikasikan berita yang tidak benar berkenaan dengan perkauman itu sendiri, misalnya berkenaan dengan penghapusan etnik, tindakan kekerasan terhadap suatu etnik, penghinaan, padahal hal yang demikian tidak terjadi (Mahathir, 2008c: 83).

Pengertian masyarakat majmuk sendiri sebenarnya berbeza-beza bagi setiap negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum, misalnya Singapore yang mendakwa ianya sebagai negara berbilang kaum tetapi secara dasarnya adalah sebuah negeri yang dikuasai oleh penduduk berketurunan Cina yang besar.

Untuk mengelakkan konflik antar kaum jalan yang mesti dilakukan adalah dengan mengurangkan perbezaan di antara kaum-kaum tersebut, salah satunya adalah mengurangkan jurang ekonomi. Dengan mengurangkan jurang ekonomi di antara rakyat Malaysia, maka mereka tidak akan begitu hiraukan atau begitu tekankan akan perlunya mereka diidentifikasi menurut keturunan mereka. Mereka akan tetap menjadi Melayu, Cina, India, Murut, Bajau, Dayak dan sebagainya, tetapi mereka akan kurangkan bersengketa terhadap satu sama lain (Mahathir, 2008c: 91). Jadi, bukan bererti dilakukan dengan menukar etnik. Kerana, perbezaan etnik adalah sesuatu yang harus diterima, begitu pun dengan

perbezaan agama. Bagaimana pun beberapa aspek perbezaan kebudayaan boleh dijadikan sesuatu yang boleh diterima pakai oleh semua kaum (Mahathir, 2008c: 88).

Di samping itu, pemimpin kerajaan juga mesti memahami dengan baik cara-cara mengatasi masalah-masalah yang timbul dikeranakan oleh masyarakat majmuk, sehingga konflik antar etnik boleh dicegah. Sehingga, walaupun masyarakat berbilang kaum Malaysia akan terus berasingan daripada etnik kaum, namun Malaysia akan terus aman dan berkeupayaan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan sentiasa memperlihatkan keharmonian perhubungan antara kaum jika pimpinan negara ini memahami masalah yang terdapat dan mempunyai kemampuan untuk mengurusnya (Mahathir, 2008c: 91).

Yang jelas, agama Islam menyuruh orang Islam agar tidak memaksa sesiapa untuk memeluk agama Islam atau memerintah orang bukan Islam secara zalim dan tidak adil. Dengan itu Kerajaan Islam atau Kerajaan orang Islam tentulah kerajaan yang bertimbangrasa, adil dan baik. Jika ianya zalim dan tidak adil, jika ia menindas rakyat sama ada Islam atau bukan Islam, maka kerajaan itu bukanlah Kerajaan Islam atau kerajaan yang berpandukan kepada ajaran Islam. Kerana, Kerajaan Islam adalah berpandu dan mengikut lunas-lunas Islam (Mahathir, Ucapan di Persidangan Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk, pada 17 Ogos 1995).

### **5.5 Islam dan Pengganas (*Terorisme*)**

Islam ialah agama keamanan, persaudaraan dan fleksibiliti, demikian ucapan yang disampaikan oleh Mahathir di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan

Islam (OIC) ke-8 di Teheran, Iran, pada 9 Disember 1997. Penegasan yang sama kembali disampaikan oleh Mahathir ketika berucap di Persidangan Antarabangsa tentang 'Pengajian Agama: Menyambut Alaf Baru' di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 30 Disember 1999.

Meskipun terkadang sukar untuk dipercayai, Islam sebenarnya ialah agama keamanan, sebagaimana perkataan Islam yang berasal daripada perkataan Arab bagi keamanan. Kerana itu, Islam sekeras-kerasnya menolak anggapan bahawa peperangan ialah penyelesaian konflik antara manusia. Orang Islam hanya boleh berperang jika mereka diserang oleh orang lain.

Akan tetapi, sama ada suka atau tidak suka kata Mahathir, ramai juga orang bukan Islam yang berpendapat bahawa Islam adalah agama yang dikait rapat dengan kemunduran, kemiskinan dan kelemahan. Bahkan belakangan ini pula Islam sering dikaitkan dengan keganasan dan *irrationality*, iaitu tindakan atau pemikiran yang tidak berprinsip (Mahathir, Ucapan di Pelancaran IKIM dan Perasmian Kongres Menjelang abad 21, pada 3 Mac 1992).

Memang, terkadang orang-orang Eropah/Barat biasanya lupa atau tidak mengendahkan kecenderungan mereka sendiri kepada keganasan apabila mereka petah berkata-kata tentang pegganas Islam. Mereka mengabaikan hakikat bahawa lebih ramai orang Islam dibunuh oleh orang bukan Islam (seperti di Bosnia-Herzegovina) atau Palestin berbanding dengan orang bukan Islam yang dibunuh oleh pegganas Islam. Namun, mereka tidak pernah lupa untuk mengaitkan agama seseorang pegganas jika kebetulan dia beragama Islam. Sampai begitu sekali mereka menyalahertikan Islam (Mahathir, 2003: 5). Perbuatan ganas, malah tindakan biasa orang Islam dalam mempertahankan diri di Palestin sentiasa digambarkan sebagai keganasan umat Islam pegganas, jika mereka ialah pegganas dan dalam banyak kejadian mereka bukannya

pengganas, tetap dicap sebagai pengganas Islam. Namun, keganasan oleh orang lain, oleh etnik Eropah, orang Kristian dan Yahudi yang fanatik serta penganut Buddha, tidak pernah dikaitkan dengan agama mereka. Tidak ada pengganas Kristian atau pengganas Yahudi atau pengganas Buddha atau pengganas Kristian Ortodoks yang pastinya ialah orang Serbia (Mahathir, 2003: 9). Orang Islam dicitrakan oleh Barat sebagai pengganas dan keganasan dikatakan dimonopoli umat Islam, sementara orang bukan Islam hanyalah pengganas yang tidak dikaitkan dengan kumpulan etnik atau budaya atau agama mereka. Oleh itu, tidak pernah disebut bahawa sebenarnya lebih ramai orang Islam menjadi mangsa keganasan Kristian dan Yahudi (Mahathir, 2003: 9).

Mahathir menyedari bahawa timbulnya sikap bias dan prejudis orang bukan Islam (Barat) terhadap Islam sedikit banyak memang disebabkan oleh umat Islam sendiri. Tindak tanduk yang radikal dan ekstrim oleh sebilangan kecil umat Islam telah menyebabkan dunia bukan Islam beranggapan bahawa itulah *way of life* atau cara hidup Islam yang dilaungkan, padahal tindakan radikal tersebut hanyalah satu *aberration* atau satu penyelewengan yang terkeluar daripada amalan normal Islam (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke44, pada 4 November 1993).

Islam dan umat Islam dikatakan hampir sinonim dengan keganasan, sehingga seolah-olah Islam sendiri menyokong perbuatan ganas yang tidak bertanggungjawab tersebut. Padahal sekali-kali, Islam tidak mengajarkan untuk berbuat keganasan. Kerana Islam sendiri mengakui akan perbezaan dan masyarakat yang berbilang bangsa. Menurut ajaran Islam, Allah SWT mencipta manusia di muka bumi ini berbilang bangsa dan keturunan supaya mereka boleh

mengenal dan memahami antara satu sama lain<sup>1</sup> (Mahathir, 2003: 16). Para pelampau Islam yang melakukan tindak kekerasan memang tidak berfikir dua. Mereka tidak menyedari betapa tidak rasionalnya tindakan tersebut, kerana ini hanya akan menjadikan mereka mempersetankan Islam. Seolah-olah pada sesetengah orang Islam, memenangi pertelingkahan atau mencapai matlamat mereka tidak lagi penting atau relevan. Apa yang penting ialah pertelingkahan itu sendiri. Apabila ini terjadi, maka tidak akan ada lagi keamanan, sebab keamanan bukanlah matlamatnya, yang penting boleh menyakit bahkan membunuh musuh (Mahathir, 2003: 87).

Keganasan menurut Mahathir adalah sebarang tindakan atau perbuatan yang mengancam orang dengan rasa ketakutan dan kengerian kematian mengejut atau kecederaan parah. Dalam konteks ini, menurut Mahathir pengeboman dan serangan bertalu-talu ke atas rakyat dan orang awam yang tidak berdosa merupakan suatu tindakan keganasan (Mahathir, 2008b: 15). Kerananya, tindakan keganasan tidak hanya dilakukan oleh seseorang atau sekelompok orang sahaja, akan tetapi boleh pula dilakukan negara. “Bunuh-membunuh, menculik dan peras ugut bukan sahaja dilakukan oleh penjenayah tetapi juga oleh negara-negara. Bahwa perbuatan ini kerap kali menganiaya orang yang tidak terlibat dan berdosa tidak diambil kira. Ada negara yang cuba ‘assassinate’ orang tertentu dengan mengebom kediaman mereka, sambil mengancam perbuatan mengganas atau ‘terrorisme’ (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-38, pada 24 April 1987).

---

<sup>1</sup> Ayat al-Quran yang dimaksud Mahathir dalam hal ini terdapat pada surah al-Hujurat ayat 13 yang bermakna: *“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”*.

Menurut Mahathir keganasan boleh timbul disebabkan oleh perasaan kecewa terhadap kegagalan, seperti kanak-kanak apabila marah dan kecewa ia boleh merosakkan apa yang ada pada mereka sebagai cara melepaskan geramnya. Orang yang gagal tidak nampak bagaimana mereka dapat mengatasi kegagalan mereka juga melepaskan geram dengan cara yang sama. Mereka mengganas, membunuh, meletupkan bom dan menjatuhkan pesawat dengan penumpang yang tidak berdosa. Mereka melepaskan geram ke atas yang lemah, kerap kali ke atas kaum bangsa dan negara sendiri. Padahal dengan cara-cara yang negative ini, mereka hanya akan mundur, dihina dan ditindas. Inilah sebahagian dari masalah yang dihadapi oleh negara Islam kerana adanya puak ekstrimis agama. Oleh itu, upaya untuk mengejar segala ketertinggalan, menggalakan kemajuan dan kejayaan sebenarnya lebih rasional dibanding dengan tindak kekerasan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-48, pada 5 September 1997).

Mahathir sedar bahawa pengganas dan keganasan merupakan salah satu faktor yang akan menghambat pembangunan dan akan merosakan apa yang sudah dicapai, kerana itu, menurut Mahathir keganasan harus dihilangkan atau paling tidak dikurangkan. Untuk menghilangkan atau mengurangi keganasan tersebut harus dikaji segala hal dan sebab yang mengakibatkan terjadinya keganasan atau munculnya pengganas. Apabila punca dari timbulnya pengganas dan keganasan dapat dihapuskan, maka barulah keganasan juga dapat dihapuskan.

Keganasan merupakan halangan besar yang menghambat kemajuan dan keamanan. Setidak-tidaknya kita harus cuba mengurangkan keganasan, jika tidak dapat menghapuskan keganasan sama sekali. Satu hakikat penting yang menentukan kejayaan dalam perjuangan melawan

keganasan ialah kita mesti memahami punca akar umbi yang mendorong penganas melakukan keganasan. Jika puncanya dapat dihapuskan atau paling tidak dikurangkan, barulah kita boleh harapkan keganasan beransur kurang (Mahathir, 2008b: 15, 42).

## **5.6 Rumusan**

Berdasarkan huraian di atas, isu-isu kenegaraan semasa yang ramai diperbincangkan oleh para sarjana dalam pandangan Mahathir harus diposisikan secara proporsional. Mana-mana dari konsep tersebut yang sesuai untuk diserap dan mana-mana yang tidak sesuai sehingga harus ditinggalkan. Atau pula mana dari konsep tersebut yang boleh diubahsuai sehingga ia berkesan apabila diterapkan. Maksudnya, dalam pandangan Mahathir, apapun konsep yang datang dari Barat harus ditapis, sehingga tidak mesti ditolak atau pula diterima secara membuta tuli.

Demokrasi misalnya, ia harus diubah suai agar sesuai dengan karakteristik di rata-rata negara di mana ianya diterapkan dan diamalkan dalam menjalankan pemerintahan, agar menghasilkan kesan yang lebih baik untuk pembangunan negara. Begitu pun dengan faham dan isu seumpama sekularisme, pluralisme, mahupun terorisme menurut persepsi Barat. Apa-apa yang datang dari Barat harus ditapis, dikritik dan diperjelas, agar boleh difahami dan diguna untuk menjadi faktor pendorong mencapai kemajuan dan kehidupan bernegara yang lebih baik.

Wujud dari sikap kritik Mahathir terhadap isu-isu kenegaraan tersebut nampak apabila beliau mengganti pandangan tradisional Malaysia yang semula pro-Barat dengan kebijakannya, untuk berpaling ke Timur dengan mengadopsi sejumlah nilai-nilai kemajuan bangsa Asia, iaitu bangsa Jepun dan Korea serta



dan nilai-nilai Islam. Kerana, nilai-nilai universal moralitas ketimuran dianggap lebih pas, sehingga dapat memperkuat komunitas Muslim Melayu dan perkembangan Malaysia sendiri (Esposito & Voll, 1999: 191). Sedangkan kesan imprealisme Barat serta dominasi politik, ekonomi, dan kebudayaan mereka atas dunia Muslim serta kolonialisme Eropa yang telah membentuk dan memaksakan nilai-nilainya ke hampir seluruh bahagian dunia sehingga kini yang dipandang Mahathir sebagai suatu ancaman dan cabaran (Esposito & Voll, 188).

Tambah lagi ketika Mahathir dengan tegas menolak bantuan dari IMF (*International Monetary Found*) yang dikendalikan oleh negara-negara Barat ketika berlaku kemalangan dan kegawatan ekonomi (krisis moneter) negara-negara Asia Tenggara (termasuk Malaysia) pada akhir tahun 1997, tetapi lebih percaya akan kemampuan negara untuk menanggulangi sendiri kegawatan ekonomi tersebut.

Bahagi Mahathir, sememangnya ialah orang Islam belajar dan menguasai ilmu pengetahuan serta teknologi dengan baik untuk mengungguli kemajuan yang dicapai oleh negara-negara Barat, tetapi tidak mesti harus menjadi dan meniru perilaku orang-orang Barat.

# **BAB 6**

## **PERHUBUNGAN ISLAM DAN NEGARA**

### **6.1 Pengenalan**

Islam dalam pandangan Mahathir adalah agama yang lengkap dan menyeluruh (*syumul*). Sebagai cara hidup, Islam sememangnya tidak hanya mengatur kehidupan rohani sahaja, akan tetapi juga segala hal yang menyangkut kehidupan di dunia, termasuk cara dalam mencapai kesejahteraan dan kehidupan bernegara. Bermula dari sini, maka pembacaan terhadap gagasan dan pemikiran Mahathir berkenaan dengan pembangunan negara serta perhubungan antara Islam dan negara boleh dimulai.

### **6.2 Islam dan Pembangunan Negara**

Secara khusus berkenaan dengan tujuan dan strategi pembangunan negara disampaikan oleh Mahathir ketika melancarkan mesyuarat penubuhan 'Malaysian Business Council' pada 28 Februari 1991. Dalam forum ini, Mahathir telah menyampaikan ucapan dasar bertajuk 'Malaysia: The Way Forward' dan mengenalkan apa yang disebut dengan 'Wawasan 2020' bagi negara Malaysia.

Dalam Wawasan 2020 ini Mahathir menggariskan kebijakan dasar dan matlamat dari pembangunan negara Malaysia, iaitu bahawa Malaysia tidak harus dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang; ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan, dan kebudayaan. Sehingga menjelang tahun 2020, Malaysia sebagai sebuah negara merdeka akan menjadi negara yang benar-benar maju, bersatu, mampu berdikari, progresif dan makmur. Rakyat akan menikmati kehidupan yang sempurna dalam satu masyarakat yang demokratik, bertoleransi, bermoral, adil, mampu bersaing, dinamik dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi. Ini bermakna Wawasan 2020 bertujuan mewujudkan negara bermatlamat iaitu Malaysia akan menjadi negara maju dengan caranya tersendiri tanpa terikut kepada cara dan corak negara maju yang ada sekarang. Kemajuan yang dicitakan ialah kemajuan yang sempurna yang tidak semata-mata diukur dari segi pencapaian lahiriah atau fizikal semata-mata malah ia akan meliputi pewujudan satu masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain (Mahathir, 1991).

Dengan perkataan lain, negara maju yang dimaksudkan bukan semata-mata negara industri yang pendapatan per kapitanya adalah sekian banyak. Yang dimaksudkan dengan negara maju ialah negara yang berupaya membangunkan diri sendiri melalui penguasaan ilmu, kecekapan dan moral yang tinggi yang membolehkan bersaing dengan negara maju yang lain dalam semua bidang dengan tetap mengimbangkan dunia dengan akhirat (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-42, pada 8 November 1991).

Wawasan 2020 juga bertujuan untuk memelihara dan memajukan agama Islam. Sebab, hanya Negara Islam yang kuat dan mempunyai Islam yang berkebolehan dalam berbagai-bagai bidang sahaja yang boleh menolong mempertahankan agama dan umat Islam (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-43, pada 6 November 1992).

Berdasarkan objektif dari Wawasan 2020 di atas, Mahathir kemudian telah menyenaraikan sembilan cabaran asasi yang strategik yang harus diatasi apabila Malaysia hendak menjadi negara yang benar-benar maju dalam segala bidang, baik bidang ekonomi, politik, pemerintahan, mahupun bidang agama (lihat lampiran 1)

Berlainan dengan konsep pembangunan dan negara maju yang ada sekarang yang lebih bercirikan kebendaan, negara maju model Malaysia yang dicita-citakan menurut Mahathir seharusnya berpegang kepada falsafah moral dan etika yang tinggi berasaskan kepercayaan agama. Penganutan falsafah ini adalah penting kerana kemajuan kebendaan tanpa nilai-nilai moral dan etika tidak akan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian yang berkekalan sebaliknya banyak membawa keburukan. Pengamalan nilai-nilai murni (seperti termaktub di dalam 'Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam') akan menjadi faktor penghalang dalaman untuk tidak menyalahgunakan kemahiran atau kekayaan yang dimiliki.

Hakikat dari pembangunan itu sendiri menurut Mahathir adalah pembangunan ditujukan untuk manusia. Pembangunan bukanlah jalan raya atau bangunan besar, hospital dan berbagai kemudahan awam; ini semua adalah alat

kelengkapan bagi pembangunan yang hakiki. Yang dimaksud dengan pembangunan ialah peribadi dan mutu hidup manusia yang menggunakan alat kelengkapan ini. Pembangunan adalah kesejahteraan yang dicapai melalui keeselesaan hidup dan ketenteraman kerohanian. Dengan perkataan lain, pembangunan adalah proses untuk memupuk masyarakat manusia yang berperadaban tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia untuk kebahagiaan umat manusia, mempunyai ciri-ciri keseimbangan daripada segi material dan spiritual (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983). Kerana, Islam menurut Mahathir adalah agama yang mengajarkan keseimbangan kehidupan umat manusia, kehidupan rohani dan fizikal, kehidupan individual dan sosial, kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Pembangunan yang seimbang daripada segi material dan rohani yang hendak dicapai kembali ditegaskan Mahathir.

Sementara matlamat pembangunan Malaysia bertumpu pada kejayaan material, ini tidak bermakna kita harus lupa akan nilai-nilai dan amalan rohaniah. Kita dapat melihat bagaimana negara-negara yang maju dari segi material, mempunyai penduduk yang tidak mempunyai pegangan agama dan nilai-nilai rohaniah. Mereka mengejar keseronokan semata-mata. Akhirnya ini juga tidak menghentikan jeritan batin mereka dan berlakulah bermacam-macam perkara yang tidak sopan dan berbagai-bagai jenis kegilaan. Sifat-sifat kehaiwanan muncul di kalangan mereka (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-41, pada 30 November 1990).

Bahkan, kejatuhan sesetengah-sesetengah negara yang maju adalah disebabkan keruntuhan akhlak atau kehilangan pedoman agama. Oleh itu, memandangkan akan gejala-gejala yang menimpa negara-negara maju, maka amatlah penting bagi negara kata Mahathir untuk menanam dengan kuat ajaran Islam yang sebenar supaya terbentuk peribadi bangsa dan individu yang tidak

akan lupa daratan. Sementara negara berusaha membangunkan bangsa Melayu khususnya sehingga ke tahap bangsa yang maju, agama tidak boleh diabaikan. Tekanan perlu diberikan kepada amalan nilai-nilai yang mencerminkan peribadi Islam yang sebenar. Orang Melayu yang akan maju kerana pengetahuan dan kecekapan mestilah mempunyai nilai-nilai mulia seperti keikhlasan, kejujuran, beramanah, bertanggungjawab, keberanian dan lain-lain sifat yang mulia supaya pengetahuan dan kecekapan mereka tidak disalahgunakan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-39, pada 28 Oktober 1988),

Islam membolehkan dan bahkan mendorong umatnya untuk bekerja keras guna mencapai pembangunan, kemajuan, kesejahteraan dan kehidupan yang lebih baik, tetapi Islam juga tidak membenarkan umatnya untuk melupakan kepentingan kehidupan akhiratnya kelak. Oleh itu, semestinyalah jika setiap orang bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan menjayakan usahanya untuk memperbaiki nasib umat. Menurut Mahathir, perlu diingat dan disedari bahawa dalam Islam walaupun seseorang telah menunaikan fardhu ain, tetapi ia tidak terlepas dari dosa jika fardhu kifayah tidak ditunaikan oleh mana-mana anggota masyarakat. Fardhu kifayah bukanlah untuk orang lain sahaja menunaikannya. Kerananya, tidak dibenarkan jika setiap orang hanya menunggu orang lain sahaja menunaikannya, sehingga mungkin tiada sesiapaupun yang menunaikannya. Maka akan berdosa semua orang Islam (Mahathir, Ucapan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-35, 25 Mei 1984).

Mahathir menolak dan mengecam sikap dan perilaku seseorang yang hanya mementingkan dirinya sendiri sahaja, terlebih dengan menganggap dan mencukupkan dirinya dengan beribadah ritual sahaja, tanpa mau tahu dan peduli

dengan kehidupan negara, masyarakat dan lingkungan sekitarnya, sementara ia boleh berbuat yang lebih berjaya bagi peningkatan kesejahteraan dan kehidupan masyarakat dan negaranya.

Nyawa dan masa yang diberikan kepada kita tidak boleh disia-siakan hanya dengan menunggu maut. Jika kerana asyik menentukan tempat bagi diri kita seorang di akhirat kita mengabaikan tanggungjawab kita kepada masyarakat dan kejayaannya, maka akan termasuk dalam golongan orang yang tamak yang mengutamakan kepentingan diri sahaja. Mustahil orang seperti ini akan mendapat tempat yang bahagia di akhirat” (Mahathir, Ucapan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-35, pada 25 Mei 1984).

Usaha untuk mencapai kesejahteraan dan kehidupan yang lebih baik ini sesuai dengan suruhan dan makna Islam. Di mana, Islam menurut Mahathir adalah cara hidup yang akan memandu umat Islam. Sebagai cara hidup, tentu sahaja Islam tidak bermakna hanya ibadah tertentu yang wajib dibuat atau diamalkan oleh orang Islam, akan tetapi juga kegiatan dan tindakan apapun yang boleh diambil untuk kesejahteraan hidup mereka, apatah lagi untuk kepentingan yang lebih luas; kesejahteraan dan kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara (Mahathir, 2003: 36).

Menurut Mahathir, banyak hal dan faktor yang dibutuhkan untuk membangun negara yang maju, negara yang kuat, dan negara yang berdaulat, sehingga dipandang oleh dunia. Negara sangat memerlukan pemerintahan yang kuat dan baik, aparat dan pegawai kerajaan yang cekap, peraturan dan perundang-undangan yang adil dan saksama, suasana keselamatan dan keamanan, ekonomi yang kuat. Negara yang terlalu buruk pemerintahannya tidak mungkin dapat dibangun dengan pesat dan banyak negara membangun yang tidak dapat dimajukan samasekali kerana pemerintahan yang korup, tidak telus, tidak cekap, dan lain-lain (Mahathir, 2003: 28).

Salah satu keperluan asas (dasar) bagi suatu bangsa atau negara ialah keselamatan dan keamanan. Dalam suasana keselamatan yang terjaminlah sesuatu bangsa dapat menjalankan usaha untuk membawa kemakmuran dan kesejahteraan. Soal keselamatan dan keamanan ini menjadi lebih utama lagi apabila dihubungkan dengan keadaan seperti di Malaysia kerana rakyatnya yang berbilang kaum, sehingga di dalamnya mempunyai sentimen-sentimen tertentu. Dalam hal inilah soal keselamatan dan perpaduan mempunyai peranan yang amat penting. Suasana aman dan tenteram dapat menjadi keruh dan kucar-kacir hanya kerana sentimen yang diapi-apikan oleh setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab.<sup>1</sup> Hal ini juga menunjukkan bagaimana suatu peristiwa (kerusuhan) itu boleh menghancurkan dan memusnahkan segala usaha dan titik peluh bagi membina perpaduan (Mahathir, 2005: 15-16).

Kita patutlah bersyukur bahawa negara kita aman dan makmur. Kerana wujudnya keadaan ini, kita telah dapat membangun dengan pesat dan rakyat telah dapat mengecap nikmatnya. Dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan kerajaan bertujuan untuk meninggikan lagi taraf hidup rakyat. Segala usaha ini dapat dijalankan kerana adanya perpaduan, keamanan dan kerjasama. Oleh itu, amatlah penting bagi kita untuk menentukan bahawa ini sentiasa dipelihara. Tanggungjawab menjamin keadaan negara berada dalam suasana aman dan makmur adalah tanggungjawab kita bersama (Mahathir, 2005: 42).

Untuk mencapai pembangunan yang optimal, maka semua anasir negara haruslah berusaha semaksimal mungkin untuk berjaya, mengejar ketertinggalan, dan mengoptimumkan aset dan kekuatan yang dimiliki. Dalam dunia Islam terdapat kemahiran dan cendekiawan yang mencukupi yang dapat membantu untuk membina negara dan menyaingi negara lain di dunia. Misalnya dengan

---

<sup>1</sup>Peristiwa kelim, kerusuhan kaum Mei 1969 menjadi pelajaran yang sangat berharga yang hanya merugikan negara dan semua elemen masyarakat.



menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh mereka serta membentuk persekitaran yang sesuai untuk kerja mereka (Mahathir, 2003: 25).

Agar pembangunan negara berjalan dengan lancar, maka kekuatan ekonomi pun sangatlah diperlukan. Menurut Mahathir, manakala penguasaan tanah jajahan melalui kekuatan ketenteraan tidak lagi dapat diterima oleh masyarakat dunia, akan tetapi penjajahan dan penguasaan ekonomi melalui dagangan mata wang tidak kurang kesannya. Negara yang berada pun boleh dijajah dengan menjadikannya sebagai negara miskin dan pengemis dalam jangka masa yang amat singkat tanpa seorang pun askar penjajah terbunuh atau tercedera. Apabila negara menjadi miskin maka politiknya akan menjadi tidak stabil dan rebutan kuasa akan berlaku, rasuah pun terjadi di mana-mana. Oleh itu, pemimpin akan ditukar sehingga terdapat yang sanggup mengikuti kehendak kuasa dunia (Mahathir, 2003: 29).

Senario mereka adalah dengan melalui media dunia yang mereka kuasai, bersama dengan pengaruh ke atas media tempatan yang tidak ingin dituduh tidak bebas atau takut kepada kerajaan, pemerintah disalahkan kerana kemerosotan ekonomi dan kejatuhan nilai mata wang. Oleh itu, gerakan anti kerajaan dicetuskan dan demonstrasi serta rusuhan berlaku. Pendekatan ini akan memberi kuasa politik kepada mereka sehingga kepimpinan sesebuah dapat ditentukan oleh mereka. Sudah tentu mereka akan memilih pemimpin yang mereka percayai boleh dimanipulasi. Jika tidak, pemimpin akan ditukar lagi, sehingga pada masa itu kemerdekaan tidak bermakna lagi (Mahathir, 2003: 31-32).

Oleh itu, menurut Mahathir kerajaan yang lemah tidak baik untuk sebuah negara yang berbilang kaum, seperti halnya Malaysia (Mahathir, 2008c: 19). Sebab, lemahnya pemerintahan akan mengundang ugutan terhadap kuasa kerajaan. Kerajaan tidak boleh memuaskan hati semua pihak. Kerajaan tidak tegas dan terpaksa berdolak dalik, akan menimbulkan masalah kurangnya keyakinan terhadap kerajaan. Kondisi ini boleh jadi menyebabkan kurang lancarnya polisi dan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan (Mahathir, 2008c: 19).

Mahathir menyatakan bahawa Malaysia di samping memerlukan satu kerajaan persekutuan yang kuat dan tidak perlu bergantung kepada mana-mana pihak, yang boleh berkhidmat kepada rakyat dan Negara tanpa perlu rasa takut atau ragu-ragu (Mahathir, 2008c: 20). Maka, Malaysia menurut Mahathir juga memerlukan pembangkang yang kuat yang berfungsi sebagai penyeimbang, untuk memastikan berbagai kebijakan kerajaan agar tidak menyimpang daripada landasan yang sebenar ataupun menyalahguna kuasanya. Ini bermakna, bahawa sinergi antara keduanya, iaitu gandingan pihak kerajaan yang kuat dan pembangkang yang mempunyai kekuatan serta keinginan untuk memantau penyalahgunaan kuasa kerajaan, akan membawa kebaikan bagi Malaysia (Mahathir, 2008c: 21).

Ilmu pengetahuan mempunyai peranan yang amat penting dalam sesebuah masyarakat dan negara. Penguasaan ilmu pengetahuan membezakan taraf tamadun sesebuah masyarakat dengan masyarakat yang lain, antara masyarakat primitif dengan masyarakat bertamadun. Ilmu pengetahuan juga adalah asas kuasa bagi seseorang individu atau sesuatu golongan kerana ilmu

pengetahuan adalah alat yang dapat membekal dan mempertingkatkan segala bentuk kemampuan bagi seseorang atau kumpulan (Mahathir, 2005: 21). Bangsa yang benar-benar berjaya dalam sejarah manusia ialah bangsa yang cekap menggunakan ilmu untuk memperbaiki kehidupan mereka. Itulah sebabnya, bahawa penerapan ilmu adalah proses yang bermula dari buaian dan berakhir di liang lahad (Mahathir, 2005: 90). Oleh itu, dengan menguasai semua ilmu dan kecekapan maka tidak perlu bergantung kepada sesiapa (Mahathir, 2008c: 81).

Berdasarkan realiti ini mesti difahami bahawa pembangunan dan kemakmuran negara Islam, usaha mewujudkan kerajaan yang cekap, sistem perundangan, peraturan dan undang-undang yang adil dan saksama, sesungguhnya segala yang kena-mengena dengan dunia ini adalah sebahagian daripada cara hidup yang diperintahkan oleh Islam dan harus dilaksanakan dengan baik. Jadi bukan sesuatu yang terpisah apalagi menganggapnya hanya sebagai masalah duniawi. Ianya adalah perkara yang sangat penting untuk menjaga dan mengekalkan Islam dalam kehidupan bernegara. Menurut Mahathir (2003: 14), satu-satunya perkara yang dikehendaki ialah mereka tidak melanggar perintah Islam, tidak menjadi angkuh sehingga meniadakan kewujudan Tuhan. Komunis misalnya, begitu asyik dengan kemahiran dan kuasa manusia sehingga menolak Tuhan dan agama.

Mahathir menyedari bahawa untuk membangun sebuah negara maju tidak bisa dicapai tanpa keterlibatan semua pihak terkait di dalamnya. Usaha ke arah membina negara Malaysia yang makmur dan berjaya, mewujudkan masyarakat yang *progress* (maju) dan mengamalkan nilai-nilai mulia dan tinggi, serta berkemampuan dalam semua bidang tidak boleh dilaksanakan semata-

mata oleh kerajaan. Usaha ini memerlukan sokongan dan penglibatan semua pihak. Mahathir ingin menjadikan Malaysia sebagai negara makmur dan berjaya yang disebutnya sebagai *Malaysia Incorporated* (Mahathir, 2005: 29). Mahathir berucap: "Hari ini kita menghadapi pelbagai cabaran (tantangan) dan usaha untuk menghalang pencapaian kita. Kita akan gagal jika membenarkan cabaran dan usaha ini membawa perpecahan di kalangan kita" (Mahathir, 2005: 91).

Malaysia memerlukan rakyat yang mempunyai kesedaran nasional dan semangat patriotisme yang tinggi. Kita memerlukan warganegara yang cinta akan negaranya dan yang tidak akan melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan (merosak) perpaduan dan keharmonian negara. Kita memerlukan warganegara yang berdisiplin, berdedikasi dan beramanah tinggi. Lebih-lebih lagi, kita memerlukan warganegara yang sentiasa bangga bahawa dia ialah rakyat Malaysia (Mahathir, 2005: 65).

Masyarakat yang jahil tidak akan mengecap kebahagiaan. Mereka akan hidup untuk makan, minum, tidur dan memenuhi nafsu sahaja. Masyarakat yang hidup kerana memenuhi nafsu semata-mata akan ditindas dan diperalatkan oleh orang yang berpengetahuan. Mereka akan diperhamba. Mereka akan menjadi masyarakat yang tidak bermaruah (martabat, kehormatan). Masyarakat yang ingin maju mestilah faham dengan lebih luas akan perkembangan-perkembangan yang mempunyai kesan (efek) terhadap kehidupan mereka. Rakyat yang lebih berpengetahuan akan menjadi lebih waras (sehat, baik) dan lebih cekap dalam mempertimbangkan reaksinya terhadap segala kejadian dan tindakan yang mempunyai kesan kepada diri mereka dan kepada masyarakat.

Sudah tentu masyarakat yang dianggotai oleh rakyat yang waras dan bertanggung akan menjadi lebih maju dan bahagia (Mahathir, 2005: 84).

### **6.3 Perhubungan Islam dan Negara**

Agama (Islam) memainkan peranan penting. Oleh itu menurut Mahathir agama tidak boleh dianggap hanya sebagai upacara agama semata-mata yang hanya bersangkutan dengan seseorang pada tahap individu. Agama yang mengutamakan kebenaran untuk mewujudkan keadilan dalam semua aspek kehidupan masyarakat harus dianggap bermanfaat kepada masyarakat dan negara. Agamalah yang bertindak sebagai pengukuhan atau prinsip yang mendasari bukan sahaja kesejahteraan fizikal dan kebendaan tetapi juga perkembangan dan peningkatan rohani manusia. Agama jugalah yang membawa manusia ke arah kehidupan yang lebih seimbang. Agama jugalah yang memberikan petunjuk sebenar dan dorongan paling kuat ke arah mencapai kehidupan yang lebih baik dan bermakna (Mahathir, 2003: 152).

Berdasarkan realiti demikian, dalam konteks kehidupan bernegara, bagaimana sesebuah negara boleh melahirkan rakyat yang mempunyai teras kesederhanaan yang mendalam terhadap agama, beriltizam kepada etika dan nilai moral paling tinggi tetapi cukup maju, tekun berusaha, dinamik dan berdedikasi ke arah kemajuan dan pembangunan. Ada beberapa perkara yang diperlukan dan patut untuk dipersoalkan. Pertama, bagaimana sesebuah negara boleh melahirkan rakyat atau masyarakat yang mempunyai teras kesedaran yang mendalam terhadap agama, beriltizam kepada etika dan nilai moral paling tinggi tetapi cukup maju, tekun berusaha, dinamik dan berdedikasi ke arah kemajuan dan pembangunan. Sebab, menurut Mahathir kemajuan kebendaan boleh saja

dicapai oleh negara melalui perancangan dan pembangunan fizikal, akan tetapi semua kekayaan dunia yang dikumpulkan tersebut boleh lenyap begitu sahaja, apabila orang yang menguruskannya tidak mempunyai nilai moral yang betul. Kedua, perlu kesedaran terhadap pembangunan seimbang dan bersepadu dengan mengambil kira bahawa perancangan dan pembangunan harus memasukkan keperluan untuk meningkatkan rohani dari awal lagi dan tidak meninggalkan faktor sedemikian pada peringkat akhir. Ketiga, perlunya kesedaran terhadap pembangunan fizikal dan pembangunan manusia dalam bentuk pembangunan sumber manusia. Pembangunan sumber manusia melibatkan penyesuaian antara permintaan untuk kategori yang berlainan dan tahap kemahiran tenaga manusia dengan bekalan, dan pembangunan manusia memerlukan pendidikan, latihan, persekitaran dan seumpamanya untuk mengembangkan semua potensi setiap manusia, iaitu dari segi jasmani dan rohani (Mahathir, 2003: 152-153).

Islam sendiri menurut Mahathir adalah cara hidup yang akan memandu umat Islam. Sebagai cara hidup, tentu sahaja Islam tidak bermakna hanya ibadah tertentu yang wajib kita buat tetapi juga kegiatan dan tindakan apapun yang diambil untuk mencapai kesejahteraan hidup, terlebih-lebih lagi kehidupan berbangsa dan bernegara (Mahathir, 2003: 36).

Islam bukanlah semata-mata tertumpu kepada halal-haram, dosa-pahala dan hukum-hakam dunia. Islam adalah ad-din atau cara hidup. Cara hidup meliputi segala-gala yang dilakukan semasa kehidupan orang Islam. Ini termasuk penyediaan bakalan makanan, pakaian dan bumbung di atas kepala. Juga hubungan anggota masyarakat Islam dengan orang Islam dan bukan orang Islam, menjadi sebahagian daripada cara hidup Islam. Pentadbiran, pelajaran, pertahanan, kesihatan, perhubungan dan perjalanan, kemudahan beribadat dan keselesaan kehidupan dan apa sahaja yang bersangkutan dengan kehidupan manusia termasuk dalam cara kehidupan orang Islam (Mahathir, Ucapan di Seminar Kebangsaan

'Memahami Malasia sebagai Sebuah Negara Islam' di Selangor, pada 17 September 2002).

Ini bermakna bahawa Islam menurut Mahathir boleh menjadi dasar dalam pentadbiran negara, kerana Islam berisikan nilai-nilai moral yang tinggi yang berguna untuk mengatur kehidupan masyarakat.

Hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan syiar Islam di dalam negara ini adalah nyata. Strategi yang paling mustahak dan besar dalam meninggikan syiar Islam ialah memperkukuhkan kedudukan umat Islam di dalam negara ini. Kukuh dari segi ekonomi, dari segi pengetahuan dan pencapaian ilmu, keupayaan membangunkan diri dan ketahanan dari segala ancaman yang berbentuk fizikal, atau yang bukan fizikal, termasuk Pengaruh kefahaman-kefahaman yang negatif, arus pemikiran liar dan lain-lain lagi (Mahathir, Ucapan di Majlis Perasmian Pusat Islam Malaysia, pada 16 September 1985).

Oleh itu, dalam rangka pentadbiran negara, maka usaha-usaha ke arah menyerap nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, yang bermakna menyerap nilai-nilai moral yang tinggi menurut Mahathir adalah berdasarkan rasional bahawa sesebuah negara tidak mungkin mencapai dan menjamin kebahagiaan kecuali dengan nilai-nilai tinggi ini. Kerana, yang membezakan manusia dengan haiwan ialah akal fikiran dan nilai-nilai kemanusiaan. Islam mementingkan kedua-duanya dan itulah sebabnya dengan menjadikan usaha menyerap nilai-nilai Islam sebagai teras kebahagiaan dan masa depan. Sesungguhnya, semua nilai Islam tidaklah berbeza daripada nilai-nilai yang tinggi dan baik yang diterima oleh alam sejagat. Cuma mereka yang sudah membelakangkan nilai-nilai moral yang wajar sahaja yang akan berasa terancam dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan dan gerak-gerik negara. Rakyat tidak perlu khuatir dengan telatah beberapa kumpulan ekstremis kerana itu bukanlah dari ajaran Islam yang sebenar dan kerajaan tidak berminat untuk menyerap amalan-

amalan mereka (Mahathir, Ucapan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983).

Keinginan Mahathir untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran negara dengan jelas disampaikan melalui ucapannya semasa Penganugerahan Hadiah Antarabangsa Raja Faisal di Riyadh Arab Saudi, pada 22 Mac 1997 dan dalam beberapa kali pelaksanaan Perhimpunan Agung UMNO. “Walau bagaimanapun, kita masih berpegang teguh dan komited kepada Islam, menggunakannya untuk membimbing kita supaya dalam keghairahan membuat kemajuan duniawi kita tidak meninggalkan agama atau menyisihkannya”. “Berpandukan prinsip Islam atau kelslaman yang diterima, kita tidak berhadapan dengan sebarang kesukaran untuk mencapai *hassanah* di dunia ini dan di akhirat” (Mahathir, 2003: 93). Adapun nilai-nilai Islam yang hendak diterapkan ke dalam pentadbiran negara dimaksud antaranya adalah amanah, jujur, disiplin, setia, bertanggungjawab, cekap, bersih, dan lain-lain lagi nilai Islam. Mahathir yakin bahawa dengan penerapan nilai-nilai yang terhadap semua pegawai Negara dalam menjalankan tugas dan memberikan perkhidmatan, akan menjadikan pentadbiran negara menjadi satu pentadbiran yang berkesan dan adil, pentadbiran yang jujur dan berkemas (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-35, pada 25 Mei 1984).

Penerapan nilai-nilai Islam oleh pentadbiran negara menurut Mahathir penting dan harus dilakukan. Kerana, ianya akan membentuk kerajaan yang lebih adil dan lebih berkesan. Semua rakyat, dari apa juga kaum atau agama, akan mendapat kebahagiaan daripada pentadbiran yang diasaskan kepada nilai-nilai Islam. Sebaliknya, apabila wujud kegiatan menyalah tafsirkan niat kerajaan



untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran, maka matlamat mengadakan pentadbiran yang jujur dan kemas tidak tercapai seperti yang dijangkakan (Mahathir, Ucapan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-35, 25 Mei 1984). Mahathir sendiri menegaskan bahawa nilai-nilai Islam adalah nilai hidup yang telah diamalkan dan dipilih oleh orang Melayu sebagai dasar dalam kehidupan yang akan menentukan kejayaan mereka.

Berjaya atau tidaknya sesuatu masyarakat tertakluk kepada nilai hidup yang diamalkannya. Kita telah memilih nilai-nilai Islam sebagai panduan dan pegangan kita. Janganlah sesiapa mengkhianati pilihan kita ini dengan melemparkan fitnah yang boleh melemahkan penerimaan nilai-nilai Islam kerana kita tahu nilai-nilai ini akan membawa manfaat kepada kita. Jika kita gagal, sebabnya ialah kerana orang yang mengkhianati kita itu telah berjaya menyekat penerapan nilai-nilai Islam dalam amalan kita (Mahathir, Ucapan Perutusan Hari Raya Aidil Fitri 1406 Hijrah/1986 Masehi, pada 2 Juni 1986).

Di antara usaha-usaha yang dilakukan untuk penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan bernegara tersebut dimulai oleh Mahathir ketika melancarkan slogan 'Dasar Pandang ke Timur', pada 8 Februari 1982 semasa Persidangan *5th Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA* di Hilton Kuala Lumpur. Ini bermakna bahawa Dasar Pandang ke Timur bukan bererti mengambil apa sahaja dari Jepun dan Korea Selatan untuk dipraktik di Malaysia dan mengeneipkan teladan yang boleh dipelajari dari negara-negara Barat. Dasar ini bermakna bahawa pihak Kerajaan akan tetap membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara-negara Timur yang telah maju seumpama Jepun dan Korea dengan mengubahsuaikannya dengan keadaan-keadaan di Malaysia agar tidak bertentangan dengan ajaran Islam (<http://pmr.penerangan.gov.my/>).

Berikutnya, pada pertengahan April 1982, kembali Mahathir melancarkan kempen 'Bersih, Cekap dan Amanah' (lampiran 2). Kempen ini berangkat dari kesedaran Mahathir bahawa pembangunan dan kejayaan sesebuah negara adalah bergantung besar kepada sikap yang positif serta bermoral tinggi pengurusan-pengurusan pekerjaan, pentadbiran dan rakyat secara keseluruhannya. Oleh itu, mereka harus memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing dan melaksanakannya dengan cekap dan berkesan, di samping mempunyai sikap yang bersih dan beramanah. Objektif utama dasar ini adalah bagi mewujudkan satu etika kerja dan sikap berkhidmat yang baru bagi rakyat Malaysia dengan memberi keutamaan kepada peningkatan hasil (produktiviti) dan mutu kerja dan untuk meningkatkan semangat atau motivasi pekerja seiring dengan Penerapan Nilai-nilai Islam dan Penerapan Slogan Kepimpinan Melalui Teladan (<http://pmr.penerangan.gov.my/>).

Mahathir yakin, dengan dasar pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah, negara akan dapat mencapai kemajuan yang pesat dan rakyat keseluruhannya akan hidup lebih bahagia hasil dari amalan nilai-nilai yang mulia ini. Sebab, pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah pastinya juga akan melicinkan pentadbiran dan urusan Kerajaan, mempertingkatkan lagi daya pengeluaran dan menjadikan negara stabil, kukuh dan kuat.

Kempen pemerintahan yang Bersih, Cekap dan Amanah kemudian diteruskan lagi oleh kempen 'Kepimpinan Melalui Teladan', yang dilancarkan oleh Mahathir pada 19 Mac 1983 di Stadium Tun Razak, Kuala Lumpur. 'Kepimpinan Melalui Teladan' menurut Mahathir bermakna bahawa setiap orang, terutama yang menjadi pemimpin, mesti menunjuk teladan yang baik, membawa kebaikan,

boleh dicontohi dan boleh meyakinkan semua pihak dan menentukan pentadbiran negara ini berjalan dengan cukup berkesan. Walau disedari bahawa tidak ada seorang pemimpin pun yang tidak membuat kesilapan, namun bukan berarti secara sengaja mencari kesalahan pemimpin untuk menolak kebaikan yang boleh dicontohi. Prinsipnya adalah ambil yang jernih dan buanglah yang keruh (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-35, pada 25 Mei 1984). Oleh itu, Mahathir berkeyakinan bahawa kepimpinan melalui teladan yang baik adalah satu cara yang berkesan sekali bagi menentukan kebaikan diamal oleh semua. (Mahathir, Ucapan di Majlis Pelancaran Kempen 'Kepimpinan Melalui Teladan', pada 19 Mac 1983).

Melalui kempen ini, Mahathir mempelawa para pemimpin untuk menunjukkan tiga teladan, iaitu keteladan dalam kebersihan, kecekapan dan amanah sebagaimana ditegaskan beliau dalam Majlis Pelancaran Kempen 'Kepimpinan Melalui Teladan', pada 19 Mac 1983 (lampiran 3).

Mahathir juga mengakui bahawa bersih, cekap dan beramanah sahaja tidak mencukupi. Masih diperlukan lagi sifat-sifat yang lain, seperti disiplin, ketertiban dan kesopanan, keberanian, budi-bahasa yang baik, kerajinan, dan lain-lain lagi nilai yang mulia, yang boleh menjadikan negara lebih bahagia. Intinya, negara memerlukan pemimpin dan pentadbir yang tegas, kerana matlamat sesebuah masyarakat dan negara ialah menjamin keharmonian, keadilan, dan juga kesejahteraan. Sekiranya para pemimpin dan petadbir Negara terdiri dari kalangan orang-orang yang tidak mempunyai sifat yang tegas dan yakin kepada kebenaran, kepada tanggungjawab dan tugas yang dipikulnya, maka akan lemahnya masyarakat keseluruhannya (Mahathir, Ucapan di Majlis

Pembukaan Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan, pada 13 April 1987).

Seterusnya, pada tahun 1985, Mahathir telah pula memperkenalkan 'Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran'. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran bermakna bahawa sebagai bimbingan pembentukan akhlak yang berfaedah dan berfungsi dalam kehidupan setiap rakyat menuju ke arah ketinggian maruah di samping menanam nilai-nilai yang murni dan membina ke dalam sistem pentadbiran negara. Nilai-nilai Islam itu sendiri boleh menjadi penggerak ke arah membanteras unsur-unsur keburukan yang menjadi musuh utama negara ini seperti fahaman komunis, kemiskinan, rasuah, kecuaiian, kejahilan, penyelewengan dan sebagainya yang sentiasa mengancam usaha-usaha untuk perpaduan rakyat dan pembangunan negara (<http://pmr.penerangan.gov.my/>). Matlamat yang hendak dicapai melalui dasar ini dan beberapa dasar yang lain seumpamanya adalah untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia, yang bersifat tegas dalam tidak lakunya (Mahathir, Ucapan di Majelis Pembukaan Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan, pada 13 April 1987).

Dengan kata lain, objektif dari Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran ini adalah membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat yang lain; Menubuhkan sebuah 'negara bahagia'; Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan; dan menghasilkan untuk perkhidmatan yang bermutu.

Berdasarkan kepada objektif-objektif di atas jelas bahawa dasar ini bukannya bertujuan untuk mengIslamisasikan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam, tetapi sebenarnya memupuk amalan nilai-nilai murni yang boleh diterima oleh semua pihak dan golongan kerana agama-agama lain juga menitikberatkan amalan nilai-nilai seperti ini. Kerana, antara nilai-nilai Islam ialah tidak menggunakan paksaan untuk menentukan orang lain turut Islam. Islam lebih mengutamakan pujuk rayu daripada paksaan. Menggambarkan Islam sebagai agama yang tidak toleran, tidak bertimbang rasa dan kejam adalah perbuatan yang mencemarkan nama baik Islam dan boleh menyekat perkembangannya (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-38, pada 24 April 1987).

Rasional dari Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran adalah sebahagian daripada pelbagai usaha Kerajaan Malaysia untuk memasukkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia. Kerajaan memberi perhatian kepada nilai-nilai khususnya nilai-nilai Islam ialah dalam usaha untuk memelihara maruah warganegara Malaysia, maka perlulah ia mempunyai satu identiti yang kukuh. Dalam konteks ini, unsur yang terpenting sekali dalam pembentukan identiti warganegara Malaysia ialah nilai. Ia merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan kelahiran sesebuah masyarakat yang disegani. Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai nilai kehidupan yang tertentu akan mudah menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa berusaha mengembangkan nilai-nilainya dan dengan perkembangan ini akan dapat menguasai bangsa yang tidak mempunyai nilai-nilai yang kukuh.

Adapun nilai-nilai Islam yang hendak diterapkan dalam pentadbiran negara dimaksud yang boleh diterima oleh orang Islam dan juga oleh bukan Islam ialah nilai-nilai seperti amanah, kejujuran, tanggungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, sikap mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, berpandangan jauh ke hadapan, bermoral dan berkelakuan baik dan lain-lain (lampiran 4).

Kemudian ketika berucap di Perasmian Agung UMNO ke-38, pada 24 April 1987, Mahathir juga menegaskan kembali bahawa di antara dasar dan matlamat terpenting kerajaan ialah dasar penerapan nilai-nilai Islam. Tekanan kerajaan ialah terhadap nilai-nilai seperti persaudaraan, amanah disiplin, kejujuran, keadilan, toleransi, tuntutan kekayaan di dunia secara halal dan lain-lain nilai murni.

Penghayatan terhadap nilai-nilai akhlak yang murni dan membina tersebut akan memudahkan usaha-usaha untuk memajukan berbagai-bagai bidang yang diperlukan oleh sesebuah negara seperti kesihatan, pendidikan, ekonomi, pembangunan, undang-undang, dan lain-lain. Mahathir berkeyakinan bahawa bermula dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran itulah, maka kerajaan yang bersih, cekap, beramanah, tertib, rajin, sopan, berdisiplin, bertanggungjawab dan menjunjung tinggi nilai-nilai yang mulia bagi setiap umat bertakwa dapat berjaya, sehingga syiar Islam pun akan semakin berkembang bagi memudahkan umat Islam memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Mahathir, Ucapan di Perasmian Agung UMNO ke-36, pada 27 September 1985).

Walau mengakui Islam merupakan dasar penting dalam kehidupan dan pentadbiran negara, tetapi bagi Mahathir bukan bererti bahawa Islam mesti dinyatakan dan diterapkan secara formal (*formalisasi*) sebagai hukum negara, iaitu hukum Islam. Esensi (*substansi*) yang terpenting menurut Mahathir adalah bagaimana ajaran dan hukum Islam tersebut difahami dan dilaksanakan oleh umat Islam kerana kesedaran dan pemahaman mereka sendiri, bukan sesuatu yang dipaksakan dan bermakna simbolik. Kerana, sesungguhnya Islam ialah agama kesederhanaan dan bebas daripada sebarang paksaan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983).

Sehingga, apabila ada orang yang berpendapat bahawa adakan sahaja undang-undang Islam agar semua orang Islam menjadi orang Islam yang beriman dan bertakwa. Maka, cara ini sebenarnya menurut Mahathir hanya akan menghasilkan orang-orang Islam yang berislam cuma pada zahirnya. Mereka akan lari ke sana-sini dalam usaha untuk mengelak daripada undang-undang Islam. Dengan ini maka peristiwa-peristiwa yang memalukan berlakulah di negara-negara bukan Islam di mana orang Islam suka pergi. Sebaliknya, orang Islam akan berasa *committed* kepada agama Islam jika sekiranya mereka diberi penjelasan tentang kehendak agama Islam yang sebenar. Oleh itu, tidak dibenarkan perbuatan menyembunyi atau memutar belit ayat-ayat al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. kerana didapati tidak secocok dengan pendirian orang-orang tertentu. Cara seperti ini tidak akan menolong meyakinkan orang Islam sehingga mereka berpegang kuat kepada Islam di mana juga mereka berada (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983).

Bagi Mahathir, cukup dengan mengamalkan ajaran Islam, menerima dan mengakui Islam sebagai agama rasmi negara, dan menggalakkan pembangunan institusi-institusi Islam, serta perhatian dan usaha-usaha yang memadai untuk mengembangkan dan menjaga Islam dengan berbagai kemudahannya, Malaysia sudah layak disebut sebagai 'Negara Islam', tanpa harus menerapkan syaria Islam (hukum *hudud* misalnya) sebagaimana yang dituntut oleh sesetengah pihak. Inilah yang dilakukan oleh Mahathir selama menerajui negara, sehingga di masanya pembangunan institusi-institusi kelslaman, seperti pembangunan Masjid-masjid, Pusat Islam, Bank Islam, Universiti Islam, Pegadaian Islam, Insurans Islam, penyelenggaraan kompetisi baca dan hafal al-Quran, perayaan upacara-upacara kelslaman dan berbagai peristiwa penting lainnya sangat digalakkan. Dengan demikian, pentadbiran di Malaysia menurut Mahathir tidak bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan mengambil kira keadaan semasa, termasuklah keadaan di mana separuh daripada rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-36, pada 27 September 1985).

Semangat dan keinginan Mahathir menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara makin nampak tatkala mengisytiharkan Malaysia sebagai 'Negara Islam' sewaktu berucap di Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia, pada 29 September 2001.

UMNO ingin menyatakan secara terang-terangan bahawa Malaysia adalah negara Islam. Pendapat ini berasas kepada pendapat ramai daripada ulama-ulama di zaman dahulu yang telah menjelaskan apa dianya negara Islam. Untuk pengetahuan umum seorang ulama telah menulis buku yang bertajuk 'Malaysia adalah sebuah Negara Islam'.



Tambah lagi ketika berucap di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, pada 20 Jun 2002.

Kita adalah negara Islam di mana orang Islam menjadi majoriti dan menguasai negara ini... Jika kita mendakwa bahawa Malaysia adalah Negara Islam sebabnya amat jelas. Orang Islam di Malaysia bebas hidup secara orang Islam, tidak dihalang berbuat ibadat, dan mereka menikmati keadilan seperti yang dituntut oleh agama Islam..... Dakwaan ini dibuat kerana segala syarat yang mengikut ajaran Islam bagi kita menjadi negara Islam terdapat di Malaysia ini.

Dan semasa berucap di Seminar Kebangsaan 'Memahami Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam' di Selangor, pada 17 September 2002.

Malaysia diakui oleh dunia, samada Islam atau tidak Islam, sebagai Negara Islam. Orang Islam Malaysia adalah orang Sunni atau Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bererti mereka berpegang kepada Sunnah Nabi dan juga kepada pendapat atau pegangan yang diterima dan diamal oleh jamaah Islamiah iaitu masyarakat umum... Jumlah yang terbesar daripada umat Islam di Malaysia dan juga di seluruh dunia mengiktiraf Malaysia sebagai Negara Islam. Ini sahaja sudah mencukupi untuk Malaysia diterima oleh orang Islam di Malaysia yang akur kepada pendirian ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai Negara Islam. Oleh itu, alasan lain sebenarnya tidak perlu.

Sebenarnya pula, sebelum mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam pada tarikh 29 September 2001 tersebut, ketika berucap di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke 48, pada 5 September 1997, Mahathir telah pula menyinggung Malaysia sebagai negara Islam kerana diiktiraf oleh negara-negara Islam yang lain.

Malaysia dianggap oleh negara-negara Islam lain sebagai negara contoh. Dalam akhbar-akhbar di negara Islam, dalam ucapan-ucapan oleh pemimpin-pemimpin mereka dan dalam cakapan-cakapannya, mereka bukan sahaja menyatakan Malaysia adalah contoh bagi negara Islam lain, tetapi mereka amat berbangga dan kagum dengan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju yang juga mempunyai ramai pendudukan bukan Islam.

Bahkan pula, ketika berucap di Perasmian Muktamar Mengenai Konsep Negara Islam di Petaling Jaya, pada 26 September 1985, Mahathir pun telah menyinggung tentang Malaysia sebagai 'Negara Islam'. Malaysia yang merdeka telah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi Negara, dan tenaga kerajaan telah pula digunakan untuk Islam. Masjid dan surau, sekolah dan fakulti di universiti, biasiswa dan jawatan, malah berbagai jenis kemudahan telah diadakan untuk Islam.

Tetapi, sebentar sahaja selepas Malaysia diisytiharkan oleh Mahathir sebagai 'Negara Islam' pada tarikh 29 September 2001 tersebut, bantahan, diskusi, perdebatan dan polemik terhadap isu dan kebenaran Malaysia sebagai 'Negara Islam' menjadi ramai diperbincangkan di kalangan sarjana, ulama, dan ahli politik. Padahal, Mahathir sendiri tidak menegaskan secara pasti konsepnya berkenaan dengan negara Islam dan tidak menghendaki perkara ini dijadikan isu politik yang memecahbelahkan umat Islam (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO, pada 26 Jun 2002). Konsep Malaysia sebagai negara Islam kemudiannya disampaikan oleh UMNO melalui pemikiran para ulamanya (kerajaan). Secara khusus berkenaan dengan model dan pembangunan negara yang dikehendaki oleh Mahathir, nampaknya memang sudah terdeskripsi dalam konsep 'Wawasan 2020' sebagaimana telah dihuraikan di atas.

#### **6.4 Rumusan**

Sebagai cara hidup yang lengkap dan menyeluruh, Islam sememangnya tidak hanya mengatur kehidupan rohani sahaja, akan tetapi juga segala hal yang

menyangkut kehidupan di dunia, termasuk cara dalam mencapai kesejahteraan dan kehidupan bernegara.

Dalam konsep yang dipanggil sebagai 'Wawasan 2020' Mahathir menggariskan kebijakan dasar dan matlamat dari pembangunan negara Malaysia, iaitu mewujudkan Malaysia menjadi negara maju dengan caranya tersendiri tanpa terikut kepada cara dan corak negara maju yang ada sekarang. Kemajuan yang dicita-citakan ialah kemajuan yang sempurna yang tidak semata-mata diukur dari segi pencapaian lahiriah atau fizikal semata-mata malah ia akan meliputi pewujudan satu masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain. Maknanya, dengan Wawasan 2020, negara mampu memelihara, memajukan dan mempertahankan agama dan umat Islam (Mahathir, Ucapan di Majlis Pelancaran Mesyuarat Penubuhan 'Malaysian Business Council', pada 28 Februari 1991; Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-42, pada 8 November 1991; Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-43, pada 6 November 1992).

Adapun hakikat dari pembangunan negara menurut Mahathir adalah proses untuk memupuk masyarakat manusia yang berperadaban tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia untuk kebahagiaan umat manusia, mempunyai ciri-ciri keseimbangan daripada segi material dan spiritual (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983). Kerana, Islam menurut Mahathir adalah agama yang mengajarkan keseimbangan kehidupan umat manusia, kehidupan rohani dan fizikal, kehidupan individual dan sosial, kehidupan duniawi dan ukhrawi (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-41, pada 30 November 1990).

Berkenaan dengan hubungan Islam dan negara, Mahathir memandang Islam sebagai suatu faktor yang memainkan peranan sangat penting dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Oleh itu, Islam tidak boleh dianggap hanya sebagai upacara agama semata-mata yang hanya bersangkutan dengan seseorang pada tahap individu. Ini bermakna bahawa Islam menurut Mahathir boleh menjadi dasar dalam pentadbiran negara, kerana Islam berisikan nilai-nilai moral yang tinggi yang berguna untuk mengatur kehidupan masyarakat (Mahathir, Ucapan di Majlis Perasmian Pusat Islam Malaysia, pada 16 September 1985). Di sini, nampak apabila Mahathir memposisikan Islam dan negara seperti yang digambarkan oleh Mohammed Arkoun (1997: 204), iaitu sebagai sesuatu yang beriringan dan tidak dapat dipisahkan.

Dalam konteks inilah kemudian Mahathir melakukan berbagai strategi penting untuk menguatkan negara dengan prinsip Islam dan mengembangkan Islam dalam kehidupan bernegara. Sehingga inisiatif pemerintah terhadap pelbagai program Islamisasi lebih terserlah di masa kepimpinan Mahathir (Shamsul, 2001: 289). Untuk itu, Mahathir berhasil menempatkan pemerintahannya di jalur yang lebih berorientasi Islam dengan memberikan tekanan lebih besar pada Islam, baik di dalam negeri mahupun di forum internasional. Islam pun kemudian menjadi teras utama di bawah kepimpinan Mahathir (Pandian, 2005: 167). Hal ini menunjukkan bahawa Mahathir telah menjadi seorang pendukung Islam yang berani dan seorang politisi yang sangat cerdas (Hussin Mutalib, 1995: 193). Mahathir juga mampu secara cerdas menyatukan masa lampau dan masa kini, menahan dan mengkooptasi oposisi Islam, memanfaatkan Islam dalam politik domestik, regional, dan internasional (Esposito & Voll, 1993, 183).

Walau mengakui Islam merupakan dasar penting dalam kehidupan dan pentadbiran negara, tetapi bagi Mahathir bukan bererti bahawa Islam mesti dinyatakan dan diterapkan secara formal (*formalisasi*) sebagai hukum negara. Kerana, sesungguhnya Islam ialah agama kesederhanaan dan bebas daripada sebarang paksaan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983).

Bagi Mahathir, cukup dengan mengamalkan ajaran Islam, menerima dan mengakui Islam sebagai agama rasmi negara, dan menggalakkan pembangunan institusi-institusi Islam, serta perhatian dan usaha-usaha yang memadai untuk mengembangkan dan menjaga Islam dengan berbagai kemudahannya, Malaysia sudah layak disebut sebagai 'Negara Islam', tanpa harus menerapkan syariah Islam sebagaimana yang dituntut oleh sesetengah pihak.

# **BAB 7**

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **7.1 Pengenalan**

Sebagaimana telah diuraikan pada bahagian terdahulu, menurut beberapa penyelidik Mahathir dikenali sebagai seorang tokoh yang tidak hanya rajin dan amat mahir dalam menulis (Pandian, 2005; Idris Aman, 2006; Abdullah Ahmad, 2009), tetapi juga rajin dalam hal membaca yang menjadi amalan beliau sejak kecil (Hashim Ahmad, 2003: 145) dan berkomunikasi dengan banyak tokoh pemikir dunia, antaranya Ismail Raji al-Faruqi. Boleh jadi hal ini dipengaruhi oleh falsafah beliau yang berpegang teguh kepada prinsip bahawa pembelajaran adalah proses seumur hidup, sehingga dengan keupayaan mental dan kecekalannya beliau boleh menguasai apa sahaja yang boleh dilakukan oleh orang lain. Hairudin Harun (2001), Rahimin Affandi (2005) misalnya menyatakan bahawa Mahathir adalah seorang tokoh yang terkenal dengan pembacaan yang luas tentang Islam, padahal sifat ini jarang kedapatan di kalangan tokoh politik biasa, dan ianya telah diakui sendiri oleh kawan maupun lawan politik Mahathir.

Wan Mohd. Nor Wan Daud (1995: 126) merumuskan sifat dari suka membaca dalam konteksnya yang luas ini sebagai sebahagian dari aktiviti pengamalan budaya ilmu. Budaya ilmu menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1995: 108) bermakna bahawa ilmu dituntut dengan berbagai-bagai cara seperti pembacaan dan pendengaran atau pengalaman. Oleh itu, Islam sangat menekankan kebolehan menulis dan membaca. Jelmaan sikap terhadap ilmu dapat dilihat melalui tabiat membaca, yang kemudiannya telah menyebabkan Mahathir melahirkan pelbagai gagasan intelektual yang cukup membanggakan.

Amalan budaya ilmu yang menjadi tabiat utama Mahathir dimaksud, iaitu: (1) tindakan menjadikan pencarian ilmu sebagai suatu usaha yang berharga nilainya seperti pencarian harta sehingga ianya dianggap sebagai matlamat hidup yang utama; (2) usaha di dalam suatu tindakan yang diputuskan dengan perkiraan ilmu tanpa campur tangan dari golongan yang mempunyai kepentingan lain; (3) bersikap terbuka dengan semua jenis ilmu tanpa mengira asal usul dan jenisnya; (4) analisis kritikal yang dilakukan terhadap ilmu tanpa adanya sifat fanatik kepada seseorang guru. Sikap ini jelas dengan terhasilnya kegiatan dialog intelektual yang diiringi dengan penyelidikan yang begitu giat dijalankan sehingga melahirkan sejumlah besar karya-karya sintesis yang bermutu yang kekal penggunaannya sehingga pada masa sekarang; dan (5) penghayatan ilmu yang dijelmakan dengan amalan dan akhlak yang baik (Rahimin Affandi, 2005).

Mahathir juga berbincang dan memiliki hubungan yang baik, dengan beberapa tokoh ilmuwan Islam semasa, antaranya adalah Ismail Raji al-Faruqi, Profesor Islam di Universiti Temple, Amerika Syarikat yang terkenal dengan teori 'Pengislaman Ilmu' dan pandangan rasionalisnya terhadap Islam. Paling tidak,

kemasyhuran Al-Faruqi telah mendorong Mahathir untuk melancarkan pertubuhan Institut Pemikiran Islam Antarabangsa atau lebih dikenali sebagai *Institute of International Islamic Thought* (Ibnu Yaacob, 2008).

Faktor-faktor di atas telah berjaya mengantarkan Mahathir memahami Islam dan melahirkan pelbagai gagasan. cerdas berkenaan dengan Islam, nasib dan kaedah penyelesaian masalah umat Islam sedunia, selari dengan agenda dan idea tajdid Islam yang telah di bawakan oleh tokoh-tokoh ulama semasa (Rahimin Affandi, 2005). Bahkan, banyak dari idea-idea tajdid yang dibawakan beliau adalah setanding dengan tokoh ulama lulusan Timur Tengah (Rahimin Affandi, 2005). Namun, kerana pendidikan sekular yang diterima dan cuba diterapkannya tidak memungkinkan beliau digelar sebagai *mujaddid* (Baharuddin, 2010). Bahkan, menurut Shamsul (2009), Mahathir bukanlah seorang ahli Islam atau pemikir, dia hanya menyumbangkan penilaian-penilaiannya tentang Islam sahaja. Begitu pula dengan Annual Bakri & Kamarul Zaman (2001: 3), yang tidak bersetuju dikeranakan Mahathir sering mempersoalkan kebenaran hadis, ijmak, kias dan ijtihad dengan alasan bahawa kesemuanya adalah dibuat oleh manusia biasa.

Berbeza dengan Muchtar Lintang (1982) yang menyamakan Dr. Mahathir dengan Haji Agus Salim, Muhammad Natsir, Prof Dr. Haji Ali Akbar di Indonesia dan Datuk Patinggi Dr. Haji Abdul Rahman Yaakub di Malaysia yang mendapat pendidikan sekular, tetapi mewajibkan diri masing-masing mempelajari Islam. Mereka, menurut Muchtar Lintang, tidak kurang daripada ulama-ulama yang ada.



Seterusnya, dalam pandangan (Ismail Ibrahim, 2002: 1, 8) Mahathir dikenali sebagai seorang yang amat berminat memperhatikan dan membicarakan tentang Islam dan umat Islam. Hal ini telah nampak sejak beliau memulai kerjayanya dalam bidang politik, di mana beliau sering mendiskusikan tentang Islam dan umatnya. Beliau memberikan pandangan dan analisisnya secara kritikal tentang isu-isu yang dihadapi oleh umat Islam, cabarannya dan bagaimana permasalahan umat Islam seharusnya ditangani dan diusahakan penyelesaiannya dengan sungguh-sungguh. Di peringkat nasional dan antarabangsa, Mahathir pun sering menyatakan kebimbangannya tentang elemen-elemen yang membawa kepada perpecahan umat Islam, kemunduran mereka dalam bidang ilmu pengetahuan, perekonomian, keruntuhan moral, dan sebagainya. Oleh itu, kelemahan politik, ilmu pengetahuan dan ekonomi menurut Mahathir merupakan punca daripada kelemahan dan kemunduran umat Islam sekarang ini .

Pada prinsipnya pemikiran Mahathir sebagaimana ditegaskan oleh Rahimin Affandi (2005), tidak hanya sekadar mengandungi pandangan ke atas Islam dan problem umat Islam sahaja, akan tetapi juga diikuti oleh gagasan terhadap penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi umat Islam. Inilah yang dipandang oleh sebahagian pengamat sebagai salah satu kelebihan dari sumbangan dan pemikiran Mahathir terhadap perjuangan Islam. Kerana, dalam konteks ini Mahathir tidak hanya bertindak sebagai *solutionist* dan *opportunist*, tetapi pencari punca masalah yang disertakan kemudiannya dengan metode penyelesaian terhadap permasalahan tersebut.

## 7.2 Gagasan Pemikiran Kelslaman

Islam dalam pandangan Mahathir sebenarnya adalah sebuah agama yang bersifat rasional, dinamik dan progresif (mendorong kepada kemajuan), akan tetapi dalam realitasnya Islam telah banyak disalahertikan oleh umat Islam sendiri, sehingga ajaran Islam tampak seperti tradisional dan anti akan kemajuan. Umat Islam pun akhirnya lebih mementingkan urusan-urusan yang berhubungan dengan akhirat saja dan tidak memiliki semangat yang keras untuk mencapai kehidupan dunia yang lebih baik. Mereka terkadang bersifat pasrah dengan nasib dan merasa cukup dengan apa yang terjadi (*fatalistik*). Padahal, Islam menghendaki agar umatnya berjaya, tidak hanya di dunia akan tetapi di akhirat pula. Itulah sebabnya, umat Islam selalu didorong untuk meraih karunia Tuhan dengan bekerja keras, tekun dan disiplin.

Keprihatinan Mahathir terhadap kondisi umat Islam ini tampak ketika berucap di Universiti Al-Azhar Kaherah-Mesir pada 10 Mei 1998, ketika menerima Ijazah Kehormat, di mana Mahathir menyatakan beberapa pandangannya tentang Islam dan umat Islam yang sering disalahtafsirkan oleh musuh Islam dan golongan-golongan yang berkepentingan (Ismail Ibrahim, 2002: 42). Maka dalam kerangka mencapai kemajuan dan menjaga eksistensi Islam, tiada jalan lain yang mesti dilakukan oleh umat, selain daripada melakukan reinterpretasi terhadap pemahaman ajaran Islam. Kerana, pemahaman yang sempit atau perbezaan dalam mentafsirkan ajaran agama menjadi salah satu kendala kritikal dalam pembangunan negara.

Secara kritikal Mahathir menyatakan pandangannya bahawa negara Islam sering menghadapi krisis dalaman akibat daripada perbezaan dalam

mentafsirkan ajaran agama yang tertentu atau kerana sifat dan sikap taasub kepada para pemimpin secara melampau. Ataupun kerana kejahilan dan kekurangan ilmu pengetahuan yang membawa kepada fahaman sempit sama ada dalam bidang agama, politik, ekonomi dan sebagainya, sehingga menjadikan orang itu akan selama-lamanya menyalahkan orang lain semata-mata, terutamanya kerajaan yang memerintah (Ismail Ibrahim, 2002: 22).

Islam kata Mahathir adalah agama yang sempurna dan memiliki matlamat yang jelas, iaitu guna mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat. Konsep ajaran Islam dan segala apa pun yang diperintahkan oleh Islam boleh diterima oleh akal, sebab agama adalah akal. Bahkan Islam pun mengemukakan alasan-alasan yang sempurna, berkenaan dengan alam, berkenaan dengan Tuhan, dan berkenaan dengan manusia. Dengan demikian, Islam menurut Mahathir mestinya difahami dengan berasaskan kepada *reason*, *logic* dan *sound argument* (Pandian, 2005).

Sebagai agama yang menyuruhkan kepada umatnya untuk mencari dan mendapatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat, Islam adalah agama keseimbangan. Oleh itu, dalam pandangan Mahathir nilai-nilai spiritual wajar diguna untuk berhadapan dengan tekanan dunia material dan berpegang bahawa mencari kekayaan tidak ditolak atau dilarang oleh Islam, malahan kepercayaan dan pegangan kepada Islam tidak akan musnah hanya dikeranakan oleh kemajuan bidang sains dan teknologi. Islam tidak mengekang kemajuan dan Islam tidak bertentangan dengan sains dan teknologi, bahkan Islam mendorong agar pengkajian terhadap sains dan teknologi terus digalakkan guna mencapai kehidupan yang lebih baik. Dengan demikian, nilai dan pemikiran yang

berlandaskan kepada interpretasi Islam yang luas dan tersirat sebenarnya kata Mahathir membolehkan membantu masyarakat Islam untuk berkembang, maju dan bersaing dengan masyarakat lain dan melindungi kedudukan orang Islam lebih berkembang, maju, dan bersaing dengan masyarakat lain. Organisasi, disiplin dan pendedahan kepada sistem Islam akan membolehkan masyarakat Islam berkembang (dalam Pandian, 2005: 171). Sehingga, dalam konteks ini, tidak ada pilihan yang terbaik bagi umat Islam selain daripada mengejar kemajuan. Sebab, jika umat Islam mundur, lemah, tidak berdaya dan tidak memiliki kekuatan, maka mereka akan dihina, ditindas dan mungkin dikuasai dan dijajah kembali oleh negara-negara asing yang bukan Islam yang maju. Bahkan yang lebih mengkhawatirkan lagi adalah mereka dipisahkan daripada agama Islam. Oleh itu, Islam mesti menjadi benteng dalam mengejar kemajuan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-39, pada 28 Oktober 1988).

Mahathir menyedari bahawa Islam adalah salah satu unsur kuasa yang bertapak kuat pada orang Melayu (2008a: 125). Oleh itu, sesuatu perubahan, rancangan atau ideologi yang bertentang dengan Islam tidak akan berjaya. Kerananya, Islam mestilah dipertahan dan dikembangkan lagi jika kemajuan hendak dicapai. Tetapi masalahnya menurut analisis Mahathir bukanlah pada Islam itu sendiri, tetapi berpunca pada tafsiran-tafsiran tentang Islam yang difahami oleh orang Melayu. Tafsiran-tafsiran terhadap Islam yang tidak sesuai dengan ajaran Islam sebenar inilah yang menjadi faktor penyebab kemunduran umat Islam. Masalah yang sama disinggung pula oleh Khairul Nizam (2008) apabila ia menyatakan bahawa bangsa Melayu cukup kuat pegangannya dengan warisan tradisi mereka terutama budaya setempat dari segi kefahaman Islam,

cara berfikir, hidup bermasyarakat dan banyak lagi. Malah mereka agak sukar untuk menerima suatu bentuk idea baru yang dirasakannya akan menggugat stabiliti kehidupan apatah lagi yang bersangkutan dengan kefahaman agama mereka. Ini bermaksud masih wujud masyarakat Melayu lama yang terlalu bertaklid dan taasub kepada bentuk pemikiran tradisi yang telah berakar-umbi dalam pemikiran mereka sehinggakan tidak membuka ruang kepada mereka untuk berfikir lebih jauh, agresif, menganalisis berasaskan sumber yang benar, apatah lagi untuk bersikap rasional dengan memahami realiti setempat.

Mahathir menyatakan bahawa untuk masyarakat Melayu maju, Islam harus dihalusi ketika wujudnya fatalisme Melayu, kerana ketidaksungguhan menghadapi persaingan akan mengakibatkan orang menjadi pasrah dan pada akhirnya lebih mengutamakan aktiviti spirituil daripada mencari kebendaan, yang dianggap corak keislaman yang diamalkan oleh orang Melayu. Ia dihubungkan dengan interpretasi Islam yang salah dan kelemahan mereka memahami pesan sebenar yang tersirat dalam agama, sehingga menyebabkan masyarakat Melayu dilihat terus mundur. Dalam bahasa agama boleh jadi sikap lemah, daya juang yang rendah dan menyerah kepada takdir atau nasib ini dipengaruhi oleh keyakinan dan pemahaman terhadap agama yang bersifat *Jabariyah*.

Mengikut kepada Khairul Nizam (2008), walaupun arus penguasaan pemikirannya telah berlalu dan hanya menjadi tatapan mahupun rujukan masa kini, tetapi fahaman ini seakan-akan mempengaruhi corak berfikir segelintir masyarakat Melayu hari ini. Dilihat bahawa fahaman ini membawa kesan buruk kepada corak dan bentuk pemikiran masyarakat Melayu sehingga melemahkan bangsa Melayu untuk berkembang maju dan bersaing dalam era globalisasi atau

dunia tanpa sempadan kini. Selanjutnya Khairul Nizam (2008) menulis, menurut Wan Zailan Kamaruddin sama ada sedar atau tidak akidah yang dianuti oleh masyarakat Islam di Malaysia ini adalah bersumberkan fahaman Jabariyah. Misalnya, masyarakat Melayu sehingga mereka lebih cenderung menyerah kepada Allah sahaja dalam banyak perkara daripada berusaha mengatasinya.

Di samping itu, masih nampaknya pengaruh dari faham Jabariyah dalam kehidupan orang Melayu boleh pula dilihat dari tujuh aspek berikut. Pertama, aspek pemahaman terhadap takdir dan nasib, di mana sebahagian di antara mereka ada yang mempercayai bahawa semua perkara telah ditentukan oleh Allah SWT sama ada baik atau buruk; Kedua, aspek memandang ke hadapan yang pengaruhnya di dalam masyarakat masih di tahap yang rendah; Ketiga, aspek orientasi akhirat yang melampau, sehingga didapati masyarakat Melayu kurang mementingkan kehidupan di dunia mahupun untuk mencari kekayaan dan bersaing dengan bangsa lain; Keempat, aspek pencapaian rendah, yakni sikap mereka yang tidak mahu cuba merobah fikiran yang lebih jauh sehinggakan berpuas hati dengan pencapaian cukup makan, cari jalan mudah dalam banyak hal, dan kurang daya fikiran untuk bersaing; Kelima, aspek sindrom pergantungan kepada nasib dan takdir; Keenam, ketakutan kepada matematik dan sains; Ketujuh, kesalahfahaman tafsiran ayat-ayat al-Quran (Khairul Nizam, 2008).

Menurut Mahathir, tafsiran yang salah dianggap menyebabkan kejatuhan tamadun Islam dan umatnya. Dalam konteks ini Mahathir (2008a: 180) menyatakan bahawa Islam merupakan pengaruh tunggal yang paling besar terhadap konsep nilai dan tatasusila Melayu. Namun, kata Mahathir perlu

diingatkan bahawa hakikatnya bukanlah agama yang begitu berpengaruh, melainkan tafsiran tentang ajaran-ajaran Islamlah yang kuat pengaruhnya. Tafsiran agama berbeza-beza bukan sahaja mengikut individu, malahan juga mengikut usia dan masa, bahkan juga negara. Patut pula diingatkan bahawa Islam juga mempunyai lima mazhab dan kadangkala timbul mazhab baru disebabkan tafsiran seseorang individu. Kalaulah kadangkala pengaruh Islam terhadap konsep nilai Melayu nampaknya tidaklah begitu baik, maka sebenarnya pengaruh tersebut bukanlah kerana ajaran Islam, tetapi sebahagian besarnya adalah kerana tafsiran semasa penduduk tempatan.

Jelas bahawa kemunduran orang Melayu bukan disebabkan oleh atau ada yang salah terhadap Islam, melainkan tafsiran-tafsiran mereka sendiri yang sempit dan tidak melihat Islam sebagai agama kemajuan. Apabila kaum yang lain boleh melakukan sesuatu untuk mengejar ketertinggalan dan meraih kemajuan, maka Melayu pun boleh berbuat demikian. Inilah yang terus diperjuangkan dan dibuktikan oleh Mahathir sehingga kini.

Apabila diperhatikan nampak bahawa gagasan Mahathir di atas berkenaan dengan Islam sebagai agama yang dinamik dan mendorong kepada kemajuan adalah selari dengan gagasan utama yang telah dikembangkan oleh beberapa pembaharu Islam sebelumnya yang paling terkemuka di kepulauan Melayu. Menurut Hussin Mutalib (1995: 31) antaranya ialah al-Hadi (lahir 1862), Tahir Jalaluddin (lahir 1869) dan Abas Taha (lahir 1885). Kontribusi mereka terhadap penyebaran gagasan-gagasan reformis di dunia Melayu terutama terletak dalam peranan mereka sebagai pendiri dan editor dari jurnal-jurnal dan

akhbar reformis pada saat itu, seperti akhbar *al-Imam* yang ditubuhkan pada tahun 1906 oleh al-Hadi.

Selanjutnya, Hussin Mutalib menulis beberapa hal berkenaan dengan gagasan pembaharuan Islam ketiga tokoh di atas pada masa itu. "Al-Hadi, kontributor paling sering dan sangat tajam pada al-Imam, menekankan pentingnya pendidikan dan modenitas bagi kaum Melayu dan keharusan mereka membuang amalan-amalan tidak Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari" (Hussin Mutalib, 1995: 32). "Tahir Jalaluddin dalam banyak tulisannya mengajak kembali kepada asas-asas Islam yang sejati yang berdasarkan kepada al-Quran dan Sunnah sebagai satu-satunya solusi terhadap keterbelakangan Melayu. Dia juga membidas kepasifan para ulama, kegagalan mereka menjalankan peranannya mengembalikan umat kepada ajaran Islam yang sebenar". (Hussin Mutalib, 1995: 32). "Manakala pula Abas Taha dengan terang-terangan menunjukkan keperihatinan dan perlawanannya kepada perkembangan Islam adat (folk Islam) dan eklektisisme tradisional" (Hussin Mutalib, 1995: 32). Mengikut kepada gagasan dan peranan Abas Taha dan al-Hadi terhadap pembaharuan Islam, seorang sarjana menyimpulkan bahawa "Seperti halnya dengan Syed al-Hadi, Abas Taha adalah seorang penganjur modenisme yang gigih, dia terus menekan Islam sebagai suatu agama yang dinamik dan tidak menentang akan kemajuan. Oleh itu, Abas Taha menegaskan perlunya pembaharuan. Menurut Abas pula, keterbelakangan dunia Melayu khususnya berpunca pada pengabaian mereka sendiri terhadap ajaran agama Islam" (Hussin Mutalib, 1995: 32).



Bahkan, mengikut kepada Mohd. Yusof Hasan (2008) pemikiran Mahathir adalah kesinambungan dari gelombang keintelektualisme Melayu global yang telah dirintis oleh tokoh-tokoh Melayu sebelumnya, iaitu Munshi Abdullah dan Za'ba. Ketiga-tiga tokoh Melayu ini telah memperlihatkan teori ciri-ciri pemikiran yang berteraskan kepada Sistem Pemikiran Bersepadu 4K; Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan. Kegiatan keintelektualisme mereka adalah usaha-usaha ke arah membina tamadun Melayu-Islam (Mohd. Yusof Hasan, 2008: 470, 471).

Munshi Abdullah memperlihatkan banyak pemikiran kerohanian kerana menyelitikan unsur-unsur kejiwaan yang berhubung dengan ajaran-ajaran agama Islam tentang usaha-usaha membangunkan jiwa orang-orang Melayu supaya cemerlang dan hebat bersaing. Adapun Za'ba, memperlihatkan pemikiran kerohanian dan etika keagamaan dalam penulisan keintelektulismenya dengan berteraskan kepada nilai-nilai murni Melayu dan akidah, syariah serta akhlak mulia. Za'ba menyeru dan menggerakkan supaya orang Melayu mempunyai pemikiran kebitaraan dan etika keprofesionalan; pemikiran kesaintifikan; etika kerasionalan; serta memperlihatkan pemikiran kekreatifan dan etika kemanusiaan. Seterusnya Mahathir, juga memperlihatkan 4K Pemikiran Bersepadu dan 4K etika Bersepadu dalam cara berfikir dan tindakannya. Mahathir mempunyai dan menggerakkan pemikiran kerohanian berteraskan nasionalisme Melayu dan universalisme Islam; pemikiran kebitaraan yang penuh gilang-gemilang dan etika keprofesionalan; pemikiran kesaintifikan; pemikiran rasional dan ta'akulannya berteraskan etika kerasionalan; dan pemikir kreatif bagi mengubah corak negara dalam pemerintahannya (Mohd. Yusof Hasan, 2008: 471).

Pola pemikiran Mahathir dalam memahami dan menafsirkan ajaran Islam sebagai sebuah agama bersifat universal, moderat, rasional dan kritikal. Bahkan Islam juga sebagai agama yang sangat menganjurkan kemajuan (progresif) kepada umatnya. Pemahaman terhadap Islam seperti inilah yang kemudiannya digesa dan diserukan Mahathir kepada orang ramai dan kemudiannya ia dikenali sebagai 'Islam Mahathir' (Pandian, 2005) atau 'Mahathirisme' (Teik, 1995). Iaitu suatu faham yang berisikan gagasan pemikiran tentang pembangunan sosial, nasib orang Melayu, martabat Melayu, agama orang Melayu dan strategi masa hadapan Melayu yang dikaitkan dengan sikap dan pemikiran yang diasaskan oleh Mahathir (Harun, 2001). Oleh itu, merubah acuan pemikiran orang Melayu daripada sifat kemelayuan lama kepada kemelayuan baru yang bersifat agresif, revisionis dan berwawasan merupakan agenda teras faham Mahathirisme (Harun, 2001). Dalam ertikata lain, Melayu baru menurut Mahathir ialah Melayu yang berpegang kuat kepada agama Islam dan nilai-nilai murninya, berdisiplin dan sedar bahawa Tuhan hanya akan menolong mereka yang berusaha dan belajar serta menguasai ilmu-ilmu yang boleh menjayakan mereka. Melayu baru akan mengunci keretanya sebelum menyerahkan diri kepada perlindungan Allah s.w.t. (Hambali, 2001: 46). Melayu baru pula menurut Siddiq Fadzil (Khairul Nizam, 2008) adalah orang Melayu yang diperbaharui komitmen keIslamannya, berjiwa merdeka yang sujud, ruku dan setia mutlak hanya kepada Allah, Melayu yang telah mendapatkan semula kemuliaan status dan martabat keinsanannya, Melayu yang bangga menjadi umat terbaik kerana imannya serta Melayu yang tahu erti hidup dan mati sebagai persaingan prestasi amal cemerlang dan Melayu yang mempunyai semangat jihad yang tinggi dengan memperoleh kekuatan rohaniah untuk menghayati kemakrufan dan menghindari kemungkaran.

Gaya berfikir Mahathirisme mencuba memahami Islam secara kiritis, rasional, moderat dan tidak secara sempit berdasarkan *reason*, *logic* dan *argument* serta mengembalikannya kepada dasar semula, iaitu al-Quran dan Sunnah. Dengan pemahaman seperti ini Islam pada prinsipnya menurut Mahathir sangat menghendaki agar umatnya berjaya, tidak hanya di dunia akan tetapi di akhirat pula. Itulah sebabnya, umat Islam selalu didorong untuk meraih karunia Tuhan dengan bekerja keras, tekun dan disiplin. Ertinya, tanpa pemahaman yang sebenar terhadap ajaran Islam, mustahil umat Islam boleh mencapai kemajuan sebagaimana yang dicapai oleh kaum yang lain.

Modal dasar dari budaya fikir Mahathirisme sendiri nampaknya diilhami oleh semangat ajaran Islam yang memerintahkan kepada umatnya untuk menggalakkan pengajaran ilmu pengetahuan melalui perintah *Iqra* (al-Quran surah al-'Alaq: 1-5)<sup>1</sup> yang merupakan surah pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Perkara yang hendak dibaca itu menurut Mahathir ialah kejadian alam ini (*khalaq*) bermula dengan kejadian manusia itu sendiri (*al-'alaq*). Sebab, Melalui pelajaranlah umat Islam akan dapat menyediakan segala-galanya termasuk senjata moden dan terkini bagi maksud mengawal agama, diri sendiri, maruah, harta dan keturunan yang dianggap sebagai dari lima yang dituntut untuk menjaga dan memeliharanya (Astora Jabat, 2004). Mahathir menegaskan pula pemahamannya bahawa tidak ada agama yang lebih menekankan pelajaran daripada agama Islam. *Iqra* menurut Mahathir adalah perkataan pertama dalam ayat pertama yang diwahyukan kepada Rasulullah SAW. Bahkan, kemudian daripada itu banyak ayat al-Quran yang menyuruh umat Islam melihat segala-

---

<sup>1</sup>QS. al-'Alaq ini diturunkan oleh Allah s.w.t. melalui perantaraan Malaikat Jibril pada 17 Ramadhan ketika Nabi Saw berada di Gua Hira Makkah. Bersempena dengan masa turunnya surat pertama ini, umat Islam kemudian memperingatinya sebagai hari 'Nuzulul Qur'an', iaitu peringatan diturunkannya al-Quran.

gala yang dicipta oleh Allah s.w.t.<sup>2</sup> Tentu sahaja melihat di sini tidak terhad kepada melihat semata, tetapi harus pula disertai dengan kajian, penyelidikan dan pelajaran secara mendalam, saintifik dan berilmiah, kerana Allah telah mengurniakan akal dan fikiran (Mahathir, Ucapan di Perasmian Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan di Pusat Islam, Johor Bharu, pada 20 Januari 1995).

Mahathir mahu supaya umat Islam memperbetulkan diri dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar demi menyelamatkan diri mereka. Oleh itu, menurut Mahathir tidak ada gunanya mengutuk dan mendesak musuh Islam supaya tidak menindas orang Islam dan berperikemanusiaan kepada umat Islam. Ketika bertemu dengan ulama besar Arab, Dr. Mahmood Kiptaru dari Syria dan Dr. Zaki Badawi, Pengetua Kolej Islam London, menurut Dusuki Ahmad (Astora Jabat, 2004), Mahathir pernah berucap:

Kita dapat mencapai kejayaan sekiranya kita berpegang kepada asas ajaran al-Quran dan Sunnah seperti suruhan membaca (iqra) iaitu menuntut ilmu, mengukuhkan persaudaraan sesama Islam, berusaha mengubah nasib diri sendiri selain daripada memohon pertolongan Allah dan membuat persediaan untuk menggerunkan musuh dan mempertahankan umat dan banyak lagi. Dengan berpegang kepada asas-asas ini kita tidak akan berpuak-puak dan bersengketa sesama kita, tetapi kita tetap akan menjadi umat yang satu yang dapat mempertahankan agama Islam dan umatnya.

---

<sup>2</sup>Ayat-ayat al-Quran yang membincangkan tentang suruhan untuk memperhatikan, mengkaji, menyelidik dan mempelajari alam dan segala yang diciptakan Allah memang banyak sekali, antaranya terdapat dalam QS. Asy-Syu'araa ayat 7 bermakna: *"Dan apakah mereka tidak memperhatikan bumi, berapakah banyaknya Kami tumbuhkan di bumi itu pelbagai macam tumbuh-tumbuhan yang baik?"* QS. Az-Zumar ayat 21 bermakna: *"Apakah kamu tidak memperhatikan, bahwa sesungguhnya Allah menurunkan air dari langit, maka diaturnya menjadi sumber-sumber air di bumi kemudian ditumbuhkan-Nya dengan air itu tanam-tanaman yang bermacam-macam warnanya, lalu ia menjadi kering lalu kamu melihatnya kekuning-kuningan, kemudian dijadikan-Nya hancur berderai-derai. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal"*. QS. Al-Ghaashiyah 17-20 bermakna: *"Maka apakah mereka tidak memperhatikan unta bagaimana dia diciptakan? Dan langit, bagaimana ia ditinggikan? Dan gunung-gunung bagaimana ia ditegakkan? Dan bumi bagaimana ia dihamparkan?"*.

Dalam beberapa siri ucapannya nampak pula apabila Mahathir menyeru dan menggesa umat Islam supaya kembali dan berpegang kepada dasar semula, iaitu al-Quran dan Sunnah, sebagai jalan keluar untuk mengatasi pelbagai masalah yang mereka hadapi dan dengan itulah mereka akan menjadi umat yang terbaik dan berjaya. Menurut Mahathir mereka yang kuat memegang dasar ajaran Islam inilah yang disebut sebagai seorang 'Muslim fundamentalist' (Mahathir, di Perasmian Mesyuarat Agung UMNO, pada 20 Jun 2002) dan orang Islam yang terbaik ialah mereka yang fundamentalis (Mahathir, Ucaptama di Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom, pada 10 April 1996). Ini bermakna perlunya dilakukan reformasi terhadap nilai hidup yang dipegang oleh umat Islam supaya ia lebih berasas kepada ajaran Islam yang tidak dicampur aduk dengan ajaran dan tafsiran agama yang mengelirukan dan tidak berasaskan al-Quran atau Hadis yang sahih. Iaitu reformasi yang boleh mengembalikan umat Islam kepada ajaran-ajaran yang tidak dicampur aduk dengan pelbagai tafsiran, ajaran dan fatwa songsang yang dibuat pada masa dahulu (Mahathir, 2003: 70) serta reformasi pemikiran di kalangan mereka yang terkongkong dengan ajaran yang tidak berasaskan Islam dan mengelirukan umat Islam (Mahathir, 2003: 71).

Di samping itu, sudah sepatutnya kata Mahathir apabila pembaharuan pemikiran terhadap Islam dimulai dan digalakkan kembali, guna menyelesaikan pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam yang timbul kerana peredaran masa, antaranya adalah dengan *ijtihad*. Sebab, soal-soal baru terus muncul dan jawapan atas fatwa lama dipersoalkan kerana dianggap tidak relevan lagi. Perkembangan dalam dunia moden dengan pendekatan sains dan kemudahan-kemudahan yang dicipta melaluinya, menghadapkan umat Islam

kepada beribu-ribu soalan yang tidak boleh dijawab oleh mereka yang hanya arif dalam hukum-hukum agama tetapi tidak berpengetahuan dalam bidang-bidang lain (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-41, pada 20 November 1990). Kemudian, apa yang dahulu diterima tanpa soalan, semakin lama semakin dikerap soal dan melalui ijtihad kata sepakat mungkin dicapai untuk penyelesaiannya. Oleh kerana signifikansinya yang demikian, Mahathir menolak anggapan dan pendapat yang menyatakan bahawa pintu ijtihad telah ditutup. Hal ini menurutnya tidak menyelesaikan masalah orang Islam, bahkan semakin menambah masalah.

Mengikut kepada perkembangan pemikiran semasa, umumnya pemikir Islam kontemporari memang sepakat terhadap pentingnya ijtihad sebagai kaedah untuk menetapkan solusi pelbagai permasalahan semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Bahkan ianya menjadi salah satu syarat utama bagi umat Islam untuk meraih kemajuan dan kebangkitan mereka kembali. Sebaliknya, dampak dari dakwaan dan anggapan tertutupnya pintu ijtihad dan terhadnya penggunaan akal fikiran menjadi penyebab dan punca kemunduran umat Islam. Mengikut kepada Ahmad Amin (1987: 247) dalam bukunya 'Islam dari Masa ke Masa', beliau menyatakan bahawa apabila ada orang yang beranggapan dan mengkritik Islam sebagai agama yang beku dan tidak sesuai dengan tuntutan kondisi semasa, maka sebenarnya yang demikian itu bukanlah sifat agama Islam. Kekurangan ada pada umat Islam, bukan pada agama Islam, dikeranakan Islam membukan pintu ijtihad dan pintu ijma' (kesepakatan pendapat) agar dapat bersikap luwes sebagaimana yang terjadi pada masa kejayaan Islam. Akan tetapi pada masa berikutnya umat Islam pulalah yang menuntup pintu ijtihad bahkan ada yang mengharamkannya atau membolehkannya dengan persyaratan yang

sangat keras. Akibatnya, Islam yang semula toleran dan longgar kemudiannya diterapkan oleh umat Islam secara berlebih-lebihan dan kaku. Oleh itu, Ahmad Amin menawarkan dua perkara untuk memperbaiki keadaan umat Islam. Pertama, dengan jalan memperluas ilmu pengetahuan secara maksimum kerana Islam tidak bertentangan dengan ilmu pengetahuan. Kedua, ialah dengan cara ijtihad dan ijma' para pakar terhadap berbagai persoalan yang dihadapi oleh umat Islam semasa yang tidak terikat oleh mazhab atau aliran pemikiran kelompok tertentu (1987: 249).

Berkenaan dengan seruan Mahathir supaya masyarakat Islam kembali kepada asas atau fundamental ajaran Islam yang sebenar, Dusuki Ahmad (dalam Astora Jabat, 2004), menjelaskan pula pandangan Mahathir terhadap umat Islam yang fundamental, ialah mereka yang berpegang kuat kepada agama Islam dan nilai-nilai murninya, berdisiplin dan sedar bahawa Tuhan hanya akan menolong mereka yang berusaha dan mampu menguasai ilmu-ilmu yang boleh membangunkan mereka. Umat Islam yang berjaya akan mengunci keretanya sebelum menyerah kepada perlindungan Allah SWT.

Dasar ini menguatkan keyakinan Mahathir bahawa bidang sains merupakan salah satu bidang utama yang harus didedahkan secara maksimum kepada orang Melayu. Itulah sebabnya selama kepimpinannya, penekanan terhadap pembangunan dan peranan sains dan teknologi (S&T), industri berat, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan terutamanya teknologi maklumat sangat digalakkan, sehingga boleh dikatakan faktor-faktor sebagai sebahagian daripada keistimewaan era Mahathir (Harun, 2001).

Mahathir amat menekankan pentingnya umat Islam untuk mempertingkatkan bidang ilmu pengetahuan yang menjadi salah satu senjata yang amat berkesan bagi pembangunan umat Islam. Sejarah kecemerlangan umat Islam dicapai hasil daripada ketinggian ilmu pengetahuan umat Islam pada ketika itu. Maka sejarah kegemilangan itu tidaklah hanya menjadi pembicaraan di bibir dan kebanggaan yang penuh nostalgia tetapi seharusnya direalisasikan dalam pembangunan tamadun umat Islam kini. Dengan ini Mahathir melihat bahawa penubuhan institusi pengajian tinggi Islam yang berasaskan kesepaduan antara bidang ilmu wahyu dengan ilmu ciptaan manusia merupakan satu agenda keutamaan negara (Ismail Ibrahim, 2002: 14-15).

Oleh itu, Mahathir mengkritik sikap dan pola pikir orang Melayu yang terkadang tidak rasional atau masih tradisional yang boleh jadi menghambat kepada kemajuan. Dalam wujudnya pemikiran tradisional ini cenderung kepada pemikiran magis, simbolisme, dan metafisis kebalikan dari pemikiran rasionalis yang dicirikan oleh objektiviti, sekularisme, empirisme dan materialisme (Hairudin Harun, 2001). Menurut Mahathir, pola pikir yang bersifat tradisional tersebut menjadi salah satu sebab dan penghalang bagi orang Melayu untuk mencapai kemajuan dan setanding dengan kelompok masyarakat yang lain. Pemahaman seperti ini pada realitinya tidak hanya wujud dalam bentuk pemahaman terhadap ajaran agama yang sering disalahditafsirkan atau tafsirkan secara sempit, tidak kritikal, tradisional dan kurang sesuai dengan kondisi masa sekarang, akan tetapi juga wujud dalam amalan sehari-hari, iaitu berupa sikap dan etos kerja orang Melayu yang lemah, suka bertelagah, kondisi politik yang tidak stabil, pengkajian dan perkembangan ilmu yang terbatas dan sebagainya.



Mahathir menyerukan perlunya usaha dan perubahan-perubahan penting terhadap pola pikir masyarakat Melayu melalui proses yang sewajarnya, iaitu melalui proses pendidikan, pengajaran dan dakwah Islam yang dinamik. Pelajaran agama, dakwah Islamiah dan latihan untuk rohaniah ditujukan agar pegangan Islam menjadi benteng kepada umat Islam dalam rangka mengejar kemajuan. Dengan demikian akan terbentuk peribadi yang benar-benar Islam yang tidak tamak, tidak mementingkan diri sendiri atau pula cuma mementingkan kepentingan mereka di akhirat, tidak taasub dengan kemajuan dunia yang boleh membuat mereka lupa dengan akhirat, tetapi seimbang antara dunia dan akhirat. Kerana, pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membangunkan bangsa dan negara. Oleh itu, pendidikan perlu dikaji dari semasa ke semasa dan tekanan kepada kaitan ilmu yang dipelajari dengan kerja yang dilaksanakan. Sedangkan gerakan dakwah akan diberi perhatian yang lebih oleh kerajaan. Peruntukan serta kakitangan yang lebih akan diadakan untuk tujuan ini. Kurikulum dakwah tidak sepatutnya terserah semata-mata kepada budi bicara dan kefahaman individu-individu yang mungkin mengeliru dan memesongkan akidah umat Islam (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-39, pada 28 Oktober 1988).

Usaha-usaha pendidikan, pengajaran dan dakwah diusahakan secara maksimum dimulai apabila beliau ditunjuk menjadi Menteri Pelajaran di tahun 1974 dan semakin intensif ketika Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri sehingga tahun 2003. Misalnya, untuk memperbaiki sistem pengajaran pengetahuan Islam agar sesuai dan berkesan, Mahathir telah mengadakan pengkajian semula pendidikan Islam dan menubuhkan Dewan Penasihat untuk pendidikan Islam. Tujuan utama dewan ini adalah untuk membuat Islam menjadi

relevan dengan keperluan modenisasi umat Islam. Pada masa itu, Mahathir juga mempelawa para intelektual Muslim untuk melakukan pengislaman pengajaran ilmu pengetahuan alam di sekolah-sekolah dan memberlakukan pemakaian buku teks Islam standard ke atas seluruh peringkat pendidikan sampai pengajian tinggi. Mahathir juga menyetujui usaha memperbaiki pelaksanaan pelatihan para guru Islam dan untuk membentuk Yayasan Dakwah Islamiah. Usaha ini terus berlanjut dengan ditubuhkannya Pusat Penelitian Islam Asia Tenggara; penetapan pengetahuan agama Islam sebagai materi ujian di tingkat Sijil Pelajaran Malaysia; penetapan secara resmi bulan dakwah; penubuhan Sekolah Guru Islam; penubuhan Universiti Islam International, IKIM, dan mewajibkan tamadun Islam sebagai mata kuliah wajib di seluruh perguruan tinggi Malaysia (Hussin Mutalib, 1996: 195).

Gagasan dan seruan Mahathir agar para intelektual Muslim membantu pengislaman pengajaran ilmu pengetahuan alam di sekolah-sekolah dan pemberlakuan sistem standardisasi buku teks Islam ke atas seluruh peringkat pendidikan sehingga pendidikan tinggi pada tahun 1974 ketika menjadi Menteri Pelajaran (Hussin Mutalib, 1996: 195), serta penekanan yang kuat terhadap penguasaan ilmu sebagai syarat utama bagi kemajuan umat Islam nampaknya didorong dan dipengaruhi oleh teori 'Pengislaman Ilmu' Al-Faruqi. Menurut Al-Faruqi 'Islamisasi Ilmu' bererti pengislaman ilmu pengetahuan moden dengan cara menyusun dan membangun ulang sains sastra, dan sains-sains pasti alam dengan memberikan dasar dan tujuan-tujuan yang selaras dengan Islam. Setiap disiplin harus dituangkan kembali sehingga mewujudkan prinsip-prinsip Islam dalam metodologinya, dalam strateginya, dalam apa yang dikatakan sebagai data-datanya, dan problem-problemnya dan lebih penting lagi adalah

mengungkapkan relevansi Islam sepanjang ketiga poros tauhid, iaitu kesatuan pengetahuan, hidup dan kesatuan sejarah. Ada lima sasaran utama bagi umat Islam untuk meraih kemajuan di bidang ilmu pengetahuan, iaitu penguasaan terhadap disiplin-disiplin moden; penguasaan terhadap khazanah Islam; menentukan relevansi Islam yang spesifik pada setiap bidang ilmu pengetahuan moden; mencari cara-cara untuk melakukan sintesis kreatif antara khazanah Islam dengan khazanah ilmu pengetahuan moden; dan mengarahkan pemikiran Islam kepada pemenuhan pola rancangan Tuhan (Al-Faruqi, 1995).

Aktiviti dakwah pun diambil perhatian lebih. Di mana, di samping penubuhan pelbagai institusi dan kemudahan Islam kerajaan di bawah pemerintahan Mahathir telah mengenakan tipa dakwah yang lebih lebih moderat, toleran dan cocok untuk kepentingan masyarakat Melayu, dengan kemajemukan kelompok-kelompok etnisnya serta jumlah penduduk Islam dan bukan Islamnya yang hampir sama (Shamsul, 2001: 291).

Adapun pandangan Mahathir terhadap *hudud* (hukum Islam terhadap tindak pelanggaran atau pelaku jenayah), yang sebenar tidak menolak, namun menurut Mahathir pelaksanaan dari hukum *hudud* itulah yang harus mengambil kira keadaan dan akibatnya. Sebab tujuan hukum dalam Islam ialah untuk mewujudkan masyarakat Islam yang bahagia, masyarakat yang bebas daripada ketidakadilan (Mahathir, Ucapan Semasa Merasmikan Seminar Undang-Undang Keterangan dan Prosedur Mahkamah di IKIM, pada 14 Oktober 1994). Di samping itu pula, kepatuhan kepada undang-undang yang dipaksakan dan bukan berangkat pada suatu pemahaman yang sebenar bahawa hal yang demikian sememang harus dilakukannya sebagai wujud kesadaran dan kepatuhannya

kepada ajaran agama, pada akhirnya hanya akan melahirkan ritual simbolik, bukan keimanan dan sifat ketakwaan sebagaimana yang dikehendaki semula (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983).

Pemikiran yang kurang lebih sama berhubung dengan pandangan terhadap *hudud* ini dikemukakan pula oleh Asghar Ali Engineer (1999: 258). Menurutnya *hudud* boleh diterapkan dan hanya diberlakukan apabila prinsip-prinsip seperti keadilan distribusi kekayaan dan kesejahteraan, persamaan hak antar manusia, kesetaraan antara laki-laki dan wanita sudah wujud dalam masyarakat. Bahkan, prinsip-prinsip tersebut telah menjadi pola hidup sehari-harinya, iaitu dalam masyarakat yang telah menerapkan keadilan distribusi kekayaan dan kesejahteraan, persamaan hak, kesetaraan jenis jantina dan keadilan secara umum. Tetapi, apabila prinsip-prinsip ini belum wujud lagi, maka *hudud* tidak boleh diterapkan. Selain daripada itu, kalau pun diterapkan maka *hudud* hanya boleh diterapkan di dalam dan untuk masyarakat Islam, kerana semuanya orang-orang Islam, namun *hudud* akan mendatangkan masalah dan kemalangan apabila diterapkan di dalam masyarakat yang berbilang kaum (*plural*).

Demikianlah, pada prinsipnya semua usaha yang dilakukan oleh pemerintahan Mahathir dalam memajukan Islam di Malaysia bertujuan menjayakan Islam dengan beberapa hujah, bahawa di bawah Mahathir, dukungan pemerintah terhadap Islam di Malaysia berlangsung lebih dari sekadar dukungan simbolik; pembangunan masjid-masjid, Pusat Islam, Bank Islam, Universiti Islam, Pegadaian Islam, Asuransi Islam, penyelenggaraan peraduan

baca dan hafal al-Quran, perayaan upacara-upacara keislaman dan berbagai peristiwa penting lainnya, akan tetapi menunjukkan bahawa Mahathir adalah seorang pendukung Islam yang berani dan juga seorang ahli politik yang sangat cerdas (Hussin Mutalib, 1995: 193). Tambah lagi, Mahathir yang secara peribadi tertarik pada soal-soal politik mahasiswa dan evolusi gerakan dakwah dan kedalaman pengetahuannya tentang kedua perkara tersebut, Mahathir mampu membangun kembali aspek-aspek sosiopolitik negara terutama dalam merespons tantangan Islam pada umumnya dan gerakan dakwah pada khususnya. Tentu saja, sumbangan Mahathir sangat besar dalam hal ini (Shamsul, 2001: 295).

Upaya dan gagasan Mahathir terhadap perubahan masyarakat Islam tampak pula pada huraian-huraian mendalam dalam buku *Dilema Melayu* yang diterbitkan pertama kali pada tahun 1970. Dalam buku ini Mahathir menghuraikan beberapa sebab dan hal terkait dengan kemunduran masyarakat Melayu. Antara punca kemunduran orang Melayu ialah faktor baka dan alam sekitar.

Berkenaan dengan faktor baka dan alam sekitar ini Mahathir menyatakan beberapa pandangannya. Satu perkara yang telah diterima umum ialah faktor keturunan memainkan peranan penting dalam perkembangan sebuah kaum Mahathir (2008a: 28). Alam sekitar turut memainkan peranan penting dalam membentuk diri seseorang, keluarganya dan kaumnya. Di samping faktor keturunan, alam sekitar juga merupakan faktor penting dalam membentuk perkembangan manusia dari segi fizikal, mental dan psikologi (Mahathir, 2008: 31). Kesan keturunan dan alam sekitar ke atas manusia adalah saling berkaitan serta saling menyokong antara satu sama lain. Perkembangan sesebuah

keluarga atau kaum hendaklah mengikuti garis-garis yang telah ditetapkan oleh keadaan alam sekitar dan juga oleh penyaluran ciri-ciri ibu bapa kepada anak-anaknya (Mahathir, 2008a: 32). Iklim negeri ini yang panas dan lembab juga tidak begitu menggalakkan bagi kerja-kerja yang berat ataupun daya pemikiran yang lebih aktif. Oleh itu, penduduknya, kecuali sebilangan kecil, lebih suka duduk rehat atau berbual dengan jiran tetangga dan rakan-rakan mereka. Kegiatan pertanian tidak menggalakkan tumbuhnya sebuah masyarakat yang besar (Mahathir (2008a: 34). Orang Melayu yang selama ini lemah disebabkan Pengaruh keturunan dan alam sekitar tidak berupaya untuk menghadapi cabaran para pendatang (Cina) hingga terpaksa mengalah. Apa sahaja yang boleh dilakukan oleh orang Melayu, orang Cina boleh lakukannya, tetapi dengan lebih baik dan lebih mudah. Lama kelamaan pendatang Cina yang mempunyai keazaman yang kuat dan rajin bekerja, mula mengambil tempat perniagaan kecil dan semua kerja mahir yang dahulunya diusahakan oleh orang Melayu (Mahathir (2008a: 38). Azam orang Melayu untuk maju yang memang tidak begitu kuat kerana kurangnya hubungan dengan dunia luar, jadi semakin tipis. Lama kelamaan mereka ketinggalan di belakang di dalam menyesuaikan diri dengan perubahan masa (Mahathir, 2008a: 42).

Selain daripada faktor baka dan alam sekitar sebagai punca kemunduran orang Melayu, punca yang lainnya menurut Mahathir adalah berkaitan dengan tatasusila dan sistem nilai. Kerana konsep-konsep nilai dan tatasusila adalah saling terkait rapat. Tatasusila sangat dipengaruhi oleh agama atau tafsiran agama, maka ini bererti bahawa nilai-nilai juga sangat rapat hubungannya dengan kepercayaan agama. Masalahnya adalah tafsiran agama berbeza-beza bukan sahaja mengikut individu, malahan juga mengikut usia dan masa, bahkan

juga negara. Oleh sebab itu, pemahaman daripada sistem tata nilai dan tatasusila orang Melayu merupakan syarat mutlak untuk merancang masa hadapan mereka (Mahathir, 2008a: 180).

Mahathir juga mengkritik beberapa sikap orang Melayu yang dianggap lemah jika dibandingkan dengan kaum-kaum yang telah maju. Sikap ini dianggap oleh Mahathir sebagai punca kemunduran orang Melayu yang harus diubah agar mereka bisa bersaing dan setanding dengan kaum yang lain. Sikap dimaksud yang telah disenaraikan pula oleh Khoo Boo Teik (1995), antaranya adalah: (1) Orang Melayu santai dan toleran (2) Orang Melayu menghargai nyawa tetapi nampaknya tidak menghargai sepenuhnya apa yang dikatakan nyawa dan tujuannya; (3) Walaupun orang Melayu pada lahirnya menghargai kehidupan, tetapi nampaknya tidak tahu apa yang sepatutnya dilakukan dengan kehidupan; (4) Hidup dikaitkan dengan masa. Hidup bererti berada untuk satu jangka masa. Oleh itu, hidup dan masa tidak dapat dipisahkan, jika kehidupan ini dihargai, maka masa juga haruslah dihargai. Malangnya, hubungan antara hidup dengan masa nampaknya tidak dihargai oleh orang Melayu; (5) Mengabaikan masa boleh dilihat sebagai cara bagaimana masa disia-siakan; duduk-duduk sahaja, minum kopi atau berbual. Apabila tidak ada kesedaran terhadap masa (dan waktu), maka tidak adalah perancangan dan pelaksanaan kerja tidak boleh diharapkan. Padahal, jadual waktu merupakan bahagian penting dalam kehidupan manusia moden; (6) Meskipun diterima hakikat bahawa ajal itu sudah ditakdirkan, namun kesedaran bahawa dia akan mati tentu memeranjatkan juga orang Melayu. Kesedaran ini, biasanya datang apabila seseorang itu mencapai usia 35 atau 40 tahun. Seringkali dia menjadi pendiam dan enggan bersungguh-sungguh untuk mencari kebahagiaan hidup di dunia. Bahkan berusaha untuk

berubat pun tidak dilakukan seperti sewajarnya apabila sakit teruk; (7) boros dan tidak pandai berjimat. Ini terkesan dari upacara pengkebumian dan peringatan secara besar-besaran, padahal ajaran Islam melarang hal yang demikian; (8) Tanah menguasai cara berfikir orang Melayu dan hartalah yang kerap menimbulkan perbalahan. Perbalahan begini lazimnya menjadi isu yang penuh emosi; (9) Orang Melayu kurang Berjaya dalam perniagaan kerana mereka tidak faham tentang kemampuan wang dan suka mengaut untung cepat; (10) Sifat orang Melayu yang terlalu tertib dan terlalu sopan santun menyebabkan jarang lahir sifat terus terang. Sikap yang terlalu sopan dan lemah lembut tidak akan wujud tanpa merendahkan diri Akibat daripada sikap menahan diri orang Melayu selalunya disalahertikan; (11) Menahan diri dan hasrat tidak suka menyakitkan hati orang lain tidaklah akan melahirkan masyarakat yang agresif (Mahathir, 2008a: 104; 187-197).

Dari beberapa sikap orang Melayu yang telah dianalisis oleh Mahathir di atas, semamangnya ada beberapa di antaranya yang bercanggahan dengan ajaran Islam. Misalnya, Islam sebagai agama yang sempurna telah memerintahkan umatnya untuk menghargai masa dan waktu (QS. al-‘Ashr: 1-3);<sup>3</sup> kerja keras (QS. al-Taubah: 105);<sup>4</sup> berjimat (QS. al-Israa’: 26-27);<sup>5</sup> tidak bercerai-

---

<sup>3</sup>QS. al-‘Ashr ayat 1-3 bermakna: *“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal shaleh dan nasihat menasihati supaya menaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran”*.

<sup>4</sup>QS. al-Taubah ayat 105 bermakna: *“Dan katakanlah: “Bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui akan yang gaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan”*.

<sup>5</sup>QS. al-Israa’ ayat 26-27 bermakna: *“Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan; dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara boros. Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya”*. .



berai dan bercanggahan (QS. Ali Imran: 103 dan 105);<sup>6</sup> bersatu dan bersaudara (QS. al-Hujuraat: 10);<sup>7</sup> memiliki semangat dan motivasi yang tinggi (QS. Ali Imran: 139),<sup>8</sup> dan lain-lain.

Berhubung, dengan pelbagai sikap dan problem yang dihadapi oleh masyarakat Islam Melayu, hal terpenting adalah bahawa Mahathir juga menawarkan solusi sekaligus mengagagas agar masyarakat Melayu bangkit dari kemunduran dari kelemahan mereka dengan menyedari bahawa punca dari kemunduran dan kelemahan itu adalah bersumber dari diri mereka sendiri (Rahimin Affandi, 2005). Oleh itu, semestinya mereka kata Mahathir lebih memperkuat pegangan terhadap Islam; tidak sempit pandangan terlebih dalam menafsirkan ajaran agama; meningkatkan persatuan dan persaudaraan di antara sesama umat Islam; membudayakan sifat saling menolong dan bekerjasama; menyedari dan menjauhkan diri bersengketa dan berbantahan sesama sendiri; untuk kemajuan dan kesejahteraan hidup mereka, bahkan juga negara. Mahathir yakin, apabila mereka memahami ajaran agama secara benar dan meningkatkan etos kerja yang sesuai maka mereka pun boleh mencapai kemajuan sebagaimana yang dicapai oleh masyarakat lain.

---

<sup>6</sup>QS. Ali Imran ayat 103 dan 105 bermakna: *“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliah) bermusuh musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena nikmat Allah orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk”*. *“Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat siksa yang berat”*.

<sup>7</sup>QS. al-Hujuraat ayat 10 bermakna: *“Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara karena itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat”*.

<sup>8</sup>QS. Ali Imran ayat 139 bermakna: *“Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi (derajatnya), jika kamu orang-orang yang beriman”*.

Mahathir mahu melihat masyarakat Melayu yang dinamik, *progress*, memiliki pola pikir kritikal dan mampu menerapkan nilai-nilai Islam dalam bekerja dan beraktiviti sehari-hari serta memandangi hidup sebagai proses untuk meraih kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Pola pikir kritikal yang bercirikan pada pemikiran rasional, kritikal dan dinamik hanya akan terbentuk apabila mereka memiliki kesedaran dan keyakinan bahawa mereka pun boleh melakukan sesuatu sebagaimana yang dilakukan oleh orang lain, asalkan mereka memang menghendaknya dan mau berusaha serta berjuang dengan sungguh-sungguh untuk mencapainya. Kerana, Islam adalah agama yang membebaskan dari kemiskinan, kemunduran, kelemahan dan ketidakberdayaan. Islam menyerukan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Dalam konteks yang lain, Islam dalam pandangan Mahathir Islam adalah agama yang *syumul* (lengkap, menyeluruh), agama yang mengajarkan *tawazun* (keseimbangan), agama yang mendorong kepada *progresif* (kemajuan), agama yang bersifat rasional, agama yang bersifat kritikal dan agama yang mengandungi toleransi. Pandangan ini selari dengan pandangan Syed Quthub tentang agama Islam dalam bukunya *Khashaishu al-Tashawwuril Islami wa Muqawamatuhu*. Menurut Quthub (1988: 57) Islam adalah akidah yang fitrah, tempat bersumbernya tingkahlaku dalam masyarakat dan menjadi sistem kehidupan manusia yang praktis dan sempurna. Mencakup segala aspek dan kegiatan manusia dalam kehidupannya, baik kehidupan keluarga, kemasyarakatan maupun bernegara. Ia menentukan hukum dan peraturan-peraturan yang berhubungan dengan bidang kehidupan tersebut. Islam merupakan agama yang universal, lengkap, dan mengayomi dalam segala aspeknya, baik hubungan antar makhluk, hubungan dengan Khalik maupun

hubungan dengan alam lingkungan telah diatur oleh Islam dengan lengkap dan sebaik-baiknya. Islam dengan segala kefitrahan dan kelebihan ajarannya telah menyerukan dan menunjukkan kepada manusia jalan keselamatan bagi kehidupan mereka di dunia dan di akhirat, tidak ada juru selamat yang lain yang mampu menyelamatkan hidup manusia kecuali agama Islam.

Sebagai agama yang universal, lengkap, dan mengayomi dalam segala aspeknya, Islam menurut Quthub (1990: 52) memiliki tujuh karakteristik yang tidak dimiliki oleh agama lain, iaitu rabbani, konstan, universal, seimbang, aktif, realiti, dan tauhid.

Yusuf Qardawi dalam bukunya *Khasaais al-Ammah lil Islam* menjelaskan hal yang tidak terlalu jauh berbeza dengan penjeasan Quthub berkenaan dengan karakteristik agama. Menurut Qardhawi ciri-ciri agama Islam dimaksud ada tujuh, iaitu *rabbaniyyah* (Islam bersumber dari Tuhan), *insaniyyah* (Islam untuk manusia), *syumuliah* (Islam agama yang lengkap), *al-waqi'iyah* (Islam agama yang nyata dan dapat diamalkan), *al-wasathiyah* (Islam yang seimbang, baik yang menyangkut pemenuhan terhadap kebutuhan jasmani dan akal fikiran maupun kebutuhan rohani), *al-wudhuh* (Islam agama yang jelas sehingga mudah untuk difahami dan diamalkan), dan *al-jam'u baina ats-tsabat wa al-murunnah* (ajaran Islam adalah ajaran yang permanen dan fleksibel).

Ketujuh karakteristik penting ini tidak terdapat dalam agama lain; karakteristik ini menjadi salah satu sebab mengapa hingga sekarang ini begitu banyak orang yang tertarik kepada Islam sehingga mereka menyatakan diri masuk ke dalam Islam; dan karakteristik ini pula yang menjadi sebab, mengapa

hanya Islam satu-satunya agama yang tidak 'takut' dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Apabila diperbandingan dengan pemikiran-pemikiran tokoh intelektual Islam semasa, seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Rasyid Ridha (Mesir), Hasan al-Banna (Mesir), Muhammad Imarah (Mesir), Asghar Ali Engineer (India) dan lain-lain, apa yang dinyatakan oleh Mahathir tentang persoalan-persoalan yang dihadapi oleh umat Islam, punca penyebab kemunduran Islam dan gagasan-gagasan yang ditawarkan agar umat Islam bangkit dari kemunduran dan kelemahan mereka, juga selari dan tidaklah terlalu jauh berbeza.

Jamaluddin al-Afghani misalnya yang menyerukan agar umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dan menguatkan persatuan umat Islam ('Pan Islamisme') dalam rangka pembaharuan dan kebangkitan Islam pada akhir abad ke-19 di Mesir khususnya dan di dunia Islam umumnya. Sebab, menurut Afghani, kemunduran yang dialami oleh umat Islam di merata negara bukanlah kerana agama Islam tidak sesuai dengan perubahan dan kondisi zaman. Tetapi, kemunduran umat Islam dikarenakan oleh umat Islam itu sendiri yang telah meninggalkan ajaran Islam yang sebenar dan mengikuti ajaran-ajaran yang datang dari luar lagi asing bagi Islam. Tambah lagi dengan penjajahan, perpecahan di kalangan umat Islam, lemahnya persatuan dan rasa persaudaraan, pemerintahan yang absolut, para pemimpin yang khianat, para pentadbir negara yang tidak pakar, dan mengabaikan masalah pertahanan militer. Oleh itu, Afghani menyerukan agar kaum Muslimin menentang imperialisme, meraih kemerdekaan politik dan mengupayakan kembali

kebangunan intelektual umat yang berakar daripada ajaran Islam (Harun Nasution, 1990: 55).

Menurut Mohd. Rumaizuddin (2003: 31), Hasan al-Banna yang merupakan pengasas organisasi *Ikhwan al-Muslimin* (Mesir) menggariskan, antara sebab kemunduran umat Islam ialah (1) Perselisihan dalam politik dan timbulnya semangat perkauman serta perebutan kuasa dan pangkat sedangkan perkara itu amat dilarang oleh agama Islam sebagaimana firman Allah bermaksud, *“dan taatilah Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berselisih yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilangnya kekuatan kamu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta dengan orang-orang yang sabar”*; (2) perselisihan dalam agama dan mazhab sehingga menyeleweng daripada akidah yang sebenar, taasub kepada sesuatu pendapat serta banyak bertengkar tanpa faedah, sebagaimana sabda Rasulullah SAW bermaksud, *“Tidak ada kesesatan yang menimpa sesuatu kaum selepas mendapat petunjuk maka datang kepadanya sesudah itu perbalahan dan perpecahan”*; (3) tenggelam dalam kehidupan yang penuh kemewahan dan hawa nafsu sehingga lupa nikmat Tuhan seperti termaktub dalam surah al-Israa' ayat 16 bermaksud, *“Dan jika Kami hendak membinasakan suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya”*; (4) mengabaikan kepentingan ilmu pengetahuan terutama ilmu berkaitan alam dan menghabiskan masa tanpa faedah. Di samping tenggelam dalam teori falsafah dan ilmu-ilmu khayalan dan khurafat.

Muhammad Rasyid Ridha menyatakan bahawa umat Islam lemah disebabkan mereka tidak lagi mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang murni seperti yang telah dipraktikkan pada masa Rasulullah SAW dan para sahabat. Ajaran Islam telah disimpangkan dan banyak bercampur dengan bid'ah dan khurafat. Oleh itu, apabila umat Islam ingin maju maka mereka harus kembali berpegang kepada al-Quran dan Sunnah. Rasyid Ridha juga membezakan antara persoalan peribadatan dan persoalan muamalah yang sering disalahfahami. Menurutnya masalah peribadatan harus dilaksanakan sesuai dengan tuntutan al-Quran dan Hadis dan tidak berubah meskipun situasi masyarakat terus berubah dan berkembang. Sedangkan masalah muamalah, dasar dan prinsipnya telah diberikan oleh Islam, seperti keadilan, persamaan, keadilan, kejujuran dan hal lain, namun pelaksanaan dasar-dasar itu diserahkan kepada manusia untuk menentukan dengan potensi akal fikiran dan melihat situasi dan kondisi yang dihadapi, sepanjang tidak menyimpang dari prinsip-prinsip dasar ajaran Islam.

Muhammad Imarah (lahir 1931) menegaskan bahawa kebangkitan Islam ialah kesedaran yang menyeluruh kepada umat Islam dan menjadikan umat Islam merdeka yang sebenarnya. Kebangkitan Islam bukanlah sekadar kemerdekaan dari segi fizikal, bukan sahaja kemerdekaan dari segi ekonomi tetapi juga adalah kemerdekaan tamadun (*Istiqlal Hadhar*). Kunci kepada kebangkitan Islam ialah mempelajari isu-isu dan cabaran sejarah dan ketamadunan dalam melawan pemikiran Barat. Perkara yang penting dalam kebangkitan Islam ialah aliran pembaharuan (*Harakah al-Ihya wa al-Tajdid*), iaitu yang bersumberkan kepada pemikiran yang bernas dan memiliki kekuatan sehingga umat dapat membina tamadun yang mampu menyegarkan pemikiran

dan menonjolkan nilai-nilai yang baik dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan serta mampu untuk menangkis serangan Barat (Mohd Rumaizuddin, 2009: 66).

Menurut Asghar Ali Engineer (1999: 99) Islam adalah agama pembebasan, iaitu pembebasan terhadap kemiskinan, ketidakadilan, keterbelakangan, dan sebagainya. Bahkan, Nabi Muhammad SAW sangat membenci kemiskinan, kekurangan, dan kelaparan. Sehingga memerintahkan umat Islam untuk memerangnya. Jika Islam secara serius dianggap sebagai kebaikan dan berdiri sepihak dengan revolusi, kemajuan dan perubahan kata Ali Engineer, maka agama harus dilepaskan dari aspek-aspek pemikiran yang menyokong terhadap penindasan dan ketidakadilan (Ali Engineer, 1999: 32).

Begitu pula apabila diperbandingkan dengan gagasan dan tawaran-tawaran yang dikemukakan oleh pemikir Islam dalaman seperti Syed Naquib Husein al-Attas dengan gagasan 'Pengislaman Ilmu' mengikut kepada Ismail Raji al-Faruqi sebagai prasyarat untuk mencapai kemajuan, pembaharuan dan kebangkitan Islam. Menurut Naquib (1981) bahawa dalam rangka pengislaman ilmu pengetahuan perlu diawali dengan sosialisasi pemahaman secara proporsional tentang hubungan antara ilmu dan agama. Itulah sebabnya menurut Mulyanto (1991) pula, dalam upaya Pengislaman Ilmu tersebut, komitmen terhadap prinsip-prinsip Islam mutlak harus diterapkan, antaranya bahawa ilmu pengetahuan tidak semata diabdikan kepada hal yang bersifat praktikal, tetapi lebih dari itu dioreintasikan pada tujuan memahami eksistensi hakiki alam dan manusia; membebaskan keterjeratan ilmu pengetahuan dari pengaruh sekularisme; dan menjadikan al-Quran sebagai sumber ilmu pengetahuan di samping ayat-ayat tak tertulis (alam persekitaran).

Berikut adalah jadual perbandingan pemikiran Mahathir mengenai kebangkitan Islam dengan tokoh-tokoh pemikir Islam yang lain.

Jadual 7.1

*Perbandingan pemikiran Mahathir mengenai kebangkitan Islam*

No.	Tokoh Pemikir	Konsep Kebangkitan Islam
1.	Jamaluddin al-Afghani	Dalam rangka pembaharuan dan kebangkitan Islam, umat Islam mesti kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dan menguatkan persatuan umat Islam ('Pan Islamisme').
2.	Muhammad Rasyid Ridha	Umat Islam lemah disebabkan mereka tidak lagi mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang murni dan ajaran Islam telah disimpangkan dan banyak bercampur dengan bid'ah dan khurafat.
3.	Muhammad Imarah	Kunci kepada kebangkitan Islam ialah mempelajari isu-isu dan cabaran sejarah dan ketamadunan dalam melawan pemikiran Barat melalui gerakan pembaharuan.
4.	Asghar Ali Engineer	Melakukan gerakan pembebasan, iaitu pembebasan terhadap kemiskinan, ketidakadilan, keterbelakangan, dan sebagainya.
5.	Syed Naquib Husein al-Attas	Pengislaman Ilmu' merupakan syarat untuk mencapai kemajuan, pembaharuan dan kebangkitan Islam.
6.	Mahathir	Punca dari kemunduran dan kelemahan masyarakat Islam itu adalah bersumber dari diri mereka sendiri;  Memperkuat pegangan terhadap Islam; tidak sempit pandangan terlebih dalam menafsirkan ajaran agama; meningkatkan persatuan dan persaudaraan sesama umat Islam; membudayakan sifat saling menolong dan bekerjasama; menyedari dan menjauhkan diri dari bersengketa dan berbantahan sesama sendiri.



Bagaimana gagasan dan pemikiran kelslaman Mahathir dibandingkan dengan gagasan pemikiran yang dimunculkan oleh pemikir Islam seperti Jamaluddin al-afghani atau pemikir Islam serantau (dari Indonesia) lainnya, seperti Abdurrahman Wahid (1940-2009), Munawir Sjadzali (1925-2004), M. Amien Rais (lahir 1944), mahupun Harun Nasution (1919-1995).

Menurut Abdurrahman Wahid (yang popular dengan nama panggilan 'Gus Dur'), pemahaman dan pengamalan ajaran agama Islam penting untuk mempertimbangkan berbagai pengaruh tradisi tempatan, yang disebutnya dengan gagasan 'Pribumisasi Islam'. Meskipun demikian, mesti diperhatikan bahawa dalam proses pribumisasi dimaksud tidak boleh terjadi percampuran antara Islam dan budaya lokal. Maknanya, walau Islam difahami dengan mempertimbangkan konteks-konteks lokal, tetapi ciri Islam harus tetap dipertahankan dalam bentuknya yang paling asli. Misalnya membaca ayat-ayat al-Quran manakala bersembahyang harus diucapkan dalam bahasa Arab sesuai dengan bacaan yang sebenar (Bahtiar Effendi, 2008).

Munawir Sjadzali dengan gagasan 'Reaktualisasi Islam', menawarkan perlunya menafsirkan ulang ajaran Islam untuk menjawab tantangan zaman (Kusmana, 2004: 61), misalnya di bidang hukum. Menurut Munawir para pemikir Muslim mesti melakukan ijtihad secara jujur dan adil, agar Islam terasa lebih responsif terhadap keperluan-keperluan sebenar masyarakat (Kusmana, 2004: 61; Bahtiar Effendi, 2008; Masnun Tahir, 2009). Kerana, ijtihad menurut Munawir merupakan wujud kegiatan akal untuk berfikir, yang *inherent* dengan inti ajaran Islam sendiri (al-Quran maupun Hadis). Ijtihad bukan lahir dari proses sejarah sebagaimana terjadi di Barat, tetapi lebih dikeranakan oleh dorongan dan

perintah al-Quran dan Hadis agar manusia mempergunakan fikirannya dalam menghadapi problema kehidupan. Oleh itu, penggunaan ijtihad tidak terbatas wilayahnya, baik terhadap persoalan-persoalan yang tidak ada ketentuan hukumnya dalam al-Quran dan Hadis mahupun terhadap persoalan-persoalan yang sudah ada ketentuan dalam nash. Munawir mengajukan sebuah proposisi tentang perlunya ukuran-ukuran yang tepat untuk memahami ajaran Islam. Percaya akan dinamika dan vitalitas hukum Islam, Munawir menyatakan bahawa para pemikir Muslim mesti berani melakukan proses reaktualisasi terhadap ajaran Islam. Hal ini dimaksudkan agar artikulasi keislaman umat Islam lebih sesuai dengan situasi dan kondisi semasa yang mengitarinya (Bahtiar Effendi, 2008).

Amien Rais (1987, 1998: 108) dengan gagasan 'Tauhid Sosial', menyatakan bahawa setiap orang Islam mesti mewujudkan dan mengintegrasikan rasa keimanan atau ketauhidannya (pengesaan Allah secara mutlak) dalam kehidupan sosial. Kerana, dalam pandangan Islam, Tauhid bukan sekadar mengenal dan memahami bahawa pencipta alam semesta ini adalah Allah; bukan sekadar mengetahui bukti-bukti rasional tentang kebenaran wujud dan keesaan Allah, dan bukan pula sekadar mengenal asma dan sifat-sifat Allah, tetapi yang paling pokok dari hal tersebut adalah bagaimana agar sikap ketauhidan ini dapat menyemangati kehidupan untuk wujudnya kesalehan individu dan kesalehan sosial seorang Muslim. Kerana itu, Tauhid Sosial menurut Amien Rais menghendaki wujud nyata dari keimanan seorang Muslim agar ia bersifat peka (*sensitive*) terhadap pelbagai persoalan sosial yang muncul di persekitarannya, sehingga berupaya untuk ikut menyelesaikannya. Apabila Tauhid Sosial terintegrasi dalam pola pikir umat Islam dan dapat diwujudkan di

kehidupan masyarakat sehari-hari, maka ianya akan memberikan impak yang positif, iaitu wujudnya *manusia-tauhid* yang mampu berfikir secara arif dengan berlandaskan kepada tauhid dan syariah.

Harun Nasution dengan 'Teologi Rasional atau Islam Rasional' yang menghendaki agar umat Islam dalam menyikapi masalah dan memahami ajaran agama secara rasional, bukan dengan cara taklid buta dan fanatik (taasub) kepada pemikiran dan aliran tertentu sahaja. Menurut Harun, ini dikeranakan dalam al-Quran hanya memuat sebagian kecil ayat ketentuan-ketentuan tentang iman, ibadah, hidup bermasyarakat, serta hal-hal mengenai ilmu pengetahuan dan fenomena alam. Dalam al-Quran ada dua bentuk kandungan, iaitu *qath'iy* dan *zhanniy*. Qath'iy adalah ayat-ayat al-Quran yang sudah jelas maksudnya, sehingga tidak lagi dibutuhkan interpretasi. *Adapun* zhanniy adalah ayat-ayat al-Quran yang maksudnya masih belum jelas sehingga menimbulkan interpretasi yang berbeza. Dalam konteks inilah dibutuhkan akal yang dapat menimbang, memahami dan memikirkan tentang semua hal tersebut. Kerananya, keabsolutaan wahyu sering dipertentangkan dengan kerelatifan akal. Oleh itu, Harun sangat menekankan sekali pentingnya ijtihad, tidak hanya berkenaan dengan persoalan muamalah, tetapi juga persoalan-persoalan tentang teologi atau ketuhanan (Harun Nasution, 1986: 37-38).

Membandingkan konsep dan gagasan pemikiran yang telah dikemukakan oleh masing-masing pemikir Islam di atas dalam rangka pembaharuan dan kebangkitan Islam, Jazilus Sakhok (2007) yang menulis makalah bertajuk *Islam di Indonesia dan Malaysia: Ke Arah Mempromosikan Islam yang Moderat* menamakan gagasan pembaharuan Islam yang dikemukakan oleh Mahathir

sebagai 'Islam Peradaban', iaitu suatu gagasan dan keinginan untuk membangun Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang responsif terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi dengan pelbagai projek besarnya (*mercusuar*). Gagasan Mahathir tentang Islam Peradaban ini kemudiannya diteruskan oleh Abdullah Ahmad Badawi yang mengemukakan konsep tentang 'Islam Hadhari' yang juga mengembangkan sifat moderat dan responsif terhadap dunia moden.

Senada dengan Jazilus Sakhok, dalam artikelnya bertajuk *Usaha Umno Jayakan Konsep Islam Hadhari*, Astora Jabat (2004) telah pula menulis bahawa Islam Hadhari sebagaimana yang disampaikan oleh mantan Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi bukanlah agama baru. Islam Hadhari bukan ajaran baru. Islam Hadhari bukannya mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas-kepada fundamental. Asas dan fundamental menurut yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam. Islam Hadhari jika ditafsir secara ikhlas-jika difahami secara jelas, sama sekali tidak akan memesongkan mana-mana umat Islam daripada asas akidah. Ini bererti selari dengan Islam fundamental Mahathir Mohamad, kata Astora Jabat (2004).

Berikut adalah jadual perbandingan model pemikiran Mahathir dengan pemikiran tokoh-tokoh lainnya mengenai gagasan pembaharuan Islam.

## Jadual 7.2

*Perbandingan pemikiran Mahathir mengenai gagasan pembaharuan Islam*

No.	Tokoh Pemikir	Model Pembaharuan Islam
1.	Jamaluddin al-Afghani	'Pan Islamisme', iaitu gagasan dan upaya untuk menyatukan umat Islam dalam satu gerakan yang sama.
2.	Abdurrahman Wahid	'Pribumisasi Islam', iaitu mempertimbangkan berbagai pengaruh tradisi tempatan tanpa harus mencampur Islam yang sebenar dengan tradisi masyarakat tempatan.
3.	Munawir Sjadzali	'Reaktualisasi Islam', iaitu pentingnya menafsirkan ulang ajaran Islam untuk menjawab tantangan zaman dengan cara berijtihad secara jujur dan adil, agar Islam terasa lebih responsif terhadap keperluan-keperluan sebenar masyarakat, misalnya di bidang hukum.
4.	M. Amien Rais	'Tauhid Sosial', iaitu gagasan yang menyatakan bahawa setiap orang Islam mesti mewujudkan dan mengintegrasikan rasa keimanan atau ketauhidannya (pengesaan Allah secara mutlak) dalam kehidupan sosial.
5.	Harun Nasution	'Teologi Rasional atau Islam Rasional', iaitu gagasan yang menghendaki agar umat Islam dalam menyikapi masalah dan memahami ajaran agama secara rasional, bukan dengan cara taklid buta dan fanatik (taasub) kepada pemikiran dan aliran tertentu sahaja.
6.	Mahathir	'Islam Peradaban', iaitu suatu gagasan dan keinginan untuk membangun Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang responsif terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi dengan pelbagai projek besarnya.

Menurut Hussin Mutalib (1995: 185), Mahathir adalah seorang pemikir yang berfaham moderat apabila beliau menyatakan bahawa kesedaran Mahathir terhadap posisinya sebagai seorang pemimpin dari koalisi pemerintahan yang multi etnis, tidak ada alternatif lain baginya kecuali menganut pendirian yang bersifat 'moderat'. Perubahan sikapnya ini tidak hanya dipengaruhi oleh pragmatisme dan kecerdasannya dalam berpolitik, tetapi juga sesuai dengan visi dia tentang negara Malaysia yang moden.

Menurut Zainah Anwar (2002: 96-97) Mahathir yang selalu kritikal terhadap kelompok Islam tradisional telah menampilkan dirinya sebagai pemimpin yang moden yang mempunyai komitmen terhadap pengembangan 'Islam progresif' dalam rangka menghadapi cabaran dunia yang makin kompetitif, terindustrialisasi dan mengalami globalisasi. Tambah lagi, Kharisma Anwar dan kemampuannya sebagai seorang pemimpin gerakan Islam menyakinkan para mahasiswa di universiti-universiti dan para anggota pelbagai kelompok Islam untuk mendukung UMNO (Mahathir) dan visi Islamnya yang progresif. Sedangkan sebahagian besar ulama-ulama tradisional tidak setuju dengan visi Islam progresif Mahathir.

Berikutnya, berdasarkan kerangka teori tipologi atau taksonomi kelompok pemikir Islam yang diperincikan oleh Fazlur Rahman yang membagi pemikir Muslim kepada empat kelompok, iaitu revivalisme pra-modenis, modenisme klasik, neo-revivalisme, dan neo-modenisme, maka Mahathir boleh dikata masuk sebagai kelompok pemikir yang keempat, iaitu 'pemikir moden' atau 'neo-modenis'. Kelompok pemikir neo-modenisme menurut Fazlur Rahman adalah kelompok pemikir Islam yang berusaha untuk mengembangkan sikap kritikal

terhadap Barat, faham, peradaban maupun warisan-warisan kesejarahannya sekaligus merombak kembali asal-usul dan pengembangan keseluruhan tradisi Islam. Caranya adalah dengan merekonstruksi pendekatan dan pentafsiran al-Quran dan Sunnah Rasul SAW, sehingga umat Islam tidak ketinggalan zaman. Oleh itu, umat Islam harus dapat membezakan secara kritikal antara Islam normatif dan Islam historis. Kemudian dalam memahami al-Quran perlu pula dibezakan aspek ideal moral (sebagai tujuan) dengan ketentuan legal-spesifik, kapan dan di mana aspek ideal moral yang lebih pantas diterapkan. Dalam ertikata lain, kelompok neo-modernisme ingin mengkonstruksi kembali kekayaan tradisi Muslim lalu mengemasnya secara metodologis untuk kemudian disesuaikan dengan perkembangan zaman.

Berbeza dengan Fazlur Rahman, menurut Khudori Soleh (2003: 1), ada lima trend besar yang dominan dari perkembangan pemikiran Islam kontemporari, iaitu, kelompok pemikiran fundamentalis, tradisionalis, reformis, postradisionalis dan modenis.

Pertama, fundamentalis ialah kelompok pemikiran yang sepenuhnya percaya bahawa doktrin Islam adalah satu-satunya alternative bagi kebangkitan Islam dan manusia. Kelompok ini biasanya dikenal sangat committed pada aspek religious budaya. Bagi mereka, Islam telah mencakupi seluruh aspek kehidupan, sehingga tidak memerlukan segala teori dan pendekatan dari luar, apalagi kaedah Barat. Garapan utamanya adalah menghidupkan kembali Islam sebagai agama, budaya dan sekaligus peradaban dengan menyerukan untuk kembali pada sumber asli ajaran Islam, yakni al-Quran dan Sunnah dan mengamalkan ajaran Islam sebenar sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan

*Khalifah al-Rasyidin*. Sunnah-sunnah Rasul harus dihidupkan kembali dalam kehidupan moden dan itulah asas dari kebangkitan Islam. Para pemikir Islam yang mempunyai kecenderungan tersebut antaranya Syed Quthub, Muhammad Quthub, Al-Maududi, Said Hawa, Anwar Jundi dan Ziauddin Sardar.

Kedua, tradisionalistik (salaf), iaitu model kelompok pemikiran yang berusaha untuk berpegang kepada tradisi-tradisi yang telah mapan. Bagi mereka, segala persoalan umat Islam telah diselesaikan secara tuntas oleh para ulama terdahulu. Sehingga, tugas umat Islam sekarang hanyalah menyatakan kembali atau merujuk dari padanya. Perbezaan kelompok ini dengan fundamentalis terletak terhadap penerimaannya pada tradisi. Apabila kelompok fundamentalis membatasi tradisi yang diterima hanya sampai pada Khalifah al-Rasyidin dan samasekali menolak modenitas, sedangkan tradisionalis melebarkan sampai pada generasi *salaf al-shalih* dan tidak menolak pencapaian modenitas. Menurut mereka, apa yang diciptakan oleh modenitas, sains dan teknologi semasa tidak lebih daripada apa yang pernah dicapai umat Islam pada masa kejayaan dahulu. Oleh itu, tidak menjadi persoalan untuk mengadopsi peradaban dari luar, setelah sebelumnya diIslamisasikan. Maknanya, Islamisasi dalam segala aspek kehidupan merupakan agenda utama mereka. Mulai dari persoalan etika sehingga ilmu pengetahuan dan landasan epistemologinya yang akan diserap dan diamalkan harus diIslamkan. Kecenderungan pemikiran seperti ini antaranya dapat dijumpai pada pola pemikiran Husien Nasr, Murtadha Muthahari, Ismail Raji al-Faruqi dan Naquib al-Attas. Nasr misalnya, selalu menekankan pentingnya menengok kembali warisan khazanah keilmuan Islam klasik yang telah dibangun oleh Al-Farabi, Ibnu Sina, Ibnu Rusyd, Suhrawardi dan lainnya.



Ketiga, reformistik yakni kelompok pemikiran yang berusaha merekonstruksi ulang warisan-warisan budaya Islam dengan cara memberi tafsiran-tafsiran baru. Menurut kelompok ini, umat Islam sesungguhnya telah mempunyai budaya dan tradisi (*turats*) yang bagus dan mapan. Namun, tradisi-tradisi tersebut harus dibangun kembali secara baru dengan kerangka moden dan prasyarat rasional agar boleh tetap *survive* dan diterima dalam kehidupan moden semasa. Kerana itu, kelompok ini berbeza dengan kalangan pemikir tradisional yang tetap menjaga tradisi masa lalu seperti sedianya. Kecenderungan pemikiran seperti ini antaranya dapat dijumpai pada pemikir-pemikir reformis seumpama Hassan Hanafi, Asghar Ali Engineer, Bint al-Syathi, Muhammad Imarah, Muhammad Khalafallah dan Hasan Nawab. Menurut Hassan Hanafi misalnya, rekonstruksi adalah pembangunan kembali warisan-warisan Islam berdasarkan spirit modenitas dan kebuntuan solusi atas persoalan persoalan umat Islam kontemporari.

Keempat, postradisionalistik iaitu kelompok pemikiran yang berusaha mendekonstruksi warisan-warisan budaya Islam berdasarkan standard-standard modenitas. Kelompok ini pada satu sisi tidak berbeza dengan kelompok reformistik, iaitu sama-sama mengakui bahawa warisan tradisi Islam tetap berkesesuaian untuk masa moden, apabila ia dibaca, diinterpretasi dan difahami sesuai dengan standard modenitas. Tetapi, bagi pemikir postradisionalistik tradisi Islam tersebut tidak cukup hanya dengan interpretasi baru lewat pendekatan rekonstruktif, namun harus pula melalui kaedah dekonstruktif. Maknanya, menurut kelompok postradisionalistik seluruh bangunan pemikiran Islam masa dahulu (*turats*) harus dirombak dan dibongkar melalui kajian dan analisis mendalam. Tujuannya agar segala yang dianggap absolut berubah menjadi

relative dan yang ahistoris berubah menjadi historis. Kecenderungan pemikiran dekonstruktif ini nampak pada tokoh-tokoh seperti Mohammed Arkoun (lahir 1928), Al-Jabiri, Mohammed Syahrour, Abdullah Ahmed al-Naim (lahir 1946), Nasr Hamid Abu Zayd (lahir 1943), dan lain-lain.

Kelima, modenistik iaitu kelompok pemikiran yang hanya mengakui sifat rasional-ilmiah dan menolak cara pandang agama serta kecenderungan mistik yang tidak berdasarkan nalar praktis. Menurut kelompok ini, agama dan tradisi masa lalu sudah tidak relevan lagi dengan tuntutan zaman sehingga ia harus dibuang dan ditinggalkan. Karakter utama gerakan kelompok ini ialah keharusan untuk berfikir kritikal dalam persoalan-persoalan kemasyarakatan dan keagamaan, penolakan terhadap sikap *jumud* (kesempitan dan kebakuan pemikiran), dan taklid. Antara mereka yang termasuk dalam kelompok umumnya ialah pemikir Muslim yang banyak mengkaji dan dipengaruhi oleh aspek intelektualitas pemikiran Marxisme, antaranya ialah Abdullah Arwi, Kassim Ahmad, Fuad Zakaria dan Zaki Nadjib Mahmud. Abdullah Arwi (Maroko) misalnya sangat mempercayai akurasi metode historisisme. Abdullah Arwi menyatakan bahawa turats adalah suatu bentuk tradisi yang harus ditinggalkan, kerana umat Islam tidak akan maju selama cara berfikir dan orientasi pemikiran mereka masih ke masa lalu. Semestinya, umat Islam berfikir kritikal dan historis (*historisisme*) sepertimana pemikiran Marxisme dengan teori dialektika historisnya. Kerananya, Abdullah Arwi menolak pendekatan yang dilakukan oleh kaum tradisionalistik (*salaf*) dan juga sekuler, kerana kedua faham ini bersifat ahistoris, tidak kreatif dan tidak berhasil membangun peradaban Islam. Menurutnya, kaum salaf bersalah kerana menempatkan tradisi pada posisi yang sakral dan hendak menjadikan masa lalu sebagai model kemajuan. Padahal

realitinya, masa kini jelas berbeza dengan masa lalu. Sedangkan kaum sekular bersalah kerana berlaku eklektis dengan memilih-milih unsur-unsur dari Barat dan hendak menjadikan Barat sebagai model kemajuan.

Berdasarkan tipologi yang dirumuskan Khudori Soleh di atas, ada beberapa gagasan Mahathir yang selari dengan pemikiran kelompok fundamentalis, misalnya seruan kepada umat Islam untuk kembali kepada dasar semula ajaran Islam, iaitu al-Quran dan Hadis dan mengamalkannya secara benar; pemikiran tradisionalistik yang tidak mempersoalkan modenitas atau pun pengadopsian sistem dari luar untuk kemajuan Islam selama tidak bertentangan dengan Islam; pemikiran reformistik yang menghendaki pemahaman kembali terhadap tradisi warisan Islam dan memberinya penafsiran-penafsiran yang sesuai dengan perkembangan dan persoalan semasa; dan pemikiran postradisionalistik yang menggesa agar warisan peradaban Islam dibongkar, dirombak dan disusun ulang mengikut kepada kajian dan analisis yang mendalam. Namun, secara khas sebagaimana yang boleh diamati dari pelbagai ucapan yang disampaikan dan mengikut kepada latar belakang pendidikannya di bidang sains perubatan yang terbiasa dalam tradisi berfikir rasional, ilmiah dan berdasarkan kepada kaedah-kaedah sains-ilmiah, pemikiran Mahathir nampaknya lebih cenderung kepada kelompok modenistik yang mengakui sifat rasional-ilmiah dan menolak cara pandang agama serta kecenderungan mistik yang tidak berdasarkan nalar praktis. Ciri dan agenda utama kelompok ini adalah upaya membangun budaya berfikir kritikal terhadap persoalan-persoalan kemasyarakatan dan keagamaan serta penolakan terhadap sikap jumud, taklid atau taasub.

Charles Kurzman (2001) dengan menggunakan enam parameter, yaitu (1) persoalan berkenaan dengan masalah politik, yaitu tentang sistem atau bentuk pemerintahan dan hubungan antara Islam dan negara; (2) persoalan yang menyangkut hak-hak kaum perempuan; (3) persoalan yang berkaitan dengan hak-hak orang bukan Islam yang hidup di negara Islam yang majoriti penduduknya Islam; (4) menyangkut hubungan antar agama yang berbeza; (5) masalah kebebasan berfikir atau kebebasan berpendapat; dan (6) penyikap terhadap progresifitas atau kemajuan, telah membagi pemikir Islam ke dalam tiga kelompok ialah kelompok konservatif, kelompok fundamentalis dan kelompok liberal.

Kelompok konservatif ditandai oleh kombinasi kebiasaan-kebiasaan tempatan (tradisional) dan kebiasaan-kebiasaan yang juga dilakukan oleh dunia Islam termasuk penghormatan terhadap tokoh-tokoh tertentu secara berlebihan, pertunjukan-pertunjukan ritual agama dan kekuatan yang mengekspresikan tradisi daerah, amalan-amalan pemujaan. Kelompok fundamentalis atau revivalis menyerang interpretasi konservatif yang kurang memberi perhatian terhadap inti pati doktrin Islam Islam sekaligus menghadapi penyimpangan-penyimpangan yang boleh berlaku dalam Islam. Sedangkan kelompok liberal muncul dengan membawa tema memerangi taklid, melakukan ijtihad, menghargai kebebasan berfikir, perdebatan tentang demokrasi, sistem pemerintahan, hak-hak kaum perempuan, gagasan tentang kemajuan, kemodenan, perubahan, dan sebagainya (Kurzman, 2001).

Oleh itu, Menurut Kurzman (2001) istilah 'Islam liberal' pada prinsipnya merupakan satu istilah yang digunakan untuk menjelaskan bahawa Islam adalah

agama bertoleransi, tidak menggunakan kekerasan, lawan bagi unsur fanatisme yang difahami oleh Barat. Kerana, bagi sesetengah pengkaji Barat kekuasaan politik Islam sering dikaitkan bahkan disinonimkan dengan kezaliman dan tradisi Islam disinonimkan dengan kemunduran dan keganasan dan konsep Islam liberal adalah untuk menyanggah pendapat yang *stereotype* tentang Islam tersebut. Sedangkan Luthfi Assyaukani (2007) yang memandang gerakan kebangkitan Islam yang dimulai sejak awal abad ke-19 di hampir seluruh dunia Islam sebagai gerakan liberal menegaskan bahawa istilah liberal bermakna ganda. Pada satu sisi, liberal berarti 'liberasi' (pembebasan) kaum Muslim dari kolonialisme dan penjajahan yang pada saat itu memang menguasai hampir seluruh dunia Islam dan pada sisi lain, liberal berarti liberasi kaum Muslim dari cara-cara berfikir dan berperilaku keberagamaan (faham) yang menghambat kemajuan.

Kurzman (2001) juga menghuraikan tiga aspek utama pembentukan gerakan Islam liberal, iaitu: (1) Hubungan liberalisme dengan sumber-sumber primer Islam, iaitu al-Quran dan Sunnah yang secara bersamaan menetapkan dasar hukum Islam (*liberal shari'a*); (2) Umat Islam bebas mengadopsi sikap liberal dalam hal-hal yang oleh syariat dibiarkan terbuka untuk difahami oleh akal budi dan kecerdasan manusia. Kerana, syariat terkadang tidak memberi jawapan yang jelas mengenai topik-topik tertentu seperti sistem pemerintahan, sehingga terpulang kepada akal untuk menafsirkannya (*silent shari'a*); dan (3) Syariat yang bersifat Ilahiah dijelaskan oleh berbagai penafsiran manusia yang beragam dan boleh berimpak pada konflik dan kekeliruan (*interpreted shari'a*). Oleh itu, maka penafsiran-penafsiran manusia seharusnya tidak disamakan dengan wahyu yang

bersifat Ilahiah, kerana penafsiran manusia dapat keliru, terbatas dan boleh diperdebatkan atau didiskusikan.

Perbezaan faham dan pemikiran dari ketiga kelompok ini sesuai dengan enam parameter Charles Kurzman telah dihuraikan oleh Luthfi Assyaukanie (2007) dalam tulisannya *Pemikiran Islam Modern: Dari Taksonomi (Model) Lama ke Islam Liberal*, seperti berikut.

Pertama, dalam bidang politik kaum konservatif cenderung tak mau tahu atau tak pernah tegas dengan pilihan bentuk negara. Ketidaktegasan atau ketidakmampuan ini kembali kepada sikap keberagamaan mereka yang tidak terbuka dan cenderung protektif terhadap isu-isu perubahan. Adapun kaum fundamentalis, dalam persoalan ini, sering kali bersifat ahistoris, kerana mengambil model negara yang tak pernah memiliki preseden dalam sejarah Islam sendiri. Sedangkan bagi para intelektual liberal, persoalan politik adalah persoalan pendapat (ijtihad) manusia yang harus sepenuhnya disikapi secara manusiawi. Mereka menolak gagasan negara teokrasi atau pemerintahan Tuhan, semata-mata kerana Islam pada dasarnya tidak menekankan ideologi negara, tapi lebih pada penciptaan masyarakat yang adil dan makmur. Sebagai media (*washilah*) untuk membangun masyarakat yang adil dan makmur tersebut, bentuk negara sepenuhnya diserahkan kepada manusia, tak jadi soal apakah bentuknya republik, sosialis, demokratis, atau sistem-sistem lain yang memungkinkan tujuan (*ghayah*) itu tercapai.

Kedua, dalam persoalan menyangkut hak-hak kaum perempuan, pandangan konservatisme mendukung sikap fundamentalisme. Kaum

perempuan selalu dipandang sebagai makhluk nombor dua yang tak banyak bisa diandalkan. Kalangan konservatif dan sebagian besar kaum fundamentalis menganggap perempuan hanya separuh harga laki-laki, baik dalam hal ekonomi (warisan), hukum (kesaksian), politik (tak boleh jadi pemimpin), dan hak-hak individu (harus selalu lewat laki-laki). Kendati banyak sekali ajaran-ajaran Islam yang secara eksplisit maupun implisit menghormati kedudukan kaum perempuan, kaum konservatif dan fundamentalis agaknya lebih suka meletakkan kaum perempuan di belakang kaum laki-laki, baik dalam pengertiannya yang *harafiah* (perkataan) maupun *takwiliyah* (interpretasi). Bagi intelektual liberal, seperti yang bisa dilihat pada figur-figur semacam Qassim Amin (Mesir), Fatima Mernissi (Maroko), Amina Wadud Muhsin (Amerika Syarikat), dan Muhammad Shahrour (Suriah), persoalan hak-hak kaum perempuan harus dilihat dari kacamata yang lebih luas dan objektif. Doktrin-doktrin awal Islam yang cenderung memojokkan kaum perempuan harus dilihat dalam konteks dan lokalitas khusus. Karena itu, penafsiran terhadap syariah (*interpreted sharia*) menjadi penting, demi untuk menyelaraskan prinsip-prinsip Islam paling mendasar tentang kaum perempuan dengan konteks sosio-historis doktrin-doktrin Islam tentang perempuan.

Ketiga, persoalan yang berkaitan dengan hak-hak orang bukan Islam aliran konservatif dan fundamentalis melihat persoalan ini lewat teologi lama dengan meletakkan kaum bukan Islam sebagai kelas dua (*zimmi*, *harbi*, dan lain-lain), sedangkan kelompok Islam liberal melihatnya sebagai bahagian dari komunitas (*ummah*) yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Agama adalah sarana bagi orang-orang beriman untuk memperbaiki kualitas moral mereka, bukan untuk saling memusuhi dan meniadakan. Karena itulah, al-Quran

juga mengajak kaum beriman untuk mencari kesamaan-kesamaan (*kalimatun Sawa*) di antara mereka sebagai makhluk Tuhan.

Keempat, berkenaan dengan hubungan antar agama para pemikir liberal seperti Farid Esack (Afrika Selatan), Asghar Ali Engineer (India), Hassan Hanafi (Mesir), dan Djohan Effendi (Indonesia), meyakini bahawa hubungan antar-agama pada dasarnya adalah hubungan dialogis, bukan hubungan konfrontatif. Agama adalah persoalan keyakinan yang tidak bisa dipaksakan kepada seseorang. Keimanan adalah masalah *hidayah* (petunjuk Allah) yang tak boleh dipaksakan. Karena itu, orang Islam dituntut untuk bersikap toleran, bukan hanya kepada pemeluk agama lain, tapi juga kepada orang yang tidak meyakini agama. Alasannya sederhana, beragama dengan cara pemaksaan hanya akan memunculkan hipokresi dan kemunafikan, ialah sebuah sikap yang sangat dikecam Islam.

Kelima, dalam masalah kebebasan berfikir atau kebebasan berpendapat sikap Islam Liberal jauh lebih tegas berbanding sikap kalangan konservatif yang cenderung inaktif dan sikap kalangan fundamentalis yang cenderung rejektif. Bagi intelektual liberal, seperti Abdul Karim Soroush (Iran), Shabbir Akhtar (Pakistan), dan Abdullah Ahmed Naim (Sudan), kebebasan berpendapat adalah bahagian dari wilayah ijtihad. Para intelektual liberal itu meyakini, pintu ijtihad tak pernah ditutup dan walaupun pernah ditutup, maka ia harus dibuka kembali. Syarat-syarat klasik yang biasanya menjadi kualifikasi terberat dalam melakukan ijtihad sudah seharusnya ditinjau ulang. Karena, syarat-syarat itu, selain tidak masuk akal, hanya akan membatasi kemajuan kaum Muslim. Kebebasan berfikir adalah bahagian dari syarat kemajuan sebuah masyarakat. Sebaliknya,



masyarakat yang terkekang dan tak boleh mengemukakan pendapatnya, adalah masyarakat mandek yang tak memiliki masa depan.

Keenam, dalam hal penyikapian terhadap progresifitas dan kemajuan kaum konservatif bersikap sangat pasif dan bahkan cenderung defensif terhadap perubahan, sedangkan Islam Liberal berusaha untuk selalu melihat perubahan sebagai bahagian dari dinamika untuk meraih kemajuan dan perbaikan hidup.

Mengikut kepada kerangka teori tipologi kelompok pemikir Islam yang dikemukakan oleh Charles Kurzman di atas, maka Mahathir dikategorikan sebagai 'pemikir liberal' sebagaimana kesimpulan kajian yang diajukan oleh beberapa sarjana, antaranya Abdul Rahman (1997) dan Mohd Rumaizuddin (2007). Menurut pandangan mereka ada beberapa gagasan dan pemikiran Mahathir yang selaras dengan pemikiran kelompok Islam liberal ini.

Menurut Abdul Rahman (1997: 168, 170, 174, 175, 184, 190, 192), di antara tokoh yang lantang dan menganut fahaman liberalisme adalah Mahathir, di mana dalam ucapan-ucapan yang disampaikan Mahathir sering menyindir golongan yang suka menekankan soal-soal yang dianggapnya sebagai remeh-temeh atau titik-bengik seperti masalah pakaian. Menurut Mahathir, orang-orang Islam sepatutnya lebih mementingkan isi (*substance*) daripada bentuk (*forms*) yang dianggap cuma sebagai demonstratif Islam. Mahathir juga menyokong dan menyerukan agar umat Islam berjihad menggunakan akal seluas-luasnya, setelah berabad-abad lamanya mereka mengalami kemunduran disebabkan kekeliruan interpretasi para ulama dan pentafsir al-Quran terhadap Islam.

Bahkan, dalam berbagai konteksnya yang lebih luas, Mahathir menurut Abdul Rahman (1997) juga dianggap sebagai penganut fahaman sekularisme. “Tidak syak lagi beliau termasuk di antara pemimpin yang sangat mengkagumi ketokohan Musafa Kemal Attaturk dalam sejarah kebangkitan Turki sebagai sebuah negara sekular” dan berasaskan semangat sekularisme Mahathir juga sering menekankan agar jangan mencampur-adukkan antara agama dengan politik; penganut fahaman kapitalisme sebagaimana yang boleh dilihat dari buku Mahathir berjudul *The Malay Dillema* yang sangat menonjolkan semangat materialisme dan kapitalisme; penganut fahaman relativisme sebagaimana nampak dari hujah Mahathir ketika menegaskan bahawa undang-undang Islam bersifat dinamik dan fleksibel, kerana itu pelaksanaannya mestilah mengikuti kaedah graduasi, yakni secara beransur-ansur, mengikuti situasi semasa dan berdasarkan pada prinsip keadilan. Hukum Islam menurut Mahathir hendaknya diamalkan mengikuti kondisi zaman dan hukum di Malaysia sudah melaksanakan konsep keadilan yang sesuai dengan Islam. sebab itulah Mahathir dengan tegas menolak sebarang percubaan untuk mewujudkan suasana zaman Rasulullah pada zaman ini, kerana baginya kita hendaklah mengamalkan Islam mengikut keadaan pada masa kita berada sekarang.

Pandangan Abdul Rahman di atas diperkuat dan disokong pula oleh kajian Mohd Rumaizuddin (2007) apabila beliau menyatakan bahawa ciri-ciri dan bentuk Islam liberal sering diluahkan oleh Mahathir tentang tema-temanya, seperti penilaian semula terhadap demokrasi, penafsiran semula al-Quran dan Islam, gagasan tentang kemodenan menurut Islam dan hak-hak tentang perempuan. Tambah lagi, pandangan Mahathir yang sering melaungkan bahawa kemunduran umat Islam antaranya disebabkan oleh pemahaman terhadap

agama yang salah kerana mengikut kepada penafsiran yang sempit dan mengelirukan; keterbatasan para penafsir al-Quran sebagai manusia biasa dan mungkin melakukan kesilapan, kerananya hasil dari penafsiran pentafsir terhadap al-Quran bukanlah wahyu dan bentuk ajaran yang tetap; penolakan Mahathir terhadap model pelaksanaan *hudud* kerana menganggapnya mengikut kepada tafsiran PAS dan boleh jadi berlainan dengan yang dikehendaki Islam; merupakan beberapa alasan Mahathir boleh dikatakan sebagai penganut fahaman 'Islam liberal'.

Mahathir juga bersetuju bahkan menyokong tema-tema utama yang menjadi gagasan utama perjuangan Islam Liberal. Sebagaimana dikatakan Charles Kurzman (2001) antara tema tersebut adalah menentang penerapan syariat Islam dalam kehidupan bernegara dan bersetuju dengan pola pemikiran Ali Abd al-Raziq dalam masalah pemerintahan; demokrasi yang selaras dengan ajaran Islam kerana berasaskan kepada *syura* atau mesyuarat; persamaan hak kaum wanita; hak-hak orang bukan Islam dan hubungan antar agama; kebebasan berfikir termasuk dalam konteks ijtihad; gagasan-gagasan tentang kemajuan, pandangan terhadap kemodenan dan perlunya perubahan.

Berdasarkan huraian di atas, nampak berbagai pandangan yang berbeza dalam menilai gagasan dan pemikiran Islam Mahathir. Ada yang menyatakan bahawa Mahathir adalah seorang pemikir yang masuk dalam kelompok pemikir Islam 'modenis' atau 'neo-modenis' (tipologi Fazlur Rahman); pemikir 'Islam moderat' (Hussin Mutalib, 1995), pemikir Islam Progresif (Zainah Anwar, 2001), pemikir 'Islam Liberal' (Abdul Rahman, 1997; Mohd Rumaizuddin, 2005; Charlez Kurzman, 2001); pengusung 'Islam Peradaban' (Jazilus Sakhok, 2007), pemikir

Islam yang dipengaruhi fahaman 'sekularisme', 'kapitalisme' dan 'relativisme' (Abdul Rahman, 1997), penyokong terhadap gagasan pemikiran Islam yang rasional, gagasan reinterpretasi dan reaktualisasi ajaran Islam dan lain-lain. Namun demikian, Mahathir sendiri telah mengakui bahawa beliau adalah seorang 'Muslim fundamentalis', kerana itu Mahathir menafikan dakwaan orang-orang apabila mereka menyatakan bahawa beliau seorang 'Muslim moderate'. Padahal, dalam pandangan sebahagian besar orang Barat, istilah fundamentalis berkonotasi negatif, kerana fundamentalis dalam pandangan Barat ialah kelompok-kelompok Islam garis keras yang berkaitan dengan tindakan ganas sehingga disebut terorisme, pengganas atau pelaku tindak kekerasan. Contohnya adalah ketika mereka melakukan pemboman terhadap gedung WTC Amerika Syarikat dan beberapa bom lainnya yang diletupkan di beberapa bandar-negara.

Penyelidik sendiri melihat dan lebih cenderung untuk mengatakan bahawa Mahathir adalah seorang pemikir rasional yang sangat menyokong penggunaan akal fikiran secara luas, termasuk dalam memahami dan menafsirkan kembali ajaran agama, sebagaimana nampak dari gagasan dan ucapan-ucapan yang disampaikannya. Kesimpulan ini selari dengan pendapat Anual Bakri & Kamarul zaman (2001: 1) dalam bukunya 'Mendekati Pemikiran Islam Mahathir', Haron Din (2001) dan kajian Sivamurugan Pandian (2008: 178) dalam bukunya 'Legasi Mahathir', apabila mereka menyatakan bahawa Mahathir adalah seorang yang sangat menekankan kepada pemikiran dan memahami Islam sebagai agama yang rasional, sehingga ketaatan kepada Islam harus diasaskan pada hujah dan logik bukan kepada kepercayaan yang membuta-tuli.

Hujah dari kesimpulan ini nampak dari pemikiran Mahathir sendiri apabila beliau berucap bahawa akal, logik dan argument merupakan asas dalam memahami ajaran agama. Islam adalah agama yang rasional (Ucapan dalam *The Official Opening of the International Institute Islamic Thought and Civilization*, 4 Oktober 1991); agama berasaskan kepada hujah (Ucapan yang disampaikan di Universiti Al-Azhar di Kaherah-Mesir, pada 10 Mei 1998); agama Islam bersifat logik (Ucapan dalam *The Emirates International Forum-Dubai*, on 26 April 2001); dan Islam mesti difahami dengan akal (Ucapan yang disampaikan di Pembukaan Pameran Tamadun Islam Sedunia 1994, pada 17 Jun 1994). Oleh kerana, ketaatan dan pemahaman terhadap agama yang tidak diasaskan kepada hujah, logik dan akal, tetapi hanya didasarkan pada taasub atau taklid buta (membuta tuli) pada akhirnya hanya akan melahirkan seorang yang fanatik, ekstrim dan tidak memiliki toleransi terhadap orang lain, kata Mahathir. Inilah yang banyak menimpa umat Islam di merata kawasan, sehingga mereka lebih suka bertelagah dan sukar untuk bersatu.

Di samping itu, menurut Mahathir (2003: 49) sokongan yang tidak berbelah bahagi dan taasub terhadap puak dan perjuangan puak dari generasi ke generasi hanya berkesudahan dengan persengketaan yang membazir, perpecahan dan kelemahan. Islam mengesahkan ketaasuban yang selalunya dikaitkan dengan sikap ekstremis, tiadanya kesederhanaan dan toleransi. Taat kepada Islam bukan bermakna taasub. Taat ini berdasarkan sebab, mengetahui bahawa perpaduan membawa kekuatan dan membolehkan kejayaan dicapai. Ketaatanlah yang membolehkan yang perbezaan wujud diterima meskipun ketika mengamalkan ajaran Islam.

Oleh itu, dengan meminjam konsep Harun Nasution, Mahathir lebih cenderung dan termasuk seorang penyokong gagasan pemikiran 'Islam Rasional'.

Mereka yang termasuk dalam kelompok aliran Islam Rasional ini amnya memiliki ciri-ciri yang selalu mengkaitkan segala sesuatunya dengan akal fikiran, iaitu: (1) setiap sesuatu harus bersifat rasional dan dapat diterima oleh akal; (2) apapun pendapat dan pemikiran yang dihasilkan oleh manusia, ia bukanlah sesuatu yang mengandung kebenaran mutlak tetapi bersifat relatif (relativisme), termasuk dalam hal interpretasi ajaran Islam, maka ia harus dikaji dan difikirkan kembali; dan (3) cenderung terlalu mengagungkan akal fikiran dan terkadang penggunaannya yang melampau batas. Menurut Hairuddin Harun (2001: 42) pemikiran rasionalis dicirikan oleh objektiviti, sekularisme, empirisme dan materialisme. Pemikiran rasionalis cenderung kepada pemikiran saintifik, kuantitatif dan logik tertib Aristoteles. Oleh itu, biasanya mereka yang rasionalis lebih mementingkan nasib dan kedudukan dunia berbanding dengan isu-isu yang berkaitan dengan alam akhirat. Mereka biasanya mengukur kejayaan dari segi kedudukan dan pendidikan sekular, jawatan yang disandang dan kekayaan atau harta benda yang dimiliki.

Dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam di bidang teologi (ilmu kalam), antara kelompok yang amat mengutamakan penggunaan (bahkan mengagungkan) akal fikiran atau *ra'yu* ini ialah kelompok *Mu'tazilah*. Kerana itulah kelompok ini dinamakan pula dengan 'Rasionalis Islam', iaitu kelompok pemikiran yang mempersoalkan kalam secara filosofis dan menggunakan akal, akan tetapi masih tetap berpegang kepada hujah *naql* (al-Quran dan Hadis),

sehingga masih terikat kepada asas-asas Islam (Soekarno & Ahmad Supardi, 1985: 128). Para teolog Mu'tazilah sememangnya dikenali sebagai kelompok yang berusaha mengembangkan sebuah teologi rasional dan sangat dipengaruhi oleh pemikiran filsafat Yunani. Dalam sejarah, golongan Mu'tazilah ini merupakan golongan paling awal yang berusaha untuk merumuskan teologi kreatif yang sesuai dengan kondisi yang sedang berlangsung dengan memanfaatkan ilmu pengetahuan Yunani (Asghar Ali Engineer, 1999: 189).

Mu'tazilah, kerana dengan idea rasionalnya, para cendekiawan dan ilmuwan Islam pada hari ini ramai yang tertarik mengkaji semula pemikiran-pemikiran tokohnya yang telah lama terpendam dalam khazanah tarikh Islam. Penulis-penulis Barat pun dengan gigihnya memperkenalkan kajian-kajian mereka yang berkenaan dengan Mu'tazilah. Akibat daripada itu semua, timbullah idea-idea yang bercanggah dengan asas akidah *Ahli Sunah wal Jamaah*, antaranya; idea penolakan ijmak sebagai asas tasyrik Islam, meragui manhaj hadis mutawatir boleh menjamin kebenaran, meragui hadis ahad sebagai dasar fikah Islam, mengingkari wujud mukjizat Nabi, meragui keadilan sahabat Nabi dan lain-lain lagi. Gerakan Rasionalisme Islam, Jaringan Islam Liberal, Sisters in Islam adalah contoh nyata pengaruh pemikiran 'neo mu'tazilah' di Alam Melayu. (Syamsul Bahri, 2007: 114).

Berdasarkan karakteristik di atas, secara ideologi kelompok aliran Islam Rasional memang memiliki persamaan dan sefaham dengan aliran pemikiran moden dan liberal yang juga mengutamakan penggunaan akal untuk melakukan ijtihad dan memahami ulang atau dalam pentafsiran ajaran Islam. Tambah pula, sebagaimana penegasan Khalif Muammar (2005), pemikiran Islam

Liberal memang memiliki banyak persamaan dengan pemikiran modenisme Islam. Perbandingan ciri-ciri antara kedua kelompok aliran pemikiran ini dengan gagasan pemikiran Mahathir dapat dilihat pada jadual 7.3.

Jadual 7.3

*Ciri-ciri Pemikiran Islam Liberal Berbanding Modenisme Islam dan gagasan pemikiran Mahathir*

Pemikiran Islam	Karakteristik Pemikiran
Islam Liberal (antara tokohnya: Fatima Mernissi, Amina Wadud, Muhammad Shahrour, Abdul Karim Soroush, Abdullah Ahmed Naim, Farid Esack, Asghar Ali Engineer, Hassan Hanafi, Nasr Hamid Abu Zayd, dan Nurcholish Madjid)	Rasionalisme dan sekularisme; Penolakan terhadap syariah; Pluralisme agama; Penolakan terhadap autoriti keagamaan; Kebebasan mentafsirkan teks-teks agama; Tiada dakwaan kebenaran; Mempromosikan nilai-nilai Barat; Kesetaraan dan emansipasi Wanita.
Modenisme Islam (antara tokohnya: Fazlur Rahman, Abdullah Arwi, Kassim Ahmad, Fuad Zakaria dan Zaki Nadjib Mahmud).	Rasionalisme; Kritik terhadap tradisi Islam; Penafsiran semula syariah; Menerima sains Barat sebagai sesuatu yang netral dan bebas nilai; Mendukung demokrasi Barat; Sebahagian di antaranya ada yang menerima nilai-nilai Barat.
Mahathir	Umat Islam sepatutnya lebih mementingkan isi ( <i>substance</i> ) daripada bentuk ( <i>forms</i> ); Umat Islam mesti berijtihad menggunakan akal seluas-luasnya; Meluahkan dan menyokong tema-tema gagasan Islam Liberal; penilaian semula terhadap demokrasi, penafsiran semula al-Quran dan Islam, gagasan tentang kemodenan dan hak-hak tentang perempuan; penolakan terhadap model pelaksanaan <i>hudud</i> .

Walau berbeza dalam memandang tipa pemikiran Islam Mahathir, tetapi nampak apabila para sarjana dan penyelidik bersepakat dalam satu hal dan mengakui bahawa Mahathir adalah seorang pemikir Islam. Oleh itu dengan



mengikut kepada Rahimin Affandi (2005) yang menganalisis pemahaman dan pemikiran Islam yang dibawakan oleh Mahathir dan kemudiannya menghuraikan secara panjang lebar, menyimpulkan bahawa paradigma pemikiran Islam Mahathir terbahagi kepada beberapa bentuk. Pertama, kepentingan mengamalkan pendekatan berfikir secara autokritik menggantikan kaedah berfikir secara bentuk membenaran. Sebagai contoh, Mahathir kerap menimbulkan isu bahawa kelemahan umat Islam adalah disebabkan kerana mereka lebih suka bertengkar sesama sendiri dalam pelbagai isu yang remeh temeh tanpa memikirkan untuk menggunakan potensi sumber alam anugerah Allah yang banyak dimiliki oleh negara umat Islam untuk tujuan perpaduan dan pembangunan umat Islam sedunia.

Kedua, kepentingan mengamalkan pendekatan berfikir secara kritikal dan tidak membuta tuli di dalam menghadapi sesuatu isu penting yang timbul di dalam masyarakat. Pendekatan ini juga merujuk kepada empat bentuk pemikiran lagi, iaitu (1) berfikir secara menyeluruh menggantikan berfikir secara sebahagian. Konsep pemikiran secara menyeluruh ini merujuk kepada pengetahuan terhadap sesuatu secara mendalam dengan mengetahui ciri-ciri, perincian dan hubungannya di antara perincian tersebut; (2) bentuk berfikir secara reformatif menggantikan berfikir secara jumud dan tradisional; (3) bentuk berfikir secara ilmiah menggantikan berfikir secara prasangka dan mengikut hawa nafsu; dan (4) bentuk berfikir sesuai dengan hukum alam menggantikan berfikir secara suprarasional dan tahayul.

Ketiga, kepentingan untuk mengamalkan pendekatan berfikir secara berperancangan rapi dan bukannya secara retorik semata-mata. Hal ini

antaranya boleh dilihat dari pengaruh Mahathir yang menekankan agar setiap gerakan Islam di Malaysia menjalankan agenda gerakan mereka bukan setakat dibuat secara retorik semata-mata bahkan perlu disertakan dengan program berperancangan rapi yang lengkap yang dapat dijemakan dalam bentuk plan bertindak.

Keempat, kepentingan umat Islam berpegang teguh kepada ajaran Islam yang suci seperti yang terkandung di dalam sumber wahyu, yang bakal memastikan kerelevanan paradigma tauhid dipakai oleh umat Islam untuk sepanjang zaman.

Kelima, penekanan kepada mewujudkan usaha tajdid dalam semua aspek kehidupan umat Islam akibat daripada proses pemalsuan dan penyelewengan terhadap ajaran al-Quran dan sunnah yang berlaku rentetan daripada peninggalan umat Islam sendiri terhadap ajaran Islam. Hal ini ditambahburukkan lagi dengan peristiwa penjajahan umat Islam oleh kuasa kuffar Barat, yang secara jangka panjang panjangnya mengakibatkan suasana kebekuan dan sikap malas ulama Islam itu sendiri.

Keenam, penekanan kepada penggunaan paradigma rasional berasaskan semangat ijtihad kepada usaha mempercambahkan kreativiti umat Islam.

Ketujuh, penekanan kepada proses mewujudkan dan menajamkan daya intelektualisme umat Islam di dalam memahami ajaran Islam itu sendiri.

Kelapan, demi untuk menghadapi persaingan dengan kuasa Barat, umat Islam tidak seharusnya menggunakan pendekatan kekerasan, sebaliknya perlu lebih proaktif mempelajari sebab utama ketinggian tamadun Barat, iaitu ketinggian budaya ilmu mereka, yang perlu diterapkan ke dalam masyarakat melalui institusi pendidikan. Dalam soal ini, secara jelasnya mereka menganjurkan bentuk perjuangan yang bersifat evolusi dan bukannya secara revolusi.

Kesembilan, menekankan kepentingan perubahan sikap dan cara berkerja untuk mencapai cita-cita tajdid masyarakat Melayu yang lebih baik.

Kesepuluh, kepentingan menggunakan pendekatan pertengahan di dalam menangani isu globalisasi. Pendekatan yang dimaksudkan adalah tidak terlalu anti dan tidak pula terlalu menyokong agenda globalisasi ini secara membuta tuli. Sikap Mahathir ini bersesuaian dengan pandangan reformis Melayu semasa yang menegaskan bahawa pendekatan pertengahan ini perlu diambil kerana pada dasarnya idea asas globalisasi ini bersesuaian dengan sifat dan falsafah ajaran Islam itu sendiri yang menganjurkan beberapa elemen global seperti (1) Islam adalah untuk semua manusia tanpa mengira perbezaan ras; (2) Allah adalah penguasa seluruh alam; (3) penekanan kepada konsep ummah-kesatuan akidah seluruh umat Islam sedunia; (4) galakan Allah supaya manusia menjelajahi dunia; (5) galakan ke arah penguasaan ilmu dan kefahaman yang bersifat global; (6) penekanan kepada konsep hak asasi manusia yang lebih jitu dan adil; dan (7) penekanan kepada penjagaan alam sekitar yang bersifat mapan.

Kesebelas, kepentingan kepada golongan ulamak bergading bahu dengan golongan bukan ulamak untuk membangunkan sesuatu gagasan Islam yang lebih bersifat semasa dengan realiti zaman moden ini.

Keduabelas, kepentingan kepada umat Islam sedunia membangun dan memperlengkapkan diri dengan pengetahuan dan teknologi (S&T) bagi kejayaan hidup zaman moden, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan usaha pembangunan (R&D) sektor teknologi ICT, agar dengan cara ini umat Islam boleh menggunakan perisian *hardware* dan *software* ICT yang dihasilkan oleh saintis Islam itu sendiri.

Ketigabelas, kepentingan memperbetulkan salah faham dan sifat negatif yang kerap dinisbahkan kepada umat Islam yang dianggap sebagai umat yang menggalakkan keganasan dan anti kepada segala bentuk pemodenan.

Sehingga kata Rahimin Affandi (2005) tanpa diragukan lagi sesuai dengan kriteria yang dikemukakan oleh Azyumardi Azra (1998) berkenaan dengan ciri dari seorang pemikir atau intelektual Muslim, iaitu: (1) prihatin dengan realiti semasa membabitkan kemunduran anggota masyarakat; (2) terlibat secara langsung di dalam proses mencari punca kelemahan umat Islam dan memikirkan jalan penyelesaian yang terbaik; (3) kesanggupan berkorban demi meningkatkan kalimah Allah; (4) menjalinkan hubungan luar dengan umat Islam sedunia; (5) usaha memperlengkapkan diri dengan segala bentuk ilmu dunia dan akhirat; (6) terbuka dengan pendapat dan ilmu asing secara bertapis; dan (7) membabitkan diri dengan merangka program untuk menghadapi permasalahan yang bakal timbul di dalam masyarakat, maka Mahathir boleh dikategorikan sebagai seorang

pemikir atau intelektual Muslim. Selari pula dengan pengertian dan konsep seorang pemikir atau cendekiawan Muslim yang dikemukakan oleh Pratiknya (1986), Martin van Bruinessen (2003), dan Dawam Rahadjo (1999).

Pratiknya (1986: 3), menyatakan bahawa pemikir, intelektual, ilmuwan atau cendekiawan adalah orang yang kerana pendidikannya, baik melalui pendidikan di institusi pendidikan formal mahupun tidak formal mempunyai perilaku yang cendekia, yang tergambar dari kemampuannya dalam menatap, menafsirkan, dan merespons lingkungan sekitar dengan sifat kritikal, kreatif, objektif, analitis, dan bertanggungjawab. Sehingga, dengan sifat-sifat tersebut akan menjadikan seorang cendekiawan memiliki wawasan dan pandangan yang luas, yang tidak dibatasi oleh ruang mahupun waktu.

Martin van Bruinessen (2003: 159) mendefinisikan kelompok intelektual Muslim ini sebagai penerjemah ajaran Islam. Sebagai cendekiawan Muslim, biasanya mereka aktif melibatkan diri dengan pelbagai realitas sosial dan politik dari masyarakat kontemporari, serta implikasi-implikasi filosofis dan moral dari modenitas. Selain itu, pendekatan terhadap ayat-ayat al-Quran dan metode-metode penafsiran yang mereka gunakan lebih berwawasan aliran moden dalam filsafat dan hermeneutik. Hal tersebut disebabkan kerana mereka pada umumnya mendapat pendidikan di luar lembaga pendidikan keagamaan tradisional.

Adapun menurut Dawam Rahardjo (1999: 41) kelompok pemikir itu terbahagi tiga, iaitu 'ulama-cendekiawan', 'cendekiawan-ulama' dan 'cendekiawan'. Kelompok ulama-cendekiawan biasanya basis pendidikannya adalah pendidikan agama yang ketat di pondok pesantren (sekolah agama);

kelompok cendekiawan-ulama basis pendidikannya perguruan tinggi dan pendidikan agama; dan kelompok cendekiawan yang umumnya berbasis pada pendidikan umum dan memiliki pengetahuan agama yang relatif minim dibandingkan kelompok ulama-cendekiawan dan cendekiawan-ulama. Walaupun demikian, mereka memiliki semangat dan kemampuan untuk dapat mengaktualisasikan diri sebagai seorang cendekiawan serta komitmen perjuangan yang tinggi untuk mengembangkan Islam bagi diri sendiri mahupun orang lain, baik di bidang yang berkaitan dengan perkembangan agama mahupun perubahan sosial pada umumnya.

Berdasarkan huraian di atas, setidaknya ada tiga tema utama dan asas dari pemikiran yang telah dilahirkan oleh Mahathir. Ketiga asas dimaksud saling bersepadu dan melengkapi satu dengan yang lain, iaitu Keislaman, Kemelayuan, dan Kemodenan.

Keislaman, ini bermakna bahawa umat Islam menurut Mahathir hanya akan berjaya apabila mereka mengamalkan Islam menurut yang ditentukan yang telah diajarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Di mana, Islam adalah agama yang bermatlamat agar umat Islam mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, maka segala usaha yang diupayakan untuk mencapai kesejahteraan hidup pun haruslah seimbang antara dunia dan ukhrawi tersebut. Untuk itu, Mahathir telah memberikan pandangan dan analisisnya secara kritikal tentang isu-isu yang dihadapi oleh umat Islam, cabarannya dan bagaimana permasalahan umat Islam seharusnya ditangani dan diusahakan penyelesaiannya dengan sungguh-sungguh (Ismail Ibrahim, 2002: 1, 8). Kemudian, sebagaimana dikatakan oleh Dusuki Ahmad (2004), Mahathir yang

dikenali sebagai seorang 'fundamentalis' memiliki keyakinan kuat bahawa umat Islam tidak akan berpecah-belah dan terkeliru apabila berpegang kepada asas yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis sahih. Kerananya, beliau selalu menggesa supaya masyarakat Islam kembali kepada fundamental ajaran Islam yang sebenar ini.

Kemelayuan, ini bermakna bahawa pemikiran Mahathir tidak terlepas dari pengaruh, alam fikiran dan keinginan memperkasakan kembali tamadun Melayu yang pernah berjaya dan memberi kesan yang sangat luar biasa terhadap perkembangan ilmu dan budaya ketika bersentuhan dengan Islam. Maka, mestinya sekarang pun Islam dan Melayu harus bersepadu membentuk peradaban Melayu baru yang lebih maju, agar Melayu tak hilang ditelan masa. Kerana itu, Mahathir dikenali sebagai seorang yang sangat kuat perhatian dan keprihatinannya jika berbincang masalah dan nasib orang Melayu. Hal ini dapat dilihat dari sumbangan Mahathir sendiri dalam memberikan sentuhan kemelayuan terhadap idea tajdid adalah cukup bermakna memandangkan kebanyakan dari idea tajdid para ulama yang dalam banyak hal bergantung kepada formula-formula tajdid yang dimunculkan oleh reformis dari Timur Tengah (Rahimin Affandi, 2005).

Kemodenan, ini bermakna bahawa kemajuan dan kesejahteraan hidup menurut Mahathir harus dicapai dengan kerja keras. Oleh itu, apabila kaum yang lain boleh maju maka umat Islam pun dengan segala kesempurnaan dan keunggulan ajarannya lebih-lebih lagi. Kerana, Islam adalah agama yang menghendaki agar umatnya hidup dalam kemodenan dan kesederhanaan. Islam adalah agama yang rasional, moderat, dan responsif terhadap perkembangan

dan kemajuan. Kerananya, Islam tidak membenarkan sikap untuk membatasi, mengasingkan diri, atau tidak mau bergaul dengan orang lain dan berusaha hanya untuk kepentingan diri sendiri dengan melupakan kepentingan masyarakat di persekitarannya. Inilah inti dari paradigm pemikiran Islam Mahathir menurut Rahimin Affandi (2005). Di mana ianya sangat mementingkan isi dan kerangka pemikiran khusus, yang rata-ratanya bersifat positif dan pro pemodenan. Begitu pula kesimpulan yang dikemukakan oleh Hairudin Harun (2001: 50) bahawa model pemikiran Mahathir pada prinsipnya bercirikan atau mengikut acuan agresif, revisionis pragmatis dan berwawasan.

Dalam ucapan yang disampaikan pada Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke48, pada 5 September 1997 Mahathir menegaskan kenyataan di atas, iaitu perpaduan antara keIslaman, Kemelayuan dan kemodenan. "Kita orang Melayu beragama Islam, nasionalisme atau kebangsaan Melayu dikaitkan secara langsung dengan agama Islam. Seseorang itu tidak Melayu melainkan ia beragama Islam". Tambah lagi, "Cita-cita kita sederhana sahaja. Kita ingin menjadi sama maju dengan bangsa-bangsa lain yang sudah maju. Dengan itu dapatlah kita menebus balik maruah bangsa kita, sedikit banyak maruah agama kita bahkan maruah orang bumiputera di negara ini". Kemudian pula, "Kita tidak melaungkan bahawa kita jaguh Islam. Tetapi nasionalisme Melayu dengan Islam tidak dapat dipisahkan. Apabila orang Melayu berjaya maka orang pun Islam berjaya, kerana orang Melayu semuanya Islam".

### **7.3 Pandangan Terhadap Islam dan Isu-isu Kenegaraan Semasa**

John L. Esposito dan James P. Piscatori (dalam Abdillah, 2007: 138, 141) telah melakukan penelitian dan menegaskan bahawa prinsip demokrasi dan proses



demokratisasi merupakan subjek tema perbincangan yang ramai dibicarakan di kalangan umat Islam. Di samping itu, Esposito dan Piscatori juga mencatat adanya beberapa pemikir politik Islam radikal yang menolak bentuk apapun dari demokrasi parlementer dan memandangnya sebagai sebuah bentuk pembaratan (*westernisasi*) serta ketimpangan yang berbanding dengan tradisi lokal. Baginya, pemikiran dan politik Islam mesti dikembalikan kepada dasar semula, yakni sistem Islam dan ia bersifat final. Sementara, sebahagian pemikir Islam yang lain ada pula yang mencoba menselaraskan demokrasi dengan ajaran Islam.

Para pemikir politik Islam memang berbeza-beza dalam memandang term dan konsep demokrasi. Hafidz Saleh misalnya melarang penggunaan term dan konsep demokrasi, kerana konsep ini berarti kedaulatan adalah milik manusia, bukan milik Tuhan. Lagi, term ini tidak bersumber dari term Islam dan kerana itu harus dihindari, sebagaimana firman Allah dalam QS. Al-Baqarah 104 (Abdillah, 2007: 138-142). Bahkan, penolakan keras juga ditegaskan oleh Abdul Qadim Zallum (2001: 202), Amir ke-2 *Hizb al-Tahrir*, yang menganggap bahawa demokrasi yang dikenal sekarang sebagai pemerintahan dari rakyat, untuk rakyat, dan oleh rakyat adalah sistem yang kufur, kerana tiga alasan. Pertama, kerana yang merencanakan dan berdiri di belakang idea demokrasi adalah negara-negara Barat, sehingga menjadi semacam agresi budaya Barat terhadap negeri-negeri Islam. Kedua, demokrasi adalah pemikiran yang utopis, mustahil, dan ilusi, kerananya tidak layak diimplementasikan, sebab manakala suatu negara berupaya menerapkan idea demokrasi mereka seringkali harus melakukan kebohongan, manipulasi, dan rekayasa, sehingga menyesatkan manusia. Ketiga, demokrasi adalah sistem buatan manusia, padahal, manusia tidak bisa lepas dari kesalahan, dan sesungguhnya yang paling mengerti tentang manusia, terbebas

dari segala kelemahan dan kesalahan hanyalah Allah, kerana itu sistem yang ditetapkan oleh Allah adalah sistem yang paling tepat untuk manusia, yakni sistem syariah.

Menurut Dhiyauddin al-Rais (2002: 185-188) dari segi politik, antara Islam dan konsep demokrasi memiliki beberapa persamaan dan perbezaan. Persamaan; Pertama, kalau dimaksudkan dengan demokrasi sebagai yang dikatakan oleh Abraham Lincoln, pemerintahan rakyat dengan perantaraan rakyat, untuk rakyat, maka konsep inipun terdapat dalam peraturan politik Islam sesuai dengan koridor yang ditetapkan Islam. Kedua, jika dimaksudkan dengan demokrasi adalah prinsip-prinsip politik atau kemasyarakatan; prinsip persamaan di hadapan undang-undang, kemerdekaan berfikir, kemerdekaan beragama dan keadilan sosial, atau harus terjamin hak-hak yang tertentu; hak hidup dan kemerdekaan, hak bekerja, maka jelas sekali bahawa Islam telah menjamin prinsip dan hak-hak tersebut berjalaan dengan baik. Ketiga, apabila yang dikehendaki dengan demokrasi bahawa pemegang kuasa tertinggi dalam pemerintahan adalah rakyat, sehingga kekuasaan legislatif (ketua negara) sebagai kekuasaan yang paling penting dalam dunia demokrasi harus tunduk kepada kehendak dan ketetapan rakyat yang telah disepakati (*ijma*) dalam mesyuarat.

Sedangkan perbezaan Islam dan demokrasi adalah; Pertama, bahwasanya yang dikehendaki dengan rakyat oleh demokrasi moden sebagai yang dikenal di dunia Barat, ialah bangsa, yang warga negaranya dibatasi oleh batas-batas geografi, yang hidup dalam suatu negara, anggota-anggotanya diikat oleh persamaan darah jenis, bahasa, dan adat-istiadat, maka tidak demikian

halnya dengan Islam. Bagi negara Islam, rakyat tidaklah diikat oleh kesatuan tempat, darah dan bahasa, tetapi oleh kesatuan akidah, sehingga semua orang yang menganut akidah Islam, dari ras manapun, apapun warna kulit, bahasa, atau daerah asal, maka dia adalah seorang warga negara Islam. Kedua, tujuan demokrasi Barat adalah terhad untuk tujuan keduniaan atau materi sahaja. Demokrasi hanya bermaksud mewujudkan kebahagiaan bangsa, seperti meningkatkan pendapatan (kekayaan) atau memperoleh kemenangan dalam perang. Tetapi dalam Islam, selain melengkapai maksud keduniaan dengan menjauhkan fikiran fanatik kebangsaan, meliputi pula maksud kejiwaan (akhirat). Artinya, kemashlahatan hidup di dunia dan kemashlahatan hidup di akhirat. Ketiga, kekuasaan rakyat dalam demokrasi Barat adalah mutlak, kerana rakyatlah pemilik kuasa dan pembuat undang-undang. Namun dalam Islam, kuasa rakyat tidak mutlak, tetapi terhad oleh syariat agama. Artinya, rakyat tidak boleh bertindak di luar batas undang-undang atau menyimpang dari yang telah ditetapkan oleh Islam berdasar pada al-Quran dan Sunnah.

Tokoh lain yang juga menolak konsep demokrasi, tetapi mengajukan konsep *syura* (mesyuarat) sebagai gantinya, adalah Adnan Ali Ridha al-Nahwi. Alasannya, kerana demokrasi bersinonim dengan perintah yang dibuat manusia sedangkan *syura* adalah perintah Tuhan (Abdillah, 2007: 138-142). Tetapi menurut Hasan al-Turabi konsep demokrasi berbeza dengan *syura*. Demokrasi bermakna kedaulatan penuh manusia dan *syura* adalah kedaulatan penuh Tuhan sebagaimana terdapat dalam otoritas tekstual yang diwahyukan Tuhan. Sementara demokrasi memiliki banyak kekurangan kerana akal manusia, sedangkan *syura* tidak (Abdillah, 2007: 142).

Secara general dapat dikatakan bahawa kelompok pemikir politik Islam koservatif-fundamentalis menolak term dan konsep demokrasi. Mereka mengajukan konsep demokrasi yang lain atau prinsip-prinsip yang menentang pemerintahan yang otoriter, seperti konsep keadilan, mesyuarat yang menguntungkan, hak asasi manusia, toleransi, dan lain-lain. Maududi misalnya mengemukakan konsep demokrasi secara filosofis dengan menyebutnya sebagai *teo-demokrasi* atau *demokrasi ketuhanan*. Menurut Al-Maududi dalam sistem ini seorang Muslim diberikan kedaulatan rakyat secara terbatas di bawah kedaulatan Tuhan dengan mengembalikan semua urusan pemerintahan kepada hukum Tuhan atau syariah. Apabila ada hal-hal yang tidak termaktub dalam syariah, maka harus diputuskan melalui kesepakatan umat Islam.

Sedangkan kebanyakan intelektual Muslim yang termasuk dalam kelompok beraliran modenis dan neo-modenis menerima term demokrasi dengan modifikasi-modifikasi tertentu yang sejalan dengan ajaran Islam, di antara mereka adalah Fazlur Rahman, Hamid Enayat, Muhammad As'ad, dan Javid Iqbal. Berkaitan dengan nilai-nilai antitesis antara Islam dan demokrasi banyak pemikir politik Islam dari kelompok modenis atau neo-modenis berupaya untuk menginterpretasi doktrin-doktrin Islam, khususnya mengenai kedudukan perempuan dan orang bukan Islam. Penafsiran baru cenderung menghapus diskriminasi antara mereka, meskipun kebanyakan dari mereka melanjutkan mendukung hukum Islam mengenai poligami dan warisan.

Sementara itu, pemikir Islam yang masuk kelompok beraliran sekularis mendukung secara penuh demokrasi berdasarkan sekularisme dengan

mengabaikan doktrin Islam, kerana mereka memposisikan agama dalam urusan personal pada satu sisi dan negara pada sisi yang lain.

Berdasarkan kenyataan di atas, secara teori pemikir politik Islam pada amnya terbahagi menjadi tiga kelompok dalam memandang dan memahami konsep demokrasi (Sukron, 2001: 47-54).

Pertama, kelompok pemikir Islam yang menolak konsep demokrasi, antara tokohnya adalah Syed Quthub (Mesir), Thabathabai (Iran), Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi (Mesir), dan Ali Benhadj (Aljazair). Bagi mereka, demokrasi hanyalah merupakan sesuatu yang *impossible* dan ancaman yang harus diwaspadai. Islam dan demokrasi tidak bisa disepadukan, kerana itu dalam Islam tidak ada tempat yang layak bagi demokrasi.

Kedua, kelompok yang diwakili oleh Abu al-A'la al-Maududi (Pakistan) dengan teori *Theo Demokrasi*, Taufiq al-Syawi (Mesir), Imam Khomeini, Rasyid al-Ghanoushi (Tunisia), dan lain-lain. Mereka menerima konsep demokrasi tetapi juga mengakui adanya perbezaan dengan sistem Islam. Maududi misalnya yang mengakui adanya prinsip-prinsip demokrasi yang selari dengan sistem Islam, seperti prinsip keadilan (QS. asy-Syuura: 15); persamaan (QS. al-Hujuraat: 13); akuntabiliti pemerintahan (QS. an-Nisaa': 58); mesyuarat (QS. asy-Syura: 38), tujuan negara; dan hak-hak oposisi (QS. al-Ahzab: 70). Perbezaannya terletak pada kenyataan bahawa kalau dalam sistem Barat suatu negara demokratis menikmati hak-hak kedaulatan mutlak, sedang demokrasi Islam, kekhalifahan ditetapkan untuk dibatasi oleh batas-batas yang telah digariskan oleh hukum Allah.

Taufik al-Syawi juga mengakui persamaan dan perbedaan demokrasi dengan prinsip pengurusan Negara Islam, seperti *syura* yang dianggap sebagai versi Eropa atau negara-negara Barat. Perbedaannya adalah negara yang menganut sistem demokrasi tidak berpegang pada dasar syariah Islam sedangkan dalam sistem Islam pengurusan negara harus berdasarkan kepada *syura* dan *syura* pula mesti tunduk kepada *syariah* seperti halnya umat Islam dan negara tunduk kepadanya.

Rasyid al-Ghanoushi yang mengkombinasikan ajaran Islam dengan demokrasi menyatakan bahawa pemilihan umum, multi partai dan undang-undang sebagai elemen penting dari demokrasi sebenarnya adalah bahagian dari pemikiran baru Islam yang berakar dan legitimasinya didapatkan dari interpretasi atau reinterpretasi yang segar daripada sumber-sumber Islam.

Ketiga, kelompok yang menerima sepenuhnya konsep demokrasi, bahkan beranggapan bahawa ajaran Islam mengandungi nilai-nilai demokratis, kerana demokrasi adalah sesuatu yang bersifat universal. Antara tokoh-tokoh pemikir Islam kelompok ketiga ini adalah Fahmi Huwaidi, Muhammad Husein Haekal dan Zakariya Abdul Mun'im (Mesir), Mahmoud Mohamed Taha dan Abdullan Ahmaed al-Naim (Sudan), Bani Sadr dan Mehdi Bazargan (Iran).

Fahmi Huwaidi menyatakan bahawa demokrasi sangat dekat dengan jiwa Islam dan substansinya selaras dengan Islam, kerana (1) Islam menghendaki pemerintahan yang diterima oleh rakyatnya; (2) penolakan Islam terhadap kediktatoran; (3) dalam Islam pilihanraya merupakan kesaksian rakyat bagi

kelayakan seorang calon pemimpin; (4) demokrasi merupakan sebuah upaya mengembalikan sistem kekhalifahan khulafa al-Rasyidin yang telah diganti kepada sistem kerajaan oleh Muawiyah bin Abu Sofyan (Pengasas Bani Umayyah); (5) negara Islam adalah negara keadilan dan persamaan manusia di hadapan hukum; (6) kepimpinan politik adalah kontrak sosial yang nyata, oleh itu apabila pemimpin tidak mahu menerima kritik atas kesalahannya, maka ia boleh diturunkan dan digantikan.

Mengikut kepada huraian di atas, maka Mahathir boleh dikategorikan dalam kelompok yang kedua dalam memandang demokrasi, iaitu kelompok yang menerima sekaligus pula mengakui perbezaan dan melakukan kritik terhadap konsep demokrasi. Dalam hal ini, sebagaimana disimpulkan Esposito & Voll (1999: 189), kritik Mahathir terhadap imprealisme Barat tersebut bukanlah semata-mata ungkapan mengenai hegemoni Barat terhadap tatanan dunia global sekarang, akan tetapi juga berkaitan dengan pandangannya mengenai demokrasi dan demokratisasi. Sebab, Barat menurut Mahathir, dengan mengatasnamakan tatanan dunia baru dan keadilan telah berupaya untuk memaksakan definisi-definisi mereka mengenai demokrasi dan hak asasi manusia, terlebih-lebih kepada negara-negara Islam.

“Dengan fasih mereka membicarakan undang-undang, hak asasi manusia, demokrasi atas suara mayoritas tanpa mempertimbangkan adanya hukum-hukum tertentu buatan manusia yang tidak adil, hak asasi manusia yang melampaui batas dan suara majoriti yang tidak bijaksana. Jadi, undang-undang Barat memberi keutamaan terlampau tinggi terhadap hak seorang individu yang memungkinkan ia melakukan apapun yang disukainya meskipun tindakan-tindakannya itu dapat mengancam perdamaian dan keamanan masyarakat. Sementara itu, undang-undang internasional telah dirumuskan guna memberi hak kepada pihak yang kuat untuk menekan yang lemah. Hal yang sama juga terjadi pada hak asasi yang dihargai begitu tinggi sehingga kelompok, atas nama demokrasi diberi perlindungan sekalipun aktiviti-aktiviti mereka itu mengancam masyarakat, dan kemajuan. Kondisi ini menurut Mahathir

hampir sama dengan imprealisme kolonial abad ke-19, iaitu yang besar adalah yang benar” (dalam Esposito & Voll, 1999: 189).

Mahathir mempertanyakan bahawa jika hanya demokrasi yang sah dan dapat diterima, maka apakah hanya satu demokrasi atau hanya ada satu orang ahli yang dapat menafsirkannya, iaitu Barat. Padahal, hegemoni oleh kekuatan demokratis negara-negara Barat tidak kurang menindas dibanding dari negara-negara totaliter. Atau, tidak bolehkah para pemula demokrasi ikut menafsirkan perincian-perinciannya, jika bukan ajaran-ajaran asasnya, ucap Mahathir. Kerana, menurut Mahathir, ada banyak bentuk demokrasi, dan sebagai ada banyak perbezaan dalam praktik di antara mereka yang mengajarkan demokrasi (Esposito & Voll, 1999: 189).

Demokrasi sejati menurut Mahathir harus ada di dalam negeri dan antarnegara. Oleh itu, negara harus memiliki kemampuan menentukan suatu bentuk demokrasi dan hak asasi yang sesuai dan selaras dengan budaya dan nilai-nilai mereka masing-masing. Demokrasi berarti menjunjung tinggi budaya dan nilai-nilai kebangsaan yang berkeadilan tanpa mengetepikan kaum minoritas. Demokrasi bukanlah sesuatu yang bebas dari kritik, tidak mengandung kelemahan, atau pula elemen yang paling menentukan kejayaan pengurusan negara. Demokrasi hanyalah alat untuk manusia mencapai kesejahteraan kehidupan berbangsa dan bernegara, sehingga para ahli yang melaksanakan pemerintahan itulah yang menentukan, baik dan berkesannya pemerintahan dijalankan. Oleh itu, esensi dari demokrasi menurut Mahathir adalah tercapainya kesejahteraan dan keamanan hidup masyarakat.



Dengan demikiran Mahathir tidak langsung menolak atau menerima, tetapi melakukan kritik dan mengubah suai; mengambil yang baik, sesuai dan selaras kemudian menyetepikan yang tidak sesuai, membuang yang keruh dan menolak yang tidak baik. Mahathir berusaha untuk mempertemukan dan mengubah suai konsep demokrasi agar lebih sesuai dengan karakteristik di rata-rata negara di mana ianya diterapkan dan diamalkan dalam menjalankan pemerintahan. Kerana, sebagai sebuah sistem demokrasi boleh mengandungi kelemahan. Dengan pemahaman yang luas dan mengubah suai konsep demokrasi akan menghasilkan kesan yang lebih baik untuk pembangunan negara.

Berdasarkan hal ini, Mahathir menolak penerimaan buta terhadap konsep atau definisi universal mengenai demokrasi. Apatah lagi, apabila demokrasi difahami sebagai suara majoritas sebagaimana diungkapkan oleh John Stuart Mill (1806-1873) seorang pemikir demokrasi abad ke 19. Sebab, demokrasi mestinya adalah gerakan politik yang diarahkan untuk menentang feodalisme atau dominasi aristokrasi. Demokrasi bukanlah pula majoritas suara, tetapi menjunjung tinggi prinsip majoritas yang di dalamnya tercakup kompromi yang adil dan tidak mengganggu kepentingan minoritas yang fundamental (Sukron, 2002: 21).

Mahathir juga mengkritik sistem etika dan keadilan Barat, dan bahkan sebagian besar negara lain di dunia yang mendasarkan dan bersetuju atas prinsip: "yang besar adalah yang benar". Sebab, prinsip ini telah menyebabkan terjadinya penindasan ke atas negara-negara Muslim secara internasional, sebagaimana yang nampak dari sikap negara Serbia dan Yahudi-Israel yang

berani menindas dan meneror negara-negara yang lain, terutama, negara-negara Islam yang semuanya lemah (Esposito & Voll, 1999: 191).

Bagi Mahathir, kesan imprealisme Barat serta dominasi politik, ekonomi, dan kebudayaan mereka atas dunia Muslim merupakan realitas masa lalu yang kini muncul sebagai tantangan dan ancaman. Semua itu merupakan sejarah eksploitasi dan ketidakadilan yang terus mempengaruhi dunia Islam. Islam ditekan hampir disemua penjuru dunia, meskipun dunia menyatakan dukungan atas prinsip-prinsip keadilan dan aturan hukum (Esposito & Voll, 188). Sebagaimana kolonialisme Eropa telah membentuk dan memaksa nilai-nilainya ke hampir seluruh bahagian dunia dan proses itupun terus berlanjut hingga kini.

Kritik Mahathir juga wujud ketika mengganti pandangan tradisional Malaysia yang semula pro-Barat dengan kebijakannya untuk berpaling ke Timur dengan mengadopsi sejumlah nilai-nilai kemajuan bangsa Asia, iaitu bangsa Jepun dan Korea serta dan nilai-nilai Islam. Kerana, nilai-nilai universal moralitas ketimuran dianggap lebih pas, sehingga dapat memperkuat komunitas Muslim Melayu dan perkembangan Malaysia sendiri (Esposito & Voll, 1999: 191). Tambah lagi ketika Mahathir dengan tegas menolak bantuan dari IMF (*International Monetary Found*) yang dikendalikan oleh negara-negara Barat ketika terjadi kemalangan dan kegawatan ekonomi (krisis moneter) negara-negara Asia Tenggara (termasuk Malaysia) pada akhir tahun 1997, tetapi lebih percaya akan kemampuan negara untuk menanggulangi sendiri kegawatan ekonomi tersebut.

Mahathir juga tidak menolak atau pun menerima secara membata tuli faham-faham dan konsep lain yang berkembang secara luas dalam kehidupan negara-negara moden, seumpama sekularisme, pluralisme, mahupun terorisme menurut persepsi Barat. Tetapi melakukan kritik dengan keras dan berusaha untuk mempertemukan dan menjelaskan bagaimana sekularisme dan pluralisme boleh difahami dan diguna menjadi faktor pendorong mencapai kemajuan dan kehidupan bernegara yang lebih baik. Namun, pada kenyataannya, dalam pandangan Nik Abdul Aziz, Mahathir dianggap sebagai seorang yang sekular cara berpikir dan sistem pemerintahan yang dijelankannya (Annual Bakri & Kamarul Zaman, 2001: viii). Walaupun tuduhan Nik Abdul Aziz terhadap kesekularan Mahathir kemudiannya dibantah oleh Syed Hussein Alatas.

Menurut Syed Hussein Alatas (2002: 2-3) ada terdapat tiga erti kata sekularisme itu. Erti yang pertama boleh dilihat dalam sejarah gereja Katolik pada abad pertengahan yang membahagikan paderi mereka kepada dua kelompok, iaitu paderi yang sekular dan bukan sekular. Paderi sekular adalah mereka yang terlibat dalam pemeliharaan hidup duniawi sedangkan yang bukan sekular adalah paderi yang tidak terlibat dalam urusan duniawi dan cenderung mengasingkan diri. Erti yang kedua ialah satu aliran falsafah yang tidak percaya kepada Tuhan, aliran '*la diniyyah* atau tidak ada agama' yang disuarakan oleh seorang Inggeris bernama Holyoake, pada kurun ke-19. Erti yang ketiga timbul daripada suatu proses yang disebut sekularisasi masyarakat. Dalam erti ini, pengaruh-pengaruh agama berkurangan (tereduksi atau terdegradasi) akibat proses pembedaan dan industrialisasi, seperti hidup bersama lelaki perempuan tanpa kahwin, beranak di luar nikah, membelakangkan upacara-upacara agama dan sebagainya, walaupun

sesetengah daripada mereka yang terlibat mengaku bahawa mereka itu beragama.

Oleh itu, Syed Hussein Alatas tidak bersetuju dan membantah pernyataan Nik Abdul Aziz apabila beliau menyatakan bahawa Mahathir telah menyalahgunaan nikmat kepintarannya untuk sekular. Menurut Syed Hussein Alatas, tiadalah pada tempatnya penentuan peribadi sebagai seorang sekular dengan erti yang tidak baik dan tidak menggunakan kepintarannya dan kebijaksanaannya untuk Islam, hanya kerana berbeza pandang tentang konsep Negara Islam. Kerana, sebetulnya yang dimaksudkan oleh Nik Aziz bahawa Mahathir itu adalah seorang sekular kerana Mahathir dan UMNO tidak dapat menerima bentuk negara yang akan ditajakan oleh PAS sebagai Negara Islam yang menjalankan undang-undang yang dianggap undang-undang hudud oleh PAS.

Dalam konteks negara, apabila sekularisme amnya difahami sebagai suatu ideologi yang menyatakan dirinya bersifat universal dan menganggap bahawa pemisahan antara agama, politik, dan negara memang dikehendaki dan harus dijalankan. Sebab, agama pada mulanya adalah berkenaan dengan eksistensi pribadi, dan bukannya bersifat awam. Bahkan, agama dianggap pula sebagai punca dari pertumpahan darah, kefanatikan, dan sebagainya, sebagaimana yang nampak dalam sejarah selama beberapa masa (Keane, 2007: 38).

Masykuri Abdillah (2007: 136) memperincikan beberapa perbezaan antara Islam dan sekularisme. Sekularisme adalah suatu faham yang bercirikan

dan dipandang sebagai buatan manusia; berorientasi keduniawian; menekankan pada akal, observasi dan eksperimen; mempercayai humanisme; memisahkan antara urusan agama dan politik; dan memposisikan agama hanya dalam urusan-urusan personal (pribadi). Sedangkan Islam adalah agama yang bersumber dari Tuhan; menekankan dunia dan akhirat; menekankan wahyu, akal, observasi dan pengalaman; mempercayai humanisme tetapi dalam kerangka syariah, menyatukan antara urusan agama dan politik dan Islam mengatur semua aspek kehidupan. Oleh kerana perbezaan yang tajam di antara keduanya, maka ramai tokoh pemikir Islam konservatif itu dengan tegas menolak apabila di antara keduanya boleh dipertemukan.

Menurut Mahathir, sekularisme walau memiliki perbezaan yang tajam dengan Islam, tetapi bukan berarti harus ditolak hanya kerana ia berasal dari Barat. Sehingga menganggap semua yang berfahaman sekularisme sebagai sesuatu yang harus diketepikan; ilmu dan pengetahuan sekular, tamadun sekular, budaya sekular, dan lain-lain. Akibatnya ada sebahagian umat Islam yang tidak mau belajar ilmu pengetahuan dan sains umum semisal matematik, kejuruteraan, kerana menganggapnya sebagai ilmu sekular. Hal yang penting adalah bersifat selektif, mengubah suai dan tidak menerima secara membuta tuli konsep-konsep tersebut, mengambil yang baik dan kemudian mengetepikan yang tidak baik dan tidak sesuai.

Sikap yang sama juga ditunjukkan Mahathir apabila menegaskan pandangan terhadap fahaman dan konsep pluralisme. Bagi Mahathir, pluralisme atau masyarakat majmuk sebagai suatu perbezaan kerana berbilang kaum yang pastinya selalu ada dalam setiap negara. Harus difahami dan diguna untuk

mendorong persatuan dan kerjasama serta keamanan guna mencapai tujuan bersama.

Masyarakat majmuk sebagaimana dicirikan oleh J.S Furnivall (Ahmad Fauzi & Mohd Idris, 2006: 282) ialah masyarakat yang di dalamnya tidak ada penyesuaian nilai di dalam satu kelompok dengan kelompok lain; tidak wujudnya keseragaman dari segi kebudayaan; selalu berlaku konflik dan pertentangan di antara kelompok yang ada; tiap-tiap kelompok itu mengekal kuasa autonomi mengikut bahagian-bahagian sistem sosial mereka; unsur paksaan serta saling bergantung dalam bidang ekonomi di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain sebagai factor asas untuk berlakunya interaksi; dominasi dari segi kuasa politik oleh satu kelompok terhadap kelompok yang lain; dan pemecahan pucuk pimpinan berdasarkan kepada kepentingan kelompok-kelompok tertentu. Tiap-tiap kelompok mempunyai fungsi serta kepentingan mereka sendiri. Namun perbezaan di antara masing masing masyarakat yang berbilang kaum dimaksud bukanlah untuk dibesar-besarkan bagi menghambat pembangunan Negara. Sebaliknya, berbagai hal positif, kekuatan dan kebolehan yang ada pada masing-masing kelompok tersebut menurut Mahathir mesti digunakan untuk menyokong pembangunan dan pencapaian tujuan negara.

Rustam A. Sani (2006: 40) dalam bukunya bertajuk 'Bercanda dengan Mahathir', menyatakan bahawa sikap bermusuhan (*quarrelsome*) dan kecaman Mahathir terhadap negara-negara Barat (misalnya Britain) tersebut terkadang tidak tepat dan sebenarnya hanyalah dilakukan oleh Mahathir kerana tidak adanya sesuatu keperluan yang bersifat segera dan jangka pendek dengan negara tersebut.

“Berlagak kasar terhadap negara-negara Barat seperti Britain memang sesuatu yang amat digemari Mahathir. Postur yang demikian memberikannya semacam citra *macho* dalam arena hubungan antarabangsa. Postur *macho* yang demikian itu akan diperagakannya kepada rakyat Malaysia dan negara-negara membangun lainnya, bahawa berbanding dengan negara-negara membangun yang lain, Malaysia kononnya tidak takut pada kuasa besar yang ingin menjajah kembali. Oleh sebab itulah setiap peluang yang ada untuk Mahathir menunjukkan sikap berkelahinya dengan negara-negara Barat maka dia akan berbuat demikian”.

Namun, apapun yang dikatakan orang, Mahathir tetapi dikenali sebagai salah seorang tokoh yang berani membidas dan menyuarakan ketidakadilan negara-negara Barat terhadap kepentingan negara-negara Islam dan negara berkembang lainnya.

Mengikuti kepada huraian di atas, berkenaan dengan sikap yang ditunjukkan oleh Mahathir ketika berhadapan dengan Barat dan segala budaya serta faham-faham yang berkembang di dalamnya, berdasarkan kepada kategori sikap umat Islam yang dirincikan oleh Seyyed Hossein Nasr, maka Mahathir boleh dimasukkan ke dalam kelompok yang kedua, walaupun kadang-kadang Mahathir juga melakukan kritik yang keras terhadap Barat dan budayanya; kelompok modenis mengikuti kepada Akbar S Ahmed (Erik & Hadziq, 2003: 56); atau sekularisme, westernisasi; dan modenisme Islam mengikuti Esposito (1994: 65-67).

Menurut Hossein Nasr (Waryono, 2003: 379-340), setidaknya ada tiga kelompok respons umat Islam terhadap budaya dan faham dari Barat. Pertama, mereka yang mengambil model Barat sepenuhnya tanpa mempertimbangkan eksese negatifnya. Kerangka berfikir Barat digunakan untuk memahami Islam dan masyarakatnya. Maknanya, aspek-aspek Islam menurut mereka harus

disesuaikan dengan Barat. Kedua, kelompok yang mengambil aspek-aspek tertentu sahaja dari Barat dan berusaha untuk melakukan akulturasi serta asimilasi antara Islam dan Barat. Pada kelompok ini berlaku satu filter sehingga tidak semua idea Barat harus ditolak atau pun diterima. Ketiga, kelompok yang menantang *world view* Barat dan cenderung menjadi fundamentalis. Kelompok ini sentiasa melakukan kritik terhadap Barat dan enggan melakukan kompromi dengan Barat dan mereka lebih percaya kepada tradisi Islam.

Akbar S. Ahmed, pemikir Islam kelahiran Pakistan tahun 1943 (Erik & Hadziq, 2003: 56) membagi sikap Muslim terhadap dunia Barat dalam tiga kategori, iaitu tradisional, radikal dan moden. Tradisional adalah kelompok pemikir yang lebih mementingkan pesan-pesan universal Islam daripada perbezaan personal atau sekretarian yang sempit. Mereka ini antaranya adalah Hossein Nasr, Ismail Raji al-Faruqi, Ali Syariati dan Ali Ashraf. Radikal adalah pemikiran yang berusaha mengimplementasikan ajaran dan tatanan Islam lewat perjuangan bersenjata dan konfrontasi. Mereka yang masuk dalam kelompok ini amnya sangat menentang Barat dan berusaha untuk membangkitkan kebencian umat Islam terhadap Barat melalui publikasi gagasan-gagasan pemikiran yang merefleksikan kemarahan umat Islam, ketidakadilan, diskriminasi, pelanggaran Barat dan lain-lain. Oleh itu, kelompok ini biasanya disebut sebagai kelompok 'fundamentalis'. Moden adalah pemikiran yang mempunyai keyakinan bahawa agama sebagai kekuatan. obat mujarab dan bimbingan agama harus disesuaikan dengan perubahan masa. Mereka yang masuk kelompok ini menolak tradisi Islam dan berusaha mengganti atau menyesuaikan dengan idea-idea dan tradisi di luar Islam. Antaranya kelompok ini menerima pemikiran Marxisme di samping tamadun Barat.



Menurut Esposito (1994: 65-67) ada empat bentuk tanggapan kaum Muslim terhadap Barat, yaitu kelompok yang menolak; mundur atau menarik diri; sekularisme dan westernisasi; dan modenisme Islam.

Pertama, kelompok yang menolak Barat beranggapan bahawa orang-orang Barat merupakan musuh utama orang Islam, walaupun mereka terkadang dianggap sebagai *ahlul kitab* tetapi mereka adalah orang-orang kafir kerana sikap dan permusuhan mereka terhadap orang Islam. Bagi kelompok ini, pendidikan moden Barat dianggap sebagai sesuatu yang asing, berlebihan dan mengancam keyakinan agama Islam. Sehingga kerjasama dalam bentuk apapun dengan Barat dianggap sebagai suatu sikap yang menyerah dan pengkhianatan.

Kedua, kelompok yang mundur atau menarik diri, agar terhindar dari segala pengaruh dan faham Barat yang menyimpang dan bertentang dengan ajaran agama. Bagi mereka hijrah Nabi SAW dan para sahabat dari Makkah ke Madinah adalah contoh terbaik untuk diikuti. Dalam rangka merancang strategi dan menyusun kekuatan kembali untuk mencapai kejayaan.

Ketiga, kelompok yang menjalani sekularisme dan westernisasi kerana beranggapan bahawa untuk menyaingi Barat maka mereka pun harus maju dan moden seperti halnya Barat. Anggapan ini membuat mereka termotivasi untuk belajar, menguasai ilmu dan teknologi, bahkan cenderung untuk mengikuti gaya hidup dan pola fikir Barat. Oleh itu, walaupun alasan-alasan Islam digunakan untuk menjustifikasi pandangan mereka, tetapi yang nampak dalam proses penerimaan ini adalah ramai pemikir Islam yang kemudian terpengaruh secara

setahap demi setahap oleh pandangan sekular Barat yang membatasi agama pada kehidupan pribadi sahaja.

Keempat, kelompok modenisme Islam, iaitu gerakan moden Islam yang berusaha untuk menjembatani jurang pemisah antara orang-orang Islam tradisional dengan para pembaharu yang sekular. Para pembaharu seperti Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh (Mesir), Allal al-Fasi (Maroko), Abdul Aziz al-Thalabi (Tunisia), Abdul Hamid ibn Badis (Aljazair), Syed Ahmad Khan maupun Muhammad Iqbal (Pakistan) berpandangan bahawa Islam sesuai dengan ilmu pengetahuan moden dan pemikiran Barat. Oleh itu, mereka menyatakan perlunya dan menerima sintesis Islam yang selektif dengan pemikiran Barat moden; mengutuk pemujaan dan peniruan ke masa lalu secara membuta tuli; menegaskan kembali terbukanya pintu ijtihad dalam konteks dunia moden; dan berusaha memberikan alasan yang berdasarkan Islam bagi pembaharuan pendidikan hukum dan sosial guna membangkitkan kembali umat Islam yang mandek dan tak berdaya.

Menarik apa yang dikemukakan oleh Hasan Hanafi, filosof hukum Islam kelahiran Mesir tahun 1935 yang terkenal dengan model pemikiran 'Islam Kiri' . Hanafi tidak setuju dengan sikap sebahagian pemikir Islam yang menolak dengan keras segala fahaman Barat atau pun yang menerima fahaman Barat dan menganggapnya selari dengan ajaran Islam. Hanafi menyarankan kepada umat Islam untuk menerapkan metod 'oksidentalisme', iaitu kajian-kajian terhadap segala yang berhubungan dengan Barat berdasarkan pendekatan keilmuan (ilmiah) dalam rangka memahami keunggulan dan mengambil hal-hal yang positif dari Barat. Pendekatan oksidentalisme yang dimaksudkan oleh

Hasan hanafi ini merupakan kebalikan dari 'orientalisme' yang diciptakan Barat sebagai suatu metod ilmiah untuk mempelajari dan memahami segala hal yang berhubungan dengan dunia dan tamadun ketimuran (terutama dunia Islam); maka . Sikap seperti ini dinilai oleh Hanafi lebih menguntungkan berbanding melakukan penolakan atau penerimaan tanpa pendekatan, metod dan pengkajian ilmiah yang boleh dipertanggungjawabkan. Sudah seharusnya kata Hassan Hanafi umat Islam pada masa sekarang membangun ilmu dengan berlandaskan epistemologi baru lewat pendekatan oksidentalisme dimaksud (Luthfi Asyyaukani, 2007).

#### **7.4 Pandangan Terhadap Perhubungan Islam dan Negara**

Sejak semula perkembangan negara dan politik dunia Islam adalah sesuatu yang beriringan. Dalam bahasa Mohammed Arkoun (1997: 204) Islam adalah salah unsur yang tidak dapat dipisahkan dari negara dan dunia. Maknanya Islam adalah sekaligus agama (*Din*), negara (*Daulah*) dan dunia sekular (*Dunya*) yang tak dapat dipisah. Inilah sebetulnya yang menjadi titik tolak pelbagai usaha kebangkitan Islam (*revivalis*) yang diserukan tokoh-tokoh sehingga, tak terkecuali di Malaysia. Di mana menurut Shamsul (2001: 289) kombinasi antara Kombinasi antara faktor-faktor dalaman dan luaran gerakan pembaharuan dan kebangkitan Islam dimaksud telah mempengaruhi fokus pemerintah terhadap Islam. Sehingga, inisiatif pemerintah lebih terserlah di akhir 1970-an dan meningkat pada peringkat yang tak terduga pada 1980-an dengan naiknya Perdana Menteri Mahathir pada tahun 1981. Antara polisi Mahathir yang terpenting adalah menyangkut posisi Islam di Malaysia dan posisi Malaysia sebagai bangsa di dunia Muslim.

Islam menduduki posisi penting seiring dengan rancangan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan. Hal ini mulai nampak apabila pada tahun 1970-an, dengan makin ramainya organisasi dakwah yang lebih politis dan condong kepada reformasi (kelompok gerakan modenis) Malaysia, mendesak UMNO agar lebih gigih dalam mempertahankan Islam, nasionalisme Melayu, dan hak-hak ekonomi serta hak-hak istimewa Melayu-Muslim. Mereka menolak ketergantungan Malaysia pada nilai-nilai Barat dan Cina, dan mengkhawatirkan bahawa sikap ketergantungan tersebut akan menghancurkan identiti, integriti, dan solidariti Melayu-Muslim. Mereka mendukung upaya kembali pada Islam sebagai jalan hidup menyeluruh dengan menggabungkan ibadah dan aktiviti sosial, dan menyerukan Islamisasi yang lebih gencar kepada masyarakat Malaysia. Sedangkan gerakan yang lebih keras (kelompok gerakan fundamentalis; misalnya PAS) menuntut dibentuknya pemerintahan Islam, diberlakukannya hukum Islam (*hudud*), dan pemisahan jenis jantina dalam pendidikan, olahraga dan aktiviti kehidupan publik pada umumnya (Esposito & Voll, 1999: 172).

Tuntutan ini membuat partai UMNO sebagai partai pemerintah yang berkuasa dan para ahli politisinya bertambah peka terhadap Islam, walaupun pada tahun awal-awalnya UMNO cenderung menekankan perannya sebagai pembela nasionalisme Melayu dan sistem pluralistik. Perubahan orientasi kepada Islam secara signifikan terjadi ketika UMNO mulai memberi tekanan yang lebih besar pada identiti dan solidariti Melayu-Islam melalui simbol-simbol, wacana politik, dan kebijakan-kebijakannya. Para politisi UMNO semakin banyak memanfaatkan retorika dan slogan-slogan Islam untuk mendukung citra Islami mereka. Bahkan, ketika Mahathir Mohamad terpilih menjadi Perdana Menteri di

tahun 1981, beliau menempatkan UMNO dan pemerintah di jalur yang lebih berorientasi Islam dengan memberikan tekanan lebih besar pada Islam, baik di dalam negeri mahupun di forum internasional. Islam pun kemudian menjadi teras utama di bawah kepimpinan Mahathir (Pandian, 2005: 167). Hal ini menunjukkan bahawa Mahathir telah menjadi seorang pendukung Islam yang berani dan seorang politisi yang sangat cerdas (Hussin Mutalib, 1995: 193). Mahathir juga mampu secara cerdas menyatukan masa lampau dan masa kini, menahan dan mengkooptasi oposisi Islam, memanfaatkan Islam dalam politik domestik, regional, dan internasional (Esposito & Voll, 1993, 183).

Islamisasi polisi pemerintahan Mahathir yang kemudian diikuti oleh usaha-usaha bertahap untuk menciptakan sebuah masyarakat yang dipenuhi dengan nilai-nilai Islam universal semakin nampak, ketika pada tahun 1982, UMNO mengumumkan dan mengklaim dirinya sebagai partai Islam terbesar di dunia dan menyerukan program Islamisasinya (Zainah Anwar, 2002: 82). Islamisasi adalah upaya untuk menanamkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan (Hussin Mutalib, 1996: 209). Langkah ini diikuti pula dengan dicetuskannya pelaksanaan 'Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam' di Malaysia pada tahun 1985 oleh Mahathir.

Oleh itu, pemerintahan Mahathir terus dan secara sungguh-sungguh memperluas keterlibatannya dalam urusan Islam dengan segenap cara; memperbesar dukungan terhadap peliputan Islam di media dan kurikulum sekolah, membina Universitas Islam Internasional Malaysia, menubuhkan fakultas-fakultas kajian Islam di universitas-universitas yang ada, menubuhkan bank dan asuransi Islam, memperbesar dana untuk pembangunan masjid,

program sosial dan dakwah Islam, menyelenggarakan konferensi-konferensi Islam internasional mengenai pelbagai bidang, dari filsafat dan hukum Islam sehingga ekonomi dan sains Islam (Hussin Mutalib, 1995: 194; Esposito & Voll, 1999: 184; Zainah Anwar, 2002: 85; Rahimin Affandi, 2005). Bahkan Malaysia di bawah pentadbiran Mahathir juga semakin banyak terlibat dan berpartisipasi aktif dalam organisasi-organisasi Islam regional dan internasional; Dewan Masjid Asia-Pasifik, Dewan Dakwah Islam Regional Asia Tenggara dan Pasifik, Majelis Dunia Pemuda Muslim, dan Organisasi Konferensi Islam.

Shamsul (2001: 300) juga menegaskan pendapatnya yang kurang lebih sama, bahawa selama masa 1979-1990 dalam kerangka gerakan dakwah, pemerintah berupaya untuk menyatukan kelompok-kelompok dakwah dengan menerapkan program-program berorientasi Islam, mendanai organisasi-organisasi Islam, penubuhan institusi-institusi ekonomi Islam, mengumumkan kebijakan luar negeri yang pro Muslim, dan menjadi anggota aktif Blok Politik Muslim.

Terkait bidang ekonomi, para politisi UMNO menyamakan nilai-nilai Islam dengan kerja keras, disiplin, dan kemajuan, serta mengaitkan program-program ekonomi NEP dengan Islam. UMNO telah mendesak perlunya mengembangkan masyarakat Muslim yang lebih moden dan kompetitif jika Islam ingin maju pesat di tengah dunia moden. Tambah lagi, jika Islam ingin dipertahankan dan dikembangkan, maka umat Islam harus mampu bersaing dengan masyarakat yang lain, seumpama orang-orang Cina dan India.

Berikut adalah jadual kebijakan atau program-program keislaman yang dibuat oleh pemerintahan Mahathir antara tahun 1978-1988, sebagaimana dikemukakan oleh Hussin Mutalib (1996: 194).

Jadual 7.4

*Kebijakan Islamisasi Pemerintahan Mahathir, 1978-1988*

No.	Program Islamisasi	Tahun
1.	Deklarasi pemerintah merevisi sistem hukum nasional agar lebih selaras dengan hukum Islam.	1978
2.	Deklarasi pemerintah untuk mendirikan Pusat Penelitian Islam Asia Tenggara senilai RM 26 Juta.	1979
3.	Pengetahuan agama Islam ditetapkan sebagai materi ujian di tingkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).	1979
4.	Penetapan secara rasmi Bulan Dakwah Nasional.	1979
5.	Deklarasi politik untuk menyusun kembali model sistem ekonomi Malaysia menjadi model Islam.	1980
6.	Pembangunan untuk yang pertama kali Sekolah Guru Islam yang menghabiskan biaya RM 22 Juta.	1980
7.	Pendirian Bank Islam, Pegadaian Islam, Asuransi Islam, Yayasan Ekonomi Islam dan pembentukan Kelompok Sumber Daya Islam serta Kelompok Khusus Penegakan Islam.	1981-1982
8.	Kenaikan yang mencolok jumlah program-program keislaman di dalam siaran radio dan televisyen.	1981
9.	Pengadaan tempat yang permanen untuk Kamp Training Islam Internasional.	1982
10.	Anwar Ibrahim bergabung dengan UMNO dan pemerintah	1982
11.	Kesponsoran pemerintah terhadap Rumah Sakit Pusat Islam.	
12.	Penantangan terhadap 'pelindung' rakyat Malaysia, para sultan (kerajaan).	1983
13.	Pendirian Universitas Islam Internasional.	1983
14.	Peningkatan kinerja 'Pusat Islam' yang merupakan pusat saraf dari birokrasi Islam.	1983
15.	Deklarasi resmi tentang 'Islamisasi Tubuh Pemerintahan'	1984
16.	Deklarasi bahawa hanya Islam yang mendapat jatah waktu siaran di radio dan televisyen Malaysia.	1984
17.	Status hakim dan pengadilan Islam disetarakan dengan rekannya di pengadilan sipil.	1988
18.	Permulaan pelaksanaan program untuk membangun desa-desa Islam di kota-kota sepanjang Malaysia.	1988

Berbagai kebijakan dan program keislaman yang dilaksanakan oleh pemerintahan di bawah pimpinan Mahathir boleh dipahami menjadi penanda dan wujud terjadinya kebangkitan Islam di Malaysia (Amin Fadlillah, 2008).

Menurut Shamsul (2001: 282), gerakan revivalis atau kebangkitan Islam di Malaysia didorong paling tidak oleh enam tujuan utama, iaitu: (1) untuk menyudahi tekanan atau mengkonstruksi ulang modernisasi; (2) untuk mengekspresikan sentimen-sentimen anti imprevialis atau anti hegemoni; (3) untuk memajukan kebangkitan spiritual dari dalam agama yang ada, semisal menggerakkan reislamisasi pengetahuan; (4) untuk menolak pengaruh-pengaruh dari rasionalisasi-kemasyarakatan; (5) untuk menyelesaikan bagaimana hidup dalam sebuah dunia keraguan radikal melalui reformulasi tradisi atas simbol-simbol dan sistem-sistem makna tradisional; dan (6) untuk menemukan kembali dan membangun tradisi, jadi melakukan redefinisi atau penegasan ulang akan identitas-identitas etnoreligius dalam sebuah masyarakat yang majmuk.

Dalam pandangan Esposito & Voll (1999: 169), berkebalikan dengan kebanyakan negeri Muslim yang lain, kebangkitan kembali Islam di Malaysia merupakan kebangkitan religio-etnik, di mana faktor-faktor (dalam negeri) seperti Kebijakan Ekonomi Nasional-NEP, aktiviti para alumni universiti luar negeri seperti Mesir mahupun faktor-faktor (luar negeri-internasional), tulisan-tulisan para pemikir Islam yang agak radikal, perang Arab-Israel, Palestin, Islamisasi di Pakistan, Revolusi Islam Iran, telah mendorong timbulnya kebangkitan kembali Islam-Melayu, yang agama, ekonomi, bahasa, dan tamadunnya saling berkaitan. Kerana itu, menurut Esposito & Voll (1999: 186), gerakan kebangkitan Islam di



Malaysia pada prinsipnya merupakan bahagian integral dari kebangkitan intelektual Muslim di seluruh dunia dan telah memiliki kaedah-kaedah dan pendekatan untuk merumuskan tafsir mereka sendiri atas Islam kepada umatnya.

Berikutnya, merujuk kepada Shamsul (2001: 282) yang telah mengidentifikasi empat tahap revivalisme Islam di Malaysia; masa kebangkitan kembali (1969-1974), masa gerakan lanjutan (1975-1979), masa konservatif (1980-1990), dan masa dakwah dan industrialisasi Malaysia (1991-sekarang).

Pada masa kebangkitan kembali, gerakan dakwah bergerak dari perhatian yang terbatas akan munculnya kesedaran Muslim kepada perhatian yang lebih luas dengan mengontrol perpolitikan nasional melalui aktiviti mahasiswa. Tradisi ini hanya berlangsung selama lima tahun dari politik personal kepada politik nasional yang memang merupakan prestasi besar bagi gerakan dakwah. Hal tersebut telah menjadikan Malaysia lebih meningkat sifat keislamannya dan memungkinkan gerakan menyuarakan isu-isu Islam secara lebih positif (Shamsul, 2001: 286).

Masa gerakan lanjutan ditandai dengan pluralisasi dan radikalisasi gerakan dakwah Malaysia. Sebagai akibatnya, dominasi ABIM (*Angkatan Belia Islam Malaysia*) telah menurun secara drastis. Di kampus-kampus terdapat, terdapat pemisahan yang jelas antara pendukung ABIM dan IRC (*Islamic Representative Council*), yang meremehkan satu sama lain dengan sikap yang menyalahkan daripada sikap berterimakasih. Ketika itu juga, pemerintah telah memikirkan respons terhadap tantangan Islam. Tawaran pemerintah banyakan tidak menggoyahkan gerakan dakwah, tetapi untuk memilih atau

mengarahkannya sehingga ia dapat berfungsi sebagai penyalur kepentingan-kepentingan kerajaan.

Masa konservatif ditandai dengan berkembangnya gerakan dakwah domestik. Gerakan ini tidak saja mendapatkan posisi yang luar biasa dalam wilayah politik, tetapi juga telah mentransformasikan pemikiran dan kultur Melayu. Partai Islam pun mulai meninggalkan koalisi kekuasaan dan memulai perannya sebagai oposisi Muslim, sehingga meningkatkan tantangan terhadap pemerintah. Untuk mengimbangi gerakan dakwah yang berbasis mahasiswa dan Partai Islam, pemerintah kemudian mengadopsi pendekatan *mainstreaming*. Dengan pendekatan inilah setiap persoalan Islam diselesaikan secara positif, baik secara politik mahupun ekonomi. Berbagai upaya terus dilakukan pemerintah untuk menyatukan kelompok-kelompok dakwah dengan menerapkan program-program berorientasi Islam, mendanai organisasi-organisasi Islam lokal dan asing, pendirian institusi-institusi ekonomi Islam, mengumumkan kebijakan luar negeri yang pro Muslim, dan menjadi anggota aktif Blok Politik Muslim, sehingga menarik kelompok-kelompok dakwah yang berbasis mahasiswa, seperti ABIM untuk bergabung dengan pemerintah serta memberikan sekumpulan ide dan projek-projek praktis untuk program-program dakwah pemerintah. Kemudian secara domestik, pemerintah telah menawarkan versi dakwah yang lebih moderat, toleran, dan cocok untuk masyarakat Melayu, dengan kemajemukan kelompok-kelompok etnisnya serta jumlah penduduk Muslim dan non Muslimnya yang hampir sama (Shamsul, 2001: 290).

Pada masa industrialisasi Malaysia ditandai dengan semangat dan pernyataan bahawa agama adalah sebagai pembimbing utama kebangkitan dan

pembangunan bangsa sebagaimana yang ditegaskan oleh Mahathir pada awal 1991. Mahathir menyatakan bahawa Malaysia tidak akan mengikuti jalan sama yang ditempuh Barat dalam perjalanannya menuju industrialisasi dan modenisasi, tetapi negara Malaysia yang maju, moden, dan industrialis menuju wawasan 2020 akan dibimbing dan tetap berpijak pada nilai-nilai spiritual, agama, dan moral yang tinggi sebagai pembimbing utama (Shamsul, 2001: 296).

Menanggapi galakkan pembangunan infrastruktur dan berbagai kemudahan Islam yang dijana Mahathir, Ismail Ibrahim (2002: viii) menyatakan bahawa tidak ramai pemimpin Negara Islam yang komited untuk memajukan agama dan umatnya berdasarkan *world view* atau *tasawwur Islam* yang sebenarnya, seterusnya menjadikannya agenda negara dalam memajukan umat dan agama Islam itu sendiri. Menurut Rahimin Affandi (2005) proses pembangunan fizikal dan spiritual memang berlaku di Malaysia, dilihat dari sudut pembangunan infrastruktur seperti pemikiran dan institusi Islam yang tertentu, merangkumi aspek perundangan, ekonomi, pendidikan, pentadbiran awam, hubungan luar dan sebagainya (Rahimin Affandi, 2005).

Tetapi, berbagai program dan kebijakan Islamisasi yang telah dijalankan oleh pemerintahan Mahathir di atas tetap sahaja dianggap oleh PAS sebagai 'Islamisasi Kosmetik' sahaja, iaitu suatu usaha serampangan untuk membangun Islam dari kepingan-kepingan dan potongan-potongan. Ianya dilakukan bukan untuk menciptakan sebuah negara Islam (sebagaimana yang diinginkan PAS), melainkan untuk meredam dan memperlambat gerakan menuju sebuah masyarakat yang lebih Islami (dalam Zainah Anwar, 2002: 83). Dengan kata lain, usaha penerapan nilai-nilai Islam yang dibuat oleh UMNO tersebut menurut PAS

hanyalah sebagai program tempelan semata-mata. PAS beranggapan, apabila kerajaan sanggup menubuhkan UIA tetapi tidak bersedia mengIslamkan universiti lain yang sedia ada dan begitu jugalah keadaannya dengan Bank Islam dan sebagainya. Bagi PAS penerapan nilai-nilai Islam adalah sebagai satu modal politik di dalam kerajaan sekular. Oleh itu, rancangan-rancangan dan usaha Islamisasi kerajaan yang dijana Mahathir, menurut PAS adalah pragmatik dan liberal (Norhayati, 1996: 138). Tambah lagi, mengikut kepada Esposito & Voll (1999: 183), program Islamisasi pemerintah yang dipimpin UMNO berkisar daripada menggunakan simbol-simbol dan retorika Islam hingga mendirikan lembaga-lembaga keIslaman.

Namun, inilah jawapan konkrit Mahathir selaku pimpinan UMNO dan dalam menjalankan pemerintahan terhadap keinginan sesetengah pihak menjadikan Malaysia sebagai Negara Islam. Selari dengan Zainah Anwar (2002: 83) yang menyatakan bahawa bagi pimpinan UMNO yang umumnya berfikiran moderat, untuk menjadi Islami dan menjadi negara Islam, tidak perlu dengan menciptakan Negara Islam bagi pemerintah dan rakyat. Cukuplah dengan penanaman nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam universal yang dapat diterima oleh semua pihak dalam pentadbiran dan polisi-polisi pembangunan pemerintah. Hidup dalam kedamaian dan bekerjasama dengan ras yang lain, memberantas kemiskinan, mengembangkan dan memodenkan negera, meningkatkan status sosial-ekonomi rakyat, membangun sekolah-sekolah, jalan-jalan raya, semuanya merupakan aktiviti Islami, sehingga membolehkan negara disebut sebagai negara Islam, tanpa harus memberi label Islam pada aktiviti-aktiviti tersebut. Amin Fadlillah (2008) menegaskan pula bahawa Dasar penerapan Nilai-nilai Islam yang dilancarkan Mahathir pada tahun 1982 dalam pentadbiran negara

telah menandai satu era permulaan yang menjadikan Malaysia dikenali dunia sebagai negara yang lebih Islamik tanpa menjadikannya sebagai negara Islam.

Dalam pandangan Mohamad Kamil & Rahimin Affandi (2008), Islam telah menjadi kekuatan utama yang membawa perubahan kepada masyarakat Melayu. Merujuk kepada politik hukum dan pengubalan dasar awam di Malaysia, fungsi Islam tidak terhad kepada pengamalan ritual semata-mata tetapi turut menjadi inspirasi dan mekanisme utama yang diterapkan ke dalam sesuatu dasar awam. Hal ini antara lainnya boleh dikesan dari pengenalan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara yang kemudiannya diikuti dengan pelbagai program Islamisasi, yang membuahkan hasil yang cukup memberangsangkan di dalam pelbagai dimensi, seperti penerapan nilai-nilai Islam dalam jentera pentadbiran kerajaan; pembaikan terhadap sistem perundangan negara yang lebih bersesuaian dengan prinsip-prinsip Islam; penambahbaikan pelbagai agensi yang berkaitan dengan Islam; pengubalan dasar pendidikan negara yang lebih bersesuaian dengan semangat Islam; penerapan nilai-nilai Islam di dalam organisasi politik masyarakat Melayu; pengenalan dasar domestik dan luar negara yang lebih bersimpati dengan masyarakat Islam; penubuhan pelbagai institusi keislaman bentuk baru, seperti Bank Islam, UIAM, Takaful, LUTH, dan banyak lagi.

Rahimin Affandi (2005) menambahkan bahawa dilihat dari sudut peranan Mahathir sebagai peneliti, perancang dan pelaksana sesuatu dasar negara yang berkesesuaian dengan nilai-nilai Islam. Apa yang paling menguntungkan adalah Mahathir sendiri dalam kapasitinya sebagai perdana menteri dilihat telah mampu

melaksanakan segala gagasan kelslaman yang difikirkan, yang kemudiannya telah mempengaruhi masyarakat awam yang lain.

Jelas bahawa pada peringkat awal pentadbiran, Mahathir menumpukkan perhatian untuk mengembangkan Islam di bawah payung kesederhanaan (moderat) baik secara domestik mahupun di peringkat antarbangsa. Tindakan Mahathir lebih berbentuk menekankan nilai-nilai harmoni Islam bersesuaian dengan program modenisasi ekonomi negara. Di bawah pentadbiran Mahathir, Islam dilihat membentuk identiti pascakolonial, baik secara domestik mahupun di rantau antarbangsa yang memberi kekuatan kepada mempromosikan proses modenisasi yang bersesuaian dengan sekularisme (Pandian, 2005: 172). Kekuatan kepimpinan Mahathir telah membuat Islam menjadi kekuatan yang lebih disegani di dalam politik Malaysia, sekaligus pula menjadikan krisis identitas Melayu-Islam menjadi lebih terfokus (Hussin Mutalib, 1995: 185). Kebanyakan kritik Mahathir sebenarnya membawa perubahan dalam menentukan hala tuju pentadbiran Islam di bawah kepimpinan beliau. Antaranya beliau tidak menganggap cara hidup Islam hanya dengan memenuhi amalan-amalan wajib dan berpengetahuan tentang agama Islam semata-mata (Pandian, 2005: 173).

Menurut Ahmad Atory (1998: 169, 173) kepimpinan Mahathir merupakan salah satu agen pembaharuan pentadbiran yang terpenting. Pentadbiran Mahathir telah dapat membentuk satu gabungan di kalangan elit-elit yang berpartisipasi sebagai birokrat, golongan tentera, ahli-ahli politik dan ahli-ahli perniagaan untuk berkongsi dan bukan memonopoli kuasa untuk proses pembangunan. Sememangnya dalam mentadbir dan memimpin negara, Mahathir dikenali sebagai seorang pemimpin yang menerapkan pendekatan keras dan

disiplin tinggi untuk mempercepat proses pembangunan bangsa dan industrialisasi. Gaya kepimpinannya sangat agresif dan bernas, termasuk mengambil kontrol atas UMNO, sehingga beliau dapat memimpin koalisi yang berkuasa, Barisan Nasional, dan mengukuhkan kedaulatan pusat perdana menteri atas pemerintahan dan lembaga-lembaga politik di Malaysia. Meskipun pada 1987 menghadapi tantangan yang nyaris mengalahkannya dari beberapa pemimpin UMNO lain yang memisahkan diri dari partai dan memimpin pembentukan suatu partai oposisi. Semangat Mahathir menunjukkan kecekapan politiknya yang luar biasa, hingga awal 1990-an Mahathir akhirnya berhasil memegang kontrol kuat atas pemerintahan dan partai yang berkuasa (Esposito & Voll, 1999: 187).

Terhadap isu dan keinginan PAS untuk menerapkan syariat dan terutama hudud, Mahathir menyatakan bahawa undang-undang Malaysia sudah sesuai dengan Islam, dan dia menegaskan kembali nilai-nilai pluralisme dan toleransi serta memberikan peringatan terhadap ekstremisme agama. Bagi Mahathir, pelaksanaan syariah bukan bererti semata-mata menjalankan hudud, tetapi yang pentingnya ialah menjawab segala cabaran Allah yang menghendaki supaya menghapuskan kejahilan dan melenyapkan kemiskinan dan tidak membiarkan generasi muda hidup tersisih dan terencil daripada arus perdana. Sehingga, apabila perkara-perkara ini tidak diperangi dan tidak dicabut dari akar umbinya, maka pemerintah boleh dianggap sebagai pendusta agama (Dusuki Ahmad, 2004).

Pada saat yang sama, pemerintahan Mahathir juga terus mendukung pemahaman yang positif dan reformis terhadap Islam dan nilai-nilai Islam,

menggambarkan Islam sebagai sebuah agama yang dinamik dan memiliki etika kerja yang kuat, untuk mendukung pendekatan Malaysia yang agresif dalam bisnis dan industrialisasi, sebagaimana tertuang dalam Wawasan 2020 (Esposito & Voll, 1999: 187).

Sedangkan, menanggapi tuntutan berdirinya Negara Islam secara formal, Mahathir menjawab bahawa bagi kaum Muslim Melayu, dengan tetap mempertahankan sistem pluralitasnya, Malaysia dalam kenyataannya telah menjadi sebuah negara dan masyarakat Islam (Esposito & Voll, 1999: 185). Di sini tampak pandangan Mahathir yang menganggap bahawa formalitas Negara Islam tidak diperlukan, sebab dengan menyatakan bahawa Islam sebagai resmi negara, pelaksanaan program-program keislaman, dan penerapan prinsip-prinsip keislaman yang universal dalam kehidupan berbangsa dan bernegara sudah membolehkan Malaysia disebut sebagai Negara Islam. Sebagaimana hal pertama yang dilakukan oleh Mahathir manakala membersihkan dan meninggikan taraf perkhidmatan kerajaan dengan melancarkan kempen 'Bersih, Cekap, Amanah' dan 'Kepimpinan melalui teladan' ke arah menerapkan nilai kebertanggungjawaban dan etika murni di kalangan kakitangan awam khususnya dan masyarakat amnya.

Oleh itu, Mahathir menolak gagasan yang ingin menerapkan undang-undang atau syariah Islam dalam kehidupan bernegara sebagai wujud dari formalisasi negara Islam. Hukum Islam menurut Mahathir diperuntukkan hanya bagi warga Muslim dan berlaku sebagai hukum peribadi mereka. Sedangkan hukum untuk negara meskipun tidak didasarkan kepada hukum Islam, sejauh tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam tetap boleh digunakan. Hukum



Islam hanya bisa diterapkan jika seluruh rakyat menyetujuinya. Oleh itu, tidak sesiapa yang boleh memaksakan penerapan hukum Islam kerana di dalam Islam memang tidak dikenal pemaksaan (Hussin Mutalib, 1996: 209). Kalaupun sekiranya hukum Islam mahu juga diterapkan, maka ianya mestilah dibuat secara beransur-ansur dan memerlukan masa yang panjang (Kamaruddin, 2006: 85).

Bagi Mahathir gagasan penerapan hukum Islam dengan tujuan untuk menjadikan masyarakat lebih beriman dan meningkat keislamannya tidak akan efektif dan berhasil dilakukan dengan cara yang demikian, sebab masyarakat akan terjebak pada ritual simbolik dan cara tersebut hanya menghasilkan orang-orang Islam cuma pada zahirnya sahaja. Kepatuhan kepada undang-undang semestinya bukanlah sesuatu yang dipaksakan tetapi berangkat pada suatu pemahaman yang sebenar bahawa hal yang demikian sememang harus dilakukan oleh orang Islam sebagai wujud kesedaran dan kepatuhannya kepada agama. Jadi, orang Islam akan berasa *committed* kepada agama Islam jika sekiranya mereka diberi penjelasan tentang kehendak agama Islam yang sebenar.

Mahathir menganggap Malaysia, dengan warisan Islam dan kemakmuran ekonominya, memiliki kesempatan untuk menawarkan suatu model pembangunan terpadu yang khas Muslim. Di tengah kemakmuran ekonomi Malaysia, dengan modenisasi dan dislokasi sosial yang berlangsung cepat, Mahathir telah menetapkan untuk memilih modenisasi, tetapi bukan modenisasi model sekular Barat. Pemerintahan Mahathir telah menekankan perlunya kembali pada kebenaran-kebenaran dan nilai-nilai keagamaan yang kekal di

tengah perubahan dan sebagai kekuatan pengimbang atas sekularisasi masyarakat dan materialisme Barat serta masyarakat konsumen. Penolakan Mahathir atas pandangan sekular Barat yang membatasi agama hanya untuk kehidupan peribadi dan tafsirnya yang lebih komprehensif atas Islam telah melegakan sebahagian kaum Muslimin (Esposito & Voll, 1999: 192).

Mahathir menyatakan bahawa Islam bukan semata-mata kesalahan peribadi dan ritual semata, tetapi juga memiliki jangkauan dan kesan dalam bidang sosial dan peradaban. Mahathir mendefinisikan Islam sebagai peradaban progresif yang menekankan keberhasilan materi dalam kehidupan di dunia dan nilai-nilai spiritual dan kebahagiaan di akhirat nanti. Islam digambarkan sebagai sebuah keyakinan dan cara hidup yang dapat menunjang modenisasi dan pembangunan; sebuah sistem nilai yang mendorong dan mendukung perkembangan akal, sains, dan teknologi; dan sebagai sebuah etika kerja yang kuat serta sebuah toleransi dan keselarasan ras mahupun agama (Esposito & Voll, 1999: 193).

Oleh itu, Mahathir berkeyakinan bahawa pembangunan bangsa Malaysia menghadapi cabaran yang semakin berkembang akan boleh dicapai, terlebih manakala dan untuk meraih matlamat dari Wawasan 2020 apabila pemahaman yang sebenar terhadap ajaran Islam boleh dilakukan. Ini pulalah yang menjadi inti dari pemikiran Mahathir ke atas hubungan antara Islam dan negara, apabila beliau menyatakan bahawa pembangunan dan kemajuan yang hendak diraih oleh Malaysia bukanlah pembangunan dan kemajuan sebagaimana dilakukan oleh negara-negara Barat yang hanya mengejar kemajuan materi sahaja. Dan bukan pula pembangunan sebagaimana yang dicapai oleh Rusia, sehingga

meniadakan wujud Tuhan. Akan tetapi, pembangunan dan kemajuan Negara Malaysia harus sentiasa dilakukan sebagai proses untuk memupuk masyarakat manusia yang berperadaban tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia untuk kebahagiaan umat manusia, pembangunan yang seimbang daripada segi material dan spiritual. Kerana, Islam menurut Mahathir adalah agama yang mengajarkan keseimbangan kehidupan umat manusia; antara kehidupan rohani dan fizikal, antara kehidupan individual dan sosial, dan antara kehidupan dunia dan ukhrawi (akhirat).

Berdasarkan huraian di atas, nampak apabila Mahathir memandang hubungan antara Islam dan negara sebagai sesuatu hal yang amat penting. Kerana, Islam sebagai dasar bagi kehidupan orang Melayu menurut Mahathir sememangnya adalah sumber revitalitas dan pendorong kepada keseimbangan dan kemajuan, bukan kemunduran. Apatah lagi dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Bagi Mahathir Islam tidak sekadar mengandungi prinsip-prinsip yang selaras dalam pengurusan negara. Tetapi lebih dari itu, Islam mesti difahami sebagai sebuah sistem atau cara hidup yang mengandungi prinsip dan nilai-nilai universal seperti bersih, cekap, amanah, bertanggungjawab, yang harus diterapkan dan mewarnai jalannya pemerintahan atau pengurusan negara. Oleh itu, Mahathir menolak faham sekular yang memisahkan antara agama dan negara sebagaimana yang dilakukan oleh Turki mahupun yang umum dianut di negara-negara Barat.

Nampak bahawa gagasan Mahathir berkait hubungan antara Islam dan negara selaras dengan pemikiran dan faham yang dikembangkan oleh pemikir seperti Muhammad Abduh (Mesir), Muhammad Iqbal (Pakistan), Muhammad

Hussein Haekal (Mesir) atau pun Fazlur Rahman (Pakistan) dan tokoh-tokoh pemikir politik Islam semasa lainnya. Kerana itu, berdasarkan tipologi paradigma hubungan Islam dan negara yang dirincikan oleh para penulis seperti Munawir Sjadzali, Din Syamsuddin, Syarif & Zada mahupun Masykuri Abdillah, maka Mahathir masuk dalam kelompok yang ketiga, iaitu kelompok pemikir politik Islam 'moderat' atau 'interseksion' (Syarif & Zada, 2008); 'modenis' atau 'neo-modenis' (Sjadzali, 1993; Abdillah, 2007); 'substansialis' (Din Syamsuddin, 1999; Bahtiar Effendi, 2007).

Berkenaan dengan hubungan Islam dan negara, kelompok pemikir moderat ini amnya berpendapat bahawa dalam Islam tidak terdapat sistem ketatanegaraan, yang ada hanyalah seperangkat tata nilai etika bagi kehidupan bernegara. Kerana itu, maka tidak menjadi masalah sistem dan bentuk pemerintahan apapun yang dipakai oleh umat Islam, apakah kerajaan, republik, parlementer, dan lain-lain. Hal yang utama menurut kelompok ini adalah, bagaimana tata nilai etika yang telah digariskan oleh Islam dalam rangka kehidupan berbangsa dan bernegara tersebut dalam wujud secara nyata dalam praktik dan jalannya pemerintahan. Dalam ertikata lain, kelompok moderat ini berpendapat bahawa agama dengan negara atau politik sebenarnya telah melakukan simbiosis atau hubungan timbal balik yang saling bergantung (*symbiotic paradigm*). Sehingga, agama membutuhkan negara untuk dapat berkembang dan menegakkan aturan-aturan syariat, sementara negara membutuhkan agama untuk mendapatkan legitimitasi, bimbingan moral, dan etika. Karenanya, baik agama maupun negara sebenarnya sama-sama memiliki posisi yang penting.

Namun, pada sisi yang lain, Mahathir juga bersetuju dengan pendapat kelompok konservatif-tradisionalis yang melihat hubungan antara Islam dan negara sebagai sesuatu yang integralistik, seumpama Muhammad Rasyid Ridha (Mesir), Abu al-A'la al-Maududi (Pakistan), Hasan al-Banna dan Syed Quthub (Mesir). Mereka amnya berpendapat bahawa Islam adalah suatu agama yang serba lengkap mengatur kehidupan termasuk di bidang kenegaraan; politik atau kenegaraan merupakan bahagian dari Islam; dan Islam bersatu dengan negara. Pendapat yang tidak dipersetujui oleh Mahathir dari kelompok konservatif-tradisionalis ini adalah bahawa mendirikan negara Islam berdasarkan syariat Islam merupakan satu kewajipan; penerapan hukum Islam (misalnya *hudud*) yang dianggap bukan cara efektif diterapkan untuk melahirkan insan yang beriman dan bertakwa, walaupun ingin diterapkan secara institusi dan formalistik ianya harus melalui proses dan tahapan-tahapan tertentu yang sifatnya beransur-ansur; dan keharusan untuk mendirikan negara agama dengan mengikuti sistem pemerintahan Nabi SAW dan Khulafa al-Rasyidin. Itulah sebabnya, Mahathir tidak bersetuju dengan gagasan pendirian negara Islam dengan penerapan hukum Islam (syariat Islam) secara formalistik di dalamnya.

Bagi Mahathir, cukuplah dengan menerima Islam sebagai agama rasmi negara dan menerapkan nilai-nilai universal Islam dalam kehidupan berbangsa dan bernegara, di mana kerajaan secara berterusan dan sistematik berusaha mempromosikan nilai-nilai Islam dalam urusan kerajaan, pentadbiran dan masyarakat membolehkan Malaysia untuk disebut sebagai 'Negara Islam'. Selari dengan takrif negara Islam yang diutarakan oleh Muhammad Said Ramadhan al-Buti, ialah negara atau bumi yang berada di bawah kekuasaan umat Islam dan mempunyai kedaulatan, dengannya umat Islam dapat mengamal Islam dengan

terbuka dan mampu mempertahankan diri daripada serangan musuh (Shamsuddin Moner, 2008). Atau pula takrif negara Islam dari Muhammad Abu Zuhrah, negara Islam ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan orang Islam. Kekuatan dan pertahanannya dikuasai oleh orang Islam. Sehingga negara sedemikian wajib dipertahankan oleh setiap individu Muslim. Menurut Muhammad bin Hasan al-Syaibani, negara Islam ialah kawasan atau wilayah yang dikuasai dan diperintah oleh orang-orang Islam dan mereka menikmati keamanan dan kesejahteraan di dalamnya (Kamaruddin, 2006: 86).

Boleh disimpulkan bahawa ketidaksetujuan Mahathir terhadap negara Islam nampaknya bukanlah dari proses atau konsep negara Islam itu sendiri, tetapi lebih kepada penerapan syariah Islam atau sistem Islam secara konstitusional dan formalistik dalam negara sehingga membentuk 'negara agama' sebagaimana yang dikehendaki oleh para pemikir kelompok konservatif-tradisionalis. Kenyataan ini boleh dilihat dari penegasan Mahathir bahawa: "UMNO tidak tolak negara Islam kerana cuma anggap negara kita ini juga adalah ditafsirkan sebagai negara Islam kerana negara Islam boleh ada kaum-kaum lain yang menganuti agama-agama lain dan agama Islam menyuruh kita melayani kaum-kaum lain secara adil" (Kamaruddin, 2006: 91). Oleh itu, apabila sebelumnya sikap Mahathir berhati-hati dan tidak secara tegas menyerukan dukungannya terhadap pendirian atau konsep negara Islam dan hanya menyatakan bahawa negara benar-benar bekerja kaedah dan nilai-nilai Islam (Hussin Mutalib, 1995: 210), maka sempena Majlis Perasmian Perwakilan ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 29 September 2001, Mahathir akhirnya mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam. "UMNO ingin menyatakan secara terang-terang bahawa Malaysia adalah negara Islam". Hal yang sama

kemudian diulangi kembali oleh Mahathir ketika berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 20 Jun 2002. “Malaysia adalah negara Islam, sebabnya amat jelas. Di antaranya, orang Islam di Malaysia menikmati bebas hidup secara orang Islam; tidak dihalang untuk berbuat ibadat; dan mereka menikmati keadilan seperti yang dituntut oleh agama Islam”.

Pernyataan Mahathir bahawa Malaysia adalah negara Islam mendapat tanggapan dan kritik, ada yang bersetuju dan ada pula yang tidak bersetuju. Menurut Shamsuddin Moner (2008) ada dua perkara penting yang tersirat di sebalik pengisytiharan tersebut. Pertama, Mahathir ingin ketika itu menzahirkan dan memperlihatkan kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang progresif dan mengamalkan prinsip toleransi antara kaum serta agama dan tidak pernah menyokong sebarang tindakan keganasan atau ekstremis agama. Kedua, pendekatan Islam yang dibawa dan diamalkan di Malaysia adalah pendekatan yang sederhana dan tidak melampau. Semua kaum dan penganut dari berbagai-bagai agama di negara ini tidak pernah menyatakan kebimbangannya kepada apa sahaja dasar-dasar Islam ataupun sebarang program yang bermatlamatkan untuk memperkasakan pembangunan Islam secara terancang dan terbuka.

Status Malaysia sebagai sebuah negara Islam sebenar turut diperakui oleh sebahagian pakar perundangan moden. Hashim Yeop A. Sani dalam kajiannya mengenai Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa Malaysia secara sah boleh mengisytiharkan negara ini sebagai sebuah negara Islam walaupun pada hakikatnya ia adalah sebuah negara sekular dan tidak semua undang-undangnya diasaskan kepada hukum-hukum Islam (Shamsuddin Moner,

2008). Menurut Sheikh Al-Azhar, Mohamed Sayed Tantawi, Malaysia merupakan contoh bagi negara Islam lain, kerana Malaysia mengamalkan ajaran sebenar Islam. Sudah tentu Malaysia merupakan negara Islam contoh. Realiti ini nampak dari pembangunannya yang amat pesat dan rakyatnya juga berpegang kepada ajaran sebenar Islam dengan aman dan damai tanpa rusuhan dan huru hara. Ini adalah ciri-ciri negara Islam kerana Islam adalah agama yang memajukan, bukan memundurkan umatnya (Shamsuddin Moner, 2008).

Abdul Samat Musa (1999: 12) menyimpulkan bahawa memang tidak semua undang-undang Malaysia berasaskan ajaran Islam, namun Malaysia boleh disifatkan sebagai negara Islam. Kesimpulan ini disokong pula oleh Shamsuddin Moner (2008), Malaysia adalah sebuah negara Islam tanpa sebarang keraguan dan tanpa perlu dipertikaikan lagi.

Ada pula yang berpendapat bahawa Malaysia bukanlah negara Islam dan bukan pula negara sekular, tetapi lebih tepat disebut sebagai negara yang berfahaman 'Nasionalis Islam', 'Nasionalis Agamis' atau 'Islamis Sekularis', iaitu negara yang memadukan nilai-nilai Islam dengan sistem kenegaraan yang lain, misalnya sistem Barat yang bersifat sekular. Inilah yang dinyatakan oleh Ahmad F. Yousif bahawa: *"Malaysia is a not an Islamic State (in the sense that Islamic law is the constitutional basis of the state and its legislation)... it is also not a secular state (in the sense that state and religious interest are completely separated"* (Abdul Samat Musa, 1999: 13). Atau pendapat Shad Saleem Faruqi dari UITM, Malaysia bukan negara sekular, tetapi di dalam masa yang sama ianya bukan pula negara Islam. Menurutnya: *'The Constitution is the supreme*



*law of the nation. So it does not permit a conclusion that we are a full-fledged Islamic state*" (Shafie Abu Bakar, 2007).

Persoalan yang sama juga diakui oleh beberapa orang penganalisis dan pakar undang-undang perlembagaan apabila mereka menyatakan bahawa mereka tidak melihat Malaysia sebagai negara sekular dan tidak pula sebagai negara Islam, kerana tidak secara mutlak menerapkan syariah Islam dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Namun, mereka mengakui bahawa sungguh pun Malaysia bukan negara Islam, tetapi di dalamnya terdapat beberapa ciri Islam. Umpamanya ini diakui oleh Wu Min Aun, apabila ia menyatakan: "*Malaysia is not an Islamic State but a secular state with Islamic characteristics and bias*" (Abdul Samat Musa, 1999: 12).

Mengikut kepada huraian John L. Esposito (1994: 90-91), ada tiga arah atau model dalam hubungan antara agama dengan negara, iaitu negara Islam, negara sekular dan negara Muslim. Pertama, Saudi Arabia adalah salah satu contoh negara yang secara konstitusional menyatakan diri sebagai negara Islam; mendasarkan legitimasinya kepada Islam; dan menyatakan diri diatur dan memerintah dengan al-Quran dan hukum Islam. Keduanya, negara sekular contohnya ialah Turki. Di bawah kepimpinan Kemal Attaturk (berkuasa dari tahun 1923-1938) Turki telah memilih sebagai negara sekular dan membatasi agama hanya untuk kehidupan peribadi; melakukan proses penturkian (Turkisasi), pembaratan (westernisasi) dan pemisahan agama dan negara (sekularisasi) dengan mengubah bahasa dan sejarah serta agama dan politik. Ketiganya, negara Muslim, iaitu negara yang mayoritas penduduk dan peninggalannya adalah Muslim, namun mereka mengikuti jalan pembangunan sekular. Sistem

pemerintahan konstitusional, hukum dan pendidikan moden dipakai; kepala negara atau kepala pemerintahan ditetapkan orang yang beragama Islam; dan hukum Islam harus diakui sebagai salah satu sumber hukum negara.

Berdasarkan kategorisasi dari Esposito di atas, maka negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Mesir, Libya, Syria dan beberapa negara lainnya yang serupa masuk dalam kelompok atau disebut sebagai 'Negara Muslim'. Itulah sebabnya, model negara seperti ini dan hubungan antara Islam dan negara yang dikembangkan di dalamnya tidak dapat disebut negara Islam dan tidak pula negara sekular.

Di sebalik kenyataan di atas, bagi Judit Nagata, memang terdapat keunikan kes Malaysia, walau tidak mengiktiraf Malaysia sebagai Negara Islam tetapi beliau memakai istilah kebolehan Malaysia menjadi Islamik tanpa menjadi negara Islam dan telah menjadikannya contoh sebuah negara Muslim yang berjaya memahami secukupnya Islam dan kemodenan dan mengambil pelbagai inisiatif hasil pemahaman tersebut (Kamaruddin, 2006: 91).

Apabila memang faham kenegaraan Mahathir boleh dikatakan sebagai 'Nasionalis Islam', 'Nasionalis Agamis' atau 'Islamis Sekularis' maka satu hal yang patut dicatat bahawa Nasionalis Islam yang digagas oleh Mahathir sendiri bermakna bahawa dalam pengurusan masalah-masalah kenegaraan, elemen yang diutamakan adalah Islam. Maknanya, Islam menduduki posisi yang dominan dan sangat penting dalam negara, bukan unsur yang lain. Jadi bukan bererti atau menganggap bahawa Islam hanyalah salah satu elemen dalam pengurusan masalah-masalah kenegaraan di samping elemen-elemen yang lain

dan posisinya pun tidaklah dominan. Itulah sebabnya, walaupun tidak menerapkan formalisasi hukum Islam dalam negara, tetapi Malaysia menurut Mahathir boleh disebut sebagai negara Islam, karena ianya telah memenuhi unsur-unsur sebagai negara Islam. Atau paling tidak dengan mengikut kepada Esposito, Malaysia boleh disebut sebagai Negara Muslim.

Sebab, setelah pengisytiharan tersebut, Mahathir sendiri tidak menghuraikan konsep dan pemikirannya tentang negara Islam secara rinci dan panjang lebar, kecuali keyakinannya bahawa Malaysia telah memiliki ciri-ciri sebagai negara Islam. Huraian tentang persoalan ini kemudiannya dijelaskan oleh beberapa ulama kerajaan atau pemimpin UMNO (Kamaruddin, 2006: 85; Shukri Mohamad, 2002). Di antara mereka ialah Dato' Wan Zahidi Wan Teh (Mufti Wwilayah Persekutuan), Dato' Nakhaie Ahmad (Ketua Pengarah YADIM), Dato' Dr. Faisal Othman, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, Dato' Dr. Ismail Ibrahim, Dr. Uthman el-Muhammady, dan Dato' Mohd Shahir Abdullah.

Shukri Mohamad (2002) dalam tulisannya bertajuk "Malaysia Negara Islam: Satu Huraian Ilmiah", mengutarakan bahawa antara kaedah yang digunakan oleh ulama UMNO untuk menjustifikasikan kebenaran dan ketepatan memihak kepada Malaysia sebagai negara Islam ialah: (1) membentuk asas teori negara Islam, berdasarkan pandangan para fuqaha dan tafsiran-tafsiran mereka; (2) menggunakan metod qias; (3) menggunakan metod pengukuhan dan pengesahan secara penyifatan ciri-ciri; (4) menggunakan metod perlembagaan negara; (5) menggunakan metod akal dan logik; dan (6) menggunakan metod munaqasah dan menolak hujah pihak lawan. Persoalan yang sama juga telah diperbincangkan oleh Kamaruddin (2006) melalui tulisannya "Politik Melayu:

Konsep 'Negara Islam' UMNO dan PAS" dalam Jurnal Islamiyyat. PAS Menolak status Malaysia sebagai negara Islam, berdasarkan teori dan konsep negara Islam yang mereka faham dan pegang dalam kerangka pemikiran pemimpin dan ahli parti mereka. Bagi PAS, terdapat beberapa kriteria dan ciri dalam penentuan negara Islam; antaranya adalah berdasarkan kaedah atau teori perlembagaan, teori kedaulatan Islam, teori kerajaan Islam pada zaman Nabi dan Khalifah Rasyidin, teori agama dan politik, teori kepimpinan ulama dan teori tanggungjawab kerajaan Islam, komitmen pemerintah terhadap Islam, perjalanan amar makruf nahi mungkar dan pemeraksanaan syariah yang menyentuh realiti di Malaysia.

Secara khusus gagasan Mahathir berkenaan dengan kenegaraan, cita-cita, arah dan model pembangunan negara Malaysia maju yang dikehendaki telah dirangkum dalam 'Wawasan 2020, yang disampaikan dalam forum pelancaran mesyuarat penubuhan Malaysian Business Council bertajuk 'Malaysia: The Way Forward', pada 28 Februari 1991. Di mana dalam Wawasan 2020 ini secara jelas Mahathir menyatakan bahawa menjelang tahun 2020, Malaysia sebagai sebuah negara merdeka akan menjadi negara yang benar-benar maju, bersatu, mampu berdikari, progresif dan makmur. Rakyat akan menikmati kehidupan yang sempurna dalam satu masyarakat yang demokratik, bertoleransi, bermoral, adil, mampu bersaing, dinamik dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi. Ini bermakna Wawasan 2020 bertujuan mewujudkan Malaysia menjadi negara maju dengan caranya tersendiri tanpa terikut kepada cara dan corak negara maju yang ada sekarang. Kemajuan yang dicita-citakan ialah kemajuan yang sempurna yang tidak semata-mata diukur dari segi pencapaian lahiriah atau fizikal semata-mata malah ia akan meliputi pewujudan

satu masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain. Dalam ertikata yang lain, kemajuan yang dimaksudkan bukan terhad kepada bidang ekonomi sahaja malah ia akan merangkumi segala aspek kehidupan: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

Menurut Mohamed Jauhar (1991: 33), pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020 ditakrifkan sebagai kemajuan dalam segala bidang; bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Dalam ertikata yang lain, objektif Wawasan 2020 ialah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 menurut acuan sendiri tanpa harus terikat dengan cara dan corak negara maju yang lain. Kemajuan yang dicita-citakan ialah kemajuan yang sempurna yang tidak diukur dari segi pencapaian lahiriah atau fizikal semata-mata, malah meliputi ke arah mewujudkan masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain (Rohani & Mohd Idris, 2004: 200).

Syed Omar (1995: 44) menyimpulkan dua perkara penting yang terkandung dalam Wawasan 2020 dimaksud. Pertama, wawasan ini menggariskan unsur-unsur yang penting yang dirasakan dapat menjamin kekuatan bangsa atau negara yang dan memastikan peningkatan kebajikan rakyat dalam dimensi yang menyeluruh, yang tidak hanya bergantung kepada kekuatan ekonomi dan peningkatan material semata-mata tetapi juga faktor-faktor lain termasuklah faktor moral, kerohanian atau kejiwaan. Kedua, wawasan ini juga telah mengutarakan satu pendekatan pembangunan dan konsep negara

maju yang unik kalau dibandingkan dengan pendekatan pembangunan dan konsep negara maju yang difahami dan dihayati oleh pemikiran semasa. Sebab, negara maju yang dijelaskan dalam wawasan ini bukanlah negara maju yang dilahirkan oleh Jepun, Amerika Syarikat, Britain, Kanada atau Sweden, tetapi negara maju berdasarkan takrif Malaysia sendiri. Dalam erti kata lain, Wawasan 2020 merupakan strategik jangka panjang yang dijadikan sebagai panduan arah dasar yang luas berkaitan dengan pembangunan negara yang dapat diterima umum bagi memastikan masyarakat bergerak ke hadapan dengan tumpuan yang lebih jelas, yakin dan serentak. Wawasan ini juga merupakan garis panduan utama bagi menetapkan arah tujuan, matlamat, strategi jangka masa dan menetapkan pencapaian (Rashidah Mamat, 2008: 200).

Apapun makna dan model negara yang hendak diwujudkan atau ada dalam gagasan Mahathir dan terlepas dari kepentingan politik atau tidak, yang jelas pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam telah membuktikan keinginan Mahathir yang makin terserlah dalam menerapkan Islam dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Dan bagaimana pun, penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara boleh dikata sebagai suatu prestasi yang sangat luar biasa. Sehingga, kegemilangan Mahathir menurut Pandian (2005: 174) tergambar dengan bentuk 'Wawasan 2020' sebagai matlamat untuk mencapai status negara maju sebuah negara Islam. "Kita ingin menjadi negara Islam yang berkemampuan untuk mempertahankan umat Islam dan negara Islam", ucap Mahathir dalam Perasmian Kursus Pendakwah Negara di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), pada 10 Disember 1992. Tambah lagi, "Cita-cita kita sederhana sahaja, dengan berpegang kepada agama Islam, kita ingin sama berjaya dan maju dengan bangsa-bangsa lain yang sudah maju untuk menebus maruah

bangsa dan agama kita”, ucap Mahathir dalam Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke 48, pada 5 September 1997.

## **7.5 Rumusan**

Lahirnya berbagai gagasan dan pemikiran Islam Mahathir yang konstruktif tidak terlepas dari masa dan persekitaran yang ada. Maknanya, gagasan tersebut tidak hanya lahir kerana pembacaan dan pengamatan Mahathir terhadap kondisi yang terjadi dan keprihatinannya terhadap nasib umat Islam Melayu, tetapi juga sebagai komitmen dan resistansi terhadap pelbagai kritik dan pandangan-pandangan yang membidasnya. Sebab, gagasan kelslaman Mahathir terkadang mengundang reaksi balas dan kritikan dari sebahagian ulama (Zamri, 2005: 361). Namun, reaksi balas inilah yang menyebabkan pemikiran Islam bergerak dinamis, terlepas dari tipa pemikiran yang dibawakannya.

Islam dalam pandangan Mahathir mesti difahami dengan berteraskan kepada reason, logik dan argumen serta mengembalikannya kepada dasar semula, iaitu al-Quran dan Sunnah. Dengan pemahaman seperti ini Islam pada prinsipnya menurut Mahathir sangat menghendaki agar umatnya berjaya, tidak hanya di dunia akan tetapi di akhirat pula. Itulah sebabnya, umat Islam selalu didorong untuk meraih karunia Tuhan dengan bekerja keras, tekun dan disiplin. Ertinya, tanpa pemahaman yang sebenar terhadap ajaran Islam, mustahil umat Islam boleh mencapai kemajuan sebagaimana yang dicapai oleh kaum yang lain.

Mahathir melihat bahawa dalam realitasnya Islam telah banyak disalahertikan oleh umat Islam sendiri, sehingga ajaran Islam tampak seperti tradisional dan anti akan kemajuan. Umat Islam pun akhirnya lebih

mementingkan urusan-urusan yang berhubungan dengan akhirat saja dan tidak memiliki semangat yang keras untuk mencapai kehidupan dunia yang lebih baik. Mereka terkadang bersifat pasrah dengan nasib dan merasa cukup dengan apa yang terjadi (*fatalistik*). Padahal, Islam menghendaki agar umatnya berjaya, tidak hanya di dunia akan tetapi di akhirat pula. Itulah sebabnya, umat Islam selalu didorong untuk meraih karunia Tuhan dengan bekerja keras, tekun dan disiplin.

Oleh itu, kerana Islam adalah agama yang mendorong kepada kemajuan maka Mahathir telah memperkenalkan pola yang lebih kritis untuk memahami Islam, iaitu 'pola Mahathirsme', iaitu suatu pola disandarkan kepada sifat-sifat universal, kedinamisan, kerasionalan dan kemodenitan Islam, sehingga dengan pola tersebut Islam boleh difahami dan tidak ditafsirkan secara sempit. Modal dasar dari pola pemikiran ini antaranya adalah (1) membudayakan minat membaca dan mengembangkan ilmu pengetahuan, baik ilmu agama mahupun ilmu sains; (2) mengembangkan sikap kritis, iaitu sikap untuk selalu meneliti dan tidak menerima begitu sahaja sebuah pemahaman atau pemikiran baru sebelum mempelajari; (3) mengembangkan sikap keterbukaan, iaitu keterbukaan terhadap segala gagasan kemajuan dengan tetap menapisnya dengan mengambil kira mana yang baik, sesuai dengan Islam dan budaya Melayu dan meninggalkan yang tidak baik.

Untuk kebangkitan Islam dan menghadapi berbagai cabaran masa hadapan tiada cara yang boleh dilakukan oleh umat Islam selain melakukan reformasi terhadap nilai hidup yang mereka pegang dengan dan reformasi pemikiran di kalangan mereka yang terkongkong dengan ajaran yang tidak berasaskan Islam dan mengelirukan umat Islam (Mahathir, 2003: 70-71).



Sememangnya Mahathir tidaklah sebaik yang dipuji oleh peminat, mahupun seburuk yang dicela oleh para pengkritik, namun ketokohan dan kepimpinannya diakui (Abdullah Ahmad, 2009: 27). Oleh itu, benar apa yang dikatakan oleh Harun Derauh & Shafie Nor (1982), rangkuman dan ketajaman pemikiran Mahathir patut diberikan faham dan penghargaan yang sewajarnya oleh masyarakat. Hal demikian dilakukan untuk memastikan agar gagasan pemikiran Mahathir tidak hilang begitu sahaja ditelan zaman, ianya perlu terus dikaji dan dijadikan sebagai inspirasi utama untuk mengangkat martabat ummah Islam kepada status yang lebih baik lagi (Rahimin Affandi, 2003).

Hal yang tak boleh dilupakan, sebagaimana ditegaskan Mohd. Yusof Hasan (2008), pemikiran Mahathir adalah kesinambungan dari gelombang keintelektualisme Melayu global yang telah dirintis oleh tokoh-tokoh Melayu sebelumnya, iaitu Munshi Abdullah dan Za'ba, iaitu usaha-usaha ke arah membina tamadun Melayu-Islam.

Berkenaan dengan isu-isu kenegaraan semasa yang ramai diperbincangkan oleh para sarjana dalam pandangan Mahathir harus diposisikan secara proporsional. Mana-mana dari konsep tersebut yang sesuai untuk diserap dan mana-mana yang tidak sesuai sehingga harus ditinggalkan. Atau pula mana dari konsep tersebut yang boleh diubahsuai sehingga ia berkesan apabila diterapkan. Maknanya, dalam pandangan Mahathir, apapun konsep yang datang dari Barat harus ditapis, sehingga tidak mesti ditolak atau pula diterima secara membuta tuli.

Demokrasi misalnya, ia harus diubah suai agar sesuai dengan karakteristik di rata-rata negara di mana ianya diterapkan dan diamalkan dalam menjalankan pemerintahan, agar menghasilkan kesan yang lebih baik untuk pembangunan negara. Begitu pun dengan faham dan isu seumpama sekularisme, pluralisme, mahupun terorisme menurut persepsi Barat. Apa-apa yang datang dari Barat harus ditapis, dikritik dan diperjelas, agar boleh difahami dan diguna untuk menjadi faktor pendorong mencapai kemajuan dan kehidupan bernegara yang lebih baik.

Wujud dari sikap kritik Mahathir terhadap isu-isu kenegaraan tersebut nampak apabila beliau mengganti pandangan tradisional Malaysia yang semula pro-Barat dengan kebijakannya, untuk berpaling ke Timur dengan mengadopsi sejumlah nilai-nilai kemajuan bangsa Asia, iaitu bangsa Jepun dan Korea serta dan nilai-nilai Islam. Kerana, nilai-nilai universal moralitas ketimuran dianggap lebih pas, sehingga dapat memperkuat komunitas Muslim Melayu dan perkembangan Malaysia sendiri (Esposito & Voll, 1999: 191). Sedangkan kesan imprealisme Barat serta dominasi politik, ekonomi, dan kebudayaan mereka atas dunia Muslim serta kolonialisme Eropa yang telah membentuk dan memaksakan nilai-nilainya ke hampir seluruh bahagian dunia sehingga kini dipandang Mahathir sebagai suatu ancaman dan cabaran (Esposito & Voll, 188).

Tambah lagi ketika Mahathir dengan tegas menolak bantuan dari IMF (*International Monetary Found*) yang dikendalikan oleh negara-negara Barat ketika terjadi kemalangan dan kegawatan ekonomi (krisis moneter) negara-negara Asia Tenggara (termasuk Malaysia) pada akhir tahun 1997, tetapi lebih

percaya akan kemampuan negara untuk menanggulangi sendiri kegawatan ekonomi tersebut.

Bahagi Mahathir, sememangnyaalah orang Islam belajar dan menguasai ilmu pengetahuan serta teknologi dengan baik untuk mengungguli kemajuan yang dicapai oleh negara-negara Barat, tetapi tidak mesti harus menjadi dan meniru perilaku orang-orang Barat.

Sebab, sebagai cara hidup yang lengkap dan menyeluruh, Islam sememangnya tidak hanya mengatur kehidupan rohani sahaja, akan tetapi juga segala hal yang menyangkut kehidupan di dunia, termasuk cara dalam mencapai kesejahteraan dan kehidupan bernegara.

Dalam konsep yang dipanggil sebagai 'Wawasan 2020' Mahathir menggariskan kebijakan dasar dan matlamat dari pembangunan negara Malaysia, iaitu mewujudkan Malaysia menjadi negara maju dengan caranya tersendiri tanpa terikut kepada cara dan corak negara maju yang ada sekarang. Kemajuan yang dicita-citakan ialah kemajuan yang sempurna yang tidak semata-mata diukur dari segi pencapaian lahiriah atau fizikal semata-mata malah ia akan meliputi pewujudan satu masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain. Maknanya, dengan Wawasan 2020, negara mampu memelihara, memajukan dan mempertahankan agama dan umat Islam (Mahathir, Ucapan di Majlis Pelancaran Mesyuarat Penubuhan 'Malaysian Business Council', pada 28 Februari 1991; Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-42, pada 8 November 1991; Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-43, pada 6 November 1992).

Adapun hakikat dari pembangunan negara menurut Mahathir adalah proses untuk memupuk masyarakat manusia yang berperadaban tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia untuk kebahagiaan umat manusia, mempunyai ciri-ciri keseimbangan daripada segi material dan spiritual (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983). Kerana, Islam menurut Mahathir adalah agama yang mengajarkan keseimbangan kehidupan umat manusia, kehidupan rohani dan fizikal, kehidupan individual dan sosial, kehidupan duniawi dan ukhrawi (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-41, pada 30 November 1990).

Berkenaan dengan hubungan Islam dan negara, Mahathir memandang Islam sebagai suatu faktor yang memainkan peranan sangat penting dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Oleh itu, Islam tidak boleh dianggap hanya sebagai upacara agama semata-mata yang hanya bersangkutan dengan seseorang pada tahap individu. Ini bermakna bahawa Islam menurut Mahathir boleh menjadi dasar dalam pentadbiran negara, kerana Islam berisikan nilai-nilai moral yang tinggi yang berguna untuk mengatur kehidupan masyarakat (Mahathir, Ucapan di Majlis Perasmian Pusat Islam Malaysia, pada 16 September 1985). Di sini, nampak apabila Mahathir memposisikan Islam dan negara seperti yang digambarkan oleh Mohammed Arkoun (1997: 204), iaitu sebagai sesuatu yang beriringan dan tidak dapat dipisahkan.

Dalam konteks inilah kemudian Mahathir melakukan berbagai strategi penting untuk menguatkan negara dengan prinsip Islam dan mengembangkan Islam dalam kehidupan bernegara. Sehingga inisiatif pemerintah terhadap pelbagai program Islamisasi lebih terserlah di masa kepimpinan Mahathir

(Shamsul, 2001: 289). Untuk itu, Mahathir berhasil menempatkan pemerintahannya di jalur yang lebih berorientasi Islam dengan memberikan tekanan lebih besar pada Islam, baik di dalam negeri mahupun di forum internasional. Islam pun kemudian menjadi teras utama di bawah kepemimpinan Mahathir (Pandian, 2005: 167). Hal ini menunjukkan bahawa Mahathir telah menjadi seorang pendukung Islam yang berani dan seorang politisi yang sangat cerdik (Hussin Mutalib, 1995: 193). Mahathir juga mampu secara cerdik menyatukan masa lampau dan masa kini, menahan dan mengkooptasi oposisi Islam, memanfaatkan Islam dalam politik domestik, regional, dan internasional (Esposito & Voll, 1993, 183).

Walau mengakui Islam merupakan dasar penting dalam kehidupan dan pentadbiran negara, tetapi bagi Mahathir bukan bererti bahawa Islam mesti dinyatakan dan diterapkan secara formal (*formalisasi*) sebagai hukum negara. Kerana, sesungguhnya Islam ialah agama kesederhanaan dan bebas daripada sebarang paksaan (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983).

Nampak apabila dalam memandang perhubungan antara Islam dan Negara, pemikiran Mahathir selari dengan apa yang dijelaskan oleh Nurcholis Madjid (1998). Nurcholish Madjid (1998) menyatakan bahawa persoalan penting antara bidang agama dan bidang politik atau kenegaraan ialah bahwa dari segi moral, khasnya segi tujuan tidak dibenarkan lepas dari pertimbangan nilai-nilai keagamaan. Atas dasar adanya pertimbangan nilai-nilai keagamaan itu diharapkan tumbuh kegiatan dan aktiviti politik yang bermoral tinggi atau berakhlak mulia. Inilah makna bahwa politik tidak dapat dipisahkan dari agama.

Tetapi dalam hal susunan formal atau strukturnya, segi-segi praktik dan tekniknya, politik adalah wewenang manusia melalui pemikiran rasionalnya (*ijtihad*). Itulah sebabnya, sepanjang sejarahnya, dunia Islam mengenal berbagai variasi pemerintahan, tanpa satu pun dari variasi itu dipandang secara doktrinal paling absah.

Bagi Mahathir, cukup dengan mengamalkan ajaran Islam, menerima dan mengakui Islam sebagai agama rasmi negara, dan menggalakkan pembangunan institusi-institusi Islam, serta perhatian dan usaha-usaha yang memadai untuk mengembangkan dan menjaga Islam dengan berbagai kemudahannya, Malaysia sudah layak disebut sebagai 'Negara Islam', tanpa harus menerapkan syariah atau undang-undang Islam sebagaimana yang dituntut oleh sesetengah pihak.

# **BAB 8**

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan pada bahagian sebelumnya dapatlah dikemukakan beberapa kesimpulan dari pemikiran Mahathir berkenaan dengan Islam dan Kenegaraan.

Dalam kerangka mencapai kemajuan dan menjaga eksistensi Islam, tiada jalan lain yang mesti dilakukan oleh umat, selain daripada melakukan reinterpretasi terhadap pemahaman ajaran Islam. Kerana, pemahaman yang sempit atau perbezaan dalam mentafsirkan ajaran agama menjadi salah satu kendala kritis dalam pembangunan negara. Islam sebagai agama yang sempurna; agama yang bersifat rasional; agama keamanan dan fleksibel; agama yang seimbang, sederhana, bertoleransi; bersifat dinamik dan sangat menyuruh umat Islam untuk mencapai kemajuan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat menurut Mahathir mestinya difahami dengan berasaskan kepada sikap kiritikal, rasional, moderat dan tidak secara sempit serta mengembalikannya kepada dasar semula, iaitu al-Quran dan Sunnah. Sebab, tanpa pemahaman yang

sebenarnya terhadap ajaran Islam, mustahil umat Islam boleh mencapai kemajuan sebagaimana yang dicapai oleh kaum yang lain.

Pola pemahaman yang demikian kemudiannya digesa dan diserukan Mahathir kepada orang ramai dan dikenali sebagai 'Islam Mahathir' atau 'Mahathirisme'. Iaitu suatu fahaman yang berisikan gagasan pemikiran tentang pembangunan sosial, nasib orang Melayu, martabat agama dan strategi masa depan orang Melayu. Fahaman ini diasaskan oleh Mahathir dalam rangka merubah acuan pemikiran orang Melayu daripada sifat kemelayuan lama kepada kemelayuan baru yang bersifat agresif, revisionis dan berwawasan; dari pola pemikiran yang tradisional dan cenderung kepada pemikiran magis, simbolisme, dan metafizis kepada pola pemikiran rasionalis yang dicirikan oleh objektiviti, sekularisme, empirisme dan materialisme.

Mengapa fahaman seperti itu mesti dimunculkan? Sebab, dalam pandangan Mahathir sikap pola pikir yang bersifat tradisional tersebut menjadi salah satu sebab dan penghalang bagi orang Melayu untuk mencapai kemajuan dan setanding dengan kelompok masyarakat yang lain. Mahathir menyatakan bahawa untuk masyarakat Melayu maju, Islam harus dihalusi ketika wujudnya fatalisme Melayu, kerana ketidaksungguhan menghadapi persaingan akan mengakibatkan orang menjadi pasrah dan pada akhirnya lebih mengutamakan aktiviti spirituil daripada mencari kebendaan, yang dianggap corak keislaman yang diamalkan oleh orang Melayu.

Mahathir mahu melihat masyarakat Melayu yang dinamik, *progress*, memiliki pola pikir kritis dan mampu menerapkan nilai-nilai Islam dalam bekerja



dan beraktiviti sehari-hari serta memandang hidup sebagai proses untuk meraih kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Pola pikir kritis yang bercirikan pada pemikiran rasional, kritis dan dinamik hanya akan terbentuk apabila mereka memiliki kesedaran dan keyakinan bahawa mereka pun boleh melakukan sesuatu sebagaimana yang dilakukan oleh orang lain, asalkan mereka memang menghendakinya dan mau berusaha serta berjuang dengan sungguh-sungguh untuk mencapainya. Kerana, Islam adalah agama yang membebaskan dari kemiskinan, kemunduran, kelemahan dan ketidakberdayaan. Islam menyerukan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Tidak perlu kuatir, kepercayaan dan pegangan kepada Islam menurut Mahathir tidak akan musnah hanya dikeranakan oleh kemajuan bidang sains dan teknologi. Islam tidak mengekang kemajuan dan Islam tidak bertentangan dengan sains dan teknologi, bahkan Islam mendorong agar pengkajian terhadap sains dan teknologi terus digalakkan guna mencapai kehidupan yang lebih baik. Dengan demikian, nilai dan pemikiran yang berlandaskan kepada interpretasi Islam yang luas dan tersirat sebenarnya kata Mahathir membolehkan membantu masyarakat Islam untuk berkembang, maju dan bersaing dengan masyarakat lain dan melindungi kedudukan orang Islam. Sehingga, dalam konteks ini, tidak ada pilihan yang terbaik bagi umat Islam. selain daripada mengejar kemajuan. Sebab, jika umat Islam mundur, lemah, tidak berdaya dan tidak memiliki kekuatan, maka mereka akan dihina, ditindas dan mungkin dikuasai dan dijajah kembali oleh negara-negara asing yang bukan Islam yang maju. Bahkan yang lebih mengkhawatirkan lagi adalah mereka dipisahkan daripada agama Islam. Oleh itu, Islam mesti menjadi benteng dalam mengejar kemajuan.

Mengikuti kepada gagasan Mahathir terhadap Islam sebagai agama yang moderat dan rasional, telah pula dikembangkan dan menjadi gagasan utama beberapa pembaharu Islam terkemuka di kepulauan Melayu, seperti al-Hadi, Tahir Jalaluddin, dan Abas Taha. Karenanya boleh dikata bahawa pemikiran Mahathir adalah kesinambungan dari gelombang keintelektualisme Melayu global yang telah dirintis oleh tokoh-tokoh melayu sebelumnya, seperti Munshi Abdullah dan Za'ba, iaitu usaha-usaha ke arah membina tamadun Melayu-Islam.

Berkenaan dengan isu-isu kenegaraan semasa yang ramai diperbincangan oleh para sarjana dalam pandangan Mahathir harus diposisikan secara proporsional. Mana-mana dari konsep tersebut yang sesuai untuk diserap dan mana-mana yang tidak sesuai sehingga harus ditinggalkan. Atau pula mana dari konsep tersebut yang boleh diubahsuai sehingga ia berkesan apabila diterapkan. Maknanya, dalam pandangan Mahathir, apapun konsep yang datang dari Barat harus ditapis, sehingga tidak mesti ditolak atau pula diterima secara membuta tuli.

Mahathir juga tidak menolak atau pun menerima secara membuta tuli faham-faham lain yang berkembang secara luas dalam kehidupan negara-negara moden, seumpama sekularisme mahupun pluralisme. Tetapi melakukan kritik dengan keras dan berusaha untuk mempertemukan dan menjelaskan bagaimana sekularisme dan pluralisme boleh difahami dan diguna menjadi faktor pendorong mencapai kemajuan dan kehidupan bernegara yang lebih baik.

Menurut Mahathir, sekularisme walau memiliki perbezaan yang tajam dengan Islam, tetapi bukan berarti harus ditolak hanya kerana ia berasal dari

Barat. Sehingga menganggap semua yang berfahaman sekularisme sebagai sesuatu yang harus diketepikan, termasuk sains dan pengetahuan sekular. Akibatnya ada sebahagian umat Islam yang tidak mau belajar ilmu pengetahuan dan sains umum semisal matematik, kejuruteraan, kerana menganggapnya sebagai ilmu sekular. Hal yang penting adalah bersifat selektif dan tidak menerima secara membuta tuli konsep-konsep tersebut, mengambil yang baik dan kemudian mengetepikan yang tidak baik dan tidak sesuai. Begitu pula dengan pluralisme atau masyarakat majmuk sebagai suatu perbezaan kerana berbilang kaum. Semuanya harus difahami dan diguna untuk mendorong persatuan dan kerjasama serta keamanan guna mencapai tujuan bersama.

Adapun berkenaan dengan pandangan dan pemikiran Mahathir tentang Islam dan pembangunan negara tersimpul daripada konsep yang dipanggil sebagai 'Wawasan 2020'. Dalam konsep ini, Mahathir menggariskan kebijakan dasar, matlamat dari pembangunan negara Malaysia, dan cabaran-cabaran yang dihadapinya.

Bagi Mahathir negara maju mesti meliputi seluruh bidang kehidupan; bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan, dan kebudayaan; Negara maju mesti dicapai dengan caranya tersendiri tanpa terikut kepada cara dan corak negara maju yang lain; pencapaian kemajuan mesti diukur dari segi pencapaian lahiriah dan fizikal; kemajuan tersebut membolehkan wujudnya satu masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi; negara maju bukan semata-mata negara industri yang diukur berdasarkan pendapatan per kapitanya, tetapi negara maju ialah negara yang berupaya membangunkan diri sendiri melalui penguasaan ilmu, kecekapan dan moral yang tinggi yang

mbolehkan bersaing dengan negara maju yang lain dalam semua bidang dengan tetap mengimbangkan dunia dengan akhirat.

Sebab, hakikat dari pembangunan negara menurut Mahathir adalah proses untuk memupuk masyarakat manusia yang berperadaban tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia untuk kebahagiaan umat manusia, mempunyai ciri-ciri keseimbangan daripada segi material dan spiritual. Kerana, Islam menurut Mahathir adalah agama yang mengajarkan keseimbangan kehidupan umat manusia, kehidupan rohani dan fizikal, kehidupan individual dan sosial, kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Tentang perhubungan antara Islam dan negara, Mahathir memandang Islam sebagai suatu faktor yang memainkan peranan sangat penting dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Kerana tujuan pembangunan pun sebagaimana dinyatakan dalam Wawasan 2020 adalah untuk memelihara dan memajukan agama Islam. (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-43, pada 6 November 1992).

Oleh itu, Islam tidak boleh dianggap hanya sebagai upacara agama semata-mata yang hanya bersangkutan dengan seseorang pada tahap individu. Islam menurut Mahathir boleh menjadi dasar dalam pentadbiran negara, kerana Islam berisikan nilai-nilai moral yang tinggi yang berguna untuk mengatur kehidupan masyarakat serta menentukan kejayaan (Mahathir, Ucapan di Majlis Perasmian Pusat Islam Malaysia, pada 16 September 1985 dan Ucapan Perutusan Hari Raya Aidil Fitri 1406 Hijrah, pada 2 Juni 1986).). Menurut Mahathir, sesebuah negara tidak mungkin mencapai dan menjamin kebahagiaan

kecuali dengan nilai-nilai Islam yang tinggi dan baik yang diterima oleh alam sejagat (Mahathir, Ucapan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983 dan Ucapan Perutusan Hari Raya Aidil Fitri, pada 2 Juni 1986).

Mahathir yakin bahawa dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, semua pegawai negara dalam menjalankan tugas dan memberikan perkhidmatan, akan menjadikan pentadbiran negara menjadi satu pentadbiran yang berkesan dan adil, pentadbiran yang jujur dan berkemas; kerajaan yang bersih, cekap, beramanah, tertib, rajin, sopan, berdisiplin, bertanggungjawab dan menjunjung tinggi nilai-nilai yang mulia bagi setiap umat bertakwa dapat berjaya, sehingga syiar Islam pun akan semakin berkembang bagi memudahkan umat Islam memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-35, pada 25 Mei 1984 dan ke-36, pada 27 September 1985). Sebaliknya, apabila wujud kegiatan menyalah tafsirkan niat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran, maka matlamat mengadakan pentadbiran yang jujur dan kemas tidak tercapai seperti yang dijangkakan (Mahathir, Ucapan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-35, 25 Mei 1984).

Walau mengakui Islam merupakan dasar penting dalam kehidupan dan pentadbiran negara, tetapi bagi Mahathir bukan bererti bahawa Islam mesti dinyatakan dan diterapkan secara formal (*formalisasi*) sebagai hukum negara, iaitu hukum Islam. Esensi (*substansi*) yang terpenting menurut Mahathir adalah bagaimana ajaran Islam difahami dan dilaksanakan kerana kesedaran dan pemahaman mereka sendiri, bukan sesuatu yang dipaksakan dan bermakna

simbolik (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke-34, pada 19 Ogos 1983).

Bagi Mahathir, cukup dengan mengamalkan ajaran Islam, menerima dan mengakui Islam sebagai agama rasmi negara, dan menggalakkan pembangunan institusi-institusi Islam, serta perhatian dan usaha-usaha yang memadai untuk mengembangkan dan menjaga Islam dengan berbagai kemudahannya, Malaysia sudah layak disebut sebagai 'Negara Islam', tanpa harus menerapkan syariah Islam. "Kita ingin menjadi negara Islam yang berkemampuan untuk mempertahankan umat Islam dan negara Islam" (Mahathir, Ucapan dalam Perasmian Kursus Pendakwah Negara di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), pada 10 Disember 1992); "Cita-cita kita sederhana sahaja, dengan berpegang kepada agama Islam, kita ingin sama berjaya dan maju dengan bangsa-bangsa lain yang sudah maju untuk menebus maruah bangsa dan agama kita" (Mahathir, Ucapan di Perasmian Perhimpunan Agung UMNO ke 48, pada 5 September 1997).

Mengikut kepada dapatan kajian, boleh difahami bahawa intipati daripada pemikiran Mahathir berkenaan dengan Islam dan Kenegaraan adalah bahawa Mahathir telah menawarkan suatu cara pandang (paradigma) untuk memahami dan mewujudkan Islam, iaitu paradigma yang diasaskan kepada rasional (tergambar pada pandangan dan pemikirannya terhadap Islam); selektif (tergambar dari pandangannya terhadap Islam dan isu-isu kenegaraan semasa); dan moderate (tergambar dari pandangannya terhadap hubungan antara Islam dengan negara).

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Dahlan. (1996). *Ensiklopedi Hukum Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve.
- Abdul Mua'ti Zamri. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Abdullah. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Abdul Samat Musa. (1999). Prinsip-Prinsip Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Kriteria Negara Berteraskan Prinsip Islam, pada 2-3 Disember 1999, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Amin. (1987). *Islam dari Masa ke Masa*. Bandung: Rosda.
- Ahmad Atory Hussain. (1998). *Reformasi Pentadbiran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ahmad Fawzi Mohd Basri & Mohd Idris Salleh. (2006). *Menelusuri Pembangunan (1982-1990)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amien Rais, M. (1987). *Cakrawala Islam Antara Cita dan Fakta*. Bandung: Mizan.
- (1998). *Tauhid Sosial Formula Menggempur Kesenjangan*. Bandung: Mizan.
- Amin Fadlillah. (2008). Perbandingan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Pendekatan Islam Hadhari. <http://www.islamhadhari.net/>. Dilayari pada 25 Jun 2009.
- Amin Haidar, M. (1994), *Nahdlatul Ulama dan Islam di Indonesia: Pendekatan Fiqih dalam Politik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Amin, T. (2007). Islam dan Barat: Konflik atau Akomodasi, dalam Mansoor al-Jamri (ed.). *Islamisme, Pluralisme dan Civil Society*, Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Aminullah Elhady. (2003). Naquib al-Attas: Islamisasi Ilmu, dalam A. Khoduri Soleh (ed.), *Pemikiran Islam Kontemporer*, (ms. 330–351). Yogyakarta: Jendela.
- Anshari Thayib. (1983), *Sistem Politik dan Pemerintahan dalam Islam*. Surabaya: Bina Ilmu.
- Annual Bakri & Kamarul Zaman. (2001). *Mendekati Pemikiran Islam Dr. Mahathir*. Kelantan: Pustaka Qamar.
- Arief Furchan & A. Maimun. (2005). *Studi Tokoh: Metode Penelitian Mengenai Tokoh*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

- Astora Jabat. (2004). Usaha UMNO Jayakan Islam Hadhari. <http://www.mykmu.net/>. Dilayari pada 14 Jun 2009.
- (2005). "Penulis Arab Sanjung Dr. M". <http://www.mykmu.net/> Dilayari pada 23 September 2007.
- Aziz Deraman. (1991). Wawasan Kebudayaan 2020 Membina Masyarakat Unggul dan Berbudaya Tinggi. Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Wawasan 2020, pada 21-22 September 1991, anjuran bersama Kerajaan Negeri Perak, Persatuan Penulis Nasional (Pena) dan Institut Kajian Dasar (IKD).
- Azyumardi Azra. (1996). *Pergolakan Politik Islam: dari Fundamentalis, Modernisme hingga Post Modernisme*. Jakarta: Paramadina.
- Baharudin Ali Masrom. (1989). *Politik Melayu Abad 21*. Kuala Lumpur: 'D' Enterprise.
- Bahtiar Effendy. (2008). Islam dan Konsep Negara-Bangsa, dalam Kamdani, *Islam dan Humanisme: Aktualisasi Humanisme Islam di Tengah Krisis Humanisme Universal*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- (2008). Islam dan Negara: Transformasi Pemikiran dan Praktik Politik Islam di Indonesia. <http://www.simulacra76.blogspot.com/>. Dilayari pada 3 Disember 2008.
- (2001). *Teologi Baru Politik Islam*. Yogyakarta: Galang Press.
- Bell, Philip. (2001). Content Analysis of Visual Images, in Jewit, Carey & Van Leewen. *Handbook of Visual Analysis*. London: Sage Publications.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (1982). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn and Bacon.
- Bruinessen, Marten van. (2003). Kata Pengantar untuk Farish A. Noor: Suara Baru Tentang Islam, dalam Dick van Der Meij (ed.). *Dinamika Kontemporer dalam Masyarakat Islam*, Jakarta: INIS.
- Buku Majlis Konvokesyen Khas Sempena Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Pembangunan) Kepada Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial) kepada Y.A.Bhg. Tun Dr. Siti Hasmah binti Mohd Ali.
- Burhan Bungin. (2003). *Metode Penelitian Kualitatif*. Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.
- Che Det, Zaman Persekolahan dan Rumah Kelahiran Mahathir. (1992). Muzium Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Arkib Negara Malaysia, Alor Star, Kedah.
- Dawam Rahardjo, M. (1999). *Intelektual Intelegensia dan Perilaku Politik Bangsa*. Bandung: Mizan.



- Dedi Supriyadi. (2007). *Perbandingan Fiqh Siyasah: Konsep, Aliran, dan Tokoh-tokoh Politik Islam*. Bandung: Pustaka Setia.
- Dinsman. (1999). *Mahathir (Ekonomi) Perang 'Aqidah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda.
- Din Syamsuddin, M. (2000), *Etika Agama dalam Membangun Masyarakat Madani*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- (1993). Usaha pencarian konsep negara dalam sejarah pemikiran politik Islam, *Jurnal Ulumul Quran*, Volume IV, No. 2, 1993, ms. 1–22
- Ellyawan Arbintarso. (2007). Metodologi Penelitian Kepustakaan. <http://202.91.15.14/upload/Metodologi.ppt>. Dilayari pada 21 Jun 2008.
- Esposito, John L. (1984). *Islam and Politics*. Syracuse: Syracuse University Press.
- (1986). *Identitas Islam Pada Perubahan Sosial-Politik*. Jakarta: Bulan Bintang.
- (1987). *Dinamika Kebangkitan Islam: Watak, Proses, dan Tantangan*. Jakarta: Rajawali Press.
- (1994). *Ancaman Islam: Mitos atau Realitas*. Bandung: Mizan.
- Esposito, John L. & Voll, John O. (1999). *Demokrasi di Negara-negara Muslim*. Bandung: Mizan.
- Fazlur Rahman. (2008). *Kebangkitan Semula dan Pembaharuan dalam Islam: Satu Kajian Tentang Fundamentalslime Islam*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB).
- Fuad Amsyari. (1995). *Islam Kaafah: Tantangan Sosial dan Aplikasinya di Indonesia*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Gharisah, A. (1991). *Metode Pemikiran Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ghanoushi, R. (2007). Pluralisme dan Monoteisme dalam Islam, dalam Mansoor al-Jamri (ed.), *Islamisme, Pluralisme dan Civil Society*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Hairudin Harun. (2001). *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Derauh & Shafie Nor. (1982). *Mahathir: Cita-cita dan Pencapaian*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Harun Nasution. (1986). *Akal dan Wahyu dalam Islam*. Jakarta: UI Press.
- (1990). *Pembaharuan dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan*. Jakarta: Bulan Bintang.

- Haron Din. (2001). Mahathir Tidak Relevan, dalam Annual Bakri & Kamarul Zaman. *Mendekati Pemikiran Islam Dr. Mahathir*. Kelantan: Pustaka Qamar.
- Hassan Bilgrami. (1979). *Iqbal: Sekilas Tentang Hidup dan Pikiran-pikirannya*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hasjmy, A. (1982). *Di Mana Letaknya Negara Islam*. Surabaya: Bina Ilmu.
- Khallaf, Abdul Wahab. (2003). *Siasah Syar'iyah dalam Pemerintahan Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Hussin Abdullah. (2002). *Studi Dasar-dasar Pemikiran Islam*. Bogor: Pustaka Thariqul Izzah.
- Hussin Mutalib. (1996). *Islam dan Etnisitas Perspektif Politik Melayu*. Jakarta: LP3ES.
- Ibnu Syarif & Khamami Zada. (2008). *Fiqh Siyasah: Doktrin dan Pemikiran Politik Islam*. Jakarta: Erlangga.
- Idris Aman. (2004). Bahasa dan kepemimpinan: pengkhalayakan wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, *Jurnal Akademika*, No. 65, Julai 2004, ms. 3–25.
- (2006). *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Selangor: Penerbit UKM.
- Idris Zakaria. (2000). Perspektif Mahathir Mohamad Punca Kelemahan Umat Islam. <http://www.scribd.com/doc/7687763/Punca-Kelemahan-Umat-Islam-Perspektif-Mahathir-Mohamad>. Dilayari pada 7 Mei 2010.
- Ismail Ibrahim. (2002). *Pemikiran Dr. Mahathir Tentang Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Jamaluddin Kafie. (1983). *Islam Agama dan Negara*. Surabaya: Bina Ilmu.
- Jameelah, Maryam. (1982). *Islam & Modernisme: Kritik Terhadap Berbagai Usaha Sekularisasi Dunia Islam*. Surabaya: Usaha Nasional.
- Jazilus Sakhok. (2007). Islam di Indonesia dan Malaysia: Ke Arah Mempromosikan Islam yang Moderat. <http://www.ccm.um.edu.my/umweb> Dilayari pada 27 Ogos 2009.
- Kamarudin. (2006). Politik Melayu: konsep 'negara Islam' UMNO dan PAS, *Jurnal Islamiyyat*, Vol. 28, ms. 79–107.
- Kamaruzzaman. (2001). *Relasi Islam dan Negara Perspektif Modernis & Fundamentalis*. Magelang: Indonesia Tera.
- Kamila Ghazali. (2004). *The Rhetoric of Dr. Mahathir Mohamad : A Critical Discourse Perspective*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Keane, J. (2007). Sekularisme, dalam Mansoor al-Jamri (ed.) *Islamisme, Pluralisme dan Civil Society*, Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Kepemimpin Tun Dr. Mahathir Mohamad. <http://www.lib.uum.edu.my/>. Dilayari pada 23 September 2007.
- Khairul Nizam. (2008). Kesan Faham Jabariyah: Halangan Kepada cara Berfikir Masyarakat Melayu. <http://www.mindamadani.my/> Dilayari pada 4 September 2009.
- Khalif Muammar. (2005). Akar Pemikiran dan Gerakan Islam Liberal. <http://www.khairaummah.com/> Dilayari pada 4 September 2009.
- Khoo Boo Teik. (1995). *Paradoxes of Mahathirism: An intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Khoduri Soleh (ed.). (2003). *Pemikiran Islam Kontemporer*. Yogyakarta: Jendela.
- Koleksi Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad. <http://www.pmo.gov.my/>. Dilayari pada 8 Ogos 2009.
- Komaruddin Hidajat dan Ahmad Gaus (ed.). (2005). *Islam, Negara dan Civil Society: Gerakan dan Pemikiran Islam Kontemporer*. Jakarta: Paramadina.
- Krippendorff, Klaus. (1993). *Analisis Isi: Pengantar Teori dan Metodologi*. Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.
- Kurzman, Charles. (2001). *Wacana Islam Liberal: Pemikiran Islam Kontemporer tentang Isu-isu Global*. Jakarta: Paramadina.
- Kusmana. (2004). Konsep Negara Islam Menurut Munawir Sjadzali, dalam Nanang Tahqiq (ed.), *Politik Islam*. Jakarta: Prenada Media.
- Laily Mansur. 1994). *Pemikiran Kalam dalam Islam*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Luthfi Assyaukanie. (2007). Pemikiran Islam Modern: Dari Taksonomi (Model) Lama ke Islam Liberal. <http://www.islamlib.com/>. Dilayari pada 28 Ogos 2008.
- (1998). Tipologi dan wacana pemikiran Arab kontemporer, *Jurnal Pemikiran Islam Paramadina*, Vol. I. No. 1. Juli–Desember 1998, ms. 58–95.
- Mahathir Mohamad. (1982). *Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- (1986). *Islam Berkembang: Siri Ucapan Penting*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan.
- (1995). *The Early Years 1947-1972*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- (1997). Malaysia: The Way Forward. <http://www.pmo.gov.my/>. Dilayari pada 26 Julai 2009.

- . (1999). *Kebangkitan Semula Asia*. Selangor: Pelanduk Publications.
- . (2000). *Democracy, Human Rights, EAEC and Asian Values*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- . (2001). *Melayu Mudah Lupa*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- . (2003). *Islam dan Umat Islam: Ucapan Pilihan Dr. Mahathir Mohamad*. Selangor: Pelanduk Publications.
- . (2005). *Bahasa Sastera dan Tamaddun Melayu: Ucapan Dr. Mahathir Mohamad 1982-2002*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . (2008a). *Dilema Melayu*. Selangor Darul Ehsan: Marshall Cavendish Editions.
- . (2008b). *Dr. Mahathir Mohamad: Warkah Terpilih Kepada Pemimpin Dunia*, Pendahuluan dan Komentari Terpilih oleh Abdullah Ahmad. Selangor: Marshall Cavendish.
- . (2008c). *Chedet.com: Blog Merentas Halangan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Martinez, Patriacia. (2003). Mahathir, Islam, dan Dilema Melayu Baru, dalam Ho Khai Leong & James Chin (ed.), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan Krisis dalam Pemerintahan*, (ms. 235–274). Singapore: Times Books International.
- Masnun Tahir. (2009). Munawir Sjadzali dan Pemikiran Politik Islam di Indonesia. <http://www.akhmadsatori.blogspot.com/>. Dilayari pada 31 Julai 2009.
- Masykuri Abdillah. (2007). Islam dan Konsep Negara-Bangsa, dalam Kamdani, *Islam dan Humanisme: Aktualisasi Humanisme Islam di Tengah Krisis Humanisme Universal*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mehden, F. R. von der. (1986), Kebangkitan Islam di Malaysia, dalam John L. Esposito (ed.), *Islam and Development: Religion and Sociopolitical Change*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Miles, M. B. & Huberman A. M. (1986). *Qualitative Data Analysis: A Source Book of New Methods*. Beverly Hills: Sage Publication.
- Misrah. (2008). Pemikiran Nahdlatul Ulama (NU) Tentang Ketatanegaraan Indonesia: Studi Terhadap Ijtihad Politik Pada Era Reformasi. <http://www.wacanaislam.blogspot.com/>. Dilayari pada 31 Julai 2009.
- Mohmad Kamal Hasan. (2000). *Intellectual Discourse at The End of The Second Millennium: Concerns of A Muslim-Malay CEO*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohamad Kamil & Rahimin Affandi. (2008). Perubahan sosial dan impaknya terhadap pembentukan modal insan menurut Ibn Khaldun, *Jurnal Hadhari*, Bilangan 1, ms. 1– 38.

- Mohamad Kamil & Rahimin Affandi. (2008). *Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Analisis Terhadap Gagasan Islam Hadhari*. <http://www.islamhadhari.net/>. Dilayari pada 2 Julai 2009.
- Mohamed Arkoun. (1997). *Berbagai Pembacaan Quran*. Jakarta: Indonesia-Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS).
- Mohamed Jawhar. (1991). *Wawasan Malaysia 2020 sebagai Sintesis Holistik Masa Depan Negara dan Masyarakat yang Maju dan Makmur*. Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Wawasan 2002, pada 21-22 September 1991, anjuran bersama Kerajaan Negeri Perak, Persatuan Penulis Nasional (Pena) dan Institut Kajian Dasar (IKD).
- Mohd. Jamil Mukmin. (2009). *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan Respons dan Perubahan 1957-2000*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Mohd. Rumaizuddin Ghazali. (2003). *Panduan Berdakwah Kontemporari*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- (2005). *Aliran-aliran dalam Pemikiran Islam di Malaysia*. <http://www.mindamadani.my/>. Dilayari pada 28 Julai 2009.
- (2007). *Beberapa Aspek Pemikiran Mahathir Mengenai Pembangunan Islam di Malaysia: Analisis dari Sudut Pemikiran Islam*. <http://www.mindamadani.my/>. Dilayari pada 28 Julai 2009.
- (2008). *Dinamika Siyasah Shariyyah dan Kefahamannya di Kalangan Umat Islam di Malaysia*. <http://www.mindamadani.my/>. Dilayari pada 28 Julai 2009.
- (2009). *10 Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh: Menyingkap Sejarah Perjuangan dan Kegemilangan Tokoh Abad ke-20 & 21*. Selangor: PTS Islamika.
- Mohamed Yosri. (2002). *Tun Dr. Mahathir bin Mohammad Perdana Menteri Malaysia Keempat (1981-2003): Pencetus Malaysia Negara Maju*. <http://www.geocities.com/>. Dilayari pada 29 Ogos 2007.
- Mohd. Yusof Hasan. (2008). *Pemikiran Mahathir Mohamad Kesenambungan Gelombang Keintelektualisme Melayu Global dari Munshi Abdullah dan Za'ba*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Mohd. Toriquddin. (2009). *Relasi Agama dan Negara dalam Pandangan Intelektual Muslim Kontemporer*. Malang: UIN Malang Press.
- Muchtar Lintang. (1986). *Kata Pengantar dalam Buku Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Muhammad Abd. Rauf. (1991). *Ummah The Muslim Nation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (1991). *The Muslim Mind: Foundation and Early Manifestation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Azhar. (2006). *Tipologi Pemikiran Islam Modern dan Posmodern*. Yogyakarta: Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.
- Muhammad Iqbal. (2001). *Fiqh Siyarah Kontekstualisasi Doktrin Politik Islam*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Mulyanto. (1991). Islamisasi ilmu pengetahuan, *Jurnal Ulumul Qur'an*, 9 (II), ms. 158–172.
- Munawir Sjadzali. (1993). *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*. Jakarta: Universitas Indonesia Press.
- Musa. (1991). *Politik dan Negara dalam Islam*. Yogyakarta: Pustaka LSI.
- Musafir Kelana, Mohd Izani Mohd Zain, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. (2006). Pembangunan Islam di Malaysia: satu pendekatan Islam substantif. *Jurnal Khazanah IAN Antasari Banjarmasin*, Vol. V, No. 06, Nopember-Desember 2006, ms. 603–617.
- Musthafa Umar. (2003). Ziauddin Sardar: Islamisasi Peradaban, dalam Khoduri Soleh (ed.), *Pemikiran Islam Kontemporer*, (ms. 406–439). Yogyakarta: Jendela.
- Nanang Tahqiq. (2004). *Politik Islam*. Jakarta: Prenada Media.
- Norhayati. (1996). Islamisasi di Malaysia, di antara Peranan dan Konflik UMNO-PAS, dalam Yusof Ismail & Khayati Ibrahim, *Politik Melayu dan Demokrasi*, (ms. 128–141). Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Nurcholish Madjid. (1998). Islam dan politik suatu tinjauan atas prinsip-prinsip hukum dan keadilan, *Jurnal Pemikiran Islam Paramadina*, Vol. I. No. 1. Juli – Desember 1998, ms. 1– 7.
- Pandian, Sivamurugan. (2005). *Legasi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- (2005). A new deal for Asia – Apakah 'deal' itu? *Jurnal Akademika*, No. 68, Januari 2005, ms. 29– 41.
- Pencapaian Tun Dr. Mahathir dalam Arena Politik dan Kerajaan, <http://www.ipdm.uum.edu.my/>. Dilayari pada 21 Jun 2009.
- Piscatori, James P. (1983). *Islam in the Political Process*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pratiknya, A. W. (2003), Anatomi Cendekiawan Muslim: Potret Indonesia, dalam M. Amin Rais (ed.), *Islam di Indonesia*, Jakarta: Rajawali Press.
- Purwono, Studi Kepustakaan. <http://www.docstoc.com/docs/Download/>. Dilayari pada 21 Jun 2008.

- Quthub, Syed. (1984), *Keadilan Sosial dalam Islam*. Bandung: Pustaka Salman ITB.
- . (1980). *Ma'alim fit Thariq*. Beirut: The Holy Koran Publishing House.
- . (1990). *Karakteristik Konsepsi Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Rahimin Affandi. (2005). Konsep Tajdid dan Pemikiran Islam Dr. Mahathir: Satu Analisis. Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Dr. Mahathir Pemikir Islam Abad ke 21, anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur.
- . (2009). Kenapa Kita Wajib Mendukung Konsep Islam Hadhari Tajaan Kerajaan. <http://www.islamhadhari.net/>. Dilayari pada 25 Jun 2009.
- Rais, M. Dhiyauddin. (1985), *Islam dan Khilafah: Kritik Terhadap Buku Khilafah dan Pemerintahan dalam Islam Syekh Ali Abdul Raziq*. Bandung: Pustaka Salman.
- . (2002), *Islam & Politik Bernegara*. Semarang: PT. Pustaka Rizki Utama.
- Rajanthiran, Sivaperegasam. (2010). *Perisytiharan Malaysia Sebagai Negara Islam oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 September 2001: Bantahan DAP dan PAS*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Ramlah Adam. (2004). *Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Rashidah Mamat. (2008). Dasar-dasar Kerajaan, dalam Rohani & Mohamad Idris Saleh. *Pembinaan Negara Bangsa*. Sintok: Penerbit UUM.
- Raziq, Ali Abd. (1985). *Khilafah dan Pemerintahan dalam Islam*. Bandung: Pustaka.
- Rezabek, R.J. (2000). Online focus groups: electronic discussions for research, *Forum Qualitative Social Research*, Volume 1, No. 1, Art. 18, January 2000.
- Riduan Mohd. Nor. (2009). *Sejarah dan Perkembangan Gerakan Islam Abad Moden*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Rohani & Mohamad Idris Saleh. *Pembinaan Negara Bangsa*. Sintok: Penerbit UUM.
- Rusdi Omar & Sivamurugan Pandian (2005). Falsafah pemikiran politik Dr. Mahathir Mohamad, *Jurnal Kemanusiaan*, Bilangan 08, Disember 2005, ms. 78–91.
- Rustam A. Sani (2006). *Bercanda dengan Mahathir*. Kuala Lumpur: R Publishing Services.

- (2008). Prakata, dalam Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir*, (ms. xiii–xx). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Setiawan. (2007). Konstelasi Pemikiran Dalam Islam: Kajian Pemurnian Akidah, Pembaharuan, dan Gerakan Pemikiran. <http://www.siaksoft.net/>. Dilayari pada 29 Ogos 2007.
- Shafei Abu Bakar. (2007). Wajarkah Hishammuddin Melenting?. <http://www.harakahdaily.net/>. Dilayari pada 4 Julai 2009.
- Shamsuddin Moner. (2008). Islam Hadhari: Suatu Pendekatan Siasah Syar'iyah dalam Pengurusan Negara Malaysia. <http://www.islamhadhari.net/>. Dilayari pada 6 Julai 2009.
- Shamsul AB. (2001). Pembentukan Identitas Bangsa dan Dakwah Islam di Malaysia, dalam R. W. Hefner & P. Horvatich (eds.). *Islam di Era Negara-Bangsa*, (ms. 275–303). Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Shukri Mohamad. (2001). Negara Islam Malaysia: Satu Huraian Ilmiah. <http://www.zaharuddin.net/>. Dilayari pada 13 Jun 2009.
- Siddiq Fadzil. (1997). Pentadbiran Mahathir Paling Positif, dalam Abdul Rahman Abdullah. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Sirajuddin. (2007). *Politik Ketatanegaraan Islam: Studi Pemikiran A Hasjmy*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Soekarno & Ahmad Supardi. (1985). *Sejarah dan Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Angkasa.
- Stewart, Ian. (2003). *The Mahathir Legacy: A Nation Divided A Region at Risk*. Australia: Allen & Unwin.
- Syahrin Harahap. (2006). *Metodologi Studi Tokoh Pemikiran Islam*. Jakarta: Istiqamah Mulya Press.
- Syed Hashim Ahmad. (2003). *Mahathir Pencetus Tamadun Insaniah*. Kuala Lumpur: Juz 'Art.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1981). *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Pustaka.
- Syed Omar. (1995). *Wawasan Pembangunan Negara Tahun 2020: Pengindustrian, Moral dan Keilmuan*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.
- Syifa Amin. (2006). Fazlurrahman: Rekonstruksi Pemikiran Islam dan Neo-Modernisme. <http://www.icas-indonesia.org/>. Dilayari pada 29 Ogos 2007.
- Uliil Abshar Abdalla. (ed.). (2002), *Islam & Barat: Demokrasi dalam Masyarakat Islam*. Jakarta: Paramadina.



- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1995). *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Waryono Abdul Ghafur. (2003). Seyyed Hossein Nasr: Neosufisme sebagai Alternatif Modernisme, dalam A. Khoduri Soleh (ed.), *Pemikiran Islam Kontemporer*, (ms. 379–405). Yogyakarta: Jendela.
- Zainah Anwar. (2002). Berebut Paling Saleh: Islam dan Politik di Malaysia, dalam Ulil Abshar Abdalla (ed.). *Islam & Barat: Demokrasi dalam Masyarakat Islam*, (ms. 79 – 103). Jakarta: Paramadina.
- Zainuddin Maidin. (2008). *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi Tambahan Mahathir di Sebalik Tabir*. Utusan Kuala Lumpur: Publications & Distributors.
- Zakry Abadi. (1991). *Kualiti Kepimpinan Selepas Dr. Mahathir dan Ghafar Baba: Suatu Perspektif Ketokohan*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise: 1991.
- Zallum, Abdul Qadir. (2001). *Konspirasi Barat Meruntuhkan Khilafah Islamiyah: Telaah Politik Menjelang Runtuhnya Negara Islam*. Bangil-Surabaya: Al-Izzah.
- . (2001). *Pemikiran Politik Islam*. Bangil-Surabaya: Al-Izzah.

## **Lampiran 1**

### **WAWASAN 2020**

#### **Latarbelakang**

Semasa pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991, Y.A.B. Perdana Menteri telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk "Malaysia-Melangkah ke Hadapan" yang mengandungi satu pemikiran dan rangka kerja mengenai matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Ianya dikenali sebagai "Wawasan 2020".

Wawasan 2020 bukanlah merupakan satu dasar khas tetapi merupakan tindak balas kepada perkembangan ekonomi, sosial dan politik yang berlaku di peringkat nasional dan antarabangsa yang telah memberi cabaran hebat kepada negara. Wawasan ini telah diketengahkan sebagai satu garis panduan dan rangka kerja mengenai pendekatan yang harus diambil dalam memulakan langkah bagi perjalanan jauh yang akan ditempuh oleh negara.

Matlamat terakhir yang dicita-citakan ialah pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020. Kemajuan yang dimaksudkan bukan terhad kepada bidang ekonomi sahaja malah ia akan merangkumi segala aspek kehidupan: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

Menjelang tahun 2020, Malaysia sebagai sebuah negara merdeka akan menjadi negara yang benar-benar maju, bersatu, mampu berdikari, progresif dan makmur. Rakyat akan menikmati kehidupan yang sempurna dalam satu masyarakat yang demokratik, bertoleransi, bermoral, adil, mampu bersaing, dinamik dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi.

Ini bermakna Wawasan 2020 bertujuan mewujudkan negara bermatlamat iaitu Malaysia akan menjadi negara maju dengan caranya tersendiri tanpa terikut kepada cara dan corak negara maju yang ada sekarang. Kemajuan yang dicita-citakan ialah kemajuan yang sempurna yang tidak semata-mata diukur dari segi pencapaian lahiriah atau fizikal semata-mata malah ia akan meliputi pewujudan satu masyarakat yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain.

#### **Objektif**

Objektif di atas hanya boleh dicapai jika rakyat Malaysia dapat menghadapi dan mengatasi pelbagai halangan/rintangan yang dianggap sebagai cabaran. Di bawah ini diperturunkan sembilan cabaran yang telah dikenal pasti iaitu:

1. Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, berkerjasama sepenuhnya, secara adil dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara;

2. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negara lain;
3. Mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun;
4. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama, dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi;
5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara;
6. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan;
7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri dan kebajikan insan tidak berkisar kepada negara atau individu tetapi di sekeliling sistem kekeluargaan yang kukuh;
8. Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama di mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan kesemua kemunduran ekonomi berdasarkan kaum; dan
9. Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

### **Perspektif**

Cabaran-cabaran di atas sebenarnya telah membangkitkan beberapa isu utama yang harus dihadapi bagi membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju. Isu-isu ini ialah:-

#### **1. Pembentukan Satu Negara Bangsa Malaysia**

Konsep satu negara bangsa mempunyai makna yang dalam kerana ia bermaksud sebuah negara berdaulat yang rakyatnya tidak dapat diidentifikasi melalui kaum, keturunan atau warna kulit. Pembentukan satu negara bangsa adalah menjadi pra-syarat kepada kemajuan kerana tanpa rakyatnya mempunyai

satu pemikiran terhadap satu negara dan bangsa, sebarang bentuk kerjasama untuk maju tidak akan terjalin. Bagi mengisi konsep ini istilah seperti perpaduan negara, kesetiaan kepada negara, keharmonian dan toleransi perlulah difahami dan diamalkan.

## **2. Negara Perindustrian**

Negara yang telah berjaya mengubah corak ekonomi dan kehidupannya daripada pertanian kepada perindustrian adalah mempunyai status negara maju. Wawasan 2020 berkehendakkan rakyat Malaysia meneruskan proses transformasi ini yang telah dimulakan sejak merdeka lagi kerana pencapaian sekarang masih lagi di pertengahan jalan. Ini adalah kerana proses ini bukan sahaja melibatkan transformasi daripada kehidupan bertani kepada perindustrian malah ia juga melibatkan perubahan teknologi, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Masyarakat negara maju adalah masyarakat yang didokong oleh kemahiran dan kepakaran sains dan teknologi yang tinggi yang bukan setakat boleh mencedok atau mengubahsuai sahaja tetapi ia mestilah boleh mencipta, menambah dan memperbaharui. Bagi mencapai taraf negara perindustrian pertumbuhan ekonomi yang amat pesat amatlah penting. Ia sudah tentunya berkait dengan sumbangan sektor perdagangan dan komersial yang secara langsung melibatkan soal modal, pelaburan, daya saing, kualiti tenaga kerja, berdikari dan kekentalan menghadapi cabaran-cabaran. Di peringkat ini peranan sektor swasta amatlah besar kerana ia akan menjadi jentera Pertumbuhan.

## **3. Keadilan Ekonomi dan Sosial**

Penwujudan satu masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi dan sosial memang tidak dapat disangkal sebagai satu cabaran besar yang perlu dihadapi bagi penwujudan satu negara maju dan bersatu. Ini ialah kerana dalam sebuah negara maju tidak patut wujud keadaan di mana satu golongan rakyat mempunyai segala-galanya sedangkan satu golongan lagi tercicir.

Pernyataan Wawasan ini adalah merupakan penegasan semula keatas isu yang sentiasa diberi dan meminta perhatian utama iaitu pembasmian kemiskinan, keseimbangan sosioekonomi di antara kaum, di antara wilayah, di antara negeri dan diantara bandar dan luar bandar. Dalam konteks ini Wawasan 2020 sebenarnya telah meminta semua rakyat Malaysia tidak salah tafsir terhadap bantuan yang diberikan kepada sesuatu kaum golongan sebagai tidak adil, sebaliknya hendaklah menganggapnya sebagai satu usaha bagi memperbaiki ketidak-adilan. Kesungguhan bagi mencapai tahap keseimbangan ini seterusnya telah diterjemahkan ke dalam objektif Dasar Pembangunan Nasional dan dilaksanakan melalui program dan projek Rancangan Malaysia Keenam.

## **4. Moral dan Etika**

Berlainan dengan konsep negara maju yang ada sekarang yang lebih bercirikan kebendaan, negara maju ala-Malaysia yang dicita-citakan seharusnya berpegang kepada falsafah moral dan etika yang tinggi berasaskan kepercayaan

agama. Penganutan falsafah ini adalah penting kerana kemajuan kebendaan tanpa nilai-nilai moral dan etika tidak akan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian yang berkekalan sebaliknya banyak membawa keburukan. Pengamalan nilai-nilai murni (seperti di dalam Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam) akan menjadi faktor penghalang dalaman untuk tidak menyalahgunakan kemahiran atau kekayaan yang dimiliki.

### **5. Pembangunan Masyarakat Berdasarkan Sistem Kekeluargaan**

Wawasan ini telah mengetengahkan perkara pokok sistem sosial iaitu pembangunan keluarga berdasarkan hakikat bahawa keluarga menjadi asas pembentukan masyarakat dan masyarakat pula menjadi asas pembinaan negara. Ini membawa maksud bahawa kekuatan dan kemajuan sesebuah negara itu bermula dan terletak pada keluarga dan masyarakat. Penegasan ini amatlah benar kerana keluarga (rumah tangga) dan masyarakatlah yang mencorakkan kualiti individu yang menjadi rakyat dan pemimpin sesebuah negara. Budaya bangsa yang merangkumi sistem nilai dan cara hidup (termasuk masyarakat penyayang dan budaya menyayangi) sebagaimana yang dicita-citakan dalam Wawasan ini hendaklah digerakkan dari awal lagi dan ini memerlukan rakyat menyedari kepentingan institusi keluarga dalam memajukan negara dan mengambil langkah-langkah perlu bagi mewujudkan keluarga dan masyarakat yang sempurna.

### **Penutup**

Sekali imbas Wawasan 2020 seolah-olah merupakan wawasan ekonomi semata-mata kerana ia mementingkan persoalan pembangunan ekonomi untuk Malaysia menjadi negara perindustrian, tetapi jika dihalusi ia sebenarnya lebih daripada itu oleh kerana ia juga menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan aspek sosial dan cara hidup seperti pembentukan dan keperibadian bangsa, moral dan etika, kebudayaan kebangsaan, pembangunan sumber manusia dan lain-lain.

Wawasan 2020 bukanlah slogan untuk dilaung-laungkan, tetapi ia lebih merupakan rangka kerja tindakan framework of action bagi setiap rakyat untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan Malaysia menjadi negara yang benar-benar maju dan makmur. Dalam konteks ini Wawasan tersebut memerlukan beberapa perisian penting, di antaranya ialah kualiti tenaga kerja yang dihasilkan oleh sistem pendidikan, perubahan sikap dan nilai, penekanan keada sains dan teknologi, perancangan, dan peranan sektor swasta yang lebih dinamik.

((Rujukan: <http://pmr.penerangan.gov.my/>)

## Lampiran 2

### BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

#### Latarbelakang

Pada pertengahan April 1982, Y.A.B. Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan kempen Bersih, Cekap dan Amanah sebagai satu dasar yang menjadi amalan kepada semua di negara ini. Konsep ini adalah selaras dan sebagai asas kepada Kempen Kepimpinan Melalui Teladan pada 19hb. Mac, 1983.

#### Rasional

Pembangunan dan kejayaan sesebuah negara adalah bergantung besar kepada sikap yang positif serta bermoral tinggi pengurusan-pengurusan pekerjaan, pentadbiran dan rakyat secara keseluruhannya. Di atas hakikat ini kesedaran haruslah ditanamkan di jiwa pegawai-pegawai awam, pegawai-pegawai swasta, pekerja-pekerja dan rakyat supaya mereka memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing dan melaksanakannya dengan cekap dan berkesan, di samping mempunyai sikap bersih dan beramanah.

Perasaan dan tanggapan bahawa mereka bekerja semata-mata bagi memenuhi keperluan diri sendiri iaitu untuk mendapat upah atau ganjaran hendaklah dikikis tetapi sebaliknya semangat bekerja bagi faedah negara dan rakyat keseluruhannya hendaklah ditanamkan di jiwa semua.

Bersih, Cekap dan Amanah adalah satu framework yang diharapkan dapat mencapai tujuan tersebut.

#### Objektif

Objektif utama dasar ini adalah sebagaimana berikut:

1. Bagi mengujudkan satu etika kerja dan sikap berkhidmat yang baru bagi rakyat Malaysia dengan memberi keutamaan kepada peningkatan hasil (productivity) dan mutu kerja.
2. Untuk meningkatkan semangat atau motivasi pekerja seiring dengan Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Kepimpinan Melalui Teladan.

Secara khususnya sifat-sifat yang ingin diterapkan ke jiwa setiap golongan pekerja dan rakyat adalah seperti berikut:

1. **Bersih** iaitu:
  - a. Mempunyai moral yang tinggi, bertatertib dan berdisiplin, tidak menyeleweng dan tidak rasuah.
  - b. Berkecuali iaitu tidak memihak ke mana-mana atau berat sebelah.
  - c. Tidak mementingkan diri sendiri.
  - d. Tidak khianat, hasad dan dengki.
2. **Cekap** iaitu:
  - a. Berani dan cepat membuat keputusan.

- b. Menghadapi krisis dengan tenang
  - c. Bersikap tegas kepada prinsip.
  - d. Mempunyai produktiviti yang tinggi dan kualiti dalam kerja.
  - e. Mempunyai keyakinan diri.
  - f. Berpandangan jauh - proaktif dan bukan reaktif.
  - g. Berpengetahuan, berpengalaman dan mahir dalam bidang-bidang tertentu.
3. **Amanah** iaitu:
- a. Rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan.
  - b. Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi

### **Strategi Pelaksanaan Dalam**

Strategi dalam melaksanakan konsep ini Kerajaan telah mempraktikkannya sendiri terlebih dahulu dengan mengambil daya utama bagi memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh pentadbiran awamnya melalui langkah-langkah tertentu, di antaranya ialah:

#### **1. Mengadakan Manual Prosedur Kerja (MPK) & Fail Meja (FM)**

Kerajaan telah menyedari bahawa terdapat kelemahan dalam pentadbiran awamnya berpunca dari ketidakpastian pegawai dan kakitangan Kerajaan mengenai tugas dan kuasa untuk bertindak dan ujudnya pertindihan tugas dan tanggungjawab. Kerana ketidakpastian ini pegawai-pegawai tidak yakin untuk membuat keputusan, tetapi sebaliknya terpaksa merujuk kepada pihak atasan atau kepada agensi lain. MPK dan FM akan menentukan sejelas-jelasnya cara sesuatu kerja harus dijalankan, siapa yang bertanggungjawab, siapa yang mempunyai kuasa, pihak yang harus dihubungi, apa peraturan dan undang-undang yang disemak dan langkah-langkah yang harus diambil.

Kesemua Jabatan Kerajaan telah diminta menyediakan MPK dan FM ini, dan diharapkan ini dapat melicinkan pentadbiran dan mempercepatkan tindakan.

#### **2. Membaiki aspek pengurusan melalui teknik-teknik baru seperti mesyuarat dan kumpulan meningkat Mutu Kerja (QCC).**

Dalam teknik ini pegawai-pegawai dan kakitangan awam di semua lapisan boleh memberi sumbangan fikiran dan tidak pasif iaitu menunggu arahan semata-mata. Di dalam mesyuarat-mesyuarat dan KMK ini idea-idea baru dan pandangan praktikal boleh disuarakan untuk membaiki kerja. Secara khususnya teknik baru ini memerlukan setiap penjawat awam mempunyai sikap 'innovative dan creative'.

#### **3. Penguasaan khidmat pusat-pusat pembayaran bil setempat**

Ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada orang ramai menyelesaikan urusan mereka dengan cepat dan menjimatkan masa tanpa mereka terpaksa pergi ke beberapa jabatan yang berasingan.

#### **4. Pejabat Pelan Terbuka**

Bagi memastikan ruang pejabat digunakan secara optima, dan membolehkan pengawasan dijalankan dengan lebih sempurna.

**5. Kad perakam waktu**

Ini bukan sahaja bagi menentukan semua pegawai mengikut waktu sebagai satu formaliti tetapi yang penting ialah mereka mengambil berat tentang waktu dan bertindak mengikut jadual.

**6. Pengisytiharan harta oleh para anggota kabinet dan pegawai serta kakitangan Kerajaan.**

**7. Pemakaian 'name tag' oleh kakitangan Kerajaan.**

**8. Menegaskan dan mengukuhkan peranan Badan Pencegah Rasuah khususnya bagi menyiasat tuduhan-tuduhan rasuah.**

**9. Perkhidmatan Cemerlang bagi menghargai pegawai-pegawai yang didikasi dan telah memberikan sumbangan yang istimewa. Di dalamnya terkandung tujuh Teras Perkhidmatan yang menjadi asas bagi prestasi kelakuan dan kerja-kerja seharian kakitangan awam.**

**10. Penghantaran pegawai-pegawai melanjutkan pelajaran bagi meluaskan pengetahuan dan pengalaman mereka agar dapat memberi sumbangan yang lebih bermakna dan produktif apabila balik nanti.**

**Penutup**

Bersih, Cekap dan Amanah adalah satu konsep yang murni. Sifat-sifat ini adalah asas yang penting di dalam mengujudkan satu masyarakat Malaysia yang benar-benar bertamaddun dan bermoral bersesuaian dengan Islam sebagai agama rasmi.

Dengan itu konsep ini tidak boleh dipisahkan dan hendaklah berjalan seiring dengan Dasar Penerapan Nilai-Nilai dan Konsep Kepimpinan Melalui Teladan serta Rukun Negara.

Jika dikaji keseluruhannya slogan BCA ini akan memberi kesan dalam pencapaian satu pentadbiran yang benar-benar berhasrat mencapai daya pengeluaran yang tinggi melalui etika dan nilai bekerja yang progresif selaras dengan kehendak-kehendak moral yang murni dan terpuji.

(Rujukan: <http://pmr.penerangan.gov.my/>)



<b>Penyampai</b>	<b>: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD</b>
<b>Tajuk</b>	<b>: DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN "KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN"</b>
<b>Lokasi</b>	<b>: STADIUM TUN RAZAK, KUALA LUMPUR</b>
<b>Tarikh</b>	<b>: 19-03-1983</b>

Assalamu `alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi saudara dan saudari sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wataala, kerana dengan izinNya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini, baik di Stadium mahupun di mana-mana sahaja saudara-saudari berada, untuk membulat dan membaharui azam kita bagi meningkatkan taraf pencapaian, serta mutu dan hasil kerja masing-masing, selaras dengan cita-cita ke arah mencapai kesejahteraan, keteguhan dan kedaulatan negara.

Negara kita Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang sedang membangun. Sementara kita telah mencapai satu tahap kemajuan yang boleh dibanggakan sejak merdeka hampir 26 tahun dahulu, tetapi kita masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara yang sudah maju. Kita bukan berhajat semata-mata kepada kehidupan yang mewah, tetapi kita sedar bahawa tidak ada penghormatan kepada negara dan bangsa yang daif dan mundur. Untuk memelihara maruah dan kehormatan kita, maka kita haruslah menguasai segala bidang yang kini dimiliki oleh bangsa-bangsa yang maju. Hanya apabila kita setanding dengan mereka baharulah kita tidak akan dipermainkan dan diperbudak-budakkan. Cuma mereka yang tidak bermaruah sahaja yang sanggup bangsa dan negaranya dihinakan. Hajat dan matlamat kita yang utama ialah memelihara kedaulatan negara dan maruah bangsa kita Malaysia.

Memandang kepada hakikat ini, maka Kerajaan telah berjanji akan mendirikan sebuah pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah. Janji ini dibuat kerana pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah bukan sahaja akan membolehkan kita mencapai kemajuan yang pesat, tetapi rakyat keseluruhannya akan hidup lebih bahagia hasil dari amalan nilai-nilai yang mulia ini. Kita tidak syak bahawa pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah akan melicinkan pentadbiran dan urusan Kerajaan, mempertingkatkan lagi daya pengeluaran dan menjadikan negara ini stabil, kukuh dan kuat.

Tetapi janji asal dibuat semata-mata oleh pemimpin politik Kerajaan sahaja. Tidak ada janji yang sama yang dibuat oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan yang mana tugas merekalah yang akan membawa hasil yang diidamkan. Oleh kerana pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah cuma memberi makna jika pemimpin serta pegawai dan kakitangan memiliki sifat-sifat yang dijanjikan, maka pemimpin Kerajaan yang terdiri dari ahli politik dan perkhidmatan awam terpaksa membuat ikrar untuk berusaha menanam dan menentukan nilai-nilai tersebut diamalkan. Tidak ada usaha yang lebih penting daripada memanjangkan janji-janji tadi kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan. Inilah sebabnya yang hari ini kita semua berhimpun untuk berikrar.

Ikrar pula tidak bermakna melainkan ia diamalkan. Untuk menentukan janji yang dibuat ditunaikan maka yang utama yang perlu mengamalkan janji ialah pemimpin sendiri. Tidak ada gunanya pemimpin menyeru kepada kebaikan jika ianya sendiri tidak mengamalkan apa yang diseru olehnya. Memang benar pemimpin, sebagai manusia biasa, tidak sunyi dari kesilapan. Tetapi pengikut akan memaafkan perbuatan yang tidak disengaja, asalkan usaha dibuat untuk mengamalkan yang baik dan kesalahan dibetulkan. Kesilapan yang dimaksudkan di sini bukanlah berasas kepada fitnah yang sering dilempar tetapi adalah kesilapan yang nyata. Perbuatan memfitnah adalah satu perbuatan keji yang tidak harus dibuat oleh sesiapa.

Kepimpinan melalui tauladan yang baik adalah cara yang berkesan sekali bagi menentukan kebaikan diamalkan oleh semua. Tidak ada kebaikan dari tabiat bercakap lain dan membuat lain. Sebab itulah tema kempen yang bermula pada hari ini ialah "Kepimpinan Melalui Tauladan". Tauladan memang merupakan beban yang berat. Namun demikian, bagi mereka yang ikhlas, yang ingin melihat negara ini aman dan maju-jaya, dihormati dan dibanggakan, beban yang berat ini tentulah akan dipikul dengan hati yang tabah.

Saudara-saudari sekalian.

Kita semua yang berkumpul pada hari ini adalah pemimpin di samping menjadi pengikut atau anak-buah. Mereka yang tidak hadir juga demikian. Setiap orang dari kita mempunyai ketuanya dan mempunyai orang di bawah jagaannya. Jika tidak pada hari ini, pada satu hari nanti kita tetap akan jadi pemimpin. Oleh itu, setiap orang dari kita perlulah awal-awal lagi menunjuk tauladan yang baik yang boleh meyakinkan semua pihak dan menentukan pentadbiran negara ini berjalan dengan cukup berkesan.

Tauladan yang pertama yang perlu kita tunjukkan ialah kebersihan dalam semua aspek, kebersihan moral dan kebersihan fizikal. Kebersihan moral bermakna sentiasa berfikiran bersih dan menjalankan tugas kita seperti yang telah kita janjikan, tanpa muslihat atau niat yang tidak baik. Kita tidak harus melewati-lewatkan kerja kerana ingin mendapat sogokan. Kita tidak harus mengambil apa yang bukan hak kepada kita. Kita tidak sepatutnya terlibat dengan sebarang jenayah dan rasuah. Kita tidak harus menyalahgunakan kuasa dan kita tidak harus sombong dan angkuh.

Kita harus tertib dari segi pakaian dan kelakuan serta menentukan keadaan di sekeliling kita, sama ada di tempat kerja atau di rumah, juga bersih dan teratur. Kita harus mengelak dari mencemar alam sekeliling. Pendek kata, semua yang dianggap bersih, kita amalkan, dan semua yang dipandang jijik dan hina kita jauhan diri.

Berkenaan dengan kecekapan pula kita tentu maklum akan pentingnya. Tidak ada kerja yang boleh dibuat dengan sempurna tanpa kecekapan. Sementara pelajaran di sekolah membekal kita dengan asas-asas pengetahuan, kecekapan cuma boleh diperolehi melalui latihan tertentu dan pengalaman. Oleh itu berlatihlah sepanjang masa, tuntutlah segala ilmu yang berkaitan, dan

amalkanlah tiap sesuatu kerja berkali-kali sehingga kecekapan diperolehi. Setiap orang dari kita mempunyai kebolehan yang istimewa, dan kebolehan ini boleh dicanai melalui amalan yang berturut-turut. Oleh itu berusaha.

Kita tidak harus puas hati kerana kita boleh buat sesuatu. Kita perlu meningkatkan lagi kebolehan kita sepanjang masa melalui penyelidikan, pelajaran dan amalan. Insya-Allah, jika kita tekun dan tabah hati, akhirnya kecekapan kita akan meningkat. Kualiti mestilah dijadikan matlamat kita, kerana kualiti membawa manfaat kepada kita dan kepada masyarakat. Negara yang ditadbir oleh orang yang cekap akan menjadi lebih maju dan kukuh. Sudah tentu maruah negara akan lebih terpelihara.

Janji yang ketiga yang perlu kita amalkan ialah amanah. Sebenarnya amanah amat penting bagi manusia yang bermasyarakat. Tanpa amanah, kucar-kacir tetap akan berlaku. Jika kita tidak boleh harap atau pertanggungjawabkan apa-apa sesuatu kepada sesiapa, adalah mustahil kita dapat menguruskan kerja atau kewangan, serta harta Kerajaan dan harta rakyat. Kerja dan urusan Kerajaan tidak boleh diserahkan kepada seorang sahaja. Ramai yang akan terlibat dengan pengurusan pentadbiran. Jika anggota Kerajaan tidak boleh dipercayai, maka akan hancurlah Kerajaan, dan akan wujudlah anarki yang akan mengancam diri kita sendiri.

Setiap pegawai Kerajaan, sama ada berpangkat rendah atau tinggi, diberi kuasa. Kuasa ini diberi, kerana tanpa kuasa, urusan kawalan yang menjadi tanggungjawab Kerajaan tidak dapat dijalankan. Malangnya, kuasa mudah disalahgunakan. Apabila disalahgunakan, kuasa tidak lagi menjadi alat pengawal tetapi akan menghalang, serta merosakkan segala kegiatan masyarakat. Sama ada kuasa yang dimaksudkan ialah kuasa mengeluarkan lesen penjaja, atau kuasa melulus projek ratusan juta, penyalahgunaannya tetap membawa akibat yang buruk kepada masyarakat. Akhirnya, semua rakyat akan rugi akibat tidak adanya amanah ini.

Demikian juga dengan urusan biasa Kerajaan. Jika surat dari rakyat dihilangkan, atau pembayaran tidak dibuat mengikut jadual, atau arahan dicuaikan, maka pentadbiran akan menjadi lemah dan tidak berkesan. Dan pentadbiran yang lemah dan tidak berkesan akan mengekalkan negara ini sebagai negara membangun, dan penduduknya daif dalam segala bidang. Kita akan dikeji dan dihinakan sepanjang masa.

Tentulah jelas bahawa tanpa pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah di semua peringkat, dari pemimpin politik dan pegawai pentadbiran awam yang tertinggi hingga ke budak pejabat, negara ini dan bangsa Malaysia tidak akan maju-jaya dan tidak akan dihormati oleh sesiapa. Akan sia-sia sahajalah kemerdekaan yang kita capai kerana maruah kita akan terus berada di tahap yang lama, tahap orang yang dijajah, tahap hamba yang hina. Tidak ada sesiapa pun yang boleh kita salahkan oleh kerana nasib kita telah berada di dalam tangan kita sejak 26 tahun yang lalu.

Inilah sebabnya yang kita mahu pemerintahan yang bersih, cekap dan beramanah. Tetapi kita akui bersih, cekap dan beramanah sahaja tidak mencukupi. Kita perlu sifat-sifat yang lain bersama. Kita perlu kepada disiplin, kepada ketertiban dan kesopanan, kepada keberanian, kepada budi-bahasa

yang baik, kepada kerajinan, dan lain-lain lagi nilai yang mulia, yang boleh menjadikan kita lebih bahagia. Semua nilai-nilai ini dituntut oleh semua agama. Semua nilai ini mencerminkan tanggungjawab dan timbang rasa yang diperlukan dari manusia yang hidup dalam masyarakat. Semua nilai ini membuktikan kesayangan manusia kepada masyarakat, bangsa dan kepada negaranya. "Habul watan minal iman".

Dengan melafazkan ikrar pada hari ini kita membuat pengakuan bahawa kita akan menunjuk tauladan yang baik sebagai pemimpin. Amalan yang baik akan membawa kebaikan bukan sahaja kepada perkhidmatan awam, tetapi kepada seluruh masyarakat, termasuklah diri sendiri. Tidak ada kerugian dari khidmat yang baik kerana kebaikan yang akan didapati dalam masyarakat akan dirasai juga oleh kita sendiri.

Memandang kepada hakikat ini, tentulah kita tidak boleh menganggap bahawa khidmat yang kita beri adalah barang jualan untuk sekian banyak upahan sahaja. Apakah berkhidmat kepada diri sendiri memerlukan bayaran oleh orang lain? Bagi yang insaf pula, apakah khidmat kepada orang lain tidak merupakan satu tanda peradaban yang baik? Tidakkah khidmat untuk masyarakat merupakan satu ibadat? Jika kita menjawab `ya` kepada soalan-soalan ini, maka khidmat yang kita beri mestilah lebih daripada semata-mata untuk mencari nafkah. Dan tentulah kita akan sanggup memberi khidmat yang lebih baik kerana matlamat yang mulia ini.

Sebab itu, saya ingin tekankan, iaitu semua kita harus bekerja bukan setakat upahan yang kita terima, tetapi lebih dari itu, iaitu kerana bangsa, negara dan kerana Tuhan yang memberi begitu banyak nikmat kepada kita. Janganlah kita terlalu berkira akan titik-peluh kita yang bernilai sekian banyak, tetapi hendaklah kita jalankan tugas kita kerana ini adalah sumbangan kita kepada masyarakat dan negara kita sendiri. Nikmat yang kita dapati dari sebuah negara yang stabil, dan yang aman damai, tidak boleh kita lupakan, bahkan patut kita sedar, dan insaf, dan kita bersyukur kerananya. Dan kita akan dapati lebih banyak nikmat kerana kesyukuran kita.

Saudara-saudari sekalian,

Negara kita adalah negara berbilang kaum. Sungguhpun perasaan perkauman terpaksa diakui, tetapi umumnya, kita hidup aman damai, dan kita mempunyai perhubungan yang baik antara satu kaum dengan kaum yang lain. Berbanding dengan lain-lain negara berbilang kaum atau berbilang agama, di mana begitu kerap rusuhan antara kaum berlaku dengan pembunuhan yang ramai, kefahaman dan harmoni antara kaum di Malaysia boleh kita banggakan.

Tetapi, kerjasama dan kefahaman ini masih boleh diperbaiki. Dalam negara kita, tidak dapat tidak anggota-anggota dari kaum-kaum yang berlainan terpaksa bekerja bersama-sama di mana-mana tempat. Akan terjadi pula keadaan di mana ketua dan pekerja terdiri daripada kaum-kaum yang berlainan. Biasanya, dalam keadaan ini, perasaan tidak puas hati akan timbul, dan tuduhan penindasan, sabotaje dan sebagainya akan disuarakan.

Mungkin sungutan dan tuduhan ini berasas, tidak kira yang mana satu kaum yang membuat dakwaan. Tetapi, elemen syak wasangka kerana berlainan kaum

biasanya membesarkan peristiwa-peristiwa yang kecil. Jika terdapat pula orang yang berkepentingan, maka syak wasangka ini ditokok tambah, sehingga ketegangan berlaku, dan kerja tidak dapat dijalankan dengan baik. Peristiwa-peristiwa seperti ini berlaku dalam jabatan-jabatan Kerajaan, dan juga dalam firma-firma swasta. Tentulah nyata, bahawa keadaan seperti ini tidak sihat, dan tidak menolong membangunkan negara. yang berbilang kaum ini, kita tidak dapat elak dari bercampur-gaul di antara kaum di waktu bekerja. Adalah lebih baik bagi semua pihak jika kita semua cuba mengurangkan perbuatan diskriminasi, dan jika berlaku sedikit-sebanyak perbuatan yang boleh menimbulkan keraguan tentang sikap, kita ketepikan sahaja, dan kita tumpukan kepada kerja yang perlu dibuat dengan sempurna. Mereka yang sempurna kerjanya, lambat laun akan dihormati dan disegani dan akan diberi layanan yang saksama. Dengan perkataan lain, terimalah hakikat hidup, dan bekerja dalam masyarakat majmuk, dan sesuaikanlah diri dengan hakikat ini. Kurangkanlah tuduh-menuduh, tetapi sebaliknya, eratkan perhubungan antara kaum, baik di waktu bekerja atau selepasnya.

Saudara-saudari sekalian,

Dalam usaha kita mempertingkatkan taraf hidup kita, serta kebahagiaan masyarakat dan negara, kita mempunyai dua pilihan -- satu pilihan jangka pendek, dan satu lagi ialah pilihan jangka panjang. Mereka yang membenarkan nafsu menguasai diri akan memilih keuntungan jangka pendek. Walaupun `nikmatnya` akan dirasakan lebih awal, tetapi akhirnya kesan buruk akan melanda dirinya. Orang yang selalu mengutamakan faedah jangka pendeklah yang kerap terlibat dengan rasuah, kecurangan dan berbagai lagi amalan yang tidak baik.

Bagi yang mengutamakan faedah jangka panjang, korban perlu dibuat dahulu sebelum nikmat yang lebih berkekalan dapat dirasakan. Kata pepatah, "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian apa gunanya". Sebab itu kita disuruh berkorban kerana korban boleh membawa nikmat akhirnya, nikmat yang lebih berkekalan. Oleh itu kita semua patutlah utamakan kebaikan jangka panjang. Adalah lebih baik kita tekun bekerja sekarang, kerana bukan sahaja kita akan mendapat faedah yang lebih baik kemudian, tetapi dengan negara ini menjadi lebih bersih dan maju-jaya, zuriat-zuriat kita pun akan turut mengecapi nikmat. Mereka akan hidup bermaruah tinggi, dihormati oleh semua orang, dan mereka akan lebih berupaya menentukan zuriat mereka pula berada dalam keadaan yang lebih mulia. Oleh itu, berkorbanlah untuk agama dan tanahair kerana korban membawa nikmat yang lebih kekal kepada pengamalannya.

Saudara-saudari sekalian,

Hari ini kita akan lafazkan ikrar -- ikrar untuk menunjuk tauladan yang baik, ikrar untuk mengamalkan segala nilai yang mulia, ikrar untuk menjadikan negara kita lebih kukuh dan maju-jaya, dan ikrar untuk menjadikan masyarakat berbilang kaum kita ini, masyarakat yang lebih bahagia, bersatupadu dan berjaya. Dengan nada yang serius kita ikrar untuk membina negara kita supaya tidak siapa boleh memandang rendah atau menghina kita. Insya-Allah, jika kita pegang kepada ikrar ini, kita akan capai matlamat kita.

Sebagai petanda bahawa ikrar kita adalah ikrar yang datang dari hati yang suci,

dibuat dengan ikhlas, kita perlu membuktikan pegangan kita kepada ikrar ini. Kita perlu membuat satu pengorbanan sebagai bukti dan tanda keikhlasan ikrar ini. Saya ingin menganjurkan supaya, sebagai satu simbol yang nyata dan berkesan, kita semua mengorbankan 15 minit dari masa kita khas untuk masyarakat dan negara. Kita semua harus datang ke pejabat pada masa yang ditetapkan, tetapi kita tinggalkan pejabat 15 minit lebih lewat dari masa yang ditetapkan. Ini adalah sebagai khidmat rela kita kepada masyarakat dan negara. Insya-Allah kita semua akan mendapat nikmat daripadanya.

Syor saya ini ialah syor sahaja. Tidak ada paksaan dalam perkara ini. Tetapi, oleh kerana amalan ini adalah amalan yang baik, dan kita berikrar akan "Memimpin Melalui Tauladan", saya yakin negara dan masyarakat tidak akan dihampakan. Walau bagaimanapun, kita perlu ingat bahawa ikrar kita belum dapat dipenuhi jika kita beri khidmat percuma ini sahaja. Banyak lagi yang perlu diamalkan oleh kita supaya ikrar yang dibuat mempunyai makna.

Acara pada hari ini melibatkan pegawai dan kakitangan Kerajaan sahaja. Tetapi, tauladan yang kita tunjuk pada hari ini tentulah akan dicontohi oleh pihak swasta jua. Malaysia memerlukan rakyat yang bersih, cekap dan beramanah, yang rajin dan berdisiplin untuk menjadikan negara kita selamat dan maju jaya. Kerajaan sahaja tidak mungkin berkesan jika pihak swasta dan orang awam keseluruhannya tidak memberi kerjasama dan tidak mengamalkan amalan yang baik yang kita utarakan.

Insya-Allah keinsafan dan kesyukuran akan membawa balasan yang baik kemudiannya. Bersama-samalah kita berdoa semoga kita diberi taufik dan hidayah serta kekuatan untuk melaksanakan azam kita ini dengan jayanya.

Dengan harapan ini, saya dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, melancarkan kempen "Kepimpinan Melalui Tauladan".

Wassalamu `alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.

Kami menerima **348138** kunjungan sejak 17 Disember 2008  
Paparan terbaik pada skrin 1024 x 768 dengan Internet Explorer 7+ dan Mozilla  
Firefox 3+ ©2009 **Hakcipta Terpelihara SMPKE, Pejabat Perdana Menteri**  
(<http://pmr.penerangan.gov.my/>)

## **Lampiran 4**

### **DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN**

#### **Latarbelakang**

Di dalam Perlembagaan Malaysia, Islam ialah agama rasmi Negara dan hak mengendalikan hal ehwal Islam diberikan kepada Raja-raja dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Sungguhpun demikian, penganut-penganut agama lain adalah bebas mengamalkan agama masing-masing.

Penglibatan Raja-raja, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam bidang ini bermula sebelum merdeka lagi. Antara aktiviti dan program penting yang dikelolakan oleh mereka termasuklah sistem sekolah agama, sistem undang-undang mahkamah syariah, pembinaan surau dan masjid, pungutan dan pengurusan zakat fitrah dan Baitulmal. Dalam tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, aktiviti dan program ini telah dipergiat dan ditambah pula dengan perkara-perkara baru, antaranya termasuklah tilawah Al-Quran yang telah mengharumkan nama negara di kalangan negara-negara Islam.

Sementara langkah-langkah ini sedang dikelolakan, dunia Islam sejagat telah bangun semula, didorong oleh satu kesedaran baru tentang kemurnian Islam dan peranan yang boleh dan patut dimainkannya dalam hal ehwal negara dan peribadi. Kesedaran baru ini, yang menjadi ketara dalam dekad tujuh puluhan, juga dirasai di Malaysia. Dalam keadaan ini, Kerajaan Persekutuan sendiri telah terdorong untuk meluas dan mengukuhkan programnya mengenai hal ehwal Islam. Sehubungan dengan ini, usaha-usaha baru telah diambil, antaranya termasuklah penubuhan sekolah-sekolah menengah agama berasrama penuh, Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Syarikat Insurans Islam dan pengukuhan Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Selaras dengan usaha-usaha ini, satu lagi usaha yang dipanggil 'Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran' telah diperkenalkan pada tahun 1985.

#### **Rasional**

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran adalah sebahagian daripada pelbagai usaha Kerajaan Malaysia untuk memasukkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia. Rasional Kerajaan memberi perhatian kepada nilai-nilai khususnya nilai-nilai Islam ialah:

"Dalam usaha untuk memelihara maruah Warganegara Malaysia, maka perlulah ia mempunyai satu identiti yang kukuh. Dalam konteks ini, unsur yang terpenting sekali dalam pembentukan identiti Warganegara Malaysia ialah nilai. Ia merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan kelahiran sesebuah masyarakat yang disegani. Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai nilai kehidupan yang tertentu akan mudah menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa berusaha mengembangkan nilai-nilainya dan dengan perkembangan ini akan dapat menguasai bangsa yang tidak mempunyai nilai-nilai yang kukuh."

Bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum dan agama dan menjalani cara hidup yang berbeza-beza, pengamalan nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua rakyat adalah menjadi asas penting dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan. Tanpa nilai yang universal ini rakyat akan terdorong untuk menerima dan menyanjung nilai-nilai lain yang sangat asing bagi masyarakat Malaysia. Ini akan menyebabkan kesetiaan rakyat Malaysia serta identitinya sebagai satu warganegara akan menjadi kabur dan maruah bangsa tidak dijunjung tinggi dan mungkin mereka akan memperkecil-kecilkan negara dan bangsa sendiri. Dengan itu rakyat Malaysia haruslah mempunyai identitinya sendiri dengan setiap individu, organisasi dan semua sektor yang melaksanakan pelbagai aktiviti menjalankan kerja yang boleh memberikan sumbangan kepada kesejahteraan negara. Urusan-urusan yang dijalankan dengan penuh rapi, teliti, amanah dan rasa bertanggungjawab boleh membawa kepada pembentukan identiti yang diperlukan oleh sesebuah negara seperti Malaysia ini. Tanpa penerimaan nilai-nilai hidup yang mulia tidak mungkin identiti yang membanggakan dapat dicapai.

Sebagaimana yang sedia dimaklumi 'identiti' tidak boleh pisahkan daripada nilai. Persoalannya ialah; "Apakah nilai yang boleh digunakan bagi mengukuhkan sesuatu identiti?" Ramai yang berpendapat masalah nilai lebih sesuai diserahkan kepada individu-individu dan komuniti-komuniti yang berkenaan untuk menentukannya. Tetapi ini tidak akan menyelesaikan masalah, malah ia akan berakhir dengan kekeliruan yang berterusan di dalam masyarakat. Oleh itu adalah sangat wajar sekiranya dijelaskan secara langsung nilai yang perlu diterima dan diterapkan dalam masyarakat. Bagi masyarakat Malaysia adalah tepat sekiranya nilai itu diasaskan kepada kehendak dan pengajaran Islam bagi membentuk sebuah negara yang produktif dan bermoral tinggi. Mungkin pada awalnya ia akan dipersoalkan menerusi kacamata agama atau budaya lain kerana memilih nilai yang diasaskan kepada satu agama sahaja. Tetapi dengan merenung kembali dan memahami negara Malaysia itu sendiri, setiap rakyat akan mendapati dan menyedari bahawa langkah untuk memilih nilai Islam itu adalah langkah yang wajar. Sebaliknya pula mereka yang tidak memahami tentang kedudukan Negara Malaysia dari segi geografi, sejarah, kebudayaan, perlembagaan dan lain-lainnya akan terus mempertikaikan perkara ini. Walaubagaimanapun, setelah melihat secara objektif, maka tidak akan ada satu sebab pun untuk menolak bahawa nilai yang berasaskan kepada agama Islam itu ialah yang paling sesuai untuk membangunkan masyarakat Malaysia umumnya. Nilai-nilai Islam itu boleh menjadi penggerak ke arah membanteras unsur-unsur keburukan yang menjadi musuh utama negara ini seperti fahaman komunis, kemiskinan, rasuah, kecuaihan, kejahilan, penyelewengan dan sebagainya yang sentiasa mengancam usaha-usaha perpaduan rakyat dan pembangunan negara.

Al-Quran juga telah menamakan agama Islam sebagai agama yang bernilai. Penamaan ini memberikan keyakinan kepada semua orang bahawa kandungan yang terdapat di dalam kitab suci Al-Quran itu adalah merupakan nilai-nilai yang mulia kerana ia merupakan bimbingan-bimbingan (hidayah) yang datang daripada Allah s.w.t. dan ditujukan kepada semua manusia, bukan sahaja kepada yang beragama Islam. Di antara bimbingan-bimbingan yang terpenting ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan moral (akhlak). Ini bererti bahawa apa yang dimaksudkan dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran ialah bimbingan pembentukan akhlak yang berfaedah dan berfungsi



dalam kehidupan setiap rakyat menuju ke arah ketinggian maruah di samping menanam nilai-nilai yang murni dan membina ke dalam sistem pentadbiran negara.

Pemilihan pentadbiran negara sebagai komponen yang pertama dalam penerapan nilai-nilai Islam adalah antara lain berasaskan tanggungjawab Kerajaan memastikan kelicinan jentera pentadbiran Kerajaan yang merupakan saluran terpenting dalam pelaksanaan sesuatu dasar. Kejayaan rancangan-rancangan yang diatur oleh Kerajaan sebahagian besarnya bergantung kepada penjawat-penjawat dalam perkhidmatan awam. Penghayatan nilai-nilai Islam oleh mereka akan menjamin kelancaran dan kecekapan jentera Kerajaan yang besar dan menghindarkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan sebagainya.

Bagi menjayakan pentadbiran Kerajaan, nilai-nilai Islam yang diutamakan boleh diamalkan oleh semua rakyat Malaysia, sama ada mereka Islam atau bukan Islam. Menurut YAB. Perdana Menteri, nilai-nilai yang diutamakan untuk pentadbiran yang boleh diterima oleh orang Islam dan bukan Islam ialah amanah kejujuran, tanggungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, berpandangan jauh, bermoral dan berkelakuan baik dan lain-lain.

### **Objektif**

Objektif dasar ini adalah seperti berikut:

1. Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bimaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat lain;
2. Menubuhkan sebuah 'negara bahagia';
3. Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan; dan
4. Menghasilkan perkhidmatan yang bermutu.

Berdasarkan kepada objektif-objektif ini adalah jelas bahawa dasar ini bukannya bertujuan mengislamisasikan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam, tetapi sebenarnya memupuk amalan nilai-nilai murni yang boleh diterima oleh semua pihak dan golongan kerana agama-agama lain juga menitikberatkan amalan nilai-nilai seperti ini.

### **Nilai-nilai Islam**

Hanya sebelas daripada nilai-nilai Islam yang banyak telah dipilih untuk dijadikan asas dasar ini. Nilai-nilai tersebut ialah: Amanah; Tanggungjawab; Ikhlas; Dedikasi; Sederhana; Tekun; Bersih; Berdisiplin; Bekerjasama; Berbudi Mulia; dan Bersyukur.

Sebelas nilai ini dipilih kerana ia merupakan unsur-unsur yang boleh diterima sebagai kunci kepada kejayaan dalam menjalankan urusan-urusan kehidupan terutamanya dalam pentadbiran sesebuah negara.

Bagaimanakah nilai-nilai Islam ini boleh dihayati? Berikut ialah takrif/pandangan mengenai sikap dan budaya kerja berdasarkan nilai-nilai Islam yang ingin diterapkan ke dalam pentadbiran awam.

### **Amanah**

1. Menyedari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya;
2. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan;
3. Menghindarkan dengan rela hati kepentingan diri dari mengatasi kepentingan tugas;
4. Menentukan tiada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja; dan
5. Mengutamakan kepentingan awam sebagai teras perkhidmatan.

### **Tanggungjawab**

1. Menerima hakikat akauntabiliti akhir adalah terhadap Tuhan, di samping pekerjaan dan majikan;
2. Melakukan tugas dengan kesedaran terhadap implikasi baik dan buruknya iaitu sentiasa waspada dan jujur;
3. Bersedia berkhidmat dan menghulurkan bantuan bila-bila sahaja diperlukan;
4. Bercita-cita untuk tidak mengkhianati kepentingan organisasi/institusi/awam dalam menjalankan tugas; dan
5. Bersedia menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

### **Ikhlas**

1. Berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan dari manusia;
2. Mempunyai niat bertugas kerana Tuhan, kerana mencari rezeki yang halal serta mencari keredhaannya; dan
3. Mengikis sebarang unsur "kepentingan diri" dalam melaksanakan tugas sebagai asas pengisian amanah.

### **Dedikasi**

1. Kesetiaan yang tinggi kepada tujuan organisasi di bawah peraturan-peraturan yang ada;
2. Komited kepada sebarang perubahan yang positif dan kepada kebaikan;
3. Sedia mengubah sikap demi kebaikan bersama dan tugas;
4. Sedia memulakan pembaikan; dan
5. Berinisiatif dan proaktif dalam melaksanakan tugas harian.

**Sederhana**

1. Menjamin perseimbangan equilibrium dalam diri dan tugas;
2. Keseimbangan dalam membuat keputusan dengan mengambil kira fakta fakta yang terdapat dalam alam sekitar;
3. Rajin mempelajari pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk membaiki cara bekerja;
4. Berusaha gigih untuk menghasilkan kerja yang memuaskan pihak-pihak yang berharap kepadanya; dan
5. Berusaha gigih bagi memperbaiki hasil kerja sehingga mencapai tahap cemerlang.

**Tekun**

1. Berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan dalam tugas dan kehidupan;
2. Berusaha meninggikan imej perkhidmatan dan organisasi;
3. Rajin mempelajari pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk membaiki cara bekerja;
4. Berusaha gigih untuk menghasilkan kerja yang memuaskan pihak-pihak yang berharap kepadanya; dan
5. Berusaha gigih bagi memperbaiki hasil kerja sehingga mencapai tahap cemerlang.

**Bersih**

1. Mengamalkan kebersihan hati dalam menjalankan tugas seharian;
2. Mengamalkan kebersihan pakaian, bangunan dan alam sekitar sebagai satu cara hidup;
3. Bersih dalam pemilikan harta dan perjalanan tugas;
4. Membuat pertimbangan yang teliti dan adil dalam membuat keputusan;
5. Berkhidmat demi kebajikan semata-mata; dan
6. Menjauhi hawa nafsu dan emosi dari mempengaruhi pekerjaan dan pemikiran dalam membuat keputusan.

**Berdisiplin**

1. Mengetahui priority dan mengutamakan yang lebih utama;
2. Menilai tinggi masa dan janji;
3. Mengamalkan cara bekerja yang kemas dan terancang; dan
4. Mempunyai etika kerja dan profesionalisme yang tinggi.

### **Bekerjasama**

1. Mengamalkan sikap tolong-menolong dalam melaksanakan kerja;
2. Sentiasa secara sukarela menyertai aktiviti-aktiviti organisasi sebagai sebahagian daripada usaha mempertingkatkan semangat kerjasama;
3. Mengutamakan kepentingan organisasi dan pasukan di tempat kerja daripada kepentingan peribadi;
4. Mengamalkan permuafakatan dalam semua perkara kepentingan bersama; dan
5. Mengelakkan konflik kepentingan berdasarkan peribadi;
6. Mengorbankan kepentingan diri yang bercanggah dengan kepentingan organisasi, agama, bangsa dan negara.

### **Berbudi Mulia**

1. Bermanis muka sepanjang masa;
2. Bertimbang rasa dan bertolak-ansur;
3. Menghormati rakan sejawat dan pelanggan/pelawat; dan
4. Sentiasa memulakan 'pertanyaan' dengan tujuan untuk menolong pelanggan/pelawat.

### **Bersyukur**

1. Bersyukur kerana dapat melakukan tugas untuk menjamin kesejahteraan hidup sebagai seorang anggota masyarakat;
2. Berkecenderungan melihat keadaan dengan lebih positif sehingga menggerakkan untuk lebih berusaha gigih;
3. Menghayati budaya kerja yang bersopan dan tidak bertentangan dengan kehendak agama (nilai-nilai agama dan kerohanian);
4. Tidak berbangga dengan kedudukan dan pangkat;
5. Tidak membazirkan perbelanjaan untuk perkara yang sia-sia;
6. Berkhidmat sebagai ibadah; dan
7. Bercita-cita menjadi manusia yang mempunyai sumbangan yang banyak kepada masyarakat, negara dan agama.

Penghayatan terhadap nilai-nilai akhlak yang murni dan membina itu akan memudahkan usaha-usaha untuk memajukan berbagai-bagai bidang yang diperlukan oleh sesebuah negara seperti kesihatan, pendidikan, ekonomi, pembangunan, undang-undang, dan lain-lain.

(Rujukan: <http://pmr.penerangan.gov.my/>)